

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

Cerminan Sikap dan Watak Mitos Melayu (Seloka Jenaka) dalam Kancah Politik Malaysia: Analisis Pragmatik

Muhammad Zaid bin Daud

Doktor Falsafah
2024

Cerminan Sikap dan Watak Mitos Melayu (Seloka Jenaka) dalam Kancah Politik Malaysia: Analisis Pragmatik

Muhammad Zaid bin Daud

Tesis ini dikemukakan

Bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

(Linguistik Terapan)


Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2024

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan tesis ini adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.



Tandatangan

Nama: Muhammad Zaid bin Daud

No. Matrik: 20010117

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh: 19 September 2024

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya bersyukur kepada **Allah SWT** kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, penulisan tesis ini berjaya disempurnakan, walaupun menghadapi pelbagai kesulitan dan kekusutan. Penghargaan teristimewa dan tertinggi buat ibuku, **Wan Jamilah Wan Abas** dan ayahku, **Daud Atan** kerana tidak pernah jemu-jemu memberi kata-kata semangat, sumber kewangan, kerjasama serta doa-doa kalian, membuatku terus kuat berjuang untuk menyiapkan penulisan tesis ini. Jutaan terima kasih juga buat penyeliaku, **Prof. Madya Dr. Fatimah Hj. Subet**, kerana tidak pernah lelah dan berhenti memberikan tunjuk ajar dan sentiasa menyokong penulisanku daripada peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah. Terima kasih juga buat penyelia keduaku, **Prof. Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi** dari **Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya**. Terima kasih buat para penilai tesisku, **Dr. Roslan Ali (UNIMAS)**, **Dr. Junaini Kasdan (UKM)** dan **Dr. Rozaimah Rashidin (UiTM)**, kerana telah memberikan komen-komen yang membina dalam membantuku memurnikan penulisan tesis ini. Terima kasih juga buat sahabat karibku **Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid**, **Mohd. Zulfakhriy Rosmen, Mohd Ridzuan Md Nasir** dan **Muhammad Khairul Anam Ishak**, kerana telah bersama-sama dalam perjuanganku menuntut ilmu di Sarawak. Buat sahabat-sahabatku di **Pusat Pembelajaran Bahasa, UTeM**, iaitu: **Dr. Erwan Ismail**, **Puan Nur Farain Ali**, **Dr. Shahrulanuar Mohamed**, **Encik Mohd Faliq Mohd Zaki**, **Puan Fazidah Ithnin**, **Dr. Nooraini Sulaiman**, **Puan Noorsaiyidah Suradi**, **Puan Lailatul Azilah Hamdzah**, **Puan Nadiah Zainal Abidin** serta **Puan Mawarni Manan**, terima kasih kerana telah menguatkan diriku supaya tidak mudah putus asa untuk menyiapkan penulisan tesis, walaupun dibebani dengan tuntutan kerja secara sepenuh masa. Terima kasih juga kepada kenalan-kenalanku yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan tesis doktor falsafah ini.

ABSTRAK

Dalam cerita jenaka Melayu (berseloka), sikap watak mitos Melayu sering dikaitkan dengan unsur lawak, licik, dan kebodohan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka makna implisit yang terkandung dalam naratif Pak Kaduk, Pak Pandir dan Lebai Malang serta hubungannya dengan konteks politik Malaysia. Kajian ini merupakan kajian kualitatif (analisis dokumen) sepenuhnya. Data kajian diperoleh daripada sumber-sumber korpus seperti *Cerita Jenaka* oleh Yahya (1973), *Lukisan Zaman* oleh Shaari (1991) serta *Himpunan 336 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Puteh dan Said (2008). Penggabungjalinan antara sikap watak mitos Melayu dengan kancah politik Malaysia dapat dilihat melalui penggunaan bahasa figuratif (*misalnya, macam*, dan *seperti*) serta nilai pengajaran (*ambillah teladan*, *mengingatkan kita*, dan *mengheret masyarakat supaya apabila berpegang pada falsafah)* di media massa dan media sosial. Bagi analisis kajian pula, pengkaji menggunakan pendekatan pragmatik dengan memanfaatkan, Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986, 1995), ad hoc peluasan (Barsalou, 1987) dan Rangka Rujuk Silang (Kempson, 1986). Hasil kajian menunjukkan bahawa, terdapat 16 unsur implisit dalam cerita jenaka Melayu, termasuklah Pak Pandir (8 data; 50.0%), Pak Kaduk (6 data; 37.0%) dan Lebai Malang (2 data; 13.0%). Dapatan kajian juga berkait rapat dengan tokoh politik di Malaysia seperti Anwar Ibrahim, Ahmad Zahid Hamidi, dan Najib Razak, serta isu-isu politik di Malaysia seperti kleptokrasi, ketirisan pengiraan undi dan hubungan dingin antara parti politik Malaysia. Kajian ini telah membuktikan bahawa terdapat pendekatan multidisiplin dengan menggabungkan bidang psikologi (sikap watak), antropologi dan sosiologi (mitos), sains politik, kesusasteraan Melayu (cerita jenaka Melayu berseloka), serta bahasa dan linguistik (pragmatik). Kesimpulannya, cerita jenaka Melayu (berseloka) bukan sahaja menjadi alat hiburan, tetapi juga ekspresi linguistik yang mencerminkan pandangan terhadap kancah politik di Malaysia. Implikasi kajian ini telah

menyokong bahawa penggunaan humor adalah sebagai medium untuk menyampaikan pandangan politik, walaupun kadangkala kritikan tersebut bersifat tidak serius, tetapi masih memberi kesan dalam menyampaikan mesej kritikan terhadap kancah politik di Malaysia.

Kata kunci: Cerita jenaka Melayu, seloka, sikap watak, kancah politik Malaysia, pragmatik

Reflections of Attitudes and Characters in Malay Myths (Seloka Jenaka) within the Malaysian Political Arena: A Pragmatic Analysis

ABSTRACT

In Malay humorous stories (berseloka), the attitudes of Malay mythical characters are often associated with the elements of humour, cunningness, and stupidity. This study aims to explore the implicit meanings contained within the narratives of Pak Kaduk, Pak Pandir, and Lebai Malang, as well as their relation to the Malaysian political context. This research is a fully qualitative study (document analysis). The research data were obtained from corpus sources such as Cerita Jenaka by Yahya (1973), Lukisan Zaman by Shaari (1991), and Himpunan 336 Cerita Rakyat Malaysia by Puteh and Said (2008). Meanwhile, the intertwining of the attitudes of Malay mythical characters within the Malaysian political landscape can be observed through the use of figurative language (for example, like, and such as) as well as moral teachings (take an example, remind us, and drag the community so that when adhering to the philosophy) in the mass media and social media. For the analysis of the study, the researcher has employed pragmatic approaches such as Relevance Theory (Sperber & Wilson, 1986, 1995), ad hoc expansion (Barsalou, 1987), and Cross Reference Framework (Kempson, 1986). The study findings indicate the presence of 16 implicit elements in Malay humorous stories, including Pak Pandir (8 data; 50.0%), Pak Kaduk (6 data; 37.0%), and Lebai Malang (2 data; 13.0%). The research findings are also closely related to several Malaysian political figures such as Anwar Ibrahim, Ahmad Zahid Hamidi, and Najib Razak, as well as political issues in Malaysia such as kleptocracy, electoral count discrepancies, and strained relationships between Malaysian political parties. This study has demonstrated a multidisciplinary approach by integrating the fields of psychology (character attitudes), anthropology and sociology (myths), political science,

Malay literature (Malay humorous stories), as well as language and linguistics (pragmatics). In conclusion, Malay humorous stories (berseloka) can serve not only as entertainment but also as linguistic expressions, reflecting views on the political landscape in Malaysia. The implications of this study support the notion that the use of humour serves as a medium for conveying political views, albeit sometimes the criticism may not be serious, yet it embeds a strong impact in delivering critical messages regarding the political landscape in Malaysia.

Keywords: *Malay humorous stories, seloka, character attitudes, Malaysian political landscape, pragmatics*

ISI KANDUNGAN

		Mukasurat
PERAKUAN		**i**
PENGHARGAAN		**ii**
ABSTRAK		**iii**
ABSTRACT		**v**
ISI KANDUNGAN		**vii**
SENARAI JADUAL		**xii**
SENARAI RAJAH		**xvi**
BAB 1	**PENGENALAN**	**1**
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang kajian	5
1.3	Penyataan masalah	11
1.3.1	Penyataan masalah dari perspektif politik	12
1.3.2	Penyataan masalah dari perspektif sikap watak tokoh politik	13
1.3.3	Penyataan masalah dari perspektif sastera rakyat	15
1.3.4	Penyataan masalah dari perspektif teori kajian terhadap sastera rakyat	18
1.4	Objektif kajian	22
1.5	Istilah definisi operasi	22
1.5.1	Sikap	23

1.5.2 Watak 26

1.5.3 Mitos 28

1.5.4 Seloka 29

1.5.5 Cerita jenaka 29

1.5.6 Kancah 29

1.5.7 Politik 30

1.6 Skop kajian 30

1.7 Kerangka teori pragmatik pilihan: Teori Relevans 31

1.7.1 Gagasan Teori Relevans 35

1.7.2 Subgagasan Teori Relevans 41

1.7.3 Konsep tambahan Teori Relevans 45

1.7.4 Rangka Rujuk Silang (RRS) 46

1.7.5 Konsep *Ad hoc* 48

1.8 Kepentingan kajian 54

1.9 Rumusan Bab 56

BAB 2 SOROTAN LITERATUR 58

2.1 Pendahuluan 58

2.2 Sorotan literatur mengenai sikap watak jenaka 59

2.3 Sorotan literatur mengenai watak mitos 65

2.4 Sorotan literatur mengenai Teori Relevans 86

2.4.1 Sorotan literatur mengenai Teori Relevans: Aspek sikap 86

2.4.2 Sorotan literatur mengenai Teori Relevans: Aspek politik 95

2.4.3 Sorotan literatur mengenai Teori Relevans: Aspek mitos Melayu 106

2.5 Analisis kritis sebagai wadah kajian alternatif 124

2.6 Rumusan bab 134

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 135

3.1 Pendahuluan 135

3.2 Reka bentuk penyelidikan 136

3.3 Sumber data 141

3.3.1 Sinopsis cerita Pak Kaduk 143

3.3.2 Sinopsis cerita Pak Pandir 145

3.3.3 Sinopsis cerita Lebai Malang 151

3.4 Himpunan kancah politik 153

3.5 Ruang lingkup dan batasan penyelidikan 155

3.5.1 Justifikasi pemilihan Teori Relevans 155

3.5.2 Justifikasi pemilihan cerita jenaka Melayu berseloka 157

3.5.3 Justifikasi mempertalikan kancah politik dengan watak mitos Melayu 158

3.5.4 Justifikasi pemilihan data korpus 159

3.6 Kerangka konseptual kajian 160

3.7 Prosedur analisis data 161

3.7.1 Unsur implisit sebagai data kajian 162

3.7.2 Analisis eksplikatur – bentuk logik 165

3.7.3 Analisis maklumat ensiklopedik 167

3.7.4 Analisis laluan inferens (*inferential route*) 169

3.7.5 Pengukuhan analisis menggunakan Rangka Rujuk Silang 180

3.7.6 Rumusan analisis makna 183

3.7.7 Hubung kait unsur implisit sebagai data kajian dengan kancah politik 185

3.8 Rumusan bab 187

BAB 4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN 190

4.1 Pendahuluan 190

4.2 Unsur implisit dalam naratif Pak Kaduk 191

4.2.1 Data 1: Unsur implisit dalam baju kertas Pak Kaduk yang diperekat 194

4.2.2 Data 2: Unsur implisit dalam syarat perjanjian Pak Kaduk dengan Raja 209

4.2.3 Data 3: Unsur implisit terhadap corak pemakanan PK 223

4.3 Unsur implisit dalam naratif Pak Pandir 235

4.3.1 Data 1: Unsur implisit dalam naratif Pak Pandir membunuh anaknya 239

4.3.2 Data 2: Unsur implisit dalam naratif PP menjemput lebai hadir ke kenduri 250

4.3.3 Data 3: Unsur implisit dalam naratif Pak Pandir dengan semut 263

4.4 Unsur implisit dalam naratif Lebai Malang 276

4.4.1 Data 1: Unsur implisit dalam jemputan Lebai Malang ke kenduri 279

4.5 Rumusan bab 291

BAB 5 KESIMPULAN 292

5.1 Pengenalan 292

5.2 Rumusan kajian 293

5.3 Implikasi kajian 296

5.4 Kebaharuan kajian 298

5.5 Cadangan kajian masa hadapan 299

5.6 Rumusan bab 300

RUJUKAN 301

APENDIKS 331

SENARAI JADUAL

Mukasurat

Jadual 1.1	Senarai 10 pemimpin Malaysia dengan pengikut tertinggi di Facebook dan Twitter	5
Jadual 1.2	Sikap negatif watak dalam mitos Melayu	9
Jadual 1.3	Sikap positif watak dalam mitos Melayu	10
Jadual 2.1	Lokasi di Lembah Lenggong yang mempunyai unsur mitos	68
Jadual 2.2	Pengelasan seloka teladan baik	71
Jadual 2.3	Jenis sindiran dalam seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk	73
Jadual 2.4	Naratif PP dan MT membawa kepada "Ideologi Mitos Peribumi Malas"	74
Jadual 2.5	Pengelasan teks Pak Pandir moden dalam aspek sosial dan politik	77
Jadual 2.6	Ciri-ciri maskulin dalam sikap lelaki dahulu dan kini	87
Jadual 2.7	Rumusan analisis makna "tentulah"	93
Jadual 2.8	Rumusan analisis peluasan makna KBAT	95
Jadual 2.9	Analisis TR terhadap data "racun" dalam ucapan Tunku Abdul Rahman	98
Jadual 2.10	Analisis TR terhadap data "racun" dalam ucapan Tunku Abdul Rahman	100

Jadual 2.11	Analisis tajuk dan kandungan laporan akhbar 1MDB	101
Jadual 2.12	Interpretasi data (i) dalam "Mitos Singa Pura dilanggar Todak"	107
Jadual 2.13	Interpretasi data (ii) dalam "Mitos Singa Pura dilanggar Todak"	107
Jadual 2.14	Interpretasi data (iii) dalam "Mitos Singa Pura dilanggar Todak"	108
Jadual 2.15	Interpretasi data (iv) dalam "Mitos Singa Pura dilanggar Todak"	108
Jadual 2.16	Interpretasi data KEDAL dalam "Mitos Hubungan China-Melaka"	110
Jadual 2.17	Interpretasi data TULAH dalam "Mitos Hubungan China-Melaka"	110
Jadual 2.18	Interpretasi eksplikatur – bentuk logik berdasarkan data (i.) dan (ii.)	113
Jadual 2.19	Rumusan analisis makna JAMBATAN EMAS dan JAMBATAN PERAK	118
Jadual 2.20	Analisis eksplikatur – bentuk logik data utama mitos kegagahan Badang	120
Jadual 2.21	Rumusan analisis data mitos kegagahan Badang	123

Jadual 3.1	Analisis eksplikatur – bentuk logik data i., ii. dan iii. dalam perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Yang Memberi Kesan Kepada Puteri Santubong	166
Jadual 3.2	Analisis eksplikatur – bentuk logik data iv., v. dan vi dalam perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Yang Memberi Kesan Kepada Puteri Sejinjang	166
Jadual 3.3	Rumusan analisis makna terhadap unsur implisit perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang	184
Jadual 4.1	Contoh ujaran implisit dalam naratif Pak Kaduk	192
Jadual 4.2	Analisis eksplikatur – bentuk logik data “kertas” dan “perekat”	196
Jadual 4.3	Analisis eksplikatur – bentuk logik berdasarkan frasa “bertukar ayam” dan “kampung itulah patik gadaikan”	211
Jadual 4.4	Analisis eksplikatur – bentuk logik berdasarkan data “Ayamnya menang, kampung tergadai”	214
Jadual 4.5	Analisis eksplikatur – bentuk logik data “nasi dingin”	244
Jadual 4.6	Contoh unsur implisit dalam naratif Pak Pandir	235
Jadual 4.7	Analisis eksplikatur – bentuk logik dara “anak”, “air panas” dan “kawah”	240
Jadual 4.8	Analisis eksplikatur – bentuk logik data “lebai” dan “kambing”	252

Jadual 4.9	Perbezaan perlambangan “lebai” dan “kambing” dalam masyarakat Melayu	255
Jadual 4.10	Analisis eksplikatur – bentuk logik data “semut”, “ranting kayu” dan “sungai”	265
Jadual 4.11	Contoh unsur implisit dalam naratif Lebai Malang	277
Jadual 4.12	Analisis eksplikatur – bentuk logik data “kenduri”, “orang mati” dan “khatam al-Quran” dan “maulud”	280

SENARAI RAJAH

		Mukasurat
Rajah 1.1	Gambaran hubungan antara disiplin dalam karya SR	2
Rajah 1.2	Tangkap layar video Yee Kew yang menjelir lidah kepada peniaga-peniaga di Uptown Danau Kota	6
Rajah 1.3	Syed Saddiq membawa plastik hitam besar bagi mengutip sampah yang ditinggalkan penyokong bola sepak di tempat duduk Stadium Bukit Jalil	7
Rajah 1.4	Penambahan kajian ini dengan kajian lepas	21
Rajah 1.5	Gambar rajah dilarang merokok	32
Rajah 1.6	Korelasi kesan kognitif dan usaha memproses maklumat dalam TR	33
Rajah 1.7	Korelasi usaha memproses dan kerelevanan ujaran dalam TR	34
Rajah 1.8	Contoh pemetaan RRS yang mempunyai anteseden	47
Rajah 1.9	Contoh pemetaan RRS yang mempunyai premis tambahan	47
Rajah 1.10	Gambar rajah Venn sebagai pemetaan konsep *ad hoc* penyempitan bagi leksikal *BACHELORS*	53
Rajah 1.11	Cara penyediaan daging steak oleh tukang masak	58
Rajah 2.1	Sintesis sorotan literatur	98

Rajah 2.2	Hubung kait sikap positif dalam cerita jenaka Melayu dengan pendekatan Psikologi Humanistik	64
Rajah 2.3	Bukti lokasi di Lembah Lenggong, Perak sebagai tapak pelancongan	69
Rajah 2.4	Mitos masyarakat Orang Asli Lenoh sebagai sumber sektor pelancongan baharu di Lembah Lenggong, Perak	70
Rajah 2.5	Etnografi pertuturan *SPEAKING framework*	72
Rajah 2.6	Imejan yang bersesuaian dengan naratif Pak Pandir dan kancah politik	84
Rajah 2.7	Pembinaan komposisi pengkaryaan secara digital	85
Rajah 2.8	"Umpama Pak Pandir Dapat Lantikan", Cetakan blok kayu, 10 edisi cetakan, 84cm, x 118cm x 116cm, 2015	85
Rajah 2.9	Pemetaan RRS terhadap sikap Azraai	94
Rajah 2.10	Laluan inferens (*inferential route*) JABATAN EMAS	116
Rajah 2.11	Pemetaan Rangka Rujuk Silang dalam mitos peminangan Puteri Gunung Ledang	117
Rajah 2.12	Perkaitan data dalam mitos kegagahan Badang	119
Rajah 2.13	Laluan inferens GAGAH dan KUAT	121
Rajah 2.14	Kaedah dan tatacara analisis TR	132
Rajah 2.15	Penambahbaikan kaedah dan tatacara analisis TR	133
Rajah 3.1	Proses reka bentuk penyelidikan	136

Rajah 3.2	Sumber data himpunan cerita jenaka Melayu	141
Rajah 3.3	Data tambahan/korpus di enjin pencarian Facebook	154
Rajah 3.4	Kerangka konseptual kajian	160
Rajah 3.5	Syot layar kisah Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang	163
Rajah 3.6	Laluan inferens ANTAN	172
Rajah 3.7	Laluan inferens PIPI	173
Rajah 3.8	Laluan inferens SOPAK	174
Rajah 3.9	Laluan inferens BATANG BELIDAH	175
Rajah 3.10	Laluan inferens KEPALA	177
Rajah 3.11	Visual tusukan benda tajam di bahagian kepala	178
Rajah 3.12	Laluan inferens BERTABURAN	179
Rajah 3.13	Pemetaan RRS dalam perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang	181
Rajah 3.14	Kritikan terhadap sikap pemimpin politik dalam mempertalikan kisah perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang	183
Rajah 4.1	Unsur implisit dalam naratif PK, PP dan LM	190
Rajah 4.2	UMNO tempah baju ‘Pak Kaduk’ pada PRU-15	205
Rajah 4.3	Pertalian kancah politik tempatan dengan “ayamnya menang, kampung tergadai”	219

Rajah 4.4	Contoh ujaran yang berkaitan hubungan dingin PK dengan isteri	227
Rajah 4.5	Perkaitan data “nasi dingin” dengan konteks politik tempatan	229
Rajah 4.6	Contoh berita politik yang mengaitkan naratif Pak Pandir	245
Rajah 4.7	Contoh berita politik yang mengaitkan naratif Pak Pandir, lebai dan kambing	256
Rajah 4.9	Perkaitan naratif PP dan semut dengan kancah politik Malaysia	269
Rajah 4.10	Perkaitan naratif Lebai Malang dengan konteks politik Malaysia	285

SENARAI SINGKATAN

1MDB	*1 Malaysia Development Berhad*
AL	Awang Lurus
BERSATU	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
BIPA	Bahasa Indonesia bagi Penutur Asing
BN	Barisan Nasional
CBT	Teori Tingkah Laku *Cognitivism*
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JKR	Jabatan Kerja Raya
KGND1	Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
LM	Lebai Malang
MAEPES	Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang
MPT	Majlis Pimpinan Tertinggi
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
O	Objek
P	Predikat
PB	Pak Belalang
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran

PH	Pakatan Harapan
PK	Pak Kaduk
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PN	Perikatan Nasional
PP	Pak Pandir
PRU-14	Pilihan Raya Umum Ke-14
PTA	Projek Tahun Akhir
PTM	Pelan Transformasi Minda
ROS	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan
RRS	Rangka Rujuk Silang
S	Subjek
SOP	*Standard Operating Procedures*
S-O-R	Stimulus, Organism dan Respons
SR	Sastera Rakyat
SWCorp	*Solid Waste Corporation*
TR	Teori Relevans

BAB 1

PENGENALAN


1.1 Pengenalan

"Jangan heret negara ke **kancah politik** tidak menentu", titah Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah kepada ahli-ahli politik di Malaysia (Mat, 2020). Begitulah titah Seri Paduka ketika merasmikan pembukaan Penggal Ketiga Parlimen ke-14 di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.

Kancah politik Malaysia mengalami perubahan terutamanya pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14). Hal ini dikatakan demikian kerana Barisan Nasional (BN) yang sudah memegang tampuk kepimpinan negara selama 41 tahun, akhirnya dikalahkan oleh Pakatan Harapan (PH) (Ruzki et al., 2018). Seterusnya, kancah politik Malaysia digegarkan lagi dengan berita kejatuhan PH selepas 22 bulan mentadbir negara. PH secara rasmi kehilangan majoriti kerusi dalam Dewan Rakyat kerana Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dan 11 ahli Parlimen Parti Keadilan Rakyat (PKR) telah mengambil keputusan keluar daripada PH untuk membentuk blok bebas (Amin, 2020). Natijah daripada kejadian ini, satu parti politik yang baharu dibentuk iaitu Perikatan Nasional (PN). Pembentukan parti politik ini dapat dianggap sebagai "rawatan" kepada krisis politik di Malaysia. Gabungan politik PN telah mempunyai sokongan 114 ahli parlimen di Dewan Rakyat bagi membentuk kerajaan Malaysia yang sah ketika itu.

Menurut Ya (2016), kancah politik yang sedang berlaku atau telah berlaku dapat dijadikan bahan yang boleh diolah pengkaji bahasa dan linguistik melalui sastera rakyat (SR). Kajian bahasa dan linguistik kini telah merentas sempadan bidang-bidang bukan

bahasa yang lain, termasuklah kajian mitos (Osman & Jalaluddin, 2015). Oleh itu, penerapan bidang yang merentas disiplin perlu diaplikasikan dalam kajian bahasa dan linguistik supaya tidak bersifat jumud (Jalaluddin, 2014). Bidang yang multidisiplin seperti zoologi, perubatan, komunikasi, politik, geografi, pendidikan, kejuruteraan dan sebagainya mampu diserap dalam kajian SR (Subet & Md Nasir, 2019). Ya (2016) juga, mengemukakan gambaran hubungan antara disiplin dalam karya SR (rujuk Rajah 1.1).



Rajah 1.1: Gambaran hubungan antara disiplin dalam karya SR

Sumber: Diambil dan diubah suai daripada Ya (2016)

Karya SR dilihat sebagai sebuah wacana yang memiliki kepaduan organik (Vesta, 2010; Novy et al., 2012; Ya, 2016; Astuti, 2018). Apa yang menjadikan estetik karya SR bernilai tinggi ialah kepaduan jalinan tema, sistem perwatakan, plot, latar, gaya bahasa serta segala unsur kreativiti di dalamnya. Tambah Ya (2016), nilai estetik karya SR ini tidak pula berdiri sendiri, kecuali bergabung dengan segala disiplin atau bidang ilmu yang ada dalam

kehidupan pengarang dan masyarakatnya. Secara visualnya, gambaran pendekatan antara disiplin ini dapat dilihat pada Rajah 1.1.

Kewujudan SR seperti seloka dan cerita jenaka tidak diciptakan secara sewenang-wenangnya oleh pengarang zaman dahulu, kerana tersimpannya falsafah dan keintelektualan masyarakat Melayu (Sulaiman, 2004). Ciri-ciri SR ini ada sebahagiannya bersifat cerita mitos yang mengisahkan manusia, makhluk atau peristiwa luar biasa yang tidak rasional atau tidak dapat diterima oleh akal manusia (Alam & Qudsi, 2018). Watak dalam SR pula, sebagai suatu cerita prosa rakyat yang mengisahkan masyarakat berlatarbelakangkan masa dahulu kala (Illani, 2019).

Skop SR dalam kajian ini pula, dapat dibahagikan kepada dua, iaitu dalam bentuk cerita atau naratif dan dalam bentuk bukan cerita atau non-naratif. Watak yang dijelmakan dalam mitos Melayu dan akan dijadikan data kajian adalah seperti, Pak Pandir (PP), Pak Kaduk (PK), dan Lebai Malang (LM). Watak ini juga telah dikelaskan dalam SR (bentuk cerita jenaka). Watak-watak ini turut dikesan dalam puisi lama, iaitu seloka (bentuk bukan cerita atau non-naratif). Meskipun kewujudan watak-watak ini, dalam bentuk cerita jenaka dan seloka, namun representatif sikap mereka adalah sama. Perkara sebegini telah membuatkan watak mitos Melayu, sangat menarik untuk dikaji. Kajian mengenai mitos Melayu dalam SR seperti seloka dan cerita jenaka Melayu telah banyak dijalankan oleh pengkaji lepas. Contohnya, Winstedt (1969), Johnson (2006), Peng dan Ishak (2009), Zakaria (2015), Ismail et al. (2018) serta Jabar (2019). Watak ini sering dikaitkan dengan kelakuan dan sikap yang negatif. Misalnya, Winstedt (1969) telah menyifatkan watak PK sebagai "bodoh-sial" kerana watak ini telah digambarkan mempunyai sifat-sifat yang bodoh, tidak mempunyai otak fikirannya kerana terdorong daripada perasaan yang tamak dan ingin

mendapatkan untung. Sifat yang sombong telah menyebabkan hilang daya pemikirannya dan akhirnya ditimpa nasib yang malang. Satu penulisan terkini oleh Ismail et al. (2018) telah menyangkal dakwaan Winstedt (1969) kerana PK ini tidak merujuk kepada kelakuan negatif sahaja. Tetapi, watak ini turut menjelmakan sifat yang positif seperti "menurut perintah" dan "menepati janji".

Bertitik tolak daripada kenyataan inilah, pengkaji berpendapat watak yang dijelmakan dalam seloka dan cerita jenaka Melayu ini mampu dihubungkaitkan dengan kancah politik Malaysia. Menurut Ali (1986), watak mitos Melayu ini tidak hanya sebati dalam jiwa masyarakat Melayu, tetapi sebagai wadah pelestarian adat, pembinaan sahsiah, pengajaran ilmu pengasih, hiburan, kepercayaan serta pertahanan. Perlu ditegaskan bahawa dalam kajian ini hanya mengambil disiplin politik daripada pendekatan antara disiplin sebagai landasan kajian (Rujuk Rajah 1.1). Disiplin ini antara lain menganalisis unsur politik dalam SR seperti perebutan kuasa, pertentangan ideologi, dan penyelewengan yang dilakukan oleh pemimpin (Ya, 2016).

Bagi merealisasikan kajian ini, pengkaji akan menerapkan Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995) sebagai tatacara menganalisis data kajian. Berdasarkan teori ini, penerapan tiga gagasan terpenting iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses akan dilakukan bagi menghuraikan data kajian (seloka Melayu dan cerita jenaka Melayu) dengan lebih berwibawa. Oleh sebab teori ini menekankan konteks, pengkaji berpendapat adalah relevan dengan mengaitkan konteks persekitaran politik di Malaysia. Tambah Subet (2018), konteks boleh wujud melalui pelbagai cara, misalnya terbina melalui pengamatan terhadap persekitaran yang melingkari kehidupan seharian (contohnya, persekitaran politik bagi konteks kajian ini), kata-kata yang telah dan baru sahaja diujarkan yang masih kekal dalam ingatan (dapatan di media sosial seperti Facebook, Twitter dan

Instagram), perkara yang melibatkan masa depan, hipotesis saintifik, kenangan manis, pahit atau lucu, andaian tentang budaya dan kepercayaan yang ada pada penutur, maklumat sejarah dan sebagainya.

1.2 Latar belakang kajian

Dengan kemajuan media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram, masyarakat umum dapat melihat sikap dan perwatakan ahli politik dengan lebih mudah. Laman web *Socialbakers*, telah mengeluarkan statistik jumlah pengikut ahli politik di Malaysia yang semakin meningkat jumlahnya (lihat Jadual 1.1).

Jadual 1.1: Senarai 10 pemimpin Malaysia dengan pengikut tertinggi di Facebook dan Twitter

10 Pemimpin Malaysia Mempunyai Paling Ramai Pengikut di Facebook	
Pemimpin	**Pengikut**
1. Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak	3.9 juta
2. Tun Dr. Mahathir Mohamad	3.6 juta
3.Datuk Seri Anwar Ibrahim	1.8 juta
4. Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi	1.7 juta
5. Khairy Jamaluddin Abu Bakar	1.2 juta
6. Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail	1.2 juta
7. Tan Sri Muhyiddin Yassin	970, 351
8. Rafizi Ramli	836, 358
9. Nurul Izzah Anwar	807, 916
10. Lim Guan Eng	699, 374
10 Pemimpin Malaysia Mempunyai Paling Ramai Pengikut di Twitter	
Pemimpin	**Pengikut**
1. Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak	4.2 juta
2. Khairy Jamaluddin Abu Bakar	2.4 juta
3.Datuk Seri Anwar Ibrahim	1.3 juta
4. Nurul Izzah Anwar	1.2 juta
5. Tun Dr. Mahathir Mohamad	1.2 juta
6. Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein	961, 000
7. Syed Saddiq Syed Abdul Rahman	914, 000
8. Datuk Seri Mukhriz Mahathir	780, 000
9. Rafizi Ramli	692, 000
10. Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail	597, 238

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Ashana, Daud, dan Mokhtar, 2020)

Melalui aspek inilah, masyarakat umum dapat menilai atau melihat sikap dan perwatakan ahli politik tersebut, sama ada "mesra rakyat" ataupun tidak. Hal ini dikatakan demikian kerana media sosial bukan sahaja mampu dijadikan "senjata" penting kepada ahli politik untuk memikat hati penyokong mereka. Tetapi, rakyat Malaysia juga mampu menularkan sikap dan kelakuan (positif atau negatif) ahli politik di media sosial.

Sebagai contoh, sikap negatif ahli politik (Datin Dr. Tan Yee Kew) yang tular di media sosial pada, Januari 2020, kerana telah menjelir lidah atau mengejek peniaga-peniaga di Uptown Danau Kota (rujuk Rajah 1.2).



Rajah 1.2: Tangkap layar video Yee Kew yang menjelir lidah kepada peniaga-peniaga di Uptown Danau Kota (Sumber: Abdullah, 2020)

Sikap dan perwatakan ini dianggap biadab dan tidak matang oleh seseorang ahli politik untuk menyelesaikan masalah di kawasan parlimennya, iaitu Wangsa Maju. Menurut Rosli dan Yusof (2018), dianggarkan kawasan Wangsa Maju mempunyai 67 775 orang pengundi, iaitu 61 peratus adalah orang Melayu, 21 peratus orang Cina dan 18 peratus orang India. Perkara ini membuktikan bahawa wakil rakyat tersebut tidak mesra persekitaran

politiknya, kerana majoriti kawasan tersebut ialah orang Melayu. Dalam masyarakat Melayu yang sangat mementingkan adab ketika berkomunikasi dan beranggap apabila bercakap, mereka tidak boleh menampakkan lidah dan harus memelihara lidah agar tidak terjelir keluar (Mohamad Nor, 2017). Menurut Omar (1998) pula, lidah merupakan organ ujaran yang dimetaforakan oleh masyarakat Melayu penyebab konflik verbal contohnya, sikap tidak baik manusia yang suka berbalah seperti *bertikam lidah* dan *melawan lidah*. Oleh itu, sebagai seorang wakil rakyat mereka hendaklah menunjukkan sahsiah yang baik, bersih, cekap dan amanah dalam usaha menyelesaikan sesuatu isu di kawasan parlimen mereka.

Selain itu, bukan sahaja sikap negatif ahli politik yang tular, tetapi sikap positif ahli politik juga dapat ditularkan oleh pengguna media sosial. Sebagai contohnya, sikap positif bekas Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abd Rahman yang mengutip sampah selepas perlawanan akhir Piala FA di Stadium Nasional Bukit Jalil, pada 8 Julai 2018.



Rajah 1.3: Syed Saddiq membawa plastik hitam besar untuk mengutip sampah yang ditinggalkan penyokong bola sepak di tempat duduk Stadium Bukit Jalil
(Sumber: Shuaib, 2018)

Sikap Syed Saddiq ini dapat dijadikan contoh kepada rakyat Malaysia supaya sentiasa menjaga kebersihan tidak kiralah jawatan atau pangkat yang sedang disandang oleh seseorang itu. Menurut Ahmad (2015), dalam usaha membentuk minda, sikap, tabiat dan budaya penduduk di Malaysia sebagai masyarakat berminda kelas pertama, kita seharusnya bertanggungjawab, memiliki nilai etika, progresif dan kesedaran tinggi terhadap kebersihan, keindahan persekitaran dan kelestarian alam sekitar. Tindakan Syed Saddiq membersihkan kawasan stadium tersebut dapat meningkatkan kesedaran terhadap enam fasa dalam Pelan Transformasi Minda (PTM) di bawah *Solid Waste Corporation* (SWCorp), iaitu (i) keinsafan, (ii) pendidikan, (iii) amalan, (iv) penghayatan, (v) pembudayaan dan (vi) penyebaran (Kerajaan Malaysia, 2012). Jika PTM ini terus diterapkan dalam kalangan masyarakat di Malaysia, sudah tentunya persekitaran negara kita menjadi bersih, indah dan hijau.

Dengan itu, setiap ahli politik haruslah menampilkan sikap dan perwatakan yang baik kerana setiap gerak-geri mereka sentiasa dijadikan perhatian umum. Bertitik tolak daripada sikap dan perwatakan ahli politik inilah, pengkaji akan menghubungkaitkan dengan sikap dan perwatakan dalam mitos Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana representatif watak mitos Melayu ini dapat dijadikan saluran mesej secara implisit dalam tingkah laku ahli politik secara eksplisit. Oleh itu, pengkaji haruslah mengambil kira aspek penting dalam komunikasi lisan dan bukan lisan seperti konteks persekitaran, pengalaman lepas pengkaji terhadap sesuatu isu politik yang terjadi.

Hal ini penting terutamanya pentafsiran makna secara semantik hanya mengambil kira faktor-faktor linguistik. Sebagai tambahan, pendekatan pragmatik dengan TR mampu menggabungjalinkan aspek politik dengan watak mitos Melayu. Menurut Mohamad (2018), unsur yang terdapat dalam penciptaan watak mitos ini bertujuan untuk mengejek, menyindir

secara serius atau jenaka, mengkritik tingkah laku dan sifat negatif mahupun positif. Pemilihan kancah politik yang sesuai amatlah penting bagi menggabungjalinkan kelakuan watak mitos Melayu dengan kancah politik tempatan.

Oleh itu, kerangka sikap dan perwatakan negatif watak mitos Melayu oleh Winstedt (1969) akan diambil kira.

Jadual 1.2: Sikap negatif watak dalam mitos Melayu

Sikap	Penerangan
Bodoh sial	Watak sebegini wujud dalam seloka PK dan LM. Watak ini digambarkan mempunyai sifat-sifat yang bodoh, tidak mempunyai otak fikirannya kerana terdorong daripada perasaan yang tamak dan ingin mendapatkan untung. Oleh sebab itu, sifat yang sombong telah menyebabkan hilang daya pemikirannya dan akhirnya ditimpa nasib yang malang.
Bodoh pintar	Watak ini terdapat dalam seloka PP, yang dapat digambarkan kebodohannya dengan tidak menggunakan otak fikirannya. Akhirnya, jadi bahan ketawa orang lain. Untuk menimbulkan kelucuan sehinggakan melecur bayinya. Tetapi, sebaliknya PP juga digambarkan sebagai seorang yang menggunakan otaknya (kepintarannya). PP menipu isterinya Mak Andeh dengan mengatakan dia akan belayar. Oleh itu, Mak Andeh diminta untuk membuat kuih tetapi, kuih itu telah dihabiskan di atas para rumahnya. Selain itu, PP juga menipu gergasi supaya menyeberangi sungai dengan tempayan, akhirnya gergasi hanyut dibawa arus.
Pintar	Watak ini terdapat dalam seloka PB kerana menggunakan otaknya untuk menipu atau memperdayakan orang lain. Watak ini digambarkan selamat pada waktu kecemasan atau mendatangkan keuntungan. Kadang-kadang unsur kebetulan atau tidak menggunakan otaknya sekalipun, nasibnya tetap baik. Oleh sebab nasibnya yang baik dan kerana menggunakan akal fikirannya, PB dapat mengatasi golongan masyarakat yang lebih tinggi kedudukannya atau tingkat pemikirannya. Dengan erti kata lain, si bodoh menjadi mangsa si cerdik.

Kajian ini turut mengambil kira kajian terkini yang dijalankan oleh Ismail et al. (2018). Kajian ini telah menggariskan watak dan perwatakan positif dalam seloka Melayu dan cerita jenaka Melayu. Perkara ini dapat dilihat pada Jadual 1.3.

Jadual 1.3: Sikap positif watak dalam mitos Melayu

Sikap	Penerangan
Ringan tulang	Watak sebegini wujud dalam watak AL. Ringan tulang ialah perbuatan rajin untuk melakukan sesuatu pekerjaan seperti membantu orang lain untuk menyelesaikan sesuatu perkara. watak dan perwatakan AL yang ringan tulang kerana membantu ibunya membeli daging di pasar untuk kegunaan sambutan hari raya. AL sebagai seorang anak yang mempunyai perwatakan baik, menggunakan akal fikiran yang rasional serta melakukan kebaikan
Menurut perintah	Watak sebegini wujud dalam watak PK. Perwatakan menurut perintah ialah perwatakan yang dituntut oleh agama mahupun adat kepercayaan dalam satu-satu masyarakat. Sehubungan dengan itu, penggunaan perkataan menurut perintah ini turut bersamaan dengan konsep Wa ‘ad iaitu daulat dan derhaka yang telah dipersetujui oleh Seri Teri Buana dan Lemang Lebar Daun yang diperlihatkan menerusi *Sejarah Melayu* (1979).Masyarakat Melayu tradisional sangat berpegang teguh pada perjanjian tersebut
Mempertahankan hak	Watak sebegini wujud dalam watak Si Luncai dan PK. Watak Si Luncai menerusi cerita jenaka Melayu berjaya mempertahankan haknya daripada ditindas oleh raja yang zalim.
Menepati janji	LM memperlihatkan seorang yang teguh berpegang kepada janji untuk memenuhi undangan kenduri. Watak LM turut digambarkan sebagai seorang yang berperibadi mulia. Walaupun nasibnya malang kerana habuan bekalannya telah dilarikan anjing, namun LM tetap reda dengan takdir yang telah ditentukan.

Oleh hal demikian, kajian terhadap SR dari perspektif bahasa dan linguistik dapat dianggap sebagai percubaan mewujudkan kajian rintis terhadap penggabungjalinan sikap dan kelakuan watak mitos Melayu dengan kancah politik tempatan. Di samping itu, kajian ini bertindak sebagai penambahbaikan kajian pragmatik sebelum ini. Kajian ini dilakukan dengan lebih menyeluruh dan terperinci melalui pendekatan yang lebih empiris, praktis dan mengambil kira konteks semasa. Kajian ini akan meneroka makna tersirat dalam mitos Melayu yang terselindung di sebalik makna literalnya. Analisis akan dijalankan dengan menggunakan TR dan data mitos diambil daripada teks sastera berunsur jenaka iaitu, PK, PP dan LM. Selepas makna implisit ini dirungkai melalui kaca mata bahasa dan linguistik, barulah pengkaji berupaya mempertalikan dengan konteks politik tempatan.

1.3 Penyataan masalah

Menurut Idid (1992) permasalahan kajian dapat dikenal pasti melalui berbagai-bagai cara. Secara logiknya, seseorang pengkaji dapat mencari penyelesaian apabila dia mengetahui masalahnya dahulu. Dalam penyelidikan, pengkaji memulakan proses penyelidikannya selepas menentukan permasalahan. Tambahan Idid (1992):

"Permasalahan yang dikenal pasti itu mungkin merupakan satu perkara yang besar untuk dikaji. Ini menjadikan cabaran bagi kita. Tetapi, sebelum menjalankan satu kajian, kita harus berhadapan dengan beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian yang mendalam untuk membolehkan kajian dijalankan dengan sempurna" (Idid, 1992, hlm. 5).

Seterusnya, beliau menyatakan bahawa:

"Adalah perlu bagi seseorang itu menyatakan permasalahannya dalam kenyataan secara khusus supaya satu penyelidikan dapat dilakukan. Di sini apa yang harus dilakukan adalah untuk menunjukkan apakah perkara yang menjadi permasalahan dan apa pula yang berkait dengan permasalahan tersebut" (Idid, 1992, hlm. 5-6).

Oleh itu, pengkaji akan mengenal pasti masalah-masalah yang berkaitan dan menjelaskan permasalahan kajian yang telah dikesan itu berdasarkan bidang sehingga menuntut kajian ini dilaksanakan untuk menyelesaikan permasalahan tersebut. Lanjutan daripada kenyataan Idid (1992) ini, pengkaji membahagikan permasalahan kajian ini kepada beberapa bidang yang berkaitan. Hal ini akan memudahkan rentetan masalah dikenal pasti. Penyataan masalah yang dikemukakan ini berdasarkan beberapa perspektif, iaitu politik, sikap tokoh politik, sastera rakyat dan TR.

1.3.1 Penyataan masalah dari perspektif politik

Penyataan masalah dari perspektif politik dikemukakan kerana data kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah daripada kancah politik tempatan atau semasa. Dari sudut kancah politik, kebiasaannya dikaji dalam bidang sains politik. Menurut Lasswell (2018), sains politik merupakan "pengagihan nilai dalam masyarakat oleh pihak yang berkuasa". Menurut Taib (2012) pula, kajian sains politik lebih terarah kepada bidang kajian yang melibatkan pengaruh seseorang dalam masyarakat, tanpa pengaruh dan sokongan, kancah politik tidak akan timbul. Bidang ini begitu kukuh dalam usaha meneliti aktiviti-aktiviti politik yang berlaku dalam sesebuah negara. Berdasarkan kajian lepas, lebih terarah kepada pengkajian mengenai pilihan raya (contohnya: Awang Besar et al., 2012; Sholikin, 2018; Aldaruqy, 2019; Mohamad Noor & Awang Besar, 2020; Hamid & Radzi, 2020). Namun begitu, aspek-aspek lain seperti penglibatan wanita dalam kancah politik (contohnya: Manas, 2008; Brown & Hattenstone, 2010; Aziz, 2020; Lee & Liang, 2020), penglibatan ketenteraan dalam kancah politik (contohnya: Leni, 2013; Hamdi et al., 2018), peranan media dan literasi dalam kancah politik (contohnya: Suprapto & Kariadi, 2017), agama atau spiritual (contohnya: Amin & Mohamad, 2016; Haris, 2018; Yahya, 2018) serta penulisan karya kreatif berunsurkan politik (contohnya: Rusli & Zali, 2020; Rusli, 2018; Norazizan & Annuar, 2018) turut dijadikan bahan kajian oleh pengkaji sains politik.

Lambakan kajian dalam bidang politik ini, membuktikan bahawa kajian mengenai kancah politik begitu subur untuk diterokai dengan lebih mendalam. Bertitik tolak daripada kenyataan inilah, kajian ini mendapati bahawa, menjadi satu keperluan untuk mengkaji kancah politik semasa dengan mengaitkan sikap watak mitos Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana watak yang diketengahkan oleh pengarang lepas, mampu dijadikan suri

teladan penting untuk meningkatkan potensi kepimpinan. Selain itu, kajian mengenai kancah politik dan SR dikaji dalam dua bidang ilmu yang berbeza.

1.3.2 Penyataan masalah dari perspektif sikap watak tokoh politik

Penyataan masalah dari perspektif sikap terhadap watak tokoh politik kebiasaannya dihimpunkan dalam penulisan buku bersifat biografi. Umumnya, biografi merupakan kisah atau keterangan tentang kehidupan seseorang. Penceritaan sebuah biografi dikatakan lebih kompleks apabila pengarang cuba untuk menulis secara terperinci mengenai seseorang tokoh tersebut, di samping mengambil kira aspek pekerjaan, sejarah, perasaan tokoh tersebut semasa atau selepas mengalami sesuatu kejadian (Khuluk, 2000; Barton, 2002; Hodder, 2017; Hamdi, 2018; Krcmaric et al., 2020).

Dari segi politik khususnya, buku-buku jenis biografi ini lebih terarah kepada penulisan mengenai sejarah penglibatan tokoh politik negara (seperti penulisan: Selvia, 2020; Susanto et. al., 2020), biodata diri tokoh (seperti penulisan: Mohamad &Yassin, 2000; Adam, 2004; Sheppard, 2007) serta peranan dan pengaruh seseorang tokoh politik (seperti penulisan: Idris, 1990; Jaafar, 2007). Namun begitu, penulisan sebegini lebih memfokuskan sikap positif yang terkandung dalam watak dan perwatakan tokoh politik.

Akibat daripada permintaan umum, biografi mengenai tokoh politik juga difilemkan (Idris, 2012). Sebagai contoh, filem antarabangsa “The Lady” mengisahkan tokoh politik wanita di Myanmar atau Burma, Aung Suu Kyi (lakonan Michelle Yeoh) yang berjuang untuk menuntut kemerdekaan negaranya (Brown & Hattenstone, 2010). Suu Kyi sebagai watak protagonis berdepan dengan watak antagonis iaitu kerajaan junta tentera Myanmar yang mengamalkan sistem tentera diktator (Rahma, 2017). Akibat daripada “kekacauan politik”, pada tahun 1990 majlis kerajaan tentera Myanmar telah mengadakan pilihan raya

umum dan parti Suu Kyi, iaitu Liga Kebangsaan bagi Demokrasi telah memenangi 392 daripada 485 kerusi (Victor, 2002). Berikutan dengan itu, beliau telah memenangi Hadiah Sakharov dan Hadiah Keamanan Nobel pada 1991. Namun begitu, filem ini hanya menggambarkan sisi baik Aung Suu Kyi, tetapi tidak pula menyorot sisi negatif beliau. Contohnya, sikap berdiam diri beliau terhadap hal keganasan etnik Rohingya seperti rusuhan negeri Rakhine pada tahun 2012 dan krisis pelarian Rohingya pada tahun 2015 (Schwartz, 2017). Kebanyakan aktivis mengkritik dirinya, di samping menuntut hadiah Nobel beliau ditarik semula kerana ketidakpeduliannya terhadap penderitaan etnik Rohingya sebagai minoriti Muslim yang dianiaya (Sittwe, 2015).

Di Malaysia pula, filem "1957: Hati Malaya" arahan Shuhaimi Baba telah menampilkan lakonan semula kisah perjuangan tokoh-tokoh politik tempatan menuntut kemerdekaan negara. Antara figura politik tempatan dalam filem tersebut ialah Tunku Abdul Rahman (lakonan Mohd Kamarulzaman Talib), Datuk Onn Ja'afar (lakonan Zaefrul Nadzarine Nordin), dan Tun Abdul Razak (lakonan Noor Azhar Murad). Filem ini mengajak anak-anak muda menghayati sejarah negara dan semangat nasionalisme (Stockwell, 2008; Aziz, 2020). Perbelanjaan untuk menjayakan filem ini adalah sebanyak RM 3 juta, tetapi pulangan filem ini hanyalah RM 316, 000 (Lamiri & Dawam, 2020).

Selain itu, timbulnya permasalahan jika kisah biografi difilemkan. Antaranya adalah mempunyai nilai sastera yang rendah (Tudor, 2012; Hamzah, 2017; Yusop, 2017; Yaakup, 2018), mengubah medium penceritaan bagi menyesuaikan kehendak masyarakat sehingga berlakunya percanggahan, tidak tepat dan permasalahan kesetiaan (Idris, 2012; Yaakup, 2016), tidak memberi nilai tambah atau menyumbang kepada pemikiran yang kritikal dan ilmiah (Stam, 2000; Yaakup, 2018) serta memindahkan bentuk luaran dan dalaman naratif

seperti struktur, plot, watak dan fungsinya (Fauzi, 1989; Balmain, 2008; Yaakup, 2016, 2018). Permasalahan berikut mengakibatkan sikap dan perwatakan tokoh politik tidak selari untuk dijelmakan dengan baik kepada penonton.

Berbalik kepada kajian terhadap kancah politik Malaysia, didapati juga kajian secara khusus terhadap kritikan sikap dan kelakuan ahli politik, sama ada secara positif mahupun, negatif masih kurang dilakukan. Dengan analisis secara kontekstual melalui cara memerhati dan mengkaji peristiwa semasa, kajian ini dapat menyokong dan menjelaskan maksud tersirat dalam perlakuan serta ujaran ahli politik secara luas, relevan dan tepat.

1.3.3 Penyataan masalah dari perspektif sastera rakyat

Kajian ini turut mengemukakan pernyataan masalah dari segi perspektif SR itu sendiri ekoran terdapatnya pernyataan Osman dan Jalauddin (2020):

Pengkaji Barat bersikap prejudis terhadap karya tradisional masyarakat Melayu ini sehingga dianggap sebagai karya yang tidak bermutu dan berfungsi sebagai hiburan semata-mata. Mereka bersikap prejudis sehingga menuduh masyarakat Melayu sebagai "*semi-barbarous nation who do not know what history was all about*" (Maier, 1988, hlm. 16). Kenyataan ini menunjukkan kedangkalan mereka mentafsirkan dan memahami karya pengarang Melayu. Bukan sekadar itu, Bottoms (1965) merendahkan konsep mitos masyarakat Melayu sebagai bersifat hiburan dan unsur-unsur legenda dan fantasi semata mata (Osman & Jalaluddin, 2020, hlm. 50-51).

Pengkaji barat melihat perkara ini sebagai suatu yang jumud. Mereka menilai karya sastera masyarakat Melayu secara "mata zahir" bukannya secara "mata hati" (Daud, Abdullah & Subet, 2021). Kenyataan ini disebabkan oleh, pengarangan dalam mitos

masyarakat Melayu terbatas dengan sistem pemerintahan feudal, iaitu raja berkuasa penuh terhadap rakyat (Alit, 2017; Dase, 2019; Barawery et al., 2020; Long & Van, 2020; Scuzzarello, 2020). Jadi, tiada sebarang kritikan atau teguran secara terus terhadap golongan atasan supaya mereka tidak ditimpa "tulah". Untuk menjaga keterbatasan ini pengarang Melayu bersikap berwaspada ketika menyampaikan cerita. Semasa pengarang zaman dahulu menyampaikan hasil sasteranya secara eksplisit, tetapi sebenarnya terkandung unsur-unsur implisit dalam hasil sastera tersebut. Perkara sebeginilah yang pengkaji barat (seperti: Bottoms, 1965; Winstedt, 1969; Maier, 1988) terlepas pandang. Bagi menyangkal kenyataan mereka, pengkaji tempatan seharusnya mengambil inisiatif dalam usaha menjelaskan signifikan SR Melayu ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pada pandangan pengkaji, karya SR Melayu yang disampaikan secara prosa atau puisi boleh dicungkil maknanya dengan lebih mendalam dengan menerapkan teori analisis makna seperti TR yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995). Dengan menggunakan bahan kesusasteraan rakyat sebagai data, unsur naratif yang wujud dalam karya sebegini dapat dibuktikan sesuai dengan peredaran zaman sekarang. Osman (1974) menyatakan bahawa orang Melayu perlu melihat hasil kesusasteraan mereka untuk mengetahui secara lebih mendalam lagi tentang warisan mereka. Osman (1974) menyatakan bahawa:

"...hasil-hasil kesusasteraan lama Melayu mestilah dibicarakan supaya masyarakat kita kenal kepada warisannya sendiri dan supaya kita sedar bahawa apa yang kita warisi itu adalah satu yang tak dapat kita singkirkan begitu sahaja. Dan lagi, kesedaran terhadap warisan kita itu akan memperkayakan pengetahuan tentang diri kita sendiri dalam menghadapi hidup kita hari ini. Kita adalah titisan daripada warisan yang kita terima." (Osman, 1974, hlm. 6-7).

Berdasarkan kenyataan Osman (1974) inilah kajian ini meneliti perihal ketiadaan kajian yang mengaitkan karya SR dengan perlakuan watak-watak yang terlibat dalam dunia politik. Jika adapun, watak-watak mitos ini didendangkan sebagai lirik lagu misalnya dalam lagu Hutang yang dinyanyikan oleh Floor 88 (2019). Lagu-lagu ini jelas dinyanyikan dengan unsur sindiran halus untuk menyedarkan kita perihal perangai buruk sesetengah manusia yang terlibat dalam rasuah.

Selain itu, terdapat banyak kajian tentang SR tetapi kajian lebih berfokus kepada analisis struktural yang mengkaji tema, persoalan, watak dan perwatakan, teknik penceritaan, plot, gaya bahasa, pengajaran, nilai-nilai murni seperti antara lain kajian (Subet et al., 2015; Ghazali & Palodi, 2016; Rusli, 2018; Jabar, 2019; Hamdan & Annuar, 2020; Rusli & Zali, 2020; Jabar & Ghazali, 2021). Saranan Taib (1974) ini untuk melihat dalam diri kita sendiri dan memperkaya pengetahuan kita sendiri amat sesuai diteliti dalam kancah politik kita sekarang. Kajian ini mendapati bahawa, perlakuan watak mitos ada dalam watak kita sekarang ini, seperti yang dinyatakan oleh Rusli (2018) yang mengaitkan watak Anwar Ibrahim dengan watak PK. Oleh sebab itulah, kajian ini dilaksanakan untuk menambah baik kajian yang sedia ada ini.

Subet (2010) menyatakan bahawa hasil kesusasteraan orang Melayu sangat berguna untuk kita jadikan panduan dan untuk mengenali diri kita yang sebenarnya ketika menjalani kehidupan sehari-hari. Dengan melihat hasil kesusasteraan kita yang lama ataupun yang baharu kita dapat mengenali diri kita, lebih-lebih lagi melalui hasil kesusasteraan kita yang tercipta sezaman dengan kita (Subet, 2010). Bertitik-tolak daripada kenyataan inilah kajian ini juga berpendapat, data SR yang lama yang menampilkan watak sepanjang zaman seperti watak PP, LM, PK dan PB dapat diteliti dan dikaitkan dengan perlakuan watak dalam kancah

politik negara. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat kenyataan-kenyataan di akhbar atau komen-komen di media yang mengaitkan watak politik hari ini dengan watak PK, LM dan PP seperti Ahmad Zahid Hamidi, Anwar Ibrahim, Najib Razak. Kajian ini juga berpendapat, hasil khazanah sastera rakyatlah antara maklumat yang boleh dijadikan sumber untuk mengenali ketamadunan sesuatu bangsa. Menurut Wilkinson (1975) dan Winstedt (1975), salah satu objektif penting dalam kajian terhadap masyarakat Melayu adalah untuk membolehkan sesiapa yang berhubungan dengan orang Melayu untuk memahami pemikiran dan emosi mereka. Tidak ada sesiapa pun yang akan mencuba memahami sejarah England tanpa mengkaji hasil kesusasteraannya; sejarah orang Scotland tanpa mempelajari karya Burns, dan tidak ada sesiapa boleh mengandaikan ruang pemikiran masyarakat Melayu tanpa memahami pantun (hlm. 3)

Pendapat Wilkinson (1975) dan Winstedt (1956) ini perlu diberi perhatian serius. Sedangkan, sejarah negara England itu sendiri dapat dikaji melalui hasil-hasil kesusasteraan mereka dan sejarah orang-orang Scotland melalui hasil karya Burns dan oleh itu kajian ini optimis bahawa sudah pasti bahasa, budaya serta pandangan masyarakat Melayu dapat diteliti karya sasteranya. Walaupun Wilkinson (1975) dan Winstedt (1957) menyatakan perihal pantun, kajian ini mendapati bahawa bukan setakat pantun yang boleh diteliti tetapi juga termasuk genre puisi yang lain seperti syair, gurindam dan seloka.

1.3.4 Penyataan masalah dari perspektif teori kajian terhadap sastera rakyat

Kewibawaan TR oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995) menganalisis makna tersirat tidak boleh disangkal lagi. Pelbagai kajian TR telah dijalankan oleh pengkaji lepas sama ada di dalam dan di luar negara melibatkan data bertulis (Scott, 2013; Díaz-Pérez, 2014; Price & Wilson, 2019; Chen & Wang, 2019; Abdullah & Daud, 2020; Fréchet et al., 2020; Saad

& Jalaluddin, 2020; Samaon & Subet, 2020a, 2020b) dan data tidak bertulis (Hamzah, 2000; Schulze et al., 2013; Osman & Hamzah, 2020; Ritos & Daud, 2020).

Fokus kajian ini pula, terarah kepada data bertulis iaitu SR Melayu dengan analisis pragmatik. Osman dan Jalaluddin (2014, 2015, 2018, 2020), giat menjalankan kajian SR Melayu menggunakan analisis pragmatik seperti TR, RRS dan *ad hoc*. Kajian berikut menggunakan teks bertulis daripada *Salalatus Salatin* (1979). Antara mitos SR yang telah dianalisis oleh kajian tersebut ialah "Mitos Singa Pura dilanggar Todak", "Mitos Hubungan China-Melaka", "Mitos Peminangan Puteri Gunung Ledang" dan "Mitos Kegagahan Badang". Kajian-kajian ini jelas menunjukkan bahawa, pembacaan dan penceritaan SR Melayu pada peringkat selapis ternyata tidak dapat menghuraikan makna implisit yang terkandung dalam karya tersebut. Permasalahannya, acap kali berlaku makna yang ingin disampaikan oleh pengarang tidak dapat ditafsirkan secara literal, malah makna sebenar yang ingin disampaikan menjadi kabur, melencong atau mencakupi sesuatu yang lebih luas dan spesifik. Oleh itu, makna implisit dalam SR ini dapat diinterpretasikan melalui analisis yang bersifat teoretis dan berpada (Osman & Jalaluddin, 2020) kerana penggabungjalinan mitos dan bahasa mempunyai dua lapisan makna yang perlu diinterpretasikan dalam usaha menyampaikan makna (Osman & Jalaluddin, 2015). Hasil kajian menunjukkan bahawa, pengarang Melayu pada zaman dahulu mempunyai tahap keintelektualan yang tinggi dalam penyampaian mesej penting secara tersirat.

Namun begitu, kajian-kajian TR mengenai SR lebih berfokus kepada genre serius seperti sejarah (atau salasilah) dan epik. Variasi genre dalam kesusasteraan termasuklah epik, dramatik, ejekan, sindiran, satira, tragikomedi dan cereka sains (Charaudeau et al., 2002; Fairclough, 2003; Killoran, 2003; Sullivan, 2007; Rosso, 2008). Persoalannya, bagaimanakah pula dengan kajian SR Melayu genre cerita jenaka dan seloka?


Pengkaji lepas (Shaari,1991; Johnson, 2006; Peng & Ishak, 2009; Low, 2014; Zakaria, 2015; Ismail et al., 2018; Rusli, 2018; Jabar, 2019) ada menganalisis SR Melayu genre cerita jenaka dan seloka. Pelbagai teoretis yang diaplikasikan seperti Teori Superioriti, Teori Pengkaedahan Melayu, Teori Adaptasi dan Teori Psikologi Humanistik. Namun begitu, kajian-kajian ini tidak pernah gagal untuk menyatakan bahawa genre cerita jenaka bukanlah bersifat dangkal seperti sangkaan pengkaji barat (Crwafurd, 1820; Bottoms, 1965; Winstedt, 1969; Maier, 1988). Ahmad (2007), cerita jenaka sebenarnya terkandung unsur sindiran yang sinis dan tajam yang ditujukan khas kepada pihak-pihak tertentu. Dalam konteks kajian ini, kancah politik akan dilihat.

Menurut Wong (2016) pula, penelitian terhadap kajian teks bukanlah semata-mata untuk mengetahui maksud tersirat yang ingin disampaikan oleh pengarang. Tetapi, haruslah disusuli dengan usaha memahami pemikiran dan keintelektualan masyarakat yang membawanya. Oleh itu, kajian unsur implisit perlulah lebih menyeluruh dijalankan bagi menyingkap mesej penting dalam niat penyampaiannya (Jalaluddin, 1999). Kajian ini mendapati bahawa TR dianggap sesuai dan relevan untuk mendapatkan makna sebenar dalam sesuatu ujaran. TR akan mengambil kira faktor linguistik dan bukan linguistik terutamanya konteks dalam pentafsiran makna, maka kancah politik semasa dapat diterapkan sejurus makna sebenar cerita jenaka Melayu dan seloka ini selesai dibedah.

Pembuktian menggunakan teori yang berwibawa akan dapat meningkatkan kewibawaan dan kesahan sesuatu maklumat berkenaan. Menurut Ding (2009) dan Othman (2009), karya SR ini mempunyai tiga tujuan utama kepada masyarakat kini iaitu (i) memaklumkan, (ii) mendidik dan (iii) menghiburkan. Maka, kajian ini mendapati bahawa kajian yang lebih mendalam mengenai SR boleh dilakukan dengan menerapkan konteks kancah politik di Malaysia. Dalam TR terdapat keperluan meneliti konteks yang akan

mengarah kepada makna yang dihajati dalam sesuatu analisis makna tersirat. Maka, senario politik Malaysia boleh menyumbang kepada kewujudan konteks yang disyaratkan dalam analisis menggunakan TR ini. Cuma, kajian-kajian yang mengaitkan kisah masyarakat dahulu dengan politik masa kini belum lagi dilaksanakan.

Bagi merumuskan penyataan masalah yang dibincangkan sebelum ini, maka Rajah 1.4 dikemukakan bagi menjelaskan kelompangan kajian terdahulu.



Kajian terdahulu:

(a) Kajian mengenai SR dan politik semasa dikaji dalam dua bidang yang berbeza.
(b) Bahan kajian adalah keadaan pilihan raya, penglibatan wanita, tentera, sejarah, agama dan penulisan karya sastera.
(c) Kajian teks SR pada peringkat permukaan dan tidak mendalam
(d) Kajian unsur implisit terhad pada SR genre serius.
(e) Kajian sikap pemimpin.

Kajian ini:

(a1) Penggabungjalinan kajian SR dengan politik semasa.
(b1) Bahan kajian pragmatik ialah naratif PK, PP dan LM dengan kancah politik.
(c1) Kajian teks SR dengan TR
(d1) Kajian unsur implisit cerita jenaka lebih menyeluruh (mengaitkan naratif SR, RRS, *ad hoc* dan kancah politik semasa)
(e1) Kajian sikap pemimpin politik mempertalikan watak PK, PP dan LM.

Rajah 1.4: Penambahan kajian ini dengan kajian lepas

Rumusannya, berdasarkan permasalahan kajian yang dikemukakan, ternyata terdapat kelompangan yang masih dapat diisi oleh kajian ini. Selain kajian terhadap kancah politik di Malaysia telah diteliti dari perspektif sikap dan perwatakan, sejarah penglibatan politik serta emosi tokoh, kajian ini pula diperluas dengan TR. Perkara ini sekali gus turut memperluas kajian TR dalam menggabungjalinkan dua bidang ilmu lain iaitu sains politik (kancah politik

Malaysia) dan SR (cerita jenaka dan seloka Melayu). Oleh itu, kajian ini amat relevan untuk dilakukan supaya dapat memberikan gambaran tentang penggunaan unsur-unsur implisit dalam SR (cerita jenaka dan seloka Melayu), dan seterusnya, menyingkap makna sebenar dalam SR ini dengan kancah politik tempatan. Didapati juga, cerita jenaka dan seloka Melayu ini telah semakin mendapat tempat dalam ciptaan karya-karya kontemporari seperti dalam ciptaan-ciptaan lirik lagu dan cerpen. Maka, bertepatanlah kajian dalam bidang linguistik dan bahasa turut mengemukakan data-data dari SR untuk mengesan kewujudan tempiasnya dalam kancah politik Tanah air.

1.4 Objektif kajian

Oleh itu, berikut merupakan objektif kajian ini:

i. Mengenal pasti makna implisit dalam cerita mitos Melayu – Pak Pandir, Lebai Malang dan Pak Kaduk.
ii. Menganalisis makna implisit dalam cerita mitos Melayu – Pak Pandir, Lebai Malang dan Pak Kaduk berlandaskan TR.
iii. Memprofilkan metonimi dan analogi berdasarkan analisis makna implisit yang dikaitkan dengan kancah politik Malaysia.

1.5 Istilah definisi operasi

Definisi dan konsep terhadap leksikal atau frasa penting dalam tajuk kajian ini *Cerminan Sikap dan Watak Mitos Melayu (Seloka Jenaka) dalam Kancah Politik Malaysia: Analisis Pragmatik* akan dikupas berdasarkan bahan rujukan dan pendapat sarjana dari dalam negara dan luar negara.

1.5.1 Sikap

Sikap merupakan tingkah laku, perangai dan akhlak seseorang (Chaplin & Kartono, 1989; Minderop, 2010; Wirwan, 2010; Jahja, 2011; Manan, 2017; Pieter, 2018). Zuchdi (1995) dalam membincangkan *Theory of Reasoned Action* (Ajzen & Fishbein, 1973; Siregar, 2013) telah mengkategorikan sikap kepada tiga komponen iaitu, komponen kognitif, komponen afektif dan komponen kognitif.

1.5.1.1 Sikap dalam komponen kognitif

Sikap dalam komponen kognitif merupakan persepsi, kepercayaan dan stereotaip yang dimiliki oleh seseorang (Zuchdi, 1995). Perkara ini berkait rapat dengan persepsi dan kepercayaan terhadap objek pandangan yang tidak ketara (pendapat) sehingga menimbulkan stereotaip terhadap sesuatu perkara (Zuchdi, 1995; Chew, 2007; Lubis, 2011; Sultan, 2015; Yusof & Mustafar, 2019). Namun begitu, komponen sikap kognitif tidak selalunya tepat kerana kadangkala seseorang itu masih belum melalui konteks sebenar mengenai objek pandangan yang tidak ketara (pendapat). Berikut pengkaji mengemukakan satu contoh sikap dalam komponen kognitif ini:

Konteks **:** Ah Chong telah menerima tawaran belajar di Sarawak.

Komponen kognitif **:** Ah Chong mengeluarkan persepsi, kepercayaan dan stereotaip mengenai negeri Sarawak sangat daif, tiada lebuh raya yang baik, perlu menaiki bot atau sampan untuk ke kelas dan sebagainya.

Rumusan **:** Sikap komponen kognitif ini terbentuk melalui pengalaman tidak langsung Ah Chong di media massa yang menunjukkan keadaan di negeri Sarawak sebagai negeri yang kaya dengan flora dan fauna.

1.5.1.2 Sikap dalam komponen afektif

Sikap dalam komponen afektif akan melibatkan perasaan atau emosi. Reaksi emosi seseorang terhadap sesuatu objek itu membentuk sikap yang positif atau negatif (Zuchdi, 1995; Suharyat, 2009; Rijal & Bachtiar, 2015; Fitriani et al., 2020). Reaksi dalam komponen afektif ini banyak ditentukan dalam kepercayaan seseorang terhadap sesuatu objek, contohnya:

Konteks **:** Sajat ditangkap oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) kerana disyaki berpakaian wanita ketika majlis solat hajat dan bacaan Yasin di premis kecantikannya. Selepas dilepaskan Sajat mengeluarkan satu video penerangan mengenai kejadian ditangkap oleh JAIS. Dalam video tersebut, Sajat ada mengemukakan rakaman videonya yang digari dan diperlakukan dengan kasar oleh pegawai JAIS. Sajat juga memuatkan lagu-lagu sedih seperti *Aku Bidadari Syurgamu* nyanyian Dato' Sri Siti Nurhaliza dalam video terbabit.

Komponen afektif **:** Berdasarkan video tersebut, penonton dapat merasakan perasaan atau emosi simpati kepadanya kerana diperlakukan dengan kasar oleh JAIS.

Rumusan **:** Sikap komponen afektif ini terbentuk melalui bukti-bukti yang dikemukakan oleh Sajat seperti digari oleh JAIS, kesan lebam dan luka akibat dikasari oleh JAIS serta alunan lagu-lagu sedih yang melatari video penjelasan beliau di Instagram miliknya. Kejadian yang berlaku terhadap Sajat ini, sedikit sebanyak mengeluarkan perspektif negatif dalam kalangan warga maya terhadap JAIS.

1.5.1.3 Sikap dalam komponen konatif

Sikap dalam komponen konatif merupakan kecenderungan dalam diri seseorang untuk bertindak atau berkelakuan terhadap sesuatu objek (Zuchdi, 1995). Tingkah laku ini terjadi apabila seseorang itu berhadapan dalam situasi rangsangan tertentu yang sedikit sebanyak ditentukan oleh kepercayaan dan perasaan mereka terhadap rangsangan tersebut (Zuchdi, 1995; Pasiak, 2007; Tarigan, 2012; Salle, 2020; Sihombing, 2020). Berikut merupakan contoh yang melibatkan sikap dalam komponen konatif:

Konteks **:** Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin telah kemalangan semasa berbasikal, kerana basikal yang ditunggangnya melanggar sebuah lubang. Khairy Jamaluddin juga memuat naik gambar kecederaannya di media sosialnya. Akibat daripada kejadian tersebut, Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuala Langat telah memohon maaf kepada Khairy Jamaluddin dan dengan pantasnya JKR Kuala Langat membaik pulih keadaan jalan yang berlubang itu.

Komponen konatif **:** Walau bagaimanapun, orang ramai tidak berpuas hati dengan keadaan tersebut kerana sebelum ini telah banyak orang awam mengadu kepada JKR mengenai jalan yang rosak, namun tiada tindakan segera diambil. Malahan, ada yang kemalangan jiwa akibat daripada keadaan jalan raya yang tidak baik.

Oleh itu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti *Lando Zawawai dan Brotherhood* telah menempelak JKR kerana sebelum ini telah banyak aduan dibuat, namun tiada tindakan yang pantas oleh JKR. Sebagai langkah keselamatan orang awam,

NGO ini telah mengeluarkan duit sendiri untuk membaiki keadaan jalan yang rosak dan berlubang.

Rumusan **:** Sikap komponen konatif ini terbentuk apabila berlakunya pilih kasih antara orang awam dengan ahli politik. Tambahan pula, tiada tindakan drastik daripada pihak berkuasa tempatan (PTB), NGO *Lando Zawawai dan Brotherhood* telah mengeluarkan duit poket sendiri untuk menurap jalan yang berlubang. Oleh itu, orang awam mengambil tindakan sendiri kerana kecenderungan dalam diri seseorang untuk bertindak atau berkelakuan terhadap sesuatu objek jika diselesaikan dengan baik oleh pihak yang sepatutnya.

1.5.2 Watak

Watak merupakan sifat (seseorang) secara zahir dan batin yang merangkumi budi pekerti, tabiat, tingkah laku, jiwa dan pemikirannya (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Watak seseorang adalah wakil diri individu dalam sesebuah naratif ataupun kesenian drama seperti novel, seni lakonan dan filem (Baldick, 2001; Trumble & Stevenson, 2003; Childs & Fowler, 2006). Kebiasaannya, terdapat dua jenis watak yang diketengahkan dalam sesuatu naratif iaitu watak utama dan watak sampingan. Setiap watak ini, memiliki peranan yang tersendiri untuk dimainkan dalam sesebuah cerita (Anggraini, 2017).

1.5.2.1 Watak utama

Watak utama merupakan watak yang memainkan peranan utama dalam sesebuah cerita. Kebiasaannya, watak utama menghadapi pelbagai gangguan dan halangan seperti salah faham dalam perjalanan cerita supaya para pembaca dapat mempelajari dan memahami

erti kehidupan yang sebenar (Rokimin, 2008). Pengarang juga banyak menumpukan jalan penceritaan terhadap watak utama, di samping mengelaskan watak tersebut sebagai watak protagonis atau antagonis.

1.5.2.2 Watak protagonis

Watak protagonis adalah watak yang dikagumi oleh pembaca kerana watak ini mencerminkan norma dan nilai yang baik seperti kejujuran, rendah hati, pandai, berdikari dan mempertahankan diri (Burhan, 2015; Imron, 2017; Kim et al., 2020; Muller et al., 2020).

1.5.2.3 Watak antagonis

Watak antagonis merupakan watak yang berlawanan dengan watak protagonis kerana watak ini sering menimbulkan konflik dan menentang watak protagonis (Imron, 2017; Grizzard et al., 2020; Tu & Brown, 2020).

1.5.2.4 Watak bulat/bundar

Watak bulat atau bundar merupakan watak utama yang dibangunkan oleh pengarang, tetapi digambarkan memiliki sifat manusia yang biasa dalam kehidupan seharian, iaitu tidak sepenuhnya jahat dan tidak pula sepenuhnya baik (Asih, 2013; Wibisono, 2013; Fei, 2015; Tucker, 2016). Frank (2013) pula, menyifatkan watak bulat memiliki sifat yang berubah-ubah dan tidak dapat diramal oleh pembaca kerana ada kalanya pembaca akan terperanjat dengan kelakuan yang dilakukan oleh watak berkenaan.

1.5.2.5 Watak dinamik

Watak dinamik disifatkan sebagai watak yang berkembang dan menunjukkan perubahan watak dari awal naratif sehinggalah akhir naratif (Nikolajeva, 2002; Sigar, 2008; Jones et al., 2020). Watak dinamik juga digambarkan penuh bertenaga dan biasanya mengalami perubahan mengikut perkembangan cerita (Anggoro, 2018).

1.5.2.6 Watak pipih

Watak pipih diperkenalkan oleh pengarang melalui satu aspek peribadi sahaja (Sweeney & Fry, 2012; Wibawa, 2013). Contohnya, watak pembuli, pembaca akan berhadapan dengan tindak-tanduk yang negatif sahaja sepanjang cerita. Oleh itu, pembaca tidak terkejut dengan kelakuan watak tersebut, kerana pembaca sudah dapat menjangka sebarang kemungkinan yang dilakukannya berdasarkan sifat peribadi yang ditetapkan oleh pengarang (Urvantsey, 2019).

1.5.2.7 Watak statik

Watak statik merupakan watak yang langsung tidak mengalami apa-apa perubahan sepanjang arus penceritaan (Moezzi et al., 2017; Borisová, 2020). Menurut Bridgman, Cummings dan Ballard (2019) pula, watak sebegini kental dengan pendirian terhadap tingkah laku yang ditonjolkan oleh pengarang dari awal cerita sehinggalah akhir cerita.

1.5.2.8 Watak sampingan

Watak sampingan juga dikenali sebagai watak pembantu yang dijelmakan oleh pengarang sebagai pelengkap dalam sesebuah cerita bagi menyokong tindak-tanduk watak utama (Putnam et al., 2018). Watak ini juga bergerak seiring dengan watak utama dalam sesebuah naratif atau cerita (Vuong et al., 2020).

1.5.3 Mitos

Mitos (*mythos*) berasal daripada bahasa Latin yang bermaksud “perkataan” atau “cerita” (Osman & Jalaluddin, 2015; Campbell, 2017; Dux, 2017; Yayuk, 2018; Alfarisi et al., 2019; Soeffner, 2019). Menurut Ali (1986), cerita-cerita mitos ini dianggap oleh masyarakat tradisional sebagai sesuatu yang memang benar-benar berlaku pada masa silam. Mitos juga dikatakan sebagai cerita zaman dahulu yang dianggap benar, terutamanya yang

mengandungi unsur-unsur konsep atau kepercayaan terhadap sejarah awal kewujudan suku bangsa dan kejadian-kejadian alam (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016).

1.5.4 Seloka

Seloka merujuk kepada puisi Melayu bebas yang tidak mempunyai bentuk tertentu dari segi rangkap, jumlah baris, sama ada mempunyai irama ataupun tidak (Hassan, 2000; Saludin, 2013). Menurut Razali dan Radzi (2019), seloka terdiri daripada ungkapan sejajar yang melebihi dua baris, mempunyai kadensa (turun naik nada, kelantangan dan tekanan pada akhir ayat atau di depan jeda dalam pola intonasi) yang sama seperti talibun dan prosa berirama. Satu ciri penting bagi seloka adalah mempunyai maksud mengejek, menyindir secara serius atau jenaka, mengkritik tingkah laku dan sifat negatif (Omar, 2008; Fang, 2011; Sugiarto, 2016).

1.5.5 Cerita jenaka

Cerita jenaka merupakan sebahagian SR yang terkandung unsur jenaka atau lucu yang dapat mencuit hati pendengar, bahan ceritanya berdasarkan kehidupan masyarakat Melayu tradisional (Masri, 2006; Romandona, 2011; Ismail, 2015). Menurut Ding (2009) pula, fungsi cerita jenaka adalah untuk memberikan hiburan, mengkritik anggota masyarakat dan memberikan pendidikan. Winstedt (1969), telah menyatakan bahawa terdapat lima watak cerita jenaka Melayu, iaitu: Pak Pandir, Pak Kaduk, Pak Belalang, Si Lucai dan Lebai Malang. Namun, begitu watak-watak ini sering dikaitkan dengan kelakuan negatif seperti bodoh, bodoh sial dan pintar.

1.5.6 Kancah

Kancah merupakan keadaan (sukar, perang, penderitaan dan sebagainya), gelanggang (politik, perjuangan dan lain-lain) serta medan: ~ perjuangan; ~ krisis; ~ politik

medan atau gelanggang politik (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Kancah dikenali sebagai tempat atau peristiwa penting yang sedang berlaku atau sudah berlaku, ia juga meliputi keseluruhan kawasan udara, darat, laut dan angkasa yang berpotensi menghidupkan naratif sesebuah cerita (Hadley, 2017; Norrthon, 2019; Schino, 2020).

1.5.7 Politik

Politik merupakan ilmu pengetahuan terhadap cara pemerintahan (dasar-dasar pemerintahan dan lain-lain), ilmu siasah, ilmu kenegaraan (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Pandangan para sarjana sains politik (Hawkesworth & Kogan, 2013; Rod & Martin, 2013; Blanton & Kegley, 2016) merumuskan politik sebagai satu kaedah bagi manusia untuk mengkoordinasi tindakan seseorang untuk kebaikan bersama (atau kebaikan seseorang).

1.6 Skop kajian

Skop kajian ini akan menganalisis tiga watak utama dalam cerita jenaka Melayu (bersekola), iaitu PK, PP, dan LM. Watak yang dipilih ini mewakili sikap watak, pandangan, ideologi, wawasan, harapan dan nilai-nilai signifikan yang dapat diasosiasikan dengan kancah politik Malaysia. Pengkaji akan menjalankan analisis pragmatik berpandukan teori relevans, rangka rujuk silang dan ad hoc dengan memberi fokus kepada pemikiran dan sikap watak jenaka Melayu yang amat dekat dengan konteks politik tempatan. Bagi memperoleh data kajian ini, pengkaji menggunakan tiga buah buku yang telah diterbitkan, iaitu: *Cerita Jenaka* oleh Raja Haji Yahya bin Raja Ahmad (1963), *Lukisan Zaman* oleh Rahman Shaari (1991) dan *Himpunan 336 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Othman Puteh dan Aripin Said (2008), manakala skop kajian yang melibatkan kancah politik Malaysia diperoleh daripada media massa/sosial adalah kerana media ini merupakan penyebar saluran maklumat utama di Malaysia. Skop kajian ini juga tidak berat sebelah dengan mana-mana parti politik, kerana

pengkaji mengambil data yang autentik. Oleh itu, penghubungjalinan sikap watak mitos Melayu dengan kancah politik akan dianalisis dengan berwibawa.

1.7 Kerangka teori pragmatik pilihan: Teori Relevans

Sperber dan Wilson (1995), dalam "Relevance: Communication and Cognition" telah mempersembahkan TR sebagai teori pentafsiran makna dalam bidang pragmatik. TR dilihat mampu menutup kelemahan teori pragmatik yang diperkenalkan oleh Austin (1962), Searle (1969), Grice (1975) dan Leech (1983). Antara kelemahan yang dikesan dalam teori pragmatik sebelum ini ialah mengabaikan peranan konteks sebagai penginterpretasian makna. Contohnya, Grice (1975) dalam Prinsip Kerjasama dikatakan masih lemah sehingga menimbulkan ketaksaan dalam ujaran berkomunikasi (Wong, 2016).

Komunikasi ialah satu proses yang diamalkan oleh penutur terhadap persekitaran kognitif pendengar (Sperber & Wilson, 1995). Proses berkomunikasi akan lancar apabila pendengar-penutur berkongsi mesej yang sama. Tambah Wong (2016), apabila ujaran dikemukakan oleh penutur, pendengar akan mengumpulkan set andaian yang paling mudah untuk diproses, seterusnya membuatkan ujaran tersebut bermanifestasi.

Bagi memudahkan komunikasi penutur-pendengar, persekitaran kognitif seperti fakta dan maklumat awal yang dimiliki oleh pendengar harus diambil kira dalam usaha menentukan kerelevanan sesuatu ujaran (Jalaluddin, 2007, 2014). Selaras dengan kenyataan (Jalaluddin, 2007, 2014), Jin dan Wang (2012) pula, menganggap persekitaran kognitif ini sebagai prasyarat untuk memastikan komunikasi itu berjaya.

Pemahaman dalam komunikasi tersebut sebagai proses inferens yang diambil daripada ujaran penutur sebagai input (sumber yang diperlukan untuk pendengar) sehingga berupaya mentafsir output (hasil pengeluaran penutur) dengan lebih baik (Wilson, 2014).

Berdasarkan prinsip kognitif, mekanisme inferens setiap individu secara tidak langsung akan mencari kesimpulan yang relevan bagi membentuk kesan kognitif.

Kajian ini mengemukakan contoh inferens yang wujud dalam konteks ayat dan Rajah 1.5 berikut:

Ahmad ingin merokok, tetapi kawasan tersebut menunjukkan papan tanda ini:



Rajah 1.5: Gambar rajah dilarang merokok


Kod **:** "DILARANG MEROKOK" – sebagai input dalam komunikasi bukan lisan.

Inferens **:** Tidak boleh merokok di kawasan terbuka – sebagai output dalam komunikasi bukan lisan.

Berdasarkan konteks yang terbina di kawasan tersebut, kod "DILARANG MEROKOK" sebagai set rumus yang disetujui oleh masyarakat sejagat mengenai larangan merokok di tempat awam. Manakala, inferens atau deduksi merupakan satu proses membuat rumusan atau keputusan terhadap set andaian yang terhasil daripada komunikasi lisan mahupun, bukan lisan. Melalui contoh ini, Ahmad merumuskan bahawa dia tidak boleh merokok di kawasan tersebut. Dia juga mungkin dikenakan tindakan undang-undang jika merokok di kawasan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana Kawasan Larangan Merokok di bawah Peraturan 11(1), Peraturan-Peraturan Hasil Tembakau 2004 yang

dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Jika, seseorang itu didapati bersalah mereka boleh didenda tidak melebihi RM10, 000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.


Seterusnya, TR sangat menitik berat kerelevanan dalam sesuatu ujaran. Suatu andaian akan menjadi relevan apabila konteks yang terbina dalam ujaran itu, mempunyai kesan kognitif yang tinggi. Kesan kognitif bermula daripada proses mental yang melibatkan semua proses biologi, melibatkan usaha tertentu dan perbelanjaan tenaga tertentu (Sperber &Wilson, 1995). Oleh itu, usaha memproses yang terlibat dalam mencapai kesan kognitif sebagai faktor kedua bagi mengira darjah relevan. Penjelasan ini boleh dirujuk pada Rajah 1.6 dan Rajah 1.7.



Rajah 1.6: Korelasi kesan kognitif dan usaha memproses maklumat dalam TR

Berdasarkan Rajah 1.6, apabila kesan kognitif sesuatu ujaran itu adalah rendah (pada nilai 1), maka usaha memproses ujaran tersebut adalah tinggi (pada nilai 6). Jika, kesan kognitif ujaran tersebut adalah tinggi (pada nilai 6), maka usaha memproses ujaran tersebut adalah rendah (pada nilai 1). Perkara ini membuktikan bahawa, semakin tinggi kesan

kognitif dalam sesuatu ujaran, semakin rendahlah usaha memproses ujaran tersebut. Oleh itu, pendengar lebih mudah menginterpretasikan makna ujaran tersebut, jika kerelevanan ujaran itu lebih tinggi.



Rajah 1.7: Korelasi usaha memproses dan kerelevanan ujaran dalam TR

Rajah 1.7 pula, menerangkan korelasi apabila usaha memproses sesuatu ujaran itu rendah (pada nilai 1), maka kerelevanan ujaran tersebut adalah tinggi (pada nilai 6). Sebaliknya, jika usaha memproses ujaran tersebut adalah tinggi (pada nilai 6), maka kerelevanan ujaran tersebut menjadi rendah (pada nilai 1). Secara hipotesis, semakin tinggi usaha memproses dalam sesuatu ujaran itu, semakin rendahlah kerelevanan ujaran tersebut (begitulah juga sebaliknya). Korelasi ini menunjukkan bahawa pendengar memerlukan usaha yang tinggi untuk memproses sesuatu maklumat itu, maka menyebabkan kerelevanan ujaran tersebut menjadi rendah kepadanya (begitulah juga sebaliknya).

Korelasi dalam TR juga, menyentuh mengenai komunikasi dan kognisi yang dapat membantu pendengar memahami ujaran yang dihasilkan secara sistematik dan saintifik. Menurut Sperber dan Wilson (1995), komunikasi sebenarnya satu proses yang melibatkan

dua alat iaitu, maklumat-pemprosesan. Konsep-konsep lain yang penting bagi membantu pendengar memahami sesuatu ujaran ialah konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat. Dalam TR, bagi memahami makna sebenar dalam ujaran penutur, set andaian diperlukan. Set andaian ini, terbina apabila pendengar membuat penginterpretasian atau merumuskan makna ujaran yang dibicarakan.

Dua perkara penting dalam prinsip relevan ialah "andaian asas" dan "kesannya" (Jalaluddin, 2014). Perkara ini melibatkan pemikiran (kognisi) manusia berorientasikan relevan. Hal ini dikatakan demikian kerana pendengar akan memfokuskan perhatian mereka terhadap rujukan yang relevan dengan dirinya.

Rumusannya, TR menyentuh fakta dalam pembentukan, pemilihan konteks dan prinsip kerelevanan dalam sesuatu ujaran (Jalaluddin, 1992). Aspek yang ditekankan dalam kajian TR adalah perbualan lisan, kesan poetik, dimensi penggunaan bahasa dari segi deskriptif dan interpretif, ujaran literal, metafora, ujaran gemaan (ujaran yang berbalik; bergema; berkumandang), ironi dan pertuturan (*speech acts*) (Jalaluddin, 1992; Wong, 2016; Juki & Salleh, 2017).

1.7.1 Gagasan Teori Relevans

Gagasan TR yang perlu ditekankan ketika hendak menganalisis sesuatu ujaran ialah konteks, kesan kognitif dan usaha memproses.

1.7.1.1 Konteks

Konteks diaplikasikan dalam bahasa sains (linguistik, sosiolinguistik, analisis wacana, pragmatik, semiotik dan sebagainya) yang ditentukan melalui dua cara, iaitu konteks lisan dan konteks sosial (Eckert & Rickford, 2001; Fetzer, 2004). Dalam pengkajian TR, konteks terbina melalui psikologi pendengar berdasarkan satu subjek andaian mengenai

persekitarannya. Andaian dalam konteks ini, tidak terhad pada maklumat persekitaran fizikal yang hampir atau mendahului pendengar, tetapi melibatkan aspek lain juga. Contohnya, harapan mengenai masa depan, hipotesis saintifik, memori indah, kepercayaan agama, andaian budaya umum dan kepercayaan tentang keadaan mental penutur. Semua ini memainkan peranan yang penting dalam menginterpretasikan makna dalam sesuatu ujaran (Jalaluddin, 1999).

Dalam analisis teks, konteks dalam makna ujaran ditentukan pada tiga tahap yang berbeza. Perkara ini selaras dengan kenyataan Lyons (1994):

1. Konteks mungkin memberitahu pendengar, apakah yang ingin diujarkan oleh penutur dalam ujaran tersebut?
2. Konteks mungkin memberitahu pendengar, apakah cadangan yang diujarkan oleh penutur dalam ujaran tersebut?
3. Konteks mungkin juga membantu pendengar, bahawa cadangan yang diungkapkan itu mempunyai satu jenis daya ilokusionari (orang yang menyertai sesuatu perbualan, perbincangan atau dialog) yang tertentu.

Oleh itu, konteks akan menjadi relevan berdasarkan penentuan makna ujaran yang telah diperkatakan. Menurut Jalaluddin (2007) pula, terdapat tiga cara konteks pemula dapat dikembangkan dalam sesebuah ujaran, seperti:

Melihat ke arah ujaran yang terdahulu

Penutur secara logiknya tidak akan menggunakan ayat tunggal untuk menyampaikan mesej. Kebiasaannya, penutur menggunakan satu kesatuan atau wacana dalam sesebuah ujaran yang bermakna. Perkara ini penting kerana segala ujaran yang dihasilkan berguna untuk pendengar mengembangkan konteks pemula yang diberikan oleh penutur. Maka,

dalam TR ujaran yang bermanifestasi sangat ditekankan kerana ujaran yang bermanifestasi akan membantu memudahkan lagi proses pendengar ketika menginterpretasikan makna dalam ujaran tersebut.

Melihat ke arah alam persekitaran

Segala yang berlaku dalam persekitaran penutur-pendengar mampu mengembangkan konteks. Sebagai contoh, penggunaan kata ganti nama diri orang pertama (KGND1) iaitu, “aku” dan “saya”.

Penutur-pendengar akan melihat persekitaran diri mereka apabila berkomunikasi. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam budaya di Malaysia, penggunaan KGND1 “saya” digunakan untuk perbualan formal atau ketika bercakap dengan orang lebih berusia. Manakala, KGND1 “aku” digunakan dalam perbualan tidak formal dan ketika berbicara dengan rakan sebaya. Perkara ini membantu penutur-pendengar memilih rujukan yang paling sesuai dan memudahkan mereka ketika mereka berkomunikasi.

Merujuk kepada catatan ensiklopedia bagi perkataan-perkataan yang telah digunakan dalam ujaran dan konteks.

Catatan ensiklopedia merupakan leksikal atau frasa yang pernah dilalui dalam kehidupan penutur-pendengar sehingga tersimpan dalam memori jangka pendek apabila tidak digunakan. Perkara ini penting dalam mengembangkan konteks, terutamanya apabila leksikal atau frasa yang tersimpan untuk memori jangka pendek ini, ingin digunakan semula oleh penutur atau pendengar.

Pandangan Yule (2016) mengenai konteks pula:

Konteks linguistik

Konteks linguistik juga dikenali sebagai teks bersama. Konteks linguistik ini merupakan satu set perkataan lain yang digunakan dalam frasa atau ayat yang sama (Wong, 2016). Konteks linguistik ini mempunyai impak yang kuat untuk membantu pendengar menginterpretasikan makna dalam sesuatu ujaran. Sebagai contoh, perkataan "kaki" dalam bahasa Melayu mempunyai lebih daripada satu makna, contohnya:

a) Dalam konteks anggota badan: bersinonim dengan *betis, keting, paha, lutut, tumit, tapak kaki* dan *tungkai*.
b) Dalam konteks permukaan: bersinonim dengan *bawah, dasar, tapak*, dan *bes*.
c) Dalam konteks ukuran: bersinonim dengan *12 inci*, *30 sentimeter*.
d) Dalam konteks ketahanan: bersinonim dengan *penyangga*, *penopang*, *sokong*.
e) Dalam konteks kiasan: bersinonim dengan *gemar akan, suka akan, ketagih*, *candu*.

Ketaksaan makna akan timbul, bagaimanakah pendengar dapat mengetahui makna yang dimaksudkan dalam ujaran-ujaran tertentu? Bagi meleraikan ketaksaan makna tersebut, kebiasaannya pendengar akan menginterpretasikan makna ujaran tersebut berdasarkan konteks linguistik dan konteks fizikal.

Konteks fizikal

Konteks fizikal ini terbentuk melalui lokasi persekitaran penutur-pendengar ketika frasa atau ayat itu diujarkan, contohnya ayat berikut: "berapa **kaki**?". Pendengar akan mengetahui makna leksikal tersebut berdasarkan konteks fizikal, contohnya di kedai alat pertukangan. Jurujual akan bertanya kepada pembeli berapa kaki (ukuran) kayu yang diperlukan. Oleh itu, perkara ini jelas menunjukkan bahawa lokasi fizikal mempengaruhi pentafsiran makna dalam sesuatu ujaran. Berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh sarjana lepas mengenai konteks, jelas menunjukkan bahawa konteks sangat memainkan

peranan yang penting dalam penginterpretasian makna. Dengan adanya konteks, pemberian makna dalam sesuatu ujaran itu tidak lagi menyimpang daripada niat asal penutur (Sperber & Wilson, 1995; Wilson, 2014). Omar (2008), menyatakan bahawa kepentingan konteks dalam penginterpretasian makna yang berkesan adalah melalui bahasa yang difahami maksudnya secara jelas dan dapat menimbulkan tindak balas bagi pihak yang mendengar atau membacanya. Komunikasi akan menjadi lancar apabila pemilihan kata, ungkapan dan ayat sesuai dengan konteks bahasa yang digunakan.

1.7.1.2 Kesan kognitif

Kesan kognitif atau kesan konteks merupakan syarat yang penting dalam TR, keseimbangan dalam kerelevanan dalam berkomunikasi bertitik tolak daripada kesan kognitif. Kesan kognitif juga merupakan andaian awal yang wujud atau tersimpan dalam catatan ensiklopedia pendengar atau pembaca mengenai maklumat yang relevan pada diri mereka (Jalaluddin, 2014). Oleh itu, semakin banyak kesan kognitif dalam sesuatu ujaran, semakin banyaklah kerelevanannya. Dalam berkomunikasi, pendengar akan memilih sama ada menggabungkan, memperkuat atau menggugurkan konteks yang diujarkan oleh penutur dengan membuat andaian awal sehingga menghasilkan kesan kognitif. Seterusnya, pendengar akan memproses beberapa andaian sebagai wacana awalan (Jalaluddin, 1992). Terdapat tiga cara pendengar memperoleh kesan kognitif, iaitu:

a) Dengan menggabungkan maklumat baharu dengan konteks yang sedia ada.

b) Dengan menguatkan andaian yang sedia ada.

c) Dengan menggugurkan andaian yang telah sedia ada, tetapi berlakunya pertentangan maklumat.

Menurut Wong (2016) pula, latar belakang konteks akan berubah selagi ada maklumat baharu ditambah, pendengar akan terus membuat andaian baharu kepada andaian sedia ada. Untuk mengelakkan ketaksaan dalam ujaran tersebut, pendengar seharusnya sedar semasa menginterpretasikan sesuatu ujaran, mereka tidak terbatas dengan andaian lama yang sudah wujud, tetapi harus sedar dengan kehadiran andaian baharu juga. Dengan itu, pendengar akan membina sebahagian daripada kesan kognitifnya bergantung pada konteks yang telah ditentukan semasa pemahaman terawal dalam ujaran.

1.7.1.3 Usaha memproses

Penginterpretasian makna dalam sesuatu ujaran itu dimulakan dengan konteks, seterusnya kesan kognitif dan berakhir dengan usaha memproses. Sebelum itu, kesan kognitif ditentukan oleh proses mental kerana semua proses biologi akan melibatkan usaha, perbelanjaan dan tenaga tertentu. Usaha memproses ini terlibat dalam faktor mencapai kesan kognitif berpandukan darjah relevan. Menurut Sperber dan Wilson (1995), usaha memproses adalah faktor negatif, maka untuk keseimbangan lebih banyak usaha pemprosesan dalam sesuatu ujaran, lebih rendah kerelevanannya.

Usaha memproses dalam sesuatu ujaran haruslah dititikberatkan kerana melibatkan daya usaha pendengar menginterpretasikan makna ujaran. Bagi penutur pula, usaha memproses juga penting kerana dapat memastikan pendengar memahami ujarannya dengan lebih mudah. Mengikut TR, semakin rendah usaha memproses maklumat, semakin relevannya sesuatu ujaran tersebut. Kajian ini mengemukakan contoh usaha memproses berpandukan perbualan tersebut:

a) Kita pergi *summer* nak?

b) Kita pergi *Summer Mall* nak?

Ujaran (a) sebenarnya lebih tinggi usaha memproses berbanding ujaran (b). Dalam ujaran (a), pendengar akan berfikir sejenak berbanding ujaran (b). Jadi, penutur seharusnya bertanggungjawab untuk memastikan ujarannya mudah diproses supaya tahap kerelevanannya tinggi. Penutur harus memastikan konteks yang dibekalkan mencukupi kepada pendengar untuk menginterpretasikan ujarannya. Kesan kognitif daripada ujaran tersebut akan berubah jika ada maklumat baharu yang terbina. Sebagai contoh, di Kota Samarahan, Sarawak terdapat pusat membeli belah bernama *Summer Mall*. Berdasarkan ujaran (a) penutur mengeluarkan banyak usaha memproses kepada pendengar kerana perkataan *summer* itu kedengaran seperti *sama*. Secara literalnya, leksikal *sama* itu boleh bermaksud *bersama-sama* atau *sekali* berdasarkan ujaran (a).

Oleh itu, pendengar mempunyai banyak andaian, seperti "dia dan penutur hendak ke mana?" atau "dia ada membuat janji dengan penutur hendak ke mana-mana ke?". Jika, dibandingkan dengan ujaran (b) lebih mudah untuk pendengar memahami ujaran tersebut kerana penutur lebih berterus terang ketika menyatakan tempat yang ingin ditujuinya iaitu *Summer Mall*. Berdasarkan konteks yang terbina dalam ujaran (a) dan (b). Usaha memproses maklumat (b) adalah lebih rendah, jika penutur dan pendengar berkongsi konteks yang sewajarnya.

1.7.2 Subgagasan Teori Relevans

Jalaluddin (2007), menerangkan bahawa terdapat tiga proses untuk menghasilkan kesan kognitif lebih baik iaitu penggabungan, penguatan dan pengguguran.

1.7.2.1 Penggabungan

Penggabungan dalam TR akan terjadi apabila andaian awal pendengar dapat digabungkan dengan maklumat baharu penutur (Subet, 2018). Tugas penggabungan dalam TR ini adalah untuk menghasilkan kesan kognitif yang dapat membantu pendengar

memproses mesej penutur dengan lebih mudah. Daripada penjelasan berikut, kajian ini mengemukakan satu contoh proses penggabungan:

(A) Penggabungan konteks yang sedia ada dengan maklumat baharu.

Kes 1: Ibu menyuruh Akmal membeli barang keperluan dapur. Ibu menyerahkan senarai barangan yang diperlukannya. Berdasarkan senarai barangan tersebut, ibu menulis:

3 tin susu pekat, 1 peket tepung gandum, sekilo bawang merah dan sebiji labu

Ibu juga berjanji kepada Akmal, jika dia berjaya membeli barang keperluan dapur tersebut dengan betul, ibu akan memasak makanan kegemarannya iaitu *rendang ayam*. Menu tersebut kebiasaannya dimasak oleh ibu sempena Hari Raya Aidilfitri. Dengan itu, Akmal beranggapan;

(1a) Dia akan dapat makan makanan kegemarannya, jika dapat membeli barangan dapur tersebut dengan betul.

Apabila Akmal selesai membeli barangan dapur, ibunya mendapati bahawa:

(1b) Akmal tersalah beli 3 tin susu cair, sedangkan ibunya suruh membeli 3 tin susu pekat.

Berdasarkan andaian yang wujud (1a) dengan maklumat baharu (1b), kita boleh merumuskan andaian sedia ada dengan maklumat baharu dapat digabungkan seperti berikut:

(1c) Akmal tidak dapat makan makanan kegemarannya iaitu rendang ayam.

(1d) Hari Raya Aidilfitri barulah Akmal dapat makan rendang ayam.

Bagi merumuskan (1c-1d), kita memerlukan kedua-dua (1a) dan (1b) sebagai cadangan gabungan seperti rumus inferens. Maklumat baharu dianggap relevan kerana membolehkan proses penggabungan inferens berlaku. (1a) dikenali sebagai konteks supaya

maklumat baharu (1b) dapat diproses. Manakala, (1c-1d) pula dikenali sebagai kesan kognitif yang berkaitan dengan konteks (1a). Rumusannya, lebih banyak kesan kognitif dihasilkan, maka sesuatu ujaran itu bertambah relevan.

1.7.2.2 Penguatan

Penguatan atau pengukuhan maklumat dalam TR terhasil apabila andaian awal pendengar dapat dikuatkan dengan maklumat baharu yang diberikan oleh penutur (Wong, 2016). Maklumat awal tersebut dapat disahkan dan ternyata betul untuk membentuk kesan kognitif yang baik dan berguna kepada pendengar untuk membantunya menginterpretasikan makna sebenar dalam sesuatu ujaran. Berikut merupakan contoh proses penguatan:

Maklumat baharu juga dapat membantu memperkuat andaian sedia ada.

Kes 2: Dia baru sahaja menjalani ujian saringan *Swab Test Corona* (COVID-19) kerana sebelum ini dia kontak rapat dengan pesakit positif COVIS-19. Dia membuat andaian:

(2a) Jika Dia disahkan sebagai pesakit positif COVIS-19, Dia perlu menjalani kuarantin di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPES) kerana itu merupakan *Standard Operating Procedures* (SOP) yang telah digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Keesokan harinya, Dia telah dihubungi oleh KKM kerana sudah disahkan sebagai pesakit positif COVIS-19.

(2b) Dia perlu menjalani kuarantin di MAEPES sebagai memenuhi SOP yang telah digariskan oleh KKM.

Dalam hal ini, (2b) memperkuat atau mengesahkan andaian yang sedia ada dalam (2a). Lebih banyak andaian yang dapat diperkuat atau disahkan, maka ujaran tersebut bertambah relevan.

1.7.2.3 Pengguguran

Pengguguran dalam TR, terjadi apabila pendengar menggugurkan andaian, jika berlaku pertentangan maklumat yang lama dengan yang baharu (Jalaluddin, 2014). Berikut merupakan contoh bagi menggambarkan proses pengguguran:

Kes 3: Seorang pelajar berasa kecewa akibat dirinya diburuk-burukkan oleh pensyarah lain. Untuk meredakan kekecewaannya itu, pelajar tersebut telah mengadu dengan penyelianya sambil berkata "biasalah orang ada *double* PhD.". Jadi, penyelianya membuat andaian:

(3a) Pensyarah yang memburuk-burukkan pelajar tersebut mempunyai dua (*double*) Phd? Sebagai contoh, satu PhD. dalam bidang ekonomi dan satu lagi dalam bidang linguistik?

(3b) PhD. merupakan singkatan pada "Perasaan Hasad Dengki"

Jadi, berbekalkan konteks yang wujud dalam kes 3, (3a) digugurkan kerana bertentangan atau bercanggah dengan maksud yang ingin disampaikan oleh pelajar tersebut. (3b) lebih relevan kerana sifat memburuk-burukkan orang lain akan terjadi akibat daripada perasan hasad dengki. Oleh itu, andaian yang lemah akan digugurkan.

Kesimpulannya, dalam TR, jika maklumat baharu itu relevan dalam mana-mana konteks yang wujud bercanggah, maka ini akan membawa kepada pengguguran andaian yang sedia ada (Jalaluddin, 1992). Lebih banyak andaian yang lemah digugurkan, maka ujaran itu menjadi semakin kuat dan bertambah relevan.

1.7.3 Konsep tambahan Teori Relevans

Menurut Jalaluddin (1992), dalam TR wujudnya konsep tambahan bagi melancarkan lagi penginterpretasian makna dalam sesuatu ujaran. Konsep tambahan berikut adalah penggayaan, pemilihan rujukan dan penyahtaksaan.

1.7.3.1 Pengayaan

Pengayaan dalam konsep tambahan TR ini berkait rapat dengan kewibawaan penutur dalam berkomunikasi. Penutur mempunyai tanggungjawab terhadap setiap leksikal, frasa dan ayat yang akan atau bakal digunakan (Wong, 2016). Segala bentuk ujaran yang dibicarakan haruslah mempunyai maklumat yang lengkap dan penutur sendiri haruslah benar-benar arif mengenai topik atau isu hendak dibicarakan. Dengan ini, penutur mampu memperkayakan segala maklumat yang diragui oleh pendengar.

1.7.3.2 Pemilihan rujukan

Pemilihan rujukan ini melibatkan penutur sebagai orang ketiga. Penutur seharusnya benar-benar mengetahui cerita tentang apa yang sedang atau sudah diperkatakan, ini penting bagi mengelakkan sebarang salah faham antara penutur dan pendengar (Wong, 2016).

1.7.3.3 Penyahtaksaan

Penyahtaksaan dalam konsep tambahan TR ini merangkumi setiap leksikal yang bersifat ketaksaan. Oleh itu, tugas penutur haruslah memberikan maklumat yang selengkap-lengkapnya tentang maksud sebenar yang ingin diungkapkan oleh dirinya. Dalam bidang pragmatik, maklumat linguistik dan maklumat bukan linguistik haruslah bergerak seiring dalam penyampaian maklumat yang diperlukan oleh pendengar. Contohnya, sekiranya satu leksikal itu mempunyai dua makna dan boleh berubah mengikut konteks, penutur haruslah memastikan penggunaan leksikal tersebut lengkap dengan segala macam maklumat. Perkara


ini akan menjamin kefahaman lebih baik kepada pendengar dalam mentafsir sesuatu ujaran itu (Jalaluddin, 2014).

1.7.4 Rangka Rujuk Silang (RRS)

Konsep tambahan lain dalam TR yang dapat membantu pendengar memudahkan lagi pemahaman dalam suatu ujaran ialah RRS. Konsep ini dibawa oleh Kempson (1986) supaya pendengar mempunyai maklumat yang kukuh sewaktu mentafsir makna. Kebiasaannya dalam RRS, pendengar memerlukan sekurang-kurangnya dua ayat selapis. Konvensi RRS adalah tatacara untuk mewujudkan hubungan dengan beberapa ungkapan linguistik sebelumnya atau anteseden dalam ayat yang sama melalui penambahan andaian latar belakang (Allan, 2010; Huang, 2014; Wong, 2016). Dengan erti kata lain, apabila sesuatu ujaran itu tiada anteseden, tetapi pendengar masih dapat menginterpretasikan makna ujaran tersebut berpandukan ayat kedua dengan ayat pertama dalam satu wacana. Anteseden kebiasaannya kata atau frasa nama (Baba, 2015). Huang (2014) pula menyatakan bahawa RRS mempunyai tiga ciri, iaitu: (i) ungkapan anafora mesti berlaku dalam konteks yang sesuai dengan anteseden, (ii) terdapat hubungan semantik atau pragmatik antara ungkapan anafora dengan anteseden dan (iii) ungkapan anafora dengan antesedennya dikuatkan melalui inferens pragmatik dan penggayaan.

Sebagai rujukan tambahan kepada pendengar, penutur akan memberikan premis tambahan yang merupakan sebahagian daripada konteks. Seterusnya, pendengar akan mencari mana-mana premis tambahan yang relevan dengan konteks perbualan tersebut bagi memudahkan diri mereka memahami ujaran berimplikatur. Menurut Baba (2015), premis tambahan boleh berbentuk leksikal, frasa, ujaran terdahulu, ujaran berikutnya, konteks wacana dan boleh merujuk konteks secara umum. Pendengar akan menggunakan premis tambahan ini bagi mengesan anteseden untuk memahami makna ujaran tersebut.


Berikut merupakan contoh RRS yang dapat membantu pendengar memahami hubungan antara kata ganti nama (KGN) yang bertindak sebagai anafora dan kadangkala anafora ini diberikan rujukan.



Rajah 1.8: Contoh pemetaan RRS yang mempunyai anteseden

Nya merupakan KGN yang mempunyai rujukan khusus. Dengan adanya RRS, nya dirujuksilangkan dengan air. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016), –nya boleh berfungsi sebagai kata penekan atau kata pembenda. Manakala, Jalaluddin (1992) dan Baba (2015) menyatakan bahawa –nya merupakan KGN genitif. Jika tiada ayat terdahulu, penggunaan "paipnya" dalam ayat kedua sukar diketahui oleh pendengar. Berpandukan konteks yang terbina dalam ujaran tersebut, penutur memaklumkan bahawa air adalah objek yang boleh disalurkan menggunakan getah paip. Maklumat konteks ini merupakan maklumat bukan linguistik. Hal ini dikatakan demikian kerana jika diteliti maknanya pada peringkat semantik, makna –nya akan terikat dengan makna bentuk logik iaitu KGN genitif. Walau bagaimanapun, bidang pragmatik dapat menjelaskan maklumat sebaliknya iaitu –nya boleh merujuk kepada air yang disalurkan melalui paip sudah bocor.

Selain bantuan anteseden yang dapat membantu pendengar memahami ujaran, pendengar juga boleh merujuk premis tambahan yang bersesuaian dengan konteks ujaran. Contohnya:



Rajah 1.9: Contoh pemetaan RRS yang mempunyai premis tambahan

Rajah 1.9 pula, menerangkan pemetaan RRS yang mempunyai premis tambahan bagi memudahkan pendengar atau pembaca memahami makna simpulan bahasa "air muka". Menurut Said (2013), simpulan bahasa "air muka" mempunyai dua maksud iaitu rupa atau wajah seseorang, manakala makna keduanya adalah maruah atau harga diri. Frasa *bertukar suram* dan *berita kematian adiknya* menjadi premis tambahan untuk menjelaskan makna pertama simpulan bahasa tersebut. Maklumat *berita kematian adiknya* menerangkan sebab reaksi muka Shah berubah menjadi suram. Sementara maklumat *bertukar suram* itu sendiri mengandungi maklumat bukan linguistik bagi menerangkan konteks yang sedih, murung dan hiba. Premis tambahan *bertukar suram* dan *berita kematian adiknya* ini memperkukuh maklumat dalam simpulan bahasa "air muka". Premis tambahan inilah membekalkan kesan kognitif yang tinggi kepada pendengar dan seterusnya merendahkan usaha memproses pendengar dalam menginterpretasikan makna simpulan bahasa "air muka" tersebut.

Rumusannya, anteseden dan primes tambahan dalam RRS menjadi unsur paling penting sebagai pembekal maklumat bukan linguistik.

1.7.5 Konsep *Ad hoc*

Konsep *ad hoc* ini diperkenalkan oleh Barsalou (1987). Konsep ini terbina melalui pragmatik oleh pendengar dalam usaha memahami ujaran (Carston, 2000). Ini bermaksud, apabila pendengar menerima ujaran yang jarang didengarnya, pendengar akan membina konsep *ad hoc* berdasarkan pengalamannya supaya maklumat yang diberikan oleh penutur dapat diinterpretasikan. Seterusnya, akan diproses oleh pendengar bagi mencapai kesan kognitif seperti yang dihajati penutur. Konsep *ad hoc* dalam pemerian makna terbahagi kepada dua iaitu, *ad hoc* penyempitan dan *ad hoc* peluasan.

1.7.5.1 *Ad hoc* penyempitan

Konsep *ad hoc* penyempitan lebih terarah kepada penganalisisan ujaran yang mengandungi masalah ketaksaan. Masalah ini dapat dihuraikan dengan memilih leksikal tertentu dan mengukuhkan konsep yang dikod oleh leksikal tersebut. Perkara ini akan membentuk korelasi antara bentuk proposisi dengan set andaian konteks sehingga membolehkan pendengar mencapai kesan kognitif. Dalam konsep ini andaian implikatur dan kesimpulan implikatur dimanfaatkan. Proses ini akan melibatkan kognitif pendengar atau pembaca untuk menggugurkan maklumat supaya ujaran yang relevan sahaja akan diinterpretasikan. Berikut pengkaji mengemukakan satu contoh analisis *ad hoc* penyempitan oleh Carston (2000):


I WANT TO MEET SOME BACHELORS

Ujaran ini dikatakan mempunyai implikatur yang perlu diinterpretasikan dengan lebih berwibawa. Oleh itu, proses pragmatik dapat membantu pendengar memahami ujaran ini melalui pembinaan konteks ujaran. Berpandukan konteks yang terbina dalam ujaran ini, penutur merupakan seorang wanita yang ingin berkahwin dan memiliki anak. Ini merupakan andaian yang terbina apabila melibatkan entri ensiklopedia dan pengalaman persekitaran yang logik. Andaian ini terbina berpandukan ketaksaan leksikal *BACHELORS*. Leksikal ini membawa pelbagai andaian, seperti:

1. Lelaki yang tidak bertanggungjawab.
2. Lelaki yang sudah berkahwin.
3. Lelaki yang pengasih dan penyayang.
4. Lelaki yang sentiasa berjiwa muda.
5. Lelaki yang bujang.
6. Lelaki yang heteroseksual.
7. Lelaki yang mempunyai komitmen dalam hubungan jangka panjang.

Andaian ini terbentuk melalui sifat seorang lelaki, sama ada positif ataupun negatif. Di sinilah tugas *ad hoc* penyempitan diperlukan bagi menyempitkan makna sebenar yang ingin dimanifestasikan oleh penutur. Carston (2000), menyifatkan leksikal *BACHELORS* sebenarnya bermaksud seorang lelaki bujang yang belum mendirikan rumah tangga dan tidak mempunyai apa-apa ikatan dengan wanita lain. Oleh itu, andaian-andaian yang terbentuk sebentar tadi mestilah berkaitan dengan seorang lelaki mestilah bujang, pengasih dan penyayang serta mempunyai komitmen dalam hubungan jangka panjang. Ini merupakan ciri-ciri asas diperlukan oleh seorang wanita yang ingin berkahwin.

Dalam menyempitkan makna *BACHELORS*, gambar rajah Venn (rujuk Rajah 1.10) merumuskan proses *ad hoc* penyempitan.



Rajah 1.10: Gambar rajah Venn sebagai pemetaan konsep *ad hoc* penyempitan bagi leksikal *BACHELORS*

Rajah 1.10 menerangkan **L** merupakan andaian umum bagi leksikal *BACHELORS*, manakala **C*** merupakan makna yang disempitkan. [**C***] ini merupakan sebahagian daripada andaian umum yang ditimbulkan dalam lingkungan [**L**]. Tetapi, apa yang memisahkan andaian-andaian dalam lingkungan [**C***] dan [**L**] adalah [**C***] merupakan andaian sebenar yang memenuhi fitur-fitur yang dikehendaki oleh penutur dalam menginterpretasikan makna

ujarannya. Fitur-fitur inilah yang akan dirujuk sebagai makna sebenar leksikal *BACHELORS* berpandukan konteks sebelum ini.

Konsep *ad hoc* penyempitan juga boleh dijelaskan melalui eksplikatur, andaian implikatur dan kesimpulan implikatur. Menurut Baba (2015), melalui bentuk-bentuk ini, ujaran yang dibicarakan oleh penutur dapat difahami oleh pendengar dengan lebih baik. Berikut dikemukakan contoh yang dipetik melalui penulisan Carston (2000):

Bob: The New Age Psychic Synergy movement promises to reveal the secret of lasting peace and happiness. Will you come with me to their meeting?

Ann: No thanks. I'm already **happy**.

Berdasarkan ujaran tersebut, penekanan diberikan kepada jawapan Ann. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam ujaran penolakan Ann secara tidak langsung mengandungi makna implisit. Leksikal ***HAPPY*** sebenarnya dapat diteliti secara pragmatik supaya proses pemahaman leksikal tersebut dapat dirungkai dengan baik. Andaian berikut diperlukan bagi mengesahkan penolakan Ann terhadap Bob sebenarnya mengandungi makna tersirat:

Eksplikatur : *ANN IS* ***HAPPY****

Andaian Implikatur : IF A PERSON IS ALREADY **HAPPY*** SHE/HE DOESN'T NEED ADVICE FROM THE PSYCHIC SYNERGY MOVEMENT

Kesimpulan Implikatur : ANN IS NOT INTERESTED IN GOING TO A PSYCHIC SYNERGY MEETING BECAUSE SHE IS ALREADY **HAPPY***

1.7.5.2 *Ad hoc* peluasan


Konsep *ad hoc* peluasan lebih terarah untuk menganalisis makna ujaran yang mengandungi metafora, bentuk-bentuk kiasan, perlambangan dan ujaran bukan literal (Jalaluddin, 2014). Pendengar akan mengekod konsep leksikal, kemudiannya akan mencari bentuk logik dan merujuk entri ensiklopedia supaya makna sebenar ujaran dapat diinterpretasikan. Mengekod (merumus mesej) adalah proses yang melibatkan penutur menterjemahkan idea atau perasaan dalam bentuk perkataan bunyi atau tingkah laku kepada pendengar (Wahid, 2008). Pendengar pula akan menyimpulkan maklumat tersebut supaya menjadi makna dalam usaha menerangkan idea dan konsep penutur. Dengan itu, pendengar akan membina beberapa andaian implikatur bagi tujuan mencari makna penutur secara kasar. Berdasarkan andaian implikatur ini, pendengar akan menggugurkan andaian atau input yang tidak relevan berbekalkan konteks sedia ada. Perkara ini bertujuan untuk menerima input yang relevan sahaja sebagai cerminan pendapat penutur. Berikut merupakan contoh konsep *ad hoc* peluasan ini yang dibincangkan oleh Carston (2000):

The steak is raw

Untuk memahami ujaran ini, rujukan konteks adalah proses pertama yang akan dimanfaatkan oleh pendengar atau pembaca. Konteks ujaran ini mengenai masakan *steak* yang dihidangkan di restoran, namun daging *steak* tersebut masih mentah. Oleh itu, akan wujud beberapa andaian implikatur yang dihasilkan oleh pendengar, contohnya:

a. *THE STEAK IS RAW*
b. *THE STEAK IS VERY UNDERCOOKED*
c. *THE STEAK IS UNEDIBLE*
d. *THE STEAK IS DISGUSTING*

Kesemua andaian implikatur (a., b., c. dan d.) ini, berpandukan andaian konteks yang membantu pendengar membina maksud sebenar *the steak is raw.* Ujaran ini sebenarnya, bukanlah merujuk kepada daging *steak* itu belum dimasak. Sebenarnya, ujaran ini bermaksud daging *steak* tersebut sudah dimasak dan sudah dihidangkan kepada pelanggan. Hidangan tersebut masih belum masak sepenuhnya dan tidak boleh dimakan kerana dikhuatiri akan mendatangkan kemudaratan kepada pelanggan tersebut. Rajah 1.11 menerangkan cara sebenar penyediaan daging *steak* oleh tukang masak.



Rajah 1.11: Cara penyediaan daging steak oleh tukang masak

Tambahan juga, ujaran *the steak is raw* dapat diperluas sebagai ketidaksempurnaan daging *steak* tersebut dimasak kerana hidangan tersebut menjijikkan. Andaian implikatur (c.) dan (d.) dapat dirumuskan bahawa daging *steak* itu masih berbau hamis, hanyir dan meloyakan. Oleh itu, makna yang terhasil daripada konteks ujaran ini adalah relevan. Dengan adanya *ad hoc* peluasan, makna yang diinterpretasikan adalah daging *steak* tersebut tidak boleh dimakan kerana tidak dimasak dengan sempurna.

1.8 Kepentingan kajian

Kajian ini mempersembahkan kajian baharu mengenai penggunaan unsur implisit dalam SR (cerita jenaka dan seloka Melayu), di samping mempertalikan kancah politik Malaysia. Antara kepentingan kajian ini adalah seperti yang berikut:

(1) Lebih mengenali tokoh politik negara

Kajian terhadap tokoh politik negara dapat menyumbang kepada aspek patriotisme dan nasionalisme dalam jiwa rakyat tempatan. Liku kehidupan sebagai tokoh masyarakat (*public figure*) sudah tentu banyak cabarannya. Sebagai tokoh masyarakat, mereka seharusnya memiliki sikap dan perwatakan yang baik kerana memiliki pengaruh besar dan dianggap golongan penting oleh rakyat. Peribahasa Melayu "bagaimana acuan, begitulah kuihnya" dapat diasosiasikan dengan konteks ini. Leksikal "acuan" dikaitkan dengan "tokoh politik", manakala leksikal "kuihnya" dikaitkan dengan "rakyat tempatan". Bentuk "kuih" terhasil daripada "acuan" secara implisitnya telah mencerminkan perangai pemimpin yang akan dicontohi rakyat (terutamanya, generasi muda masa ini). Melalui kajian ini pula, tokoh politik negara tidak hanya dikenali dalam perspektif sains politik, tetapi kajian ini mempertalikan sikap dan watak mitos Melayu seperti PK, PP dan LM. Perkara ini dapat memberikan satu pemugaran kepada penulisan mengenai tokoh politik negara.

(2) Pendedahan watak dan sikap SR dalam kancah politik Malaysia

Melalui SR, pembaca memasuki dunia masa lalu. Pembaca dapat mengalami dan mempelajari pelbagai maklumat dan makna kehidupan seperti unsur penipuan, penindasan, hubungan orang atasan dan orang bawahan, salah guna kuasa dan sebagainya. Perkara ini merupakan maklumat implisit yang ingin disampaikan oleh pengarang supaya dapat menjadi suri teladan kepada masyarakat kini. Bagi kajian ini, pengkaji membantu generasi masa ini

supaya menyedari keadaan yang berlaku sekarang ini merupakan kesan daripada tindakan atau kejadian lampau masyarakat masa lalu. Contohnya, gelaran terhadap orang Melayu seperti "Melayu Pemalas" dan "Melayu Mudah Lupa" perlu dikaji dan dibenarkan atau ditidakkan kenyataan ini melalui konteks. Mengambil pemikiran/label "Melayu Malas" untuk perbincangan makna yang dihajati ini, jika "Melayu Pemalas" diterima bulat-bulat oleh pendengar, maka makna sebenar yang dihajati oleh penutur tidak kesampaian. Hal ini dikatakan demikian kerana, tidak mungkin orang Melayu itu pemalas kerana sejak azali lagi, lepas solat subuh lagi mereka mula bersiap-siap untuk ke kebun, turun ke laut, menoreh getah dan sebagainya untuk menyara keluarga mereka. Si isteri pula, pagi-pagi lagi menyiapkan bekalan untuk dibawa si suami ke kebun, ke laut atau ke ladang getah. Oleh sebab rajinnya orang Melayu, maka wujudlah peribahasa "kais pagi, makan pagi", "kais petang makan petang". Kenapa?, kerana pagi dan petang orang Melayu mencari rezeki demi sesuap nasi. Jadi jika pemikiran "Melayu Malas" ini diterima bulat-bulat tanpa melihat konteksnya, maka perkara ini sedikit sebanyak membentuk satu persepsi, kepercayaan dan stereotaip negatif terhadap kaum terbesar di Malaysia iaitu Melayu. Sikap seorang pemimpin yang angkuh pada kuasa yang dimiliki oleh mereka ada diceritakan dalam SR, PK. Dari sudut pembaca dan pengkritik SR, kajian ini menyuarakan maklumat dan mesej tersirat oleh pengarang zaman dahulu dengan membentuk personaliti, mengasuh kefahaman dan memperhalus nilai-nilai kehidupan lebih baik.

(3) Mempertalikan dua bidang ilmu

Kajian ini dapat membuka cabang baharu dalam pengkajian linguistik dan sains politik. Kajian ini dapat memberi ruang kepada pengkaji akan datang supaya menjalankan kajian bersifat multidisiplin. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini menyajikan perbincangan secara komprehensif meliputi kepelbagaian bidang dan kaedah seperti SR,

teori pragmatik iaitu TR, RRS dan *ad hoc* serta bidang multidisiplin seperti sains politik, psikologi, sikap dan perwatakan pemimpin.

(4) Memperkaya pengkajian bahasa khususnya pragmatik

Kajian terhadap teks SR (cerita jenaka) dengan TR merupakan satu penambahan kepada koleksi kajian bahasa khususnya pragmatik. Oleh itu, kajian ini dapat memperkaya koleksi bahan rujukan untuk pengkaji akan datang mengenai SR dan TR.

(5) Mengiktiraf karya kreatif sebagai sumber kajian terkini

Kajian ini menggunakan SR iaitu karya kreatif masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2018) telah mewartakan SR seperti peribahasa Melayu, pantun, syair, gurindam, seloka, teromba dan warisan-warisan sebagai "Warisan Budaya Takketara Negara". Dengan menggunakan SR sebagai sumber kajian ini, pengkaji dapat melestarikan kajian SR berpandukan konteks semasa. Kajian ini secara tidak langung membuka satu dimensi kajian baharu dalam mengangkat cerita jenaka dan seloka Melayu sebagai sumber data kajian yang berguna untuk dikaji daripada pelbagai perspektif ilmu.

1.9 Rumusan Bab

Kajian terhadap SR bercorak unsur jenaka yang berlandaskan TR yang dikaitkan dengan politik masih kurang mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik dan ahli linguistik Melayu. Kajian ini akan memberikan satu analisis alternatif kepada kajian-kajian sebelumnya. Selain itu, kajian ini akan memberi perspektif baharu kepada kajian manuskrip Melayu tradisional kerana ia diteliti daripada perspektif linguistik kognitif dan pragmatik. Selama ini kajian manuskrip tersebut lebih dilihat dalam medium kajian kesusasteraan. Diharapkan kajian ini menghasilkan pengetahuan baharu yang saintifik dalam bidang


linguistik khususnya, pragmatik. Hal ini dikatakan demikian kerana, selain makna sebenar dalam SR yang berunsur jenaka dikesan, kajian ini turut bertindak sebagai penghubungjalinan dengan kancah politik di Malaysia. Sikap dan kelakuan watak PK, LM dan PP yang dijelmakan dalam konteks politik dapat memberi dapatan baharu kerana selama ini watak-watak ini dikaitkan dengan sikap dan sifat yang berbaur negatif sahaja. Ternyata ada sikap dan sifat positif watak-watak ini turut dijelmakan dalam watak pemimpin dekad ini. Penerapan TR dalam menelaah sikap dan perwatakan SR ini boleh dianggap sebagai satu transformasi dan inovasi dalam kajian SR, pragmatik dan sains politik.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan menyorot kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas sama ada dalam negara atau luar negara. Menurut Baba (2015), "kajian lampau dalam bidang kajian perlu dibaca, dikaji dan diteliti satu per satu bagi memastikan maklumat yang sesuai dengan permasalahan kajian dapat dikuasai dan penilaian yang kritis tentang kajian-kajian berkenaan dapat dibuat dengan adil dan berpada" (hlm. 40). Dengan meninjau sorotan literatur inilah, aspek penyelidikan yang berkaitan akan menemui satu kesinambungan dan memudahkan pengkaji mengenali kelompangan kajian dengan lebih menyeluruh. Bab ini akan membincangkan secara sepintas lalu sorotan literatur untuk kajian ini. Sorotan literatur ini akan difokuskan dengan mengemukakan kajian yang berkaitan dengan aspek sikap, kancah politik dan watak mitos yang akan ditinjau dan diperincikan dari sudut pragmatik seperti yang dikemukakan dalam Rajah 2.1 di bawah.



Rajah 2.1: Sintesis sorotan literatur

Berdasarkan sintesis daripada sorotan literatur ini, pengkaji akan mengetengahkan satu kajian alternatif mengenai penggabungjalinan kajian sikap, kancah politik dan watak mitos Melayu berdasarkan analisis pragmatik iaitu TR.

2.2 Sorotan literatur mengenai sikap watak jenaka

Kajian Ismail, Bakar dan Effendy (2018) adalah kajian paling dekat dengan skop kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini turut menggunakan watak mitos jenaka Melayu seperti Awang Lurus, Pak Pandir, Pak Kaduk dan Si Luncai sebagai data kajian walaupun kajian ini menggunakan pendekatan dalam bidang psikologi iaitu humanistik. Kajian ini ingin membuktikan bahawa watak-watak dalam cerita jenaka Melayu bukanlah dianggap lurus, jumud, bodoh, membuta tuli terhadap raja, tidak bertamadun dan tidak pandai berfikir. Dengan kajian kualitatif sepenuhnya, pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan untuk mengutip data. Kajian ini menerapkan lima prinsip pendekatan Psikologi Humanistik iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan harga diri dan keperluan mencari kesempurnaan diri. Dalam kajian berkenaan, cerminan sikap dan perwatakan yang positif dalam watak mitos AL, PP, PK dan SI dapat dipancarkan seperti:

(1) Ringan Tulang

Ringan tulang merupakan simpulan bahasa Melayu yang bermaksud kerajinan untuk melakukan sesuatu perkara. Contohnya, membantu orang lain untuk menyelesaikan masalah. Watak AL dapat dikaitkan dengan sikap ringan tulang ini berdasarkan petikan ini:

Lepas tu due tigo hari lagi nak rayo bulan dalam bulan puaso ibu dio suruh p cari dagin. Untok nok makan rayo lah. Beli due kati cukop lah. Depo duo beranok. Zaman dulo murah ja kalo duo kati due ringgit gitu ja. Pas tu Awang pun ambik duit ambik duit kat mak dio. Terus p la, p ke pasa sari tu. Berjalan die sorang-sorang

(Mohamood, 2013, hlm. 12).

Petikan tersebut jelas menunjukkan bahawa AL merupakan seorang yang memancarkan perwatakan yang baik kerana ringan tulang membantu ibunya membeli daging di pasar untuk keperluan hari raya. Petikan ini jelas bercanggah dengan pendapat Winstedt (1969) yang menggambarkan AL mempunyai perwatakan yang bodoh. Sedangkan AL begitu rajin melakukan kerja-kerja hariannya dan sentiasa membantu orang yang berada di sekelilingnya. Perkara ini dikuatkan lagi dengan keperluan fisiologi dalam bidang Psikologi Humanistik kerana menekankan kesejahteraan fizikal seperti makan, minum, menghirup udara, berehat, membuang air besar atau kecil, rasional, mengelakkan diri daripada sakit hati atau konflik dan keperluan batiniah. Oleh itu, tindakan AL membantu ibunya adalah rasional dalam kepentingan fisiologi kehidupan kekeluargaan.

(2) Menurut Perintah

Amalan menurut perintah sangat dituntut dalam agama dan kepercayaan sesebuah masyarakat (Ismail et al., 2018). Amalan menurut perintah ini bermaksud mengikut telunjuk dan arahan yang diberikan. Watak PK dapat dikaitkan dengan amalan ini seperti yang dikemukakan dalam petikan ini:

Di ketahuilah oleh baginda tersangat bertuah ayam Pak Kaduk itu. Maka titah baginda, “Hai Pak Kaduk, mari kita bertukar ayam! Ambillah ayam beta ini, elok, cuba lihat roman jalak putih mata, dan ayam Pak Kaduk biring Si Kunani sahaja tiada tuahnya.” Setelah didengar oleh Pak Kaduk akan titah baginda menggula dirinya itu, maka percayalah ia. Maka sembahnya “Ampun tuanku, beribu-ribu ampun! Jikalau sudah titah duli Yang Maha Mulia, relakan patik, seperti titah itu sedia terjunjung di atas jemala ubun-ubun patik.” (Mohamood, 2013).

Dalam petikan ini, PK sebenarnya akur dengan kehendak sultan untuk menukar ayamnya dengan ayam raja. Oleh itu, PK kehilangan kampungnya bukanlah disebabkan kebodohan dirinya, tetapi PK tidak mahu menderhaka kepada raja. Pandangan Winstedt terhadap PK adalah tidak tepat kerana pada zaman dahulu peranan institusi kesultanan sangat kuat dan tidak boleh ditandingi oleh orang biasa kerana dikhuatiri terkena "tulah.". Berdasarkan pendekatan Psikologi Humanistik, sikap PK yang menurut perintah raja adalah untuk keperluan keselamatan. Keperluan ini adalah untuk menjamin keselamatan seseorang daripada ditimpa bahaya atau mudarat sehingga menyebabkan keselamatan seseorang itu terganggu. Oleh itu, tindakan yang diambil oleh PK itu bukanlah secara sewenang-wenangnya. Kajian ini juga berpendapat, secara implisitnya pengarang cuba untuk mengkritik pemerintahan beraja yang sewenang-wenangnya menggunakan kuasa yang ada pada mereka untuk mempersendakan rakyat biasa.

(3) Berani

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016), leksikal berani bermaksud gagah, perkasa dan takut. Keberanian watak jenaka Melayu dapat dilihat pada watak AL. Berikut merupakan petikan yang menggambarkan AL sebagai seorang yang berani:

Pas tu dio pun habaw kat mok dio. Dio nok keno p macam zaman orang tua-yua dulu pangge beransat, beransat tapi orang la pangge mengembara Bahasa dulu tapi duduk hilang cam gitu lah. Bahasa ibunda kampung. Dio habaq mok dio, dok nok mengembara nok cari bakal isteri dio. Mok diokato pol ah lagu tu hang p la. Pas tu dio bertekat di hati.Tu dio mengembara tapi cerito ni dio duk semacam musang janggut juga lah, macam P. Ramlee buat tu, tapi lain lain sikit. Dio mengembaro, dio mengembaro habis satu negeri ke satu negeri. Bermacam-macam-macam dio jumpo dalam mengembaro dio tu."

(Mohamood, 2013, hlm 23)

Dalam petikan ini, AL dilihat begitu berani untuk keluar mengembara seorang diri mencari calon isteri. Pada masa dahulu, mengembara mengambil masa begitu lama. Akhirnya, AL telah berjaya mengahwini gadis idamannya. Pengembaraan AL untuk mencari

isteri telah menggambarkan sikap keberanian, kekuatan fizikal dan mental supaya menemui hajat sebenar dia keluar mengembara. Berdasarkan bidang Psikologi Humanistik, sikap AL ini dikaitkan dengan prinsip keperluan kasih sayang. Hal ini adalah perilaku yang normal dalam setiap individu untuk berusaha mencari kekasih hati dan keinginan untuk berkahwin. Sikap ini telah menyangkal dakwaan Winstedt (1969) yang merendah-rendahkan keupayaan watak-watak utama dalam cerita jenaka Melayu.

(4) Mempertahankan Hak

Menurut Ismail et al. (2018), mempertahankan hak adalah perbuatan yang mempertahankan pendirian untuk membuktikan sesuatu kebenaran. Contohnya, watak SL yang berjaya mempertahankan haknya untuk meneruskan kehidupan daripada terus ditindas oleh raja yang kejam. Berikut petikan yang dipetik dalam situasi ini:

Maka titah baginda, "Adakah ayahanda bonda bertanyakan aku di sini?" maka sembah Si Luncai, "Adalah sangat, tuanku. Patik ceritakanlah kepada baginda itu dari awal sehingga ke akhirnya serta fasal kematian patik itu. Maka demi didengarnya sebab kematian patik itu. Maka demi didengarkannya sebab kematian patik tuanku bunuh itu, wah, baginda laki isteri pun terlalu murka atau tuanku! Titahnya:"Tiada patu sekali-kali diperbuat oleh anakku itu, sebab kesalahan engkau yang begitu sedikit disuruh bunuh." Kemudian lalu disuruhnya hantarkan patik pada malaikat orang tua patik balik ke dalam dunia ini, kerana ajal patik belum sampai lagi katanya.

(Mohamood, 2013, hlm. 113)

Petikan ini telah menggambarkan watak SL yang mempertahankan haknya dengan membuat helah, berbohong dan mengatakan bahawa dirinya telah dihidupkan kembali oleh ayahanda dan bonda Maharaja Isin. SL telah mempertahankan haknya daripada dihukum bunuh oleh raja, hanya disebabkan kesalahan kecil. Berdasarkan petikan itu juga dapat dilihat kreativiti masyarakat Melayu pada zaman dahulu yang menggunakan muslihat, tipu daya dan ikhtiar untuk melepaskan diri daripada ditimpa bencana. Watak SL digambarkan oleh Winstedt (1969) sebagai seorang yang berkelakuan "sial" jelas sekali salah kerana SL

merupakan seorang rakyat biasa yang berani untuk mempertahankan haknya daripada dihukum dengan zalim oleh golongan raja. Dalam bidang Psikologi Humanistik, sikap sebegini digambarkan sebagai seorang yang menuntut keperluan harga diri. Perkara ini diperlukan dalam diri setiap manusia supaya ada sikap perasaan hormat-menghormati, di sanjung dan dipuji.

(5) Menepati Janji


Menepati janji merupakan pelaksanaan sesuatu perkara yang telah disepakati (Ismail et al., 2018). Dalam cerita jenaka Melayu, LM mempunyai sikap menepati janji kerana dia berpegang teguh pada ajaran agama Islam yang menuntut penganutnya menepati janji dan menunaikan janji. Petikan berikut menunjukkan LM sebagai seorang yang menepati janji:

Sudah sembahyang, lalu berfikir di dalam hatinya, "ke mana baik aku pergi ni? Jika kau pergi kepada orang mati tentu aku mendapat sedekah kain putih dan tikar. Dan kalau aku pergi kepada orang berkhatam pengajian itu, perutku tentu kenyang, dan sedekah pula secupak daging kerbau, serta kelapa setali dan kampit beras satu. Dan jikalau aku pergi kepada orang berdikir itu, perutku tentulah kenyang makan lempeng penganan angkatan orang itu. Maka kalau begitu baiklah aku pergi kepada orang mati itu dahulu kerana sabda junjungan, dahulu kerana sabda junjungan, dahulu kerjakan wajib daripada kerja yang lain-lain (Mohamood, 2013, hlm. 54).

Berdasarkan petikan ini, LM dikatakan teragak-agak untuk pergi sama ada ke majlis tahlil orang meninggal atau ke majlis khatam dan zikir. Sebagai seorang Muslim dia tetap positif dan cuba untuk menepati janji yang telah dibuatnya. LM telah melakukan pilihan yang tepat kerana dia memilih menguruskan jenazah terlebih dahulu berbanding urusan lain. Ini telah membuktikan LM tidak bersikap pentingkan diri sendiri dan seorang keperibadian

mulia. Sikap LM ini jika diteliti dalam bidang Psikologi Humanistik, sangat bersesuaian dengan prinsip keperluan mencapai nirvana diri. Keperluan ini berkait rapat dengan keinginan untuk mewujudkan dan memperluas potensi diri manusia. Rumusannya, watak LM juga sebagai seorang lebai yang dihormati dalam masyarakat kerana berpegang teguh pada ajaran agamanya. Oleh itu, huraian ini dapat menyangkal dakwaan Winstedt yang hanya menganggap LM malang dan hanya mempunyai watak negatif.

Rumusannya, jika sebelum ini watak PK, PP, LM dan AL sering digambarkan sebagai watak yang "bodoh", "bodoh-sial" dan "pintar", kajian Ismail, Bakar dan Effendy (2018) ini telah menyangkal dakwaan tersebut kerana watak-watak ini turut memancarkan sikap yang positif seperti "ringan tulang", "menurut perintah", "berani", "mempertahankan hak" dan "menepati janji". Dapatan kajian ini dikukuhkan dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam pendekatan Psikologi Humanistik seperti yang berikut:



Rajah 2.2: Hubung kait sikap positif dalam cerita jenaka Melayu dengan pendekatan Psikologi Humanistik

Oleh itu, hasil kajian ini bertepatan dengan prinsip-prinsip positif yang ditekankan dalam pendekatan Psikologi Humanistik. Hasil kajian ini juga membuktikan bahawa pandangan Winstedt (1969) adalah tidak menyeluruh dan kurang tepat.

2.3 Sorotan literatur mengenai watak mitos

Watak mitos yang difokuskan dalam kajian ini adalah bersumberkan cerita jenaka Melayu. Pengkaji lepas (Hassan & Isa, 2014; Subet, Nadarajan, & Abang Suhai, 2015; Ghazali & Padoli, 2016; Rusli, 2018; Rahimin, 2019; Jabar, 2019; Hamdan & Annuar, 2020; Rusli & Zali, 2020; Jabar & Ghazali, 2021) giat menjalankan kajian mereka dalam usaha meneroka makna di sebalik penyampaian mitos oleh pengarang atau penglipur lara pada zaman dahulu.

Penulisan Rahimin (2019) telah membina satu kerangka konseptual mengenai watak mitos di sebalik percanggahan fakta dalam sejarah di Asia Tenggara. Kajian ini mendapati bahawa, watak mitos sering diketepikan dalam sebuah historiografi kerana diragui kesahihannya. Hal ini dikatakan demikian kerana objektif khusus dalam bidang pengkajian sejarah adalah peristiwa yang benar-benar berlaku, berdasarkan sumber-sumber yang jitu dan sahih. Berikut merupakan faktor utama watak mitos di Asia Tenggara diketepikan dalam penambahan fakta sejarah:

Mitos menjadi instrumen bagi kepentingan tertentu

Dalam konteks sejarah Melayu, sikap penulis lebih cenderung untuk pertahankan dan mengagungkan bangsa masing-masing. Tuhfat al-Nafis oleh Raja Ali Haji ialah karya yang mengangkat martabat dan kedudukan keturunan Bugis yang memerintah kerajaan Johor-Riau. Berdasarkan kecenderungan inilah sesuatu fakta bercanggah. Mengikut Misa Melayu pula, peperangan antara Bugis dengan Perak telah dimenangi oleh Perak. Tetapi, dalam Tuhfat al-Nafis penulis menyatakan bahawa peperangan ini dimenangi oleh Bugis. Rumusannya, sesuatu mitos peperangan itu dicipta bagi mewujudkan kepercayaan baharu dan salah faham dalam masyarakat umum (Rahimin, 2019).

Mitos membawa kepada kepelbagaian versi historiografi

Tambah Rahimin (2019) versi yang pelbagai telah menyebabkan kewibawaan mitos diangkat sebagai sejarah sering diragui. Mitos pada mulanya bersifat lisan dan disampaikan daripada satu generasi kepada satu generasi. Pelbagai maklumat terbentuk bagi memperindah sesuatu peristiwa. Penyampaian ini bergantung pada memori sosial (ingatan) seseorang sehingga mewujudkan kepelbagaian versi cerita yang bercanggah dengan fakta sejarah. Perkara ini memberi kesan kepada generasi baharu untuk mendalami sejarah kerana sumber yang wujud kini diragui kesahihannya.

Mitos sebagai pujian untuk meninggikan darjat pemerintah

Fungsi mitos dalam memuji pemerintah adalah usaha mengukuh dan mendaulatkan kekuasaan raja. Contohnya dalam Salalatus Salatin, Maharaja China atau "Tuanku Seri Kopiah" telah diserang penyakit gatal kulit sehingga menjadi kedal. Penyakit ini hanya boleh diubati dengan menggunakan air basuh kaki Sultan Mansur Syah. Dengan itu, Maharaja China telah berusaha mendapatkan air basuh kaki Sultan Melaka dan Sultan tidak keberatan memberikannya. Selepas mendapatkan air basuh kaki, penyakit kedal Maharaja China telah hilang. Menurut Rahimin (2019), perkara ini telah mengangkat kehebatan sultan Melayu yang mempunyai kuasa untuk menghilangkan sesuatu penyakit. Unsur kehebatan mitos ini telah mencerminkan bahawa sultan Melaka adalah pemerintah yang paling agung.

Kajian Rahimin (2019) turut berpendapat bahawa pengisahan mitos masih memberikan kepentingan yang tertentu dalam penghasilannya. Berikut merupakan kepentingan mitos:

Mitos adalah instrumen kepada perpaduan

Perkara ini telah menyuntik semangat kekitaan untuk bersatu di bawah satu rumpun

atau bangsa yang sama. Walaupun mitos dikatakan satu penulisan yang penuh dongengan, tetapi unsur kesatuan bangsa di dalamnya membawa kepada perpaduan masyarakat sejagat.

Mitos memberi unsur keperwiraan

Tema wira budaya tempatan dapat menanamkan unsur keperwiraan atau "heroisme" dalam diri anak bangsa. Contohnya di Vietnam, terdapat mitos bernama Lac Long Wuan dan asal-usul keturunan Raja Hung. Mitos ini mendedahkan tamadun Vietnam begitu kuat ketika muncul seorang wira yang gagah dari laut. Wira ini dikatakan telah menggagalkan kuasa benua dan mengalahkan musuh yang cuba menyerang Vietnam ketika itu. Unsur ini membawa kebanggaan kepada sesetengah masyarakat kerana memiliki mitos yang cukup gagah dan perkasa (Rahimin, 2019).

Mitos memberi identiti kepada sesebuah negara

Unsur mitos turut melahirkan lambang sesebuah negara sehingga kini. Contohnya, mitos burung geroda yang kerap digunakan di negara Indonesia dan Thailand sebagai simbol dan lambang identiti kebangsaan. Bagi penerbangan kebangsaan Indonesia, mereka telah mengangkat lambang dan nama garuda, iaitu "Garuda Indonesia". Menurut Rahimin (2019), mitos ini berkaitan Bhinneka Tunggal Ika yang membawa lambang "kekuatan" dan "lambang pembangunan", sehingga mencerminkan Indonesia sebuah negara bangsa yang besar dan kuat.

Mitos memberikan gambaran kepada keadaan dan masa sesuatu peristiwa

Unsur ini membantu ahli sejarah untuk membentuk gambaran yang jelas mengenai nilai estetika, etos dan tradisi masyarakat secara kolektif dalam tempoh masa dan peristiwa itu ditulis. Sejarawan berupaya mengesan kelas sosial masyarakat kerana berlakunya interaksi yang berbeza antara dunia penulis (sebagai rakyat biasa) dengan golongan diraja.

Kajian Hassan dan Isa (2014) pula membincangkan mitos sebagai produk pelancongan budaya di Malaysia. Kajian ini memfokuskan mitos di Lembah Lenggong, Perak sebagai data kajian. Unsur mitos ini dikesan melalui pengumpulan data sekunder iaitu teks bertulis seperti buku "Hulu Perak dalam Sejarah" (1963) dan "Tempat-tempat Bersejarah Perak". Kajian ini turut menganalisis rekod dan dokumen rasmi dan tak rasmi yang terdapat di Muzium Perak, Taiping, Muzium Darul Ridzwan, Ipoh, Arkib Negara Malaysia serta Arkib Negara Malaysia Cawangan Perak. Untuk memantapkan dapatan data bertulis, pengkaji telah melakukan temu bual berstruktur terhadap pemimpin setempat dan ahli senior masyarakat tempatan. Kaedah pemerhatian dan lapangan kajian dilakukan selama enam bulan (Disember 2011 hingga Mei 2012). Hasil kajian ini mendapati bahawa kerelevanan Lembah Lenggong, Perak menjadi sumber pelancongan negara kerana diiktiraf sebagai Tapak Warisan Arkeologi Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 30 Jun 2012. Antara lokasi yang dikatakan mempunyai unsur mitos di Lembah Lenggong dikemukakan dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Lokasi di Lembah Lenggong yang mempunyai unsur mitos

Unsur Mitos	Lokasi	Penerangan
Sumpahan Sang Kelembai	Gua Puteri	Akibat sumpahan wujud pelbagai bentuk batu seakan puteri bersanding, kelambu, gajah, harimau, penjaga, katak besar, kolam dan peta Malaysia (rujuk Rajah 2.14, a., b., dan c.).
	Gua Badak	Batu kelihatan tidak ubah seperti bilik tidur lengkap dengan katil dan kelambu.
Nama asal Lenggong	Replika pokok di kawasan rehat Tasik Raban	Keadaan batang pokok yang terlanggong setelah dipotong menimpa pokok lain. Kononnya keadaan tempat asli ini seolah-olah terdinding atau terlengkong oleh bukit-bukit dan banjaran gunung. Nama seorang Semang yang bernama "Lenggong", peneroka hutan rimba yang mendiami di daerah lenggong.

Sambungan **Jadual 2.1**

Tapak asal Lenggong	Perkampungan Cina	Permulaan kewujudan penempatan awal yang terletak di Bukit Tampan.
Batu Ring	Kampung Batu Ring	Kewujudan ketulan batu yang kononnya dibawa dari Gunung Ring, Kelantan oleh Sang Kelembai yang berminat dengan kawasan tersebut yang strategik, cantik dan menarik.
Bukit Bunuh	Bukit Bunuh	Nama awal Bukit Bunuh muncul apabila perancangan pembunuhan suami terhadap isterinya yang kaya. Tetapi, penemuan tempayan dengan emas telah menyelamatkan keadaan dan kini kononnya tempatan itu disimpan di kawasan misteri.
Sumpahan bunian	Batu Puteri@ Batu Gajah do Kampung Batu Belimbing	Batu yang bentuknya seakan-akan tiga ekor gajah. Dikatakan kepunyaan Tuan Hubert Berkeley seorang Hakim Daerah Hulu Perak pada tahun 1907 (rujuk Rajah 2.14, d.)

(Sumber: Hassan & Isa, 2014, hlm. 174)



a. Arca Puteri Bersanding



b. Peta Semenanjung Malaysia



c. Kepala katak




d. Batu Puteri @ Batu Gajah

(Sumber: Hassan & Isa, 2014, hlm. 174-175)

Rajah 2.3: Bukti lokasi di Lembah Lenggong, Perak sebagai tapak pelancongan
(Sumber: Hassan dan Isa, 2014, hlm. 174-175)

Namun begitu, kajian ini mendapati bahawa masih ada lagi mitos di Lembah Lenggong, Perak belum diterokai untuk sektor pelancongan. Antaranya:



Rajah 2.4: Mitos masyarakat Orang Asli Lenoh sebagai sumber sektor pelancongan baharu di Lembah Lenggong, Perak

Keempat-empat mitos ini, berkaitan dengan mitos makhluk halus (kisah roh nenek moyang, keajaiban Pokok Kepayung dan makhluk halus Chinoi) serta mitos peperangan (Raja Mawas dan Raja Siamang). Setiap mitos ini mempunyai kekuatan untuk diketengahkan dan dipakejkan sebagai produk pelancongan negara. Bentuk mitos ini juga boleh diterjemahkan melalui bentuk seni drama, filem dokumentari atau filem animasi pendek untuk tontonan pelawat. Kajian ini juga mendapati, Orang Asli Lanoh mempunyai kemahiran mengukir patung kayu. Dengan kemahiran mereka, mereka boleh mereka bentuk patung yang sesuai dengan mitos tersebut sebagai bahan cenderamata dan hiasan.


Rumusannya, kajian Hassan dan Isa (2014) ini mengetengahkan bahawa konsep-konsep pelancongan baharu juga boleh diketengahkan di Lembah Lenggong, Perak. Contohnya, konsep "Fright Tourism" berunsurkan tarikan pelancongan yang menakutkan dan konsep "Dark Tourism" atau "Thanatourism" yang menjadikan lokasi berkaitan dengan kisah kematian atau bencana sebagai tarikan pelancongan. Oleh itu, bagi menjayakan produk pelancongan ini penyelenggaraan dan kemudahan prasarana perlu disegerakan oleh pihak pengurusan Lembah Lenggong, Perak.

Seterusnya, kajian (Subet, Nadarajan, & Abang Suhai, 2015; Ghazali, & Palodi, 2016; Rusli, 2018; Jabar, 2019; Hamdan & Annuar, 2020; Rusli & Zali, 2020; Jabar & Ghazali, 2021) lebih terarah kepada skop kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian-kajian ini telah memfokuskan watak mitos Melayu dalam cerita jenaka seperti PK, PP, LM dan SL sebagai data kajian. Jabar (2019), dalam penulisannya yang bertajuk "Keunggulan Ikon Membawa Teladan dalam Seloka Melayu" cuba untuk menjelaskan bahawa ikon dalam seloka Melayu turut membawa imej baik kepada khalayak. Kajian ini menggunakan Teori Sfera Fungsional (Sfera Faedah) oleh Braginsky (1994) sebagai kayu pengukur kepada setiap ikon dalam seloka ini. Kajian ini memfokuskan watak mitos Melayu yang terdapat dalam seloka PP, PK, Emak Si Randang, Si Luncai (SL) dan Mat Jenin (MJ) sebagai bahan kajian. Hasil kajian Jabar (2019) ini mengemukakan pengelasan seloka teladan baik seperti berikut:

Jadual 2.2: Pengelasan seloka teladan baik

Tajuk Seloka	Ikon	Perwatakan	Teladan
Seloka Pak Pandir	Pak Pandir	- Suka buat baik tidak bertempat - Bijaksana - Mudah mempercayai orang	Berbuat baik sepanjang masa
Seloka Pak Kaduk	Pak Kaduk	- Tidak berperikemanusiaan	Menghargai manusia sekeliling
	Mak Andak	- Sabar dan tabah	Ketabahan dan keberanian
Seloka Emak Si Randang	Mak Si Randang	- Baik budi	Membuat kebaikan sepanjang hayat
	Si Dagang	- Tidak mengenang budi	Menghargai jasa dan kebaikan orang
Seloka Si Luncai	Si Luncai	- Cerdik dalam bertindak	Berfikiran logik dan baik sangka
Seloka Mat Jenin	Mat Jenin	- Suka berangan - Lupa daratan	Berpijak pada bumi nyata

Kajian Jabar dan Ghazali (2021) pula, mengkaji komunikasi bahasa sindiran dalam seloka PP dan PK menggunakan Teori *SPEAKING framework* oleh Hymes (1974). Berikut merupakan etnografi pertuturan *SPEAKING framework* yang digunakan dalam kajian ini:



Rajah 2.5: Etnografi pertuturan *SPEAKING framework*

Selain itu, kajian ini mengumpulkan maklumat berkaitan dengan bahasa sindiran lembut halus melalui ujaran yang disampaikan dalam seloka PP dan PK. Perkara ini mencerminkan perkembangan aktiviti komunikasi sindiran halus dalam seloka sebagai rentak penyampaian sindiran yang digunakan dalam puisi tradisional Melayu.

Keseluruhannya terdapat lapan unit analisis etnografi ini. Tetapi, kajian ini menemui tiga unit analisis etnografi sahaja yang boleh diukur dalam sindiran halus lembut seloka PP dan PK, seperti: *Instrumentalities* (I), *Norm of Interaction* (N) dan *Genre* (G). Hasil kajian ini mendapati bahawa seloka PP dapat dikaitkan dengan sindiran dalam tingkah laku, manakala seloka PK dikaitkan dengan sindiran dalam gaya bahasa seperti yang dikemukakan dalam Jadual 2.3.

Jadual 2.3: Jenis sindiran dalam seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk

Sindiran Terhadap Tingkah Laku Pak Pandir		
Rangkap	**Baris**	**Tingkah Laku**
Anak dipijak dagang dijunjung Kucing dibunuh, tikus dibela	B1, B2	Buat baik tidak bertempat
Harta habis badan tergadai! Mendengar gelegak dagang,	B3, B4, B5	Mudah mempercayai orang
Tak sedar bertelanjang; Mendengar guruh di langit	B6, B7	Mudah terpedaya
Air tempayan dicurahkan Mulut kena suap pisang,	B8, B9, B10, B11	Mudah terpedaya
Buntut kena congkok onak Gunting makan di hujung Pak Pandir juga yang menanggung		Hidup terikat dengan kehendak orang
Apa didengar gelegak dagang? Gelagak rambutan jantan Orang berbuah di haram. Kilat memancar hujan tak lalu Awak juga kecundang	B12, B13, B14, B15, B16, B17	Suka meniru gaya hidup orang yang tidak memberi faedah
Sindiran Terhadap Gaya Bahasa dalam Seloka Pak Kaduk		
Rangkap	**Baris**	**Gaya Bahasa**
Mudik menongkah surut Hilir menongkah pasang Sauh dilabuh bayu berpuput	B5, B6, 10	Satira
Ayamnya menang kampung tergadai Awak pulang kebuluran	B2, B4, B7	Innuendo
Ada isteri dibunuh Ada nasi dicurahkan Nyaris mati oleh tak makan	B3, B8	Sinisme

(Sumber: Jabar & Ghazali, 2021, hlm. 370 & 372)

Rumusannya, kajian Jabar dan Ghazali (2021) ini berpendapat komunikasi sindiran halus lembut merupakan salah satu identiti masyarakat Melayu pada zaman dahulu menyampaikan kritikan dalam kalangan mereka. Justeru, kajian ini telah membuktikan bahawa pembacaan seloka secara dasar hanya menemukan unsur jenaka dan kebodohan watak PP dan PK. Berpandukan Teori *SPEAKING framework* oleh Hymes (1974) seloka PP dan PK juga dapat menjelmakan impak yang positif kepada proses inovasi komunikasi masyarakat Melayu. Dalam masa yang sama melahirkan negara bangsa yang memiliki sikap sosial yang baik.

Kajian Subet, Nadarajan, dan Abang Suhai (2015) pula menghubungkaitkan watak mitos Melayu (PP) dengan watak mitos Bidayuh iaitu Ma' Taroi (MT). Kajian ini bersifat

multidisiplin kerana sudah berupaya menghubungjalinkan watak mitos ini dengan konteks semasa iaitu, ideologi zaman industri dalam sektor pekerjaan. Ideologi ini bermaksud sistem kepercayaan yang menjadi asas kepada sikap seseorang. Lazimnya, ideologi dikaitkan dengan set kepercayaan bagi menggerakkan pemahaman sosial. Kajian ini yang mengkaji makna literal dan makna tersembunyi dalam mitos PP dan MT serta membandingkan persamaan dan perbezaan antara kedua-dua jenis cerita dengan menganalisis ciri perwatakan PP dan MT dengan ciri-ciri ideologi Mitos Peribumi Malas.

Naratif PP dan MT itulah yang membawa kepada ideologi negatif terhadap masyarakat peribumi di Malaysia seperti yang digambarkan pada Jadual 2.4.

Jadual 2.4: Naratif PP dan MT membawa kepada "Ideologi Mitos Peribumi Malas"

Watak	Mula	Perkembangan	Klimaks	Peleraian	Ideologi
PP	Pergi memancing	silap mendengar	menangkap rusa	beritahu isteri	bodoh
	Jaga anak	silap mendengar	guna air panas	anak mati	dungu
	Balut mayat anak	balutan tidak kemas/silap	mayat terjatuh	beritahu isteri	tidak rasional
	Pergi beli kerbau	silap	kaki luka	beritahu isteri	tidak dapat menghargai harta
	Pergi menjemput	silap	jemput kambing dan burung	beritahu isteri	tidak dapat mengikut arahan
MT	Pergi mendapatkan kain	kurang memahami	tutup bumi	beritahu isteri	malas
	Jaga anak	tidak memahami	mengorek ubun kepala	beritahu isteri	kejam/tidak tahu menjaga
	Menangkap rusa	enggan berkongsi	menyerahkan tangkapan	beritahu isteri	tamak/tidak tahu menyimpan

Ideologi yang dikemukakan pada Jadual 2.4 merupakan kritikan terhadap watak PP dan MT. Oleh sebab wujudnya ideologi negatif seperti inilah, menurut kajian Subet, Nadarajan, dan Abang Suhai (2015),yang menyebabkan peribumi di sektor pekerjaan sering dipandang rendah. Sebagai contoh, ideologi tamak dan tidak tahu menyimpan dalam naratif MT. Masyarakat peribumi dikatakan memiliki tanah rizab Melayu atau Orang Asli. Namun begitu, jika tanah ini tidak diusahakan dan dibiar begitu sahaja tanpa penguasaan tentu sahaja memberi kesan yang buruk seperti pembaziran sumber dan pencerobohan petani haram. Lebih menyedihkan sikap peribumi yang tamak dan tidak tahu menyimpan sumber ini mereka telah menjual tanah mereka kepada bukan peribumi. Kritik ini juga dibuat untuk anak-anak golongan petani yang berpendidikan tinggi, namun tidak mahu mengusahakan tanah keluarga. Mereka lebih suka berpindah ke kawasan bandar dan bekerja di bawah orang daripada mengusahakan tanah sendiri.

Selain itu, konsep bekerja iaitu malas lawan rajin turut dijadikan kritikan dalam kajian ini. Konsep ini begitu asing kepada masyarakat peribumi (ciptaan dunia moden). Pemodenan menyebabkan individu bergerak meninggalkan rumah bagi mencari nafkah, sedangkan masyarakat peribumi mempunyai tanah yang dapat diusahakan. Kajian ini mendapati bahawa dunia moden adalah tapak permainan yang dapat dimanipulasi oleh peribumi bekerja sendiri dari pagi sehingga petang. Masyarakat peribumi juga dikatakan membuang masa menjadi hamba orang asing. Disebabkan bekerja di bawah orang sudah tentulah mendapat kritikan terhadap hasil kerja mereka. Ideologi negatif yang dipancarkan dalam watak jenaka PP dan MT sedikit sebanyak membentuk gambaran negatif seperti “bodoh”, “dungu” “tidak pandai menyimpan harta”, “tidak dapat mengikut arahan”, “malas”, “kejam/tidak tahu menjaga” dan “tamak”. Ideologi seperti ini harus dihapuskan dalam kalangan pekerja peribumi dan bergerak selaras dengan ideologi industri semasa

seperti “mahir dalam pekerjaan”, mengikut arahan”, dan “mematuhi masa”. Kajian Subet, Nadarajan, dan Abang Suhai (2015) ini telah membuktikan bahawa bahawa gelagat Pak Pandir dan Ma’Taroi sebenarnya mencerminkan falsafah hidup masyarakat tempatan ‘free spiritedness’ dan mempaparkan erti sebenar kehidupan yang bebas dan sifat -sifat berdikari mereka yang hidup sebelum dunia industrialisasi muncul di rantau ini

Seterusnya, kajian Ghazali dan Palodi (2016) turut bersifat multidisiplin kerana berupaya mengaitkan watak mitos Melayu PP dengan kancah politik, ekonomi dan sosial di Malaysia. Namun begitu kajian ini memfokuskan watak PP versi moden yang dipetik daripada sumber berasaskan media elektronik dan media baharu seperti *blog, Facebook, Twitter* dan Internet. Kajian ini mendapati bahawa, tema dan persoalan yang dibangkitkan dalam naratif PP tidak lagi terikat dengan tradisi lama, tetapi telah melangkaui aspek modenisasi yang dapat digarap dalam situasi yang bersesuaian dengan pemikiran pembaca pada era kini. Kajian ini mengemukakan tiga objektif kajian, iaitu:

1. Meneroka unsur satira yang disampaikan dalam teknik jenaka PP moden.
2. Mengkaji penggunaan unsur kecindan dalam variasi bahasa (elemen dialek sosial) PP moden.
3. Melihat kesan kepada revolusi teknologi multimedia dapat memberi ruang daripada urbanisasi kepada modenisasi yang mengubah tradisi bercerita secara lisan kepada medium siber.

Kajian bersifat kualitatif ini memperoleh data sekundernya daripada laman sesawang www.ceritakelakar.com,www.jenaka-pak-pandir.blogspot.com, www.koleksi-lawak-pak-pandir.com, www.beritaharian-online.com dan www.heeheh.blogspot.com. Data kajian ini memberikan sindiran kepada masyarakat dari segi kritikan tentang kebejatan politik dan

sosial dalam PP moden. Perkembangan budaya siber (bentuk interaktif sosial yang dihasilkan oleh janaan komputer) telah menjadikan medan penyampaian pemikiran suara masyarakat terhadap isu semasa yang berlaku. Pelbagai aspek yang dapat diasimilasikan dalam penceritaan PP zaman dahulu dengan PP zaman kini. Berikut merupakan tajuk, genre dan ringkasan cerita PP moden yang dijadikan data kajian:

Jadual 2.5: Pengelasan teks Pak Pandir moden dalam aspek sosial dan politik

Bil.	Tajuk	Genre	Ringkasan Cerita
1.	*Pak Pandir beli TV*	Politik	PP mahu beli TV warna hijau.
2.	*Pak Pandir Terlampau*	Sosial	PP digambarkan mahu merogol anaknya dalam bilik. Rupa-rupanya mahu menunjukkan jam tangan.
3.	*Pak Pandir dengan wartawan Utusan*	Politik	PP tanam rambutan, tumbuhnya ubi.
4.	*Pak Pandir of Gambles*	Sosial	PP bertaruh bulu ketiak dengan pengurus bank.
5.	*Warkah Pak Kaduk kepada Pak Pandir*	Politik	PK menghantar surat kepada PP agar tidak mengulangi kebodohan yang lepas pada masa ini.
6.	*Cuti*	Sosial	PP bekerja sebagai pengawal keselamatan yang memohon cuti sebanyak tujuh hari. Tetapi, dia terus bercuti sehingga 14 hari.
7.	*Sunat*	Sosial	PP mengadakan hubungan seks dengan Mak Andeh menggunakan kondom tetapi mengandung juga.
8.	*Pak Pandir dengan hartanya*	Politik	PP mempunyai harta dan menyembunyikan dalam tanah kemudiannya dicuri oleh SL.

(Sumber: Ghazali & Padoli, 2015, hlm. 4)

Hasil kajian ini mendapati bahawa kehebatan pengarang kini mengaitkan naratif PP dalam bentuk baharu bercorak moden sekali gus mempopularkan cerita rakyat ini kepada umum secara tidak sedar melalui ruang siber. Cerita PP moden ini akan tersimpan sebagai pendokumentasian penting dalam corak perubahan semasa. Pengarang *blog* boleh dikatakan kreatif kerana berupaya mengaitkan isu semasa berkaitan konteks persekitaran kini dengan naratif PP. Sehubungan itu, kebijaksanaan akal budi Melayu akan terus meresap dalam

kotak pemikiran (pengarang *blog*) seperti kehebatan pencipta cerita lisan masyarakat Melayu pada masa dahulu. Kajian Ghazali dan Palodi (2016) ini telah mempertalikan aspek ekonomi, politik dan sosial negara Malaysia dengan naratif PP moden,

Menurut Ghazali dan Palodi (2016), dalam naratif PP moden, terdapat kisah mengenai isu jurang antara ekonomi kelas bawahan dengan kelas atasan. Golongan kelas bawahan biasanya terdiri daripada petani yang kuat berusaha untuk mendapatkan hasil pertanian, namun sering ditindas oleh golongan atasan. Analoginya seperti "golongan miskin akan terus miskin dan ditindas, manakala golongan atasan terus bertambah kaya." Golongan petani kebanyakannya tidak mempunyai pendidikan yang tinggi. Menurut Ghazali dan Palodi (2016), perkara ini digambarkan dengan perwatakan PP yang tidak berpendidikan. Mereka telah mengemukakan teks berikut untuk mengulas isu tidak berpendidikan ini.

Pak Pandir akan berjalan kaki melalui sebuah jalan raya untuk sampai di kebun getahnya. Semasa Pak Pandir berjalan di tepi jalan raya besar tersebut, ada sebuah papan tanda yang baru dipasang betul-betul di depan kebunnya. Selepas dia membaca papan tanda tersebut, dia pun pulang hampa. Mak Andeh hairan Pak Pandir pulang semula ke rumah lalu bertanya,

"Kenapa Bang?" Pak Pandir pun menjawab "Sejak bila la kerajaan tak bagi kita memotong getah. Diletaknya papan tanda besar di tepi jalan depan kebun kita tu papan tanda ***'DILARANG MEMOTONG'****."*

(Pak Pandir ke Kebun Getah)

Teks tersebut menurut Ghazali dan Palodi (2016) telah menggambarkan PP moden sebagai seorang penoreh getah. PP dikategorikan golongan bawahan yang tidak mempunyai pendidikan tinggi. Berdasarkan penulisan *blog* ini, mereka menyatakan bahawa pengarang blog telah cuba mengaitkan antara kerajaan dengan masyarakat (penoreh getah). Contohnya, harga getah di Semenanjung Malaysia berbeza dengan harga getah di Wilayah Sabah.

Perkara ini dikuatkan dengan kenyataan Tuan Hj Masmin Kadad daripada komen di blog tersebut:

...sampai sekarang kerajaan Negeri gagal memberi jawapan penyebab utama berbezaan harga getah di Semenanjung dan Sabah yang sangat mengecewakan pekebun getah Sabah. Maka saya mencadangkan agar kerajaan Negeri membenarkan agensi-agensi lain seperti RISDA, membeli getah di negeri ini agar harga getah pada tahap sebenar. Kalau di Semenanjung harga getah 11.50 sekilo tapi di Sabah baru 7.90. Sila berikan alasan yang konkrit?... atau adakah ada mainan dalam ahli LIGS dengan kepentingan perniagaan di negeri ini ada kaitan pemilikan dengan ahli-ahli lembaga ini sendiri?

(*Apa yang ada dalam ahli lembaga LIGS negeri*)

Merujuk kepada komentar ini, maka kajian Ghazali dan Palodi (2016) jelas telah berjaya mengesan terdapat kecelaruan undang-undang yang menjadikan ketidakseimbangan harga getah di Semenanjung dengan Wilayah Sabah. Hal ini dikatakan demikian kerana institusi yang mengawal dan menyelaras harga getah adalah berbeza. Perkara ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada kemasukan harga getah lain menyebabkan harga getah di Wilayah Sabah menurun. Wujudnya persoalan daripada golongan penoreh getah yang sentiasa menerima harga getah yang rendah kerana permainan politik pihak atasan yang bersifat monopoli atas dasar kepentingan diri sendiri untuk mendapatkan keuntungan.

Di samping itu, menurut Ghazali dan Palodi (2016), pengarang blog (sumber data kajian mereka) turut mengkritik golongan penoreh getah yang terlampau kemaruk menoreh getah. Dalam konteks kritikan ekonomi apabila harga getah naik, penoreh getah akan kemaruk menoreh getah untuk memenuhi permintaan pelanggan. Terdapat juga penoreh getah menoreh getah sebanyak mungkin sehingga pokok getah rosak. Perkara ini telah menyalahi prosedur penorehan getah yang biasa. Berdasarkan teks yang dipetik daripada blog sebentar tadi telah dikatakan terdapat papan tanda 'DILARANG MEMOTONG' yang membawa maksud penoreh getah tidak boleh terlampau kerap memotong getah ketika harga getah tengah tinggi. Menurut Ghazali dan Padoli (2016) lagi, penulis *blog* juga

menasihatkan penoreh getah supaya tidak terlampau agresif menoreh getah ketika harga getah melambung tinggi:

Satu perkara yang diingatkan adalah pokok ini agak sensitif dan perlukan skill atau cara yang betul semasa menoreh. Jika tersilap kulit pokok akan rosak dan ia tidak akan mengeluarkan hasil yang diharapkan. Kerana itu juga ingin mengupah pekerja pastikan mereka mahir dan tahu teknik menoreh yang betul.

(*Hati-hati Menoreh*)

Selain itu, kajian Ghazali dan Padoli (2016) juga telah mengesan watak PP dijadikan sebagai alat kritikan sosial masyarakat secara tidak konvensional. Mereka mendapati bahawa cerita yang ditulis dalam *blog* ini juga telah mengkritik secara tersirat keadaan masyarakat kini. Kajian mereka berjaya mengesan kritikan ini melalui melalui teks berikut:

Pak Pandir yang bekerja di sebuah kilang sebagai pengawal keselamatan berjumpa dengan manager minta cuti.

"Tuan saya minta cuti seminggu balik kampung, ada urusan keluarga. Bolehkah?"
"Cuti seminggu… oklah, saya bagi cuti seminggu," balas manager.
Selepas 14 hari, baru Pak Pandir balik bertugas. Tanya si manager: "Kenapa dua minggu cuti?"
Jawab Pak Pandir: "Saya minta seminggu cuti. Tuan bagi seminggu cuti, Jadi dua minggulah.

Menurut Ghazali dan Padoli (2016), petikan ini menunjukkan isu sosial yang mengaitkan taraf hidup pekerja dan majikan dalam isu cuti. Kebiasaannya, pekerja kilang perindustrian bekerja selama lapan jam dan selebihnya sebagai kerja tambahan. Mereka juga terpaksa bekerja pada hujung minggu untuk menambah pendapatan dan arahan majikan. Ketidakadilan sosial terjadi apabila golongan kelas bawahan seperti PP terikat dengan sistem autokratik pihak atasan. Kajian Ghazali dan Padoli (2016) juga mengemukakan petikan berita dalam talian di bawah dan kajian mereka telah berjaya mengesan tentang terdapatnya

rungutan daripada pengawal keselamatan yang menerima gaji rendah dan waktu kerja yang lama:

KUALA LUMPUR: Penantian lebih 20 tahun untuk menikmati gaji baru minimum bagi kira-kira 100, 000 pengawal keselamatan tempatan akhir bulan ini seperti diumumkan kerajaan tahun lalu, kini menjadi tanda tanya. Ini berikutan, mesyuarat Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM) yang dihadiri 500 orang ahlinya di sebuah hotel Putrajaya, Khamis lalu sebulat suara memutuskan tidak menaikkan gaji minuman RM700 buat masa ini.

(Berita Harian Online, 2011)

Selain itu kajian Ghazali dan Padoli (2016) juga telah mengesan kewujudan kritikan dari aspek politik**.** Menurut mereka, medium televisyen kebiasaannya didominasi oleh parti politik yang memerintah. Sebagai contoh, RTM 1, RTM 2 dan TV 3 akan memberikan laluan slot berita untuk melaporkan kejayaan BN dan mengangkat kepimpinan parti politik tersebut. Berdasarkan medium televisyen inilah parti pembangkang dikritik dan dicemuh sehingga masyarakat umum mempercayai berita yang dilaporkan. Selain medium televisyen provokasi politik kerajaan turut diperluas dalam media cetak seperti surat khabar. Berikut petikan dalam penulisan *blog* yang memberikan kritikan aspek politik melalui naratif PP moden:

Pada suatu hari, Pak Pandir pergi ke pekan untuk membeli TV. Sampai di kedai menjual TV, Pak Pandir pun bertanyalah kepada jurujual.
Pak Pandir: Awak ada jual tv warna?
Jurujual: Ada.
Pak Pandir: Kasi saya tv warna hijau…

(*Cerita Lucu: Pak Pandir beli TV*)

Pengarang *blog* telah menggunakan unsur perlambangan warna sebagai sindiran kepada syarikat penerbitan berita di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana warna hijau melambangkan bendera parti PAS. PP moden dikatakan sebagai simbol masyarakat yang mahu menonton siaran televisyen daripada parti pembangkang. Kritikan terhadap isu televisyen yang hanya memaparkan parti kerajaan ada disentuh dalam petikan ini:

*Rata-rata rakyat kecewa dengan tindakan TV3 yang menjadikan siaran **Buletin Utama** sebagai **Buletin UMNO** semasa persidangan Agung parti itu baru-baru ini. Tidak cukup dengan siaran langsung, TV3 mengambil masa setengah jam untuk menyiarkan laporan terperinci tentang perjalanan perhimpunan itu setiap malam. Apa yang jelas dapat dilihat, seolah-olah TV3 sudah menjadi TV UMNO. Tindakan itu amatlah tidak wajar kerana mereka harus ingat bahawa penonton yang menyaksikan siaran tersebut terdiri daripada pelbagai kaum dan fahaman politik.*

(*www. pahangdaily.blogspot.com*)

Selain itu, terdapat beberapa kajian mengenai watak mitos Melayu berbentuk jenaka dalam bidang kesenian. Rusli (2018) dalam tesis sarjananya yang bertajuk "Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Jenaka Melayu dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari" telah menganalisis unsur didaktik atau pengajaran yang terkandung dalam naratif PP dan LM dengan kaedah eksplorasi seni visual, sementara kajian Rusli dan Zali (2020)yang bertajuk "Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) dalam Karya Seni Cetakan"telah menggunakan kaedah eksplorasi seni visualyang memfokuskan cerita jenaka SL sebagai subjek kajian.

Kajian Rusli (2018) bersifat multidisiplin kerana sudah berupaya menghubung jalinkan cerita jenaka Melayu dengan bidang seni. Kajian ini turut mengaitkan kancah politik di Malaysia sebagai unsur sindiran dalam penghasilan karya seni beliau. Pengkaji telah menggunakan Teori Adaptasi untuk mengolah cerita jenaka PP dan LM ke dalam bentuk karya seni visual sehingga berjaya memperkaya dan memartabatkan kedua-dua bentuk

kesenian ini. Contohnya, kajian ini mengambil salah satu naratif PP untuk diinterpretasikan berdasarkan kritikan isu-isu politik. Kajian ini mengemukakan simile "Umpama Pak Pandir Dapat Lantikan" sebagai data kajian. Menurut Rusli (2018), watak PP sering digambarkan sebagai dungu dan manusia paling lurus bendul. Namun begitu, PP turut digambarkan mempunyai sikap berwajah dua yang menampilkan dirinya memiliki pemikiran yang cerdik. Kajian Rusli (2018) ini telah mengemukakan pandangan Osman (2007) untuk merumuskan bahawa PP sebenarnya seorang yang cerdik, tetapi lurus dan dungu. Pemahaman pada peringkat ini telah menghidupkan idea kepada pelukis untuk menghasilkan karya kreatif dalam bidang seni halus. Kajian ini telah memfokuskan cetakan blok kayu sebagai tatacara menginterpretasikan watak PP dengan karya seni halus.

Di samping itu, elemen-elemen politik diterapkan berdasarkan pemerhatian dalam kalangan individu politik di sekitar pelukis. Proses pengkaryaan dimulakan dengan pelukis mencari imejan yang sesuai dijadikan bentuk metafora bagi menyampaikan maksud di dalam karya. Berdasarkan pembacaan naratif PP, imejan utama yang diangkat dalam karya seni ini adalah imej badut atau pelawak. Justifikasi kajian ini mengaitkan watak PP dengan badut kerana sikap dan perlakuan badut sering melakukan aksi-aksi lucu melalui perbuatan yang kelihatan bodoh dan tolol bagi menghiburkan penontonnya. Pada peringkat ini, kajian Rusli (2018) hanya menjalankan kerja saringan data bagi mendapatkan imejan yang paling sesuai untuk diangkat dalam karyanya. Kajian Rusli (2018) ini juga melalui watak PP telah mempertalikan watak PP dengan kancah politik tempatan yang dihubungkaitkan dengan aspek seni halus:




a. Imejan Joker | b. Imejan badut | c. Imejan The Jolly Joker

d. Imejan kalendar | e. Imejan kalandar | f. Imejan kalandar

Rajah 2.6: Imejan yang bersesuaian dengan naratif Pak Pandir dan kancah politik
(Sumber: Rusli, 2018)


Dalam proses pencarian imejan badut, Rusli (2018) telah menggunakan imej kad Joker yang sering digunakan dalam permainan daun terup. Disebabkan pengkaji tertarik dengan fungsi dan kegunaan kad Joker ini, pengkaji turut mengaitkan leksikal "Joker" dengan watak PP dalam teks *Cerita Jenaka Melayu*. Di samping itu, imejan kalendar turut dijadikan subjek sokongan dalam karya "Umpama Pak Pandir Dapat Lantikan" kerana kalender berfungsi sebagai penyampaian maklumat mengenai tarikh seperti hari bekerja, cuti sekolah dan kelepasan am. Kalendar akan memaparkan cuti sekolah sebagai kritikan dalam karya ini kerana menyampaikan makna "cuti" sebagai helah untuk mengelak daripada melakukan atau melaksanakan sesuatu tugasan. Langkah seterusnya pengkaji melakukan pembinaan komposisi yang sesuai bagi membina naratif dalam karya tersebut. Pada

peringkat ini, pengkaji menggunakan lakaran konvensional dengan bantuan perisian Adobe Photoshop dan Illustrator. Berikut merupakan proses suntingan imejan secara digital:



a. Pengolahan karya dimulakan dengan menghasilkan reka letak perkataan Joker yang berfungsi sebagai outline kepada komposisi karya	b. Imej kalendar dimasukkan ke dalam komposisi	c. Imej figura manusia dan papan sasar dibina dengan kaedah vector dan dimasukkan ke dalam komposisi

Rajah 2.7: Pembinaan komposisi pengkaryaan secara digital (Rusli, 2018)



Rajah 2.8: "Umpama Pak Pandir Dapat Lantikan", Cetakan blok kayu, 10 edisi cetakan, 84cm, x 118cm x 116cm, 2015 (Rusli, 2018)

Berdasarkan Rajah 2.8, Rusli (2018) telah mempertalikan watak PP dengan kancah politik tempatan. Perkaitan isu politik yang cuba diketengahkan oleh pengkarya adalah sikap ahli politik yang dimetaforakan sebagai "badut" oleh segelintir rakyat kerana sering membuat kenyataan-kenyataan yang tolol dan dungu sehingga menimbulkan geli hati. Lukisan ini turut mengaitkan unsur kritikan "cuti" sebagai rujukan ahli politik sering mencari helah untuk melaksanakan tugasan atau mandat yang diberikan kepada mereka. Kajian ini mendapati bahawa kajian Rusli (2018) ini telah membuktikan bahawa wujudnya perkaitan kancah politik di Malaysia dalam cerita jenaka Melayu. Kajian Rusli (2018) ini telah menggunakan konteks seni visual sebagai potensi yang tinggi untuk diteroka, diolah dan diterjemahkan ke dalam bentuk baharu oleh penggiat seni. Kajian ini menerangkan bahawa hasil cerita jenaka Melayu ini bersifat malar segar dan bersedia untuk dicerna dalam konteks semasa. Justeru, kajian ini mampu mengaitkan genre kesenian, politik dan SR untuk rujukan generasi akan datang.

2.4 Sorotan literatur mengenai Teori Relevans

Kajian ini akan menggunakan TR sebagai tatacara menganalisis data. Oleh itu, pengkaji akan menyorot secara mendalam kajian lepas mengenai TR yang memfokuskan aspek-aspek penting dalam kajian ini, iaitu: sikap (Jalaluddin & Awal, 2017; Samaon & Subet, 2020a, 2020b) kancah politik (Wong, 2013a, 2013b, 2014a, 2014b, 2015, 2016; Rahman & Hassan, 2019; Daud & Subet, 2021) dan mitos Melayu (Osman & Jalaluddin, 2014, 2015, 2018, 2020).

2.4.1 Sorotan literatur mengenai Teori Relevans: Aspek sikap

Penulisan Jalaluddin dan Awal (2017) bertajuk "Citra lelaki dulu dan kini dalam prosa Melayu: Analisis Teori Relevans" antara kajian terawal yang mengkaji sikap dan tingkah laku lelaki dalam budaya Melayu menggunakan TR. Kajian ini berbentuk kualitatif

sepenuhnya dengan menggunakan data korpus seperti filem klasik (*Keluarga 69* dan Anak Bapak) arahan Tan Sri P. Ramlee serta novel popular (*Ombak Rindu, Salam Maria* dan *Pemburu Mimpu*). Gambaran lelaki dulu (1960-an) dinilai dalam filem arahan Tan Sri P. Ramlee. Justifikasi pemilihan filem klasik era 60-an kerana menggambarkan sikap-sikap lelaki pada awal kemerdekaan. Manakala, gambaran lelaki kini dinilai dalam novel-novel popular kerana menggambarkan sikap lelaki masa ini dengan gambaran hidup lebih praktikal.

Hasil kajian ini mendapati bahawa sikap dan watak lelaki dalam budaya Melayu tidaklah mengalami perubahan yang ketara dari zaman 1960-an sehingga kini. Golongan lelaki masih dianggap seorang yang mempunyai kuasa dan "dihalalkan" setiap kelakuan negatif. Namun begitu, terdapat juga ciri positif seorang lelaki seperti baik hati, suka menolong dan bertukar menjadi suami yang penyayang selepas berkahwin. Jadual 2.6 di bawah mengemukakan rumusan kajian Jalaluddin dan Awal (2017) tentang ciri-ciri maskulin seorang lelaki pada zaman dahulu dan sekarang:

Jadual 2.6: Ciri-ciri maskulin dalam sikap lelaki dahulu dan kini

Ciri-Ciri Maskulin	Sikap Lelaki Dahulu	Sikap Lelaki Kini
Suka pada seks, peminum	/	/
Masih mempunyai keperibadian Melayu, walaupun "nakal" (bertanggungjawab, memahami dan pandai menyesuaikan diri)	/	/
Cenderung menjadi suami yang lebih bertanggungjawab selepas berkahwin	/	/

Kajian Jalaluddin dan Awal (2017) telah menggunakan data yang diperoleh daripada filem dan novel. Data-data ini telah dikategorikan oleh Jalaluddin dan Awal (2017) kepada

bentuk eksplikatur dan implikatur. Berikut dikemukakan antara dapatan kajian mereka bagi menggambarkan sikap seorang lelaki pada zaman dahulu dan kini.

(1) Data eksplikatur dan implikatur – nafsu seks

a. *Maaflah Cik Normah, saya belum baligh lagi.*

b. *"Tak penat ke dia kunyah gula-gula getah hari-hari?" Ketawanya hambar. "Tak inginkah dia diet yang lebih seimbang?" "Dia tukar teman wanita lebih cepat dari misai aku tumbuh!"*

Kajian Jalaluddin dan Awal (2017) telah mengemukakan bukti melalui ujaran eksplisit yang menggambarkan nafsu seks yang sangat sinonim dalam perbualan golongan lelaki. Jika diteliti dengan lebih mendalam, menurut Jalaluddin dan Awal (2017), ujaran a dan b tersebut mengandungi implikatur yang dapat diterokai lebih mendalam. Menurut mereka lagi, ujaran seperti ini mempunyai dua lapis makna dan . ujaran yang berimplikatur pula mestilah mengandungi konteks bagi melincirkan pemahaman pendengar. Berikut merupakan analisis kajian mereka terhadap ujaran a dan b di atas.

i) *saya belum baligh lagi.*

Andaian implikatur: saya masih mentah dan belum wajib berkahwin

Kesimpulan implikatur: saya tidak akan berkahwin

ii) *Tak penat ke dia kunyah gula-gula getah hari-hari?*

Andaian implikatur: sering menukar gula-gula getah yang tawar kepada yang baharu atau yang lebih manis.

Kesimpulan implikatur: selalu menukar teman wanita setelah jemu dengan yang sedia ada.

Berdasarkan data berikut, menurut Jalaluddin dan Awal (2017), ungkapan seperti "baligh", "mengunyah gula-gula getah" dan "lebih cepat misai aku tumbuh" membawa makna konotasi implikatur (nafsu seks). Mereka mengemukakan data daripada filem "Anak Bapak". Dalam filem ini, watak Harun telah menghina Normah yang bekerja sebagai penyanyi kelab malam dan tidak akan mengahwini perempuan sepertinya. Menurut Jalaluddin dan Awal (2017) pendengar seharusnya memahami makna "baligh" terlebih dahulu. Dengan bantuan maklumat konteks, penonton sudah mengetahui Harun sebagai seorang lelaki yang sudah baligh dan layak berkahwin. Penonton juga dibekalkan dengan sikap Harun seorang "buaya darat". Ujaran yang digunakan oleh Harun itu adalah implikatur menolak lamaran Normah untuk berkahwin. Kajian Jalaluddin dan Awal (2017) ini berpendapat bahawa walaupun, ujaran ini berbentuk tersirat, pendengar tidak mempunyai masalah untuk mentafsirkan ujaran tersebut. Dari sudut TR, ungkapan ini dibekalkan konteks yang baik, sehingga memberikan kesan kognitif yang tinggi dan memudahkan usaha memproses maklumat pendengar.

Seterusnya, kajian Jalaluddin dan Awal (2017) juga telah mengesan watak lelaki dahulu dan kini yang digambarkan sebagai seorang yang mempunyai kuasa. Berikut merupakan contoh data eksplikatur dan implikatur – kuasa dalam kajian mereka.

(2) Data eksplikatur dan implikatur – kuasa

a. *"Kau cantik. Segalanya cantik," ujar Hariz. Ketawanya berdekah-dekah. "Dan aku rasa… tak rugi melabur duit kerana kau.*

b. *Mana mungkin Razak dapat menandingi bosnya – seorang usahawan, jutawan, kacak, berbudi bahasa dan menawan.*

c. *"Sekarang kau dah selamat," ujar Hariz. Kau hanya berkhidmat pada aku seorang." " Kau hanya ada dua pilihan. Menjadi perempuan simpanan aku atau aku hantar semula pada Kelvin."*

Dalam konteks kajian ini, menurut Jalaluddin dan Awal (2017), implikatur kuasa dikaitkan dengan watak seorang lelaki yang mempunyai wang ringgit dan kekayaan. Sikap lelaki yang mempunyai kuasa dijelmakan sebagai seorang yang ego, menunjuk-nunjuk, dan suka apabila orang bawahannya berasa takut dengannya. Mereka telah mengesan kewujudan implikatur "kuasa" dalam ujaran a, b dan c di atas.

i) *tak rugi melabur duit kerana kau.*

Andaian implikatur: menyimpan untuk mendapatkan faedah

Kesimpulan implikatur: beruntung mendapat Izzah yang masih dara untuk dijadikan perempuan simpanan

ii) *Mana mungkin Razak dapat menandingi bosnya – seorang usahawan, jutawan, kacak, berbudi bahasa dan menawan.*

Andaian implikatur: Razak berjawatan lebih rendah daripada bosnya

Kesimpulan implikatur: Hayati akan memilih Arif bukannya Razak

iii) *aku hantar semula pada Kelvin*

Andaian implikatur: memulangkan semula kepada Kelvin

Kesimpulan implikatur: menjadi pelacursemula di kelab malam.

Menurut Jalaluddin dan Awal (2017), melalui pembentukan andaian dan kesimpulan implikatur iii, penonton dapat memahami Izzah "dibeli" daripada bapa ayam untuk dilanggan oleh Hariz. Namun begitu, Izzah enggan melayan nafsu Hariz, lalu meningkatkan

kemarahan Hariz yang sudah mengeluarkan wang yang banyak untuk Izzah melayannya. Dengan adanya kuasa pada tangan Hariz, dia telah mengugut Izzah. Hariz telah memberi Izzah pilihan sama ada melayan dirinya atau dipulangkan semula kepada bapa ayam. Ujaran ini bersifat implisit, tetapi ujaran ini mudah dicerna dengan bantuan frasa tambahan seperti *Kau hanya berkhidmat pada aku seorang* dan *Kau hanya ada dua pilihan. Menjadi perempuan simpanan aku, atau aku pulangkan semula pada Kelvin*. Data i. dan ii. juga dapat diinterpretasikan sebagai implikatur "kuasa" kerana kehadiran frasa dan leksikal seperti "melabur", "usahawan", "kacak", "berbudi bahasa" dan "menawan." Kesemua ini adalah impak kepada seseorang yang mempunyai kuasa sentiasa disegani kehebatannya.

Jelaslah kajian Jalaluddin dan Awal (2017) ini telah berjaya mengesan kewujudan ujaran yang berimplisit yang dapat dikaitkan dengan konteks sehingga dapat mengemukakan citra watak lelaki yang mempunyai nafsu seks dan kuasa, dan natijahnya yang menjadi mangsa kerakusan lelaki ini ialah wanita.

Kajian Samaon dan Subet (2020a) pula telah menggunakan TR dalam menganalisis sikap dan perwatakan remaja lelaki dalam Komponen Kesusasteraan Melayu dalam Bahasa Melayu (KOMSAS). Sebagai batasan kajian, pengkaji telah memfokuskan novel KOMSAS zon Sarawak iaitu, *Di Sebalik Dinara* penulisan Dayang Noor. Kajian ini berbentuk kualitatif sepenuhnya dengan memanfaatkan analisis dokumen secara pensampelan bertujuan. Pengkaji telah memilih ujaran eksplikatur dan implikatur yang boleh menggambarkan sikap dan kelakuan sorang remaja lelaki iaitu Azraai. Dalam kajian Samaon dan Subet (2020a) ini fasa seorang remaja lelaki bermula pada umur 12 hingga 16 atau 18 tahun, manakala fasa remaja lelaki berakhir pada 25 tahun. Remaja lelaki juga akan mengalami kematangan fizikal, emosi dan seksual. Dalam novel ini, Azraai merupakan watak sampingan dan abang angkat kepada Farisha (watak utama). Azraai digambarkan sebagai seorang abang yang

bertanggungjawab, mengambil berat akan adiknya dan tabah kerana kuat menghadapi penyakit jantung.

Hasil kajian Samaon dan Subet (2020a) ini telah mendapati bahawa, PdP dalam KOMSAS dapat diperluas menggunakan analisis TR dan RRS. Perkara ini sekali gus menjana Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan pelajar. Sebagai contoh kajian ini mengemukakan watak Azraai sebagai seorang abang yang bertanggungjawab terhadap adiknya. Berikut merupakan contoh ujaran yang dikemukakan dalam kajian Samaon dan Subet (2020a) ini yang dapat dikaitkan dengan sikap bertanggungjawab seorang abang kepada adiknya:

"Azraai tu abang kau. Dia sayang akan kau. Tentulah dia buat ni demi keselamatan kau" Shida berada di pihak Azraai nampaknya.

Berdasarkan ujaran ini, menurut Samaon dan Subet (2020a), pelajar dapat membentuk makna logik berdasarkan pemahaman awal mereka, iaitu:

Makna logik: Sahabat Farisha iaitu Shida bersetuju dengan tindakan Azraai kerana sikap dan kelakuan Azraai dikatakan melindungi keselamatan adiknya.

Kajian Samaon dan Subet (2020a) ini telah mengemukakan beberapa rumusan setelah menganalisis makna "tentulah" (rujuk Jadual 2.7). Melalui ujaran eksplikatur "tentulah" yang didekod oleh pelajar ini, menurut Samaon dan Subet (2020a) lagi, pelajar juga telah dapat merumuskan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang novel *Di Sebalik Dinara* iaitu Dayang Noor terhadap sifat dan sikap watak Azraai dalam novel beliau.

Jadual 2.7: Rumusan analisis makna "tentulah"

Eksplikatur	Bentuk Logik	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur	Makna Sebenar
Tentulah dia buat semua ini demi keselamatan kau	Tentu: [1]sudah tetap, tidak berubah, pasti teratur. [2]sudah tidak ragu-ragu lagi, sudah ketara (ketentuan), benar, tidak syak lagi, jelas, nyata, terang	1. Abang yang mahukan keselamatan adiknya. 2.Abang menjaga kebajikan adiknya. 3. Abang yang memantau pergerakan adiknya	Sikap seorang abang yang bertanggungjawab dan tugasnya untuk memastikan keselamatan adiknya terjamin	Sikap seorang abang yang: 1. bertanggun-gjawab 2. sayang akan adiknya. 3. prihatin

Maka, dalam Jadual 2.7 jelas menunjukkan Azraai sebagai seorang remaja yang bertanggungjawab, sayang akan adiknya dan prihatin. Dalam TR, pengetahuan yang sedia ada dalam pembentukan makna logik dalam kalangan pelajar dapat memudahkan mereka mentafsirkan tindakan seorang abang yang bertanggungjawab. Pada mulanya, konteks terbentuk melalui leksikal "tentulah" yang membawa maksud tindakan pasti dan sudah tidak ragu-ragu seorang abang yang sentiasa melindungi adiknya. Ujaran ini membantu pelajar meningkatkan kesan kognitif mereka dan menghasilkan implikatur seperti:


1. Abang (Azraai) yang mahu keselamatan adiknya (Farisha) terjamin.

2. Abang yang menjaga kebajikan adiknya.

3. Abang yang memantau pergerakan adiknya.

Oleh itu, jelaslah menunjukkan bahawa pelajar mencapai kerelevanan yang optimum, berdasarkan pembinaan implikatur ini dan seterusnya dapat menyimpulkan implikatur tersebut sebagai "memang menjadi tanggungjawab dan tugas seorang abang untuk memastikan keselamatan adiknya terjamin.". Kajian Samaon dan Subet (2020a) ini

juga telah mengukuhkan dapatan kajian mereka dengan analisis RRS yang merupakan sebahagian daripada analisis TR.



Rajah 2.9: Pemetaan RRS terhadap sikap Azraai

Dalam kajian Samaon dan Subet (2020a) ini, Rajah 2.9 menunjukkan watak Azraii telah dirujuksilangkan dengan beberapa premis tambahan bagi membantu pelajar mengesan implikatur yang dapat menunjukkan bahawa Azraai ialah seorang abang yang bertanggungjawab. Leksikal tambahan seperti "tentulah", "demi" dan "kau" dapat memberikan kesan kognitif yang baik kepada pelajar. Ujaran ini diperkukuhkan dengan frasa "demi keselamatan kau" sudah jelas memberikan penginterpretasian makna sebenar pelajar terhadap proposisi "sudah menjadi tanggungjawab seorang abang menjaga keselamatan adiknya.".

Dalam TR, pelajar dikenal pasti tidak memerlukan kos atau usaha memproses (konsep dalam TR) yang tinggi dalam menjelaskan sikap seorang abang. Hal ini dikatakan demikian, kerana dalam sosialisasi masyarakat Melayu, seorang abang telah diamanahkan oleh keluarga untuk menjaga adik-beradik yang lain semasa ketiadaan mereka (Samaon & Subet, 2020a). Oleh itu, Jadual 2.8 menunjukkan bahawa pelajar telah dapat membuat satu rumusan analisis peluasan makna KBAT berdasarkan implikatur ini.

Jadual 2.8: Rumusan analisis peluasan makna KBAT

Makna Sebenar	Peluasan Makna KBAT		
	Latar Masyarakat	**Nilai**	**Pengajaran**
Seorang abang yang bertanggun-gjawab	Masyarakat yang bertanggungjawab (diwakili oleh Azraai)	Nilai bertanggungjawab (diwakili oleh Azraai)	Seorang abang hendaklah bertanggungjawab terhadap keselamatan adiknya
Seorang abang yang sayang akan adiknya	Masyarakat yang penyayang (diwakili oleh Azraai)	Nilai kasih sayang (diwakili oleh Azraai)	Seorang abang hendaklah sayang akan adiknya/ahli keluarganya
Seorang abang yang prihatin	Masyarakat yang prihatin (diwakili oleh Azraai)	Nilai keprihatinan (diwakili oleh Azraai)	Seorang abang hendaklah prihatin terhadap keselamatan adiknya

Rumusannya, kajian ini telah membuktikan bahawa dengan analisis TR dan RRS dapat membantu dan dimanfaatkan oleh pelajar bagi mencapai KBAT. Pendekatan ini dianggap relevan kerana pelajar dapat menyimpulkan sikap seseorang watak itu dengan mengambil kira elemen PdP KOMSAS seperti latar masyarakat, nilai murni dan pengajaran yang cuba disampaikan secara eksplisit dan implisit oleh penulis novel.

2.4.2 Sorotan literatur mengenai Teori Relevans: Aspek politik

Sorotan literatur mengenai TR dalam aspek politik dapat dilihat melalui penulisan Wong (2013a, 2013b, 2014a, 2014b, 2015, 2016). Kajian-kajian beliau lebih terarah pada teks ucapan tokoh politik negara iaitu Tungku Abdul Rahman. Kajian Rahman dan Hassan (2019) pula, telah mengaplikasikan analisis TR terhadap isu politik *1 Malaysia Development Berhad* (1MDB). Manakala, kajian Daud dan Subet (2021) adalah kajian yang paling hampir dengan skop kajian ini kerana mempertalikan naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang

dalam sastera rakyat Melayu Sarawak dengan kancah politik di Malaysia. Kajian ini turut mengaplikasikan TR sebagai landasan teorinya.

Wong (2016) melalui tesis beliau yang bertajuk "Keimplisitan Ujaran dalam Ucapan Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj: Satu Analisis Teori Relevans telah menerbitkan beberapa artikel jurnal seperti, "Penggunaan Simbol dalam Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans" (2013a), "Bahasa Figuratif Sebagai Wahana Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik (2013b), "Keharmonian Kaum dalam Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans" (2014a), "Pemupukan Unsur Patriotisme Melalui Ujaran Implisit dalam ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Pragmatik" (2014b) serta "Kesantunan Berbahasa Tunku Abdul Rahman dalam Ucapan Sulung sebagai Yang Dipertua UMNO Malaya: Analisis Pragmatik" (2015). Kesemua penulisan ini berkaitan dengan ucapan "Bapa Kemerdekaan Negara" atau "Bapa Malaysia" menggunakan analisis TR.

Menurut Wong (2016) untuk membentuk sebuah negara yang merdeka, di samping rakyatnya yang berbilang kaum, budaya dan agama. Tunku Abdul Rahman sangat mementingkan keharmonian kaum di Malaysia dalam ucapannya. Dengan itu, setiap tutur kata beliau haruslah difahami dengan baik oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia ketika itu. Namun begitu, sebelumnya, Wong (2014a) telah terlebih dahulu menemui permasalahan dalam ucapan Tunku iaitu, "bagaimanakah ucapan Tunku mengandungi ujaran implisit?" Kajian ini mendapati bahawa, pendengar akan memerlukan usaha memproses yang tinggi untuk mentafsirkan makna implisit dalam ucapan atau penulisan Tunku. Oleh itu, kajian ini dijalankan secara kualitatif dalam usaha menghuraikan bentuk-bentuk bahasa implisit dalam ucapan Tunku menggunakan TR. Kajian ini menggunakan data korpus iaitu teks ucapan Tunku yang bertajuk "Ucapan Ketua Menteri Antara Kaum di Melaka pada 16 Februari

1957" yang diperoleh daripada Jabatan Arkib Negara Malaysia. Sebagai batasan kajian, kajian Wong (2014a) ini memfokuskan bahasa figuratif berbentuk kata dan frasa dalam ucapan Tunku.

Bagi menghuraikan makna ujaran implisit dalam ucapan Tunku berbentuk kata, kajian ini mengemukakan dua contoh data iaitu, "kota" dan "racun". Kajian ini mendapati bahawa dalam ucapan Tunku, leksikal "racun" sebenarnya mengandungi unsur implisit, jika mengambil kira pengaruh konteks dalam ujaran. Konteks dibekalkan melalui tarikh ucapan teks tersebut, iaitu enam bulan sebelum kemerdekaan negara, di samping itu tajuk ucapan dan ujaran-ujaran lain dalam teks ini turut membantu memberikan maklumat tambahan kepada pembaca atau pendengar. Berbekalkan konteks ini, maklumat baharu dapat diproses sehingga menghasilkan kesan kognitif.

Sebelum makna implisit "racun" dihuraikan dengan lebih mendalam pendengar atau pembaca seharusnya memahami makna perkamusan leksikal tersebut. Menurut Hassan dan Mohd (2003) dalam Wong (2014a), leksikal "racun" boleh membawa makna bias, pembunuh, pemusnah, perosak, santau, sengat, toksin, tuba dan ubat. Leksikal ini secara jelas bersifat negatif. Berikut pula merupakan penggunaan leksikal "racun" dalam ucapan Tunku:

"Inilah tiga perkara yang menjadi ***racun*** yang besar kepada mana-mana negeri pun, kepada mana-mana bangsa pun." (Tunku Abdul Rahman, 1957, hlm. 56).

Berdasarkan ujaran ini, jelas menunjukkan bahawa pemahaman leksikal "racun" secara perkamusan adalah tidak memadai kerana bertentangan dengan maklumat konteks. Oleh itu, analisis data dilakukan menggunakan TR seperti berikut:

Jadual 2.9: Analisis TR terhadap data "racun" dalam ucapan Tunku Abdul Rahman

Kod	Inferens	Andaian
Racun	Sesuatu yang memudaratkan	a. masalah b. pembunuh c. ketakutan d. pergaduhan

Berdasarkan Jadual 2.9, menurut Wong (2014a) inferens yang dibentuk berdasarkan leksikal "racun" adalah sesuatu yang memudaratkan. Setelah konteks dikenal pasti, penginterpretasian makna leksikal "racun" adalah lebih mudah. Dengan bantuan ujaran terdahulu seperti, "negeri ini tak boleh senang", "apabila hendak merdeka masing-masing sudah naik takut, takut itu, takut ini, takut hak Melayu hilang. Hilang itu, hilang ini" dan "orang-orang China yang takut Melayu nak mengamuk" dan pengetahuan sedia ada pendengar akan meningkatkan lagi pengesahan konteks tersebut. Melalui ujaran-ujaran terdahulu dapat memberikan gambaran mengenai keadaan rakyat di Tanah Melayu ketika itu, penuh dengan kebimbangan dan saling tidak mempercayai antara satu sama lain. Perkara ini dapat mendatangkan kemudaratan kepada cita-cita negara untuk mencapai kemerdekaan. Wong (2014a) mengemukakan andaian (a) yang mempunyai konteks yang paling relevan dengan situasi yang digambarkan dalam ujaran-ujaran terdahulu kerana terdapat masalah atau penghalang kepada perpaduan negara. Dapatan ini dapat mewujudkan kesan kognitif dan seterusnya merendahkan usaha memproses pembaca atau pendengar dalam usaha menginterpretasikan makna implisit "racun" tersebut. Pemilihan andaian (a) sebagai makna sebenar dapat dibuktikan dengan proses penguatan dalam TR melalui faktor persekitaran pendengar. Manakala, andaian-andaian lain (b) pembunuh, (c) ketakutan, (d) pergaduhan adalah lemah dan bertentangan dengan konteks ujaran. Jadi, andaian-andaian yang lemah digugurkan.

Seterusnya kajian Wong (2014a) mendapati bahawa makna implisit berbentuk frasa dalam ucapan Tunku pula dapat dilihat melalui contoh ini, "satu pasar yang besar." Secara morfologinya, frasa ini sebenarnya mempunyai gabungan dua perkataan atau lebih. Dalam ungkapan "… negeri ini akan jadi pasar yang besar…". Frasa "akan jadi pasar yang besar" merupakan predikat ayat yang terbentuk melalui frasa kerja dengan intinya "jadi". Leksikal "jadi" merupakan kata kerja tidak transitif berpelengkap, jadi frasa "pasar yang besar" adalah pelengkapnya. Oleh itu, kata inti daripada ujaran ini adalah "pasar". Wong (2014a) telah memetik pendapat Hassan dan Mohd (2003), yang menyatakan bahawa frasa "satu pasar yang besar" membawa makna berikut:

> **Satu –** cantum, eka, esa, gabung, homogenus, ketemu, lekat, mono-, mutrad, rapat, se-, tembungkan dan sebagainya; **Pasar –** bazzar, gerai, kafe, kedai, market, pekan, restoran, warung; **Yang –** bahawa, maka; **Besar –** agam, agung, atasan, berkedudukan, berat, berpangkat, hormat, mulia, banyak, lebat, majoriti, mustahak, penting, perdana, pokok, primer, unggul dan sebagainya.

Dengan huraian makna perkamusan ini, Wong (2014a) telah merumuskan frasa "satu pasar yang besar" sebagai "satu tempat berjual yang mempunyai kegiatan perniagaan yang meluas dan hasil pengeluarannya tinggi". Namun begitu, makna perkamusan ini tidak menjelaskan makna yang sebenar berpandukan ucapan Tunku. Penggunaan frasa tersebut dapat ditemui dalam ujaran ini:

> "… saya mimpi bahawa negeri ini akan menjadi ***satu pasar yang besar*** di mana sahaja bangsa-bangsa yang duduk berjiran dan berdekatan dengan kita akan datang buat perniagaan yang besar…"
>
> (Tunku Abdul Rahman, 1957, hlm. 23).

Oleh itu, data ini dapat dikaitkan dengan "tempat berniaga", maka makna implisit ini akan digali menggunakan TR melalui penentuan inferens dan andaian seperti yang berikut:

Jadual 2.10: Analisis TR terhadap data "racun" dalam ucapan Tunku Abdul Rahman

Kod	Inferens	Andaian
Pasar	Ekonomi	a. tumpuan rakyat negara lain. b. pusat ekonomi serantau. c. keharmonian kaum.

Andaian-andaian awal dalam Jadual 2.10 dikukuhkan melalui ujaran terdahulu. Berikut merupakan ujaran ini berupaya membantu pendengar atau pembaca mentafsirkan makna implisit tersebut:

> "Apabila merdeka ia akan jadi satu negeri yang selamat, negeri yang aman dan makmur." (Tunku Abdul Rahman, 1957, hlm. 18).

Dalam ungkapan ini, Tunku mahukan sebuah negara yang selamat, aman, dan makmur. Melalui ensiklopedia pendengar, mereka tahu bahawa untuk mencapai sebuah negara yang makmur, sesebuah negara haruslah mempunyai kekayaan yang banyak. Rakyat juga tahu bahawa melalui kemakmuran negara ini akan selamat dan aman kerana bebas daripada ancaman luar. Perkara ini dikuatkan dengan kenyataan Tunku:

> "Apabila merdeka ia akan jadi satu negeri yang selamat, negeri yang aman dan makmur… negeri akan jadi satu pasar yang besar…" (Tunku Abdul Rahman, 1957, hlm. 18).

Ucapan ini membayangkan sebuah negara yang dapat menjadi "pusat ekonomi serantau" di samping menjadi tumpuan pedagang atau pelabur asing. Jadi, andaian (b) adalah yang paling relevan kerana selaras dengan pengetahuan sedia ada pendengar. Perkara ini akan memberikan kesan kognitif yang tinggi, lalu merendahkan usaha memproses pendengar dalam penginterpretasian makna implisit ini. Manakala, andaian (a) dan (c) digugurkan kerana tidak berkaitan dengan konteks yang terbina dalam ucapan Tunku.

Seterusnya, kajian Rahman dan Hassan (2019) telah mengaplikasikan TR dengan isu berkaitan kancah politik semasa iaitu, 1MDB. Kajian ini mendapati bahawa, surat khabar arus perdana dipegang oleh prokerajaan dan laporan sesuatu berita itu telah dikawal ketat kerana saham syarikat akhbar ini dikatakan dikuasai oleh parti politik yang memerintah. Oleh itu, kajian ini akan meneliti kecenderungan laporan akhbar arus perdana melaporkan isu berkaitan 1MDB sebelum dan selepas PRU-14. Justifikasi pemilihan isu pelaporan 1MDB adalah kerana isu ini telah menjadi salah satu isu yang hangat diperkatakan, dilaporkan dan dipolitikkan selepas PH mengambil alih pentadbiran Malaysia. Kajian berbentuk kualitatif ini akan memanfaatkan analisis dokumen iaitu surat khabar Utusan Malaysia dan Berita Harian yang mengulas isu 1MDB. Berikut merupakan contoh penulisan berita oleh Utusan Malaysia dan Berita Harian berkaitan dengan isu 1MDB:

Jadual 2.11: Analisis tajuk dan kandungan laporan akhbar 1MDB

UTUSAN MALAYSIA	BERITA HARIAN
Siasatan 1MDB: Peguam Negara Switzerland **tegaskan Najib bukan tertuduh**. Kuala Lumpur 2 Feb. – Pejabat Peguam Negara (OAG) Switzerland menjelaskan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bukan antara individu yang dituduh melakukan kesalahan dalam siasatan terhadap dakwaan **kononnya** berlaku penyelewengan dana berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Minggu lepas, Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali **membersihkan** Najib daripada apa-apa kesalahan berkaitan siasatan ke atas bekas anak syarikat 1MDB, SRC International Sdn Bhd dan RM2.6 bilion yang didakwa telah didepositkan ke dalam akaun bank Perdana Menteri.	**Najib bukan individu disiasat** Pejabat Peguam Negara Switzerland. KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, **bukan antara individu yang disyaki** terbabit dalam penyelewengan dana 1Malaysia Development Bhd (1MDB) sebanyak AS$4 bilion (RM16.6 bilion), kata Pejabat Peguam Negara Switzerland. Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali, dilaporkan berkata beliau sudah mengarahkan ketiga-tiga kertas siasatan berkenaan ditutup atau NFA/KUS, bermakna tiada tindakan lanjut (NFA)/kemas untuk simpan (KUS).

Penulisan tajuk berita oleh Utusan Malaysia telah menggunakan frasa “tegaskan Najib bukan tertuduh”. Kajian ini mendapati bahawa penggunaan frasa sebegini dapat memberikan kesan kognitif kepada pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana leksikal “tegaskan” membawa maksud mengatakan dengan tegas dan memberikan kepastian. Penggunaan leksikal ini juga akan membentuk konteks persekitaran terhadap pembaca kerana ketegasan tersebut telah disampaikan oleh Peguam Negara Switzerland. Dalam laporan berita Utusan Malaysia juga menggunakan frasa “bukan tertuduh” sebagai penafian sesuatu perkara. Penggunaan leksikal “tertuduh” sebagai premis tambahan dapat membantu pembaca memahami Najib adalah seorang yang tidak melakukan sesuatu undang-undang negara. Dari sudut TR, frasa “tegasnya” dan “bukan” merupakan klu yang memandu pembaca dalam merendahkan kos memproses dan meningkatkan kesan kognitif pembaca mengenai hajat yang ingin disampaikan oleh penulis laporan berita. Oleh itu, secara tidak langsung pembaca akan mencapai kerelevanan yang optimum.

Kajian ini turut membandingkan penulisan tajuk berita dengan Berita Harian iaitu “Najib bukan individu disiasat”. Berdasarkan dapatan, tidak ada klu tambahan atau apa-apa penegasan yang diberikan oleh penulis Berita Harian. Walaupun tajuk laporan berita itu menggunakan kata nafi “bukan”, namun leksikal “siasat” tidak memberikan kesan kognitif yang tinggi kepada pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana leksikal “siasat” tidak memberikan elemen undang-undang seperti pemeriksaan yang teliti atau diperiksa dengan membuat penyelidikan tentang sesuatu perkara. Perkara ini akan mengakibatkan ketidakpuashatian pembaca kerana mereka mengandaikan Najib kebal daripada undang-undang dan Najib bersih daripada tuduhan yang dibuat ke atasnya sebelum ini. Secara relatifnya, tajuk laporan Berita Harian lebih memerlukan usaha memproses oleh pembaca

kerana tidak dibekalkan maklumat tambahan yang penting seperti penulisan tajuk berita Utusan Malaysia yang menggunakan frasa “tegaskan” atau “Peguam Negara Switzerland”.

Rumusannya, kajian ini mendapati bahawa pemilihan kata atau frasa telah memberikan klu dan prosedur untuk memudahkan pembaca mentafsirkan maklumat yang ingin disampaikan oleh penulis laporan berita. Perkara ini dapat memberikan kesan dari segi kecenderungan, nilai atau pandangan penulis terhadap isu 1MDB. Dengan menerapkan TR, maksud sebenar dalam penulisan laporan berita tersebut akan menjadi perwakilan maklumat atau inferens kepada pembaca dan seterusnya mencapai kesan kognitif yang tinggi.

Kajian Daud dan Subet (2021) pula merupakan kajian rintis dalam bidang linguistik (pragmatik), di samping mempertalikan sastera rakyat dengan kancah politik tempatan. Kajian ini telah membuktikan bahawa eksplikatur seperti “Puteri Santubong”, “Puteri Sejinjang”, “kisah lama, zaman mensia maya”, “penjaga”, “manis”, “anak dak dewa turun kayangan”, “bertenun kain”, “malam”, “menumbuk padi” dan “siang” sebenarnya mempunyai implikatur yang dapat dikaitkan dengan konteks semasa. Dapatan kajian ini diambil daripada himpunan lagu rakyat “Puteri Santubong” yang dibukukan oleh Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (2009). Bagi tatacara menganalisis data pula, pengkaji telah menerapkan konsep-konsep dalam TR seperti eksplikatur, bentuk logik, implikatur, andaian implikatur dan *ad hoc* peluasan.

Menurut Daud dan Subet (2021), dalam pengarangan cerita rakyat Melayu Sarawak seperti Puteri Santubong telah digambarkan sebagai seorang puteri yang pandai bertenun kain, tetapi Puteri Santubong menenun kain pada waktu malam. Konteks ini terbina dalam baris lirik lagu “*Oh….. Santubong puteri bertenun kain malam*.” Timbulnya persoalan dalam kalangan pendengar, kenapakah pengarang menaratifkan Puteri Santubong bertenun kain di

malam hari? Kenapakah tidak bertenun kain di siang hari? Adakah terdapatnya unsur implisit yang cuba disuarakan oleh pengarang? Disebabkan wujudnya persoalan-persoalan ini telah memberikan usaha memproses yang tinggi dalam kalangan pendengar. Bagi mencerahkan persoalan ini, analisis TR diaplikasikan bagi meningkatkan kerelevanan yang optimum.

Oleh itu, pendengar akan mengesan kod yang relevan dalam baris lirik lagu tersebut. Frasa "bertenun kain" dan "malam" telah didekod oleh pendengar. Seterusnya, pendengar dapat membentuk andaian implikatur daripada frasa "bertenun kain" kepada "kerja yang teliti", manakala andaian implikatur "malam" kepada "menabur kebaikan secara senyap-senyap atau diam-diam". Proses yang berlaku ini, jelas menunjukkan bahawa terdapat unsur implisit yang cuba disuarakan oleh pengarang. Hal ini dikatakan demikian kerana pemahaman makna secara harfiah adalah tidak memadai untuk menginterpretasikan makna implikatur secara berpada. Akhirnya, selepas pengesanan implikatur dan andaian implikatur ini terbentuk, pendengar berupaya membuat kesimpulan implikatur. Kajian ini mendapati bahawa, implikatur "bertenun kain" dan "malam" dapat disimpulkan dengan:

i. HASIL KERJA YANG CANTIK/TELITI
ii. TIDAK DILAKUKAN DENGAN MUDAH
iii. PERLUNYA KEMAHIRAN ATAU TEKNIK YANG TERSENDIRI
iv. MENGAMBIL MASA YANG LAMA UNTUK DISIAPKAN
v. KETELITIAN YANG TINGGI
vi. DILAKUKAN SECARA SENYAP-SENYAP/TIDAK MENUNJUK

Oleh itu, kajian ini dapat membuktikan bahawa pengarang bukan sahaja ingin menggambarkan watak Puteri Santubong sebagai seorang puteri yang pandai bertenun kain, tetapi sebagai pujian sikap seorang ketua di Kampung Pasir Kuning. Sikap ketua yang ingin digambarkan secara implisit oleh pengarang adalah seorang yang melakukan kerja yang teliti dan menabur kebaikan kepada masyarakat secara senyap-senyap atau tidak menunjuk.

Kajian ini mempertalikan dengan kancah politik di Malaysia, jadi sudah tentulah terdapat figura politik yang mampu diasosiasikan dengan sikap dan perwatakan Puteri Santubong. Kajian ini mengaitkan Yang Berbahagia (YB) Nancy Shukri selaku ahli parlimen Batang Sadong (Parti Pusaka Bumiputera Bersatu, Gabungan Parti Sarawak) dengan sikap Puteri Santubong. Beliau juga mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang). Oleh sebab kajian ini masih berlandaskan bidang linguistik, maka bukti leksikal atau frasa masih diperlukan sebagai bukti nyata bagaimana sesuatu data ini boleh dirujuk sebagai bukti sandaran. Dari sudut TR, konsep penggabungan diperlukan bagi mengaitkan andaian awal pendengar dengan maklumat baharu. Maklumat baharu ini boleh dirujuk melalui faktor persekitaran pendengar seperti kenangan lampau, maklumat saintifik, bahan rakaman audio atau teks dan sebagainya. Oleh itu, pendengar cuba mencari maklumat baharu yang relevan. Berikut merupakan wawancara YB Nancy Shukri dengan Apek Cina yang dapat dihubungkaitkan dengan kesimpulan implikatur "bertenun kain" dan "malam":

Apek Cina:	YB ini sebagai ahli parlimen tiga penggal, YB pernah menjadi Menteri penuh di Jabatan Perdana Menteri sebagai menteri penuh undang-undang. Kenapa ramai orang tak kenal YB hah?
YB Nancy:	Ya, mungkin saya *low profile*. Saya *just* buat kerja ja Apek.
Apek Cina:	Buat kerja sepatutnya ramai yang kenal?
YB Nancy:	Saya buat kerja saja. Tidak mau tunjuk-tunjuk lah. Macam sekarang ini (zaman Pakatan Harapan (PH)) sikit-sikit buat kerja mau tunjuk sama dunia. Sayaaa. buat kerja saja
Apek Cina:	Ohhh. *Humble*. Seperti Menteri Kewayangan.. Oh. Menteri Kewangan (YB Lim Guan Eng, Mantan Menteri Kewangan, zaman PH) pun humble sangat. YB setuju ke tak?
YB Nancy:	Tidak setuju lah. Saya tidak suka itu menteri lah.

Wawancara penuh boleh didapati di https://youtu.be/AZb-7eyH8BA

Berdasarkan wawancara tersebut, leksikal dan frasa seperti "*low profile*", "saya buat kerja saja", "Tidak mau, tunjuk-tunjuklah", dan "*Humble*" merupakan kolokasi yang berkaitan dengan implikatur "bertenun kain" dan "malam". Rumusannya, analisis yang terbentuk berdasarkan pemahaman standard pendengar akan mengeluarkan kesan kognitif yang tinggi dan usaha memprosesnya menjadi rendah. Seterusnya, pendengar dapat menyingkap makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang.

2.4.3 Sorotan literatur mengenai Teori Relevans: Aspek mitos Melayu

Antara kajian mitos Melayu yang menerapkan TR sebagai tatacara menganalisis data ialah Osman dan Jalaluddin (2014, 2015, 2018, 2020). Kajian-kajian ini menggunakan teks bertulis *Salalatus Salatin* (1979) sebagai sumber datanya. Mitos-mitos yang dikaji ialah "Mitos Singa Pura dilanggar Todak", "Mitos Hubungan China-Melaka", "Mitos Peminangan Puteri Gunung Ledang" dan "Mitos Kegagahan Badang".

Penulisan Osman dan Jalaluddin (2014) yang bertajuk *Social Criticism via Myths and Metaphor: An Ad-hoc Analysis* telah menganalisis mitos Singa Pura dilanggar Todak. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji cara pengarang Melayu menggunakan mitos sebagai metafora dalam kritikan sosial. Untuk menjelaskan proses pembinaan metafora dalam mitos Melayu ini, Osman dan Jalaluddin (2014) telah menggunakan konsep pragmatik dalam TR iaitu *ad hoc* peluasan dan *ad hoc* penyempitan.

Hasil kajian Osman dan Jalaluddin (2014) ini mendapati bahawa eksplikatur, (i) "Setelah beberapa lamanya maka datanglah todak menyerang Singa Pura", (ii) "Maka baginda menitahkan segala ra'yat berkotakan betis. Maka oleh todak dilompatinya, barang yang kena tikam todak itu lalu mati", serta (iii) "Maka pada antara itu berkata seorang budak, "Apa kerja kita berkotakan betis ini? Mengapatah kita berdayakan diri kita" merupakan data

ad hoc peluasan. Manakala, ujaran (iv) "Tuanku, budak ini jikalau suda(h) besar nescaya besarlah akalnya. Baiklah ia kita bunuh." merupakan data *ad hoc* penyempitan.

Sebagai tatacara analisis *ad hoc* peluasan dan *ad hoc* penyempitan (huraian mengenainya ada dibincangkan pada **1.7.5.1** dan **1.7.5.2**) (bab 1), Osman dan Jalaluddin (2014) telah mengkategorikan kepada empat cara analisis data, iaitu - eksplikatur, bentuk logik, andaian implikatur dan kesimpulan implikatur. Berikut merupakan contoh data *ad hoc* peluasan yang dikemukakan dalam kajian Osman dan Jalaluddin (2014):

Jadual 2.12: Interpretasi data (i) dalam "Mitos Singa Pura dilanggar Todak"

Eksplikatur	*Setelah beberapa lamanya maka datanglah **todak** menyerang Singa Pura.*
Bentuk Logik	**TODAK** = Sejenis ikan laut dari keluarga Xiphiidea; rahang mulutnya yang panjang seperti pedang. Boleh dijumpai di kawasan tropika dan lautan bersuhu sederhana. Diketahui tidak menyerang manusia, kecuali apabila diserang ikan yang lebih besar.
Andaian Implikatur	Serangan kawanan ikan todak di kawasan darat bertentangan dengan hukum alam.
Kesimpulan Implikatur	Kejadian serangan ikan todak adalah manifestasi kemarahan ke atas kekejaman raja.
Jenis *ad hoc*	Peluasan

Jadual 2.13: Interpretasi data (ii) dalam "Mitos Singa Pura dilanggar Todak"

Eksplikatur	*Maka baginda menitahkan segala ra'yat **berkotakan betis**. Maka oleh todak dilompatinya, barang yang kena tikam todak itu lalu mati.*
Bentuk Logik	**BERKOTAKAN** = 1. Struktur yang dibentuk melintasi laluan akses untuk menghalang laluan musuh; 2. Berfungsi sebagai halangan; 3. penghalang; 4. Untuk menutup atau menyekat dengan sekatan. **BETIS** = Bahagian depan kaki antara lutut dan kaki
Andaian Implikatur	Menggunakan betis sebagai penghalang daripada serangan ikan todak hanya menyebabkan rakyat mati dan cedera.
Kesimpulan Implikatur	Ini merepresentasikan kedangkalan raja semasa memberikan jalan penyelesaian untuk mengatasi ancaman/serangan.
Jenis *ad hoc*	Peluasan

Jadual 2.14: Interpretasi data (iii) dalam "Mitos Singa Pura dilanggar Todak"

Eksplikatur	*Maka pada antara itu berkata seorang **budak**, "Apa kerja kita berkotakan betis ini? Mengapatah kita berdayakan diri kita.*
Bentuk Logik	**BUDAK** = 1. Seorang kanak-kanak lelaki; 2. Lelaki yang dianggap tidak matang atau tidak berpengalaman; 3. Kanak-kanak yang belum matang, tetapi bijak.
Andaian Implikatur	Seorang budak lelaki mempersoalkan perintah raya yang ternyata membodohkan rakyat jelata
Kesimpulan Implikatur	Seorang rakyat jelata/bawahan berani mempersoalkan kekejaman dan kebencian raja terhadap rakyatnya.
Jenis *ad hoc*	Peluasan

Kajian Osman dan Jalaluddin (2014) juga telah mengemukakan analisis data *ad hoc* penyempitan:

Jadual 2.15: Interpretasi data (iv) dalam "Mitos Singa Pura dilanggar Todak"

Eksplikatur	*Tuanku, budak ini jikalau suda(h) **besar** nescaya besarlah akalnya. Baiklah ia kita **bunuh**.*
Bentuk Logik	**BESAR** = 1. Untuk meningkatkan jumlah atau rajah; 2. Untuk meningkatkan ukuran dengan proses semula jadi; 3. Untuk berkembang atau mencapai kematangan. **BUNUH** = 1. Untuk membunuh; 2. Untuk mengakhiri atau memadamkan; 3. Untuk memutuskan nyawa.
Andaian Implikatur	Kanak-kanak lelaki yang sangat pandai dibunuh kerana dikhuatiri akan menimbulkan ancaman kepada raja dan orang kenamaan di istana, jika dibiarkan menjadi dewasa.
Kesimpulan Implikatur	Raja dan pembesar istana sedar akan pengaruh dan kuasa rakyat dapat menggulingkan institusi diraja. Dengan itu, pemerintah memutuskan untuk membasmi golongan intelektual.
Jenis *ad hoc*	Penyempitan

Jadual 2.12 sehingga Jadual 2.15 merupakan pengertian dan tafsiran terhadap metafora kritikan sosial berpandukan analisis pragmatik TR, khususnya *ad hoc* peluasan dan *ad hoc* penyempitan. Menurut Osman dan Jalaluddin (2014), pentafsiran ini mengambil kira konteks yang melingkari wacana "Singa Pura dilanggar Todak", sehingga pembaca berupaya mencungkil makna sebenar yang hendak disampaikan oleh pengarang. Dalam TR,

penekanan kepada konteks dan kesan kognitif dapat membentuk maklumat yang relevan (sesuai, difahami dan dapat diterima pendengar). Osman dan Jalaluddin (2014), berpendapat, walaupun penulis tradisional Melayu tidak didedahkan dengan teori linguistik, mereka berjaya mencapai konsep kerelevanan dalam karya mereka. Berdasarkan gabungan pentafsiran metafora dalam mitos ini, dapat disimpulkan bahawa mitos Singa Pura diserang ikan todak adalah kritikan kiasan terhadap para pemimpin dalam sistem feudal pada zaman Kerajaan Melayu di Singa Pura.

Menurut Osman dan Jalaluddin (2014), Pengarang dengan jelas menunjukkan kritikan terhadap kesan ketidakadilan sistem dan kezaliman politik pada masa itu. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa, mitos yang terkandung dalam karya tradisional Melayu lebih bermanfaat daripada dikatakan sebagai cerita berbentuk hiburan sahaja. Dengan adanya teori yang berwibawa, tafsiran metafora dalam mitos ini dapat menyingkap kepintaran pengarang Melayu mengkritik secara sinis dan implisit terhadap sistem pemerintah feudal.

Seterusnya, kajian Osman dan Jalaluddin (2018) yang bertajuk "Makna di Sebalik Mitos Hubungan China-Melaka dalam *Sulalat-as-Salatin*: Analisis Teori Relevans" telah meneliti unsur sejarah dalam hubungan diplomatik China dan Melaka, di samping memelihara kedaulatan raja dan kerajaan Melayu pada masa itu. . Menurut Osman dan Jalaluddin (2018), mereka memilih mitos ini adalah kerana ia merupakan mitos yang masyhur, tetapi masih disangsikan kesahihannya. Kajian ini menerapkan TR yang mempunyai dua prinsip utama iaitu *Prinsip Relevan Kognitif* dan *Prinsip Relevan Komunikatif* supaya dapat mencari jawapan mitos ini dicipta. Penyampaian mitos ini seharusnya diteliti dengan mengambil kira tingkah laku komunikasi ostensif supaya dapat disimpulkan sebagai satu andaian relevan yang optimum.

Dalam mitos ini, rangsangan ostensif yang paling jelas dan menepati jangkaan pembacanya adalah pada bab ke sepuluh. Bab ini menceritakan raja China terkena penyakit kedal selepas menerima sembah raja Melaka. Mitos ini ingin disampaikan kepada rakyat mengenai kekuatan dan kekuasaan raja atau kerajaan Melaka masa itu. Bagi memahami makna implisit dalam metafora ini, pembinaan hipotesis dilakukan bagi membentuk andaian awal yang relevan dengan ujaran. Proses pemahaman ini merupakan proses "on-line" dan hipotesis secara (i) eksplikatur, (ii) bentuk logik, (iii) andaian implikatur dan (iv) kesimpulan implikatur dikembangkan oleh pembaca supaya mencapai kerelevanan andaian umum. Proses ini dapat diringkaskan dalam Jadual 2.21 dan Jadual 2.23:

Jadual 2.16: Interpretasi data KEDAL dalam "Mitos Hubungan China-Melaka"

Eksplikatur	*Hatta dengan saat itu juga Raja China pun sakit, lalu **kedal** semuanya tubuh baginda.*
Bentuk Logik	**KEDAL** = Sejenis penyakit kulit (yang membuat kulit bertelau-telau atau berbelang-belang).
Andaian Implikatur	Raja China menjadi kedal akibat menerima sembah daripada Raja Melaka.
Kesimpulan Implikatur	Raja Melaka lebih tinggi darjatnya berbanding Raja China.

Jadual 2.17: Interpretasi data TULAH dalam "Mitos Hubungan China-Melaka"

Eksplikatur	*"Tuanku, oleh Raja Melaka berkirim sembah – itulah tuanku, **tulah** jikalau tiada air basuh Raja Melaka tuanku santap dan tuanku permandi tiada akan sembu(h) penyakit tuanku ini".*
Bentuk Logik	**TULAH** = Kemalangan yang menimpa seseorang kerana melanggar larangan (melakukan sesuatu yang kurang baik terhadap orang tua-tua, menderhaka kepada raja).
Andaian Implikatur	Air basuh kaki Raja Melaka adalah satu-satunya penawar penyakit kedal Raja China.
Kesimpulan Implikatur	Raja Melaka lebih tinggi darjatnya berbanding Raja China.

Seterusnya, inferens (a) dibentuk bagi menginterpretasikan maksud ujaran atau leksikal berikut:

(a) *Raja China pun sakit, lalu **kedal** semuanya tubuh baginda.*

i. Penyakit kedal sedang melanda negara China.

ii. Mendengar sembah Raja Melaka menyebabkan Raja China terkena kedal.

iii. Daulat raja Melaka tidak memungkinkan baginda berkirim sembah dengan raja lain.

iv. Kedudukan Raja Melaka lebih tinggi berbanding Raja China.

Berikut pula, inferens (b) yang dibentuk bagi menginterpretasikan maksud ujaran atau leksikal:

(b) *itulah tuanku, **tulah** jikalau tiada air basuh Raja Melaka tuanku santap dan tuanku permandi tiada akan sembu(h) penyakit tuanku ini".*

i. Penawar tulah adalah air basuh kaki raja yang berkirim sembah.

ii. Raja China terkena tulah dan perlu mandi dan minum air basuh kaki Raja Melaka.

iii. Raja Melaka tidak boleh berkirim sembah kepada Raja China.

iv. Kedudukan Raja China lebih rendah berbanding Raja Melaka.

Inferens (a) dan (b) terbentuk berdasarkan pemahaman standard pembaca, lalu mengeluarkan kesan kognitif yang relevan. Seterusnya, bagi menyingkap makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang i., ii., iii., dan iv. dalam inferens (a) dan (b) dirujuk.

i. Hanya membawa maksud yang literal, digugurkan oleh pembaca kerana tidak rasional dan tidak relevan.

ii. Mungkin boleh diterima, namun berpandukan konteks, bentuk-bentuk logik, andaian dan kesimpulan implikatur tidak menepati maksud pengarang.

iii. Tidak tepat kerana tiada huraian yang berwibawa.

iv. Pilihan yang paling relevan dengan mesej pengarang iaitu darjat dan ketinggian Raja Melaka melebihi Raja China.

Bagi i., dan ii. merupakan bentuk proposisi yang diekspresikan dan bentuk proposisi pemikiran yang ingin disampaikan oleh pengarang, tetapi bersifat literal. iii., pula tidak maklumat saintifik bagi menyokongnya, manakala iv. adalah yang paling relevan kerana tugas pengarang haruslah menulis dan merakam susur galur diraja bersama istiadat, kebesaran, keagungan dan kemasyhuran kerajaannya.

Satu lagi kajian Osman dan Jalaluddin (2018) ialah menganalisis metafora peminangan Puteri Gunung Ledang dengan analisis pragmatik iaitu *ad hoc* dan RRS. Kajian ini mendapati bahawa penulisan ini merupakan penambahbaikan daripada penulisan Osman dan Jalaluddin (2014, 2015). Hal ini dikatakan demikian kerana Osman dan Jalaluddin dalam kajian ini telah menerapkan pendekatan RRS bagi membantu pembaca memahami implikatur dan seterusnya memudahkan pembaca membuat kesimpulan. Dalam kajian berkenaan, Osman dan Jalaluddin (2018) telah mengemukakan lapan syarat peminangan Puteri Gunung Ledang yang dipetik melalui Sulalatus Salatin:

Jikalau Raja Melaka hendak akan daku buatkanlah aku jambatan emas satu, jambatan perak satu, dari Melaka datang ke Gunung Ledang. Akan peminangnya hati nyamuk tujuh dulang, hati kuman tujuh dulang, air pinang muda{h} setempayan, air mata setempayan dan darah anak raja sema(ng)kuk. Jikalau demikian maka kabullah pada hamba akan kehendak Raja Melaka.

(Sulalatus Salatin, 1979, hlm. 124-125).

Berdasarkan teks ini, menurut Osman dan Jalaluddin (2018) pembaca berupaya membuat rumusan daripada eksplikatur, andaian implikatur dan kesimpulan implikatur seperti berikut:

Eksplikatur:	LAPAN SYARAT PEMINANGAN YANG PELIK DAN SUKAR.
Andaian Implikatur:	SULTAN MUNGKIN TIDAK DAPAT MENUNAIKAN KESEMUA SYARAT ITU.
Kesimpulan Implikatur:	PUTERI GUNUNG LEDANG MENOLAK PINANGAN SULTAN.

Namun begitu, analisis pada peringkat ini adalah tidak memadai untuk menginterpretasikan metafora terhadap penolakan peminangan Puteri Gunung Ledang. Berikut merupakan syarat peminangan Puteri Gunung Ledang:

i. Jambatan emas.
ii. Jambatan perak.
iii. Hati nyamuk tujuh dulang.
iv. Hati kuman tujuh dulang.
v. Air pinang muda setempayan.
vi. Air mata setempayan.
vii. Darah anak raja semangkuk.

Dalam penulisan tesis ini, pengkaji hanya mengemukakan data (i.) dan (ii.) sebagai contoh tatacara kajian ini menganalisis data. Jadual 2.23 menerangkan makna metafora tersebut secara perkamusan.

Jadual 2.18: Interpretasi eksplikatur – bentuk logik berdasarkan data (i.) dan (ii.)

Eksplikatur	Bentuk Logik
Jambatan emas Jambatan perak	**JAMBATAN** = Struktur yang dibina merentangi halangan biasanya sungai, parit atau terusan. Dibina dengan pelbagai jenis bahan seperti kayu, batu, konkrit atau keluli. (*Ensiklopedia Dunia Melayu*, 2008) **EMAS**$_1$ = Logam berwarna kuning yang mahal harganya dan sebagai lambang kekayaan. **PERAK** = Logam berwarna putih dan berkilat digunakan untuk perhiasan, peralatan adat dan duit. (*Ensiklopedia Malaysiana*, 1996)

Namun begitu, makna yang dikemukakan ini hanyalah bersifat harfiah. Pemberian makna pada peringkat ini tidak dapat menginterpretasikan metafora pembinaan jambatan emas dan perak dari Melaka ke Gunung Ledang. Berikutan itu, frasa [JAMBATAN EMAS]

dan [JAMBATAN PERAK] dikukuhkan dengan maklumat ensiklopedik pembaca atau pengetahuan umum pembaca terhadap frasa yang mengandungi implikatur.

Proses ini dapat dirujuk seperti berikut:

JAMBATAN: **Maklumat ensiklopedik**

a. DIGUNAKAN UNTUK MENYEBERANGI SUNGAI ATAU JURANG.
b. DIPERBUAT DARIPADA UNSUR ALAM (BATU BATA, KAYU ATAU ROTAN).
c. BERFUNGSI SEBAGAI PENGHUBUNG.

EMAS: **Maklumat ensiklopedik**

a. SANGAT MAHAL DAN SUKAR DIPEROLEH.
b. DIPEROLEH MELALUI CARA MENDULANG ATAU MELOMBONG.
c. DIMILIKI OLEH ORANG KAYA.
d. BIASANYA DIJADIKAN BARANG PERHIASAN DAN MATA WANG.

PERAK: **Maklumat ensiklopedik**

a. MAHAL DAN SUKAR DIPEROLEH.
b. DIPEROLEH MELALUI CARA MENDULANG ATAU MELOMBONG.
c. DIMILIKI OLEH ORANG KAYA.
d. BIASANYA DIJADIKAN BARANG PERHIASAN, CENDERAMATA, PERALATAN ISTIMEWA DAN MATA WANG.

Setelah melalui dua proses ini, masih terdapat kekaburan dalam ujaran yang dijana secara eksplisit. Oleh itu, dua proses ini didapati tidak berjaya untuk mencapai tahap relevan yang dikehendaki oleh pembaca. Seterusnya, analisis diteruskan lagi dengan andaian implikatur dan kesimpulan implikatur terhadap ujaran yang terkandung unsur metafora. Prosedur pemahaman standard diperlukan bagi memproses andaian implikatur supaya kesan kognitif diperoleh. Berikut merupakan senarai andaian implikatur:

Jambatan emas dan jambatan perak

i. Jambatan dibina daripada emas dan perak dari Melaka ke Gunung Ledang.
ii. Hubungan antara sultan dengan Puteri Gunung Ledang.
iii. Hubungan yang tidak realistik.
iv. Keinginan sultan yang melampau dan tidak rasional.*


Untuk memahami makna tersirat dalam syarat peminangan ini, pembaca akan membuat pelbagai andaian kontekstual sehingga melancarkan pemerolehan kesan kognitif yang memadai. Seterusnya, memilih kesan kognitif sebenar yang dirumuskan dalam i., ii., iii., dan iv. Jalaluddin (2009) menyatakan bahawa kesan kognitif ini terhasil melalui salah satu proses, iaitu penggabungan, penguatan dan pengguguran maklumat. Dalam proses ini:

i. Membawa maksud yang literal, lalu digugurkan oleh pembaca kerana perkara tersebut tidak rasional dan tidak relevan. Melalui pengalaman ensiklopedik pembaca, adalah tidak relevan membina jabatan bersumberkan emas dan perak bagi menghubungkan Melaka dan Gunung Ledang. Berdasarkan bacaan *Google Maps* jarak antara dua tempat ini adalah 67 kilometer.

Kajian ini mendapati bahawa senarai i., ii., iii., dan iv. tidak lagi bersifat literal, tetapi lebih luas maknanya. Hal ini dikatakan demikian kerana, pembaca dapat memindahkan fitur daripada konsep asas fizikal kepada peluasan entri berbentuk metafora. Melalui analisis metafora TR, pemahaman makna secara metafora boleh terjadi melalui proses peluasan fitur konsep asas fizikal kepada pembinaan konsep superordinat berbentuk denotasi fizikal dan psikologi.


Oleh itu, frasa JAMBATAN EMAS dan JAMBATAN PERAK, dibantu dengan analisis bentuk logik, andaian ensiklopedik dan kesimpulan ke hadapan yang munasabah (*plausible forward inference*) dapat diperluas kepada makna HUBUNGAN. Seterusnya, dapat difahami sebagai HUBUNGAN* yang diaktifkan oleh konteks wacana dan jangkaan relevan (*expectation of relevance*). Bagi fitur konsep asas fizikal HUBUNGAN merujuk kepada hubungan logistik atau geografi, manakala HUBUNGAN* merujuk kepada hubungan perasaan, seperti pertunangan dan perkahwinan.

Bagi memahami ujaran berdasarkan rujukan pragmatik, konsep *ad hoc* diterapkan oleh pembaca supaya pemahaman yang diakses melalui konteks tertentu dapat dimanifestasikan oleh pembaca secara spontan. Bagi ungkapan atau leksikal berbentuk metafora, konsep *ad hoc* peluasan digunakan bagi memahami makna tersirat tersebut. Berikut merupakan penerangan analisis yang dilakukan oleh Carston (2000) untuk memudahkan pemahaman *ad hoc* peluasan.



Rajah 2.10: Laluan inferens (*inferential route*) JAMBATAN EMAS

Melalui proses pemindahan ini, jambatan emas dan perak dalam pilihan ii. dan iii. tidak lagi bersifat literal kerana dapat diperluas kepada konsep hubungan perkahwinan. Walaupun pilihan ii. dan iii. menepati interpretasi metafora HUBUNGAN*, tetapi masih tidak membawa kesimpulan implikatur terhadap kritikan oleh pengarang. Pilihan iv. merupakan maksud implikatur yang ingin disampaikan pengarang kerana kesimpulan ini dicapai melalui proses penguatan maklumat. Oleh itu, pengarang menekankan bahawa hubungan perkahwinan yang diinginkan adalah tidak realistik dengan syarat JAMBATAN EMAS dan JAMBATAN PERAK itu adalah satu kritikan terhadap sultan yang sanggup melakukan pembaziran untuk memuaskan keinginannya. Rajah 2.11 pula menerangkan pemetaan proses RRS yang membantu pembaca memilih makna sebenar pengarang.



Rajah 2.11: Pemetaan Rangka Rujuk Silang dalam mitos peminangan Puteri Gunung Ledang

Pengukuhan terhadap implikatur syarat peminangan Puteri Gunung Ledang dapat dirumuskan dengan analisis RRS. Analisis ini membantu pembaca memahami implikatur dan akhir membuat kesimpulan implikatur. RRS berfungsi memberikan premis tambahan daripada wacana konteks Puteri Gunung Ledang bagi mengukuhkan kesimpulan yang paling

relevan. Berdasarkan analisis RRS dalam Rajah 2.22, (a) frasa maksud kita yang diujarkan oleh Sultan menunjukkan sikap yang tamak dan suka menunjuk-nunjuk. Hal ini dikuatkan lagi dengan frasa-frasa yang lain seperti kita hendak beristeri yang terlebih daripada segala raja-raja dalam dunia ini (a), kehendakku barang yang tiada pada raja lain (c), dan akhirnya terjawab apa yang diinginkan oleh Sultan tersebut dalam ujaran **Kita hendak meminang Puteri Gunung Ledang** (d).

Premis tambahan puteri Jawa dan puteri China telah diperisyteri pula membantu pembaca membina kesan kognitif bahawa Sultan Mansur Syah mempunyai sikap tidak pernah cukup dengan apa-apa yang ada. Oleh sebab itulah, Sultan ingin memperisteri Puteri Gunung Ledang yang dikatakan makhluk halus, walaupun sudah mempunyai isteri anak raja yang hebat seperti Jawa dan China. Pengaplikasian *ad hoc* dan RRS ini memberikan kesan kognitif yang tinggi dan seterusnya memudahkan usaha memproses pembaca. Rumusan terhadap data (i) dan (ii) juga dapat dirujuk pada Jadual 2.19 ini:


Jadual 2.19: Rumusan analisis makna JAMBATAN EMAS dan JAMBATAN PERAK

Eksplikatur	**Andaian Implikatur**	**Kesimpulan Implikatur**	**Makna Sebenar**	**Konsep *Ad Hoc***
Jambatan emas Jambatan perak	Membina jambatan daripada emas dan perak merupakan suatu pembaziran yang melampau	Hasrat berkahwin dengan Puteri Gunung Ledang ialah tindakan yang tidak realistik.	Kritikan terhadap sikap dan keinginan sultan.	Peluasan

Bagi kajian Osman dan Jalaluddin (2020) yang bertajuk "Pengabsahan Mitos Kegagahan Badang Melalui Metafora: Analisis Teori Relevans" juga menggunakan analisis TR seperti *ad hoc*, eksplikatur, bentuk logik, maklumat ensiklopedia, laluan inferens,

andaian implikatur, kesimpulan implikatur dan RRS. Kajian ini mengemukakan kisah Badang menjadi kuat setelah memakan muntah hantu sebagai data kajian.

Kisah ini dikatakan tidak logik pada akal manusia, tetapi tetap disampaikan dari satu generasi ke satu generasi. Kisah ini juga dikelaskan sebagai mitos. Walau bagaimanapun, mitos ini tetap mempunyai kepentingannya yang tersendiri dan tidak diciptakan secara suka-suka atau semata-mata menyedapkan cerita. Rajah 2.12 menunjukkan cara data dalam kajian ini berkait rapat antara satu sama lain. Perkaitan ini melibatkan data utama, data tambahan, dan data sokongan yang dianalisis untuk menjelaskan metafora dalam mitos kegagahan Badang.



Rajah 2.12: Perkaitan data dalam mitos kegagahan Badang

Kajian ini mendapati bahawa eksplikatur "gagah", "kuat", "merdeheka" dan "hulu balang" merupakan leksikal utama yang didapati membawa maksud metafora bagi mitos ini. Analisis *ad hoc* peringkat pertama dimulakan dengan eksplikatur dan bentuk logik bagi memberi pemahaman secara semantik kepada pembaca.

Jadual 2.20: Analisis eksplikatur – bentuk logik data utama mitos kegagahan Badang

Eksplikatur	Bentuk Logik
Gagah dan Kuat	**GAGAH** = kuat, mempunyai tenaga, bertenaga. (Ensiklopedia Global Edisi Milenium, 2001). **KUAT** = 1. banyak tenaganya (dayanya), tidak lemah, bertenaga, berdaya dan tegap. = 2. mampu (boleh) atau sanggup membuat sesuatu. (Kamus Dewan, 2010).
Merdeheka	**MERDEHEKA** = (merdeka) bebas (daripada penjajahan, kurungan, naungan, dan lain-lain), lepas (daripada tebusan dan tuntutan), berdiri sendiri, tidak bergantung pada yang lain. (Kamus Dewan, 2010).
Hulubalang	**HULUBALANG** = ketua pasukan askar, pemimpin pasukan. (Ensiklopedia Global Edisi Milenium, 2001).

Setelah makna setiap leksikal ini diketahui secara perkamusan, analisis diteruskan lagi dengan proses pengukuhan maklumat ensiklopedia. Maklumat inilah yang akan mengukuhkan pemahaman pembaca terhadap bentuk logik yang telah difahami maknanya secara umum sebentar tadi. Menurut Osman dan Jalaluddin (2020), "semakin dekat pembaca dengan latar masa dan persekitaran kognitif pengarang, maka semakin mudahlah proses pengukuhan bentuk logik ini terbina dan semakin tinggi tahap relevan yang bakal terbentuk melalui metafora mitos ini." (hlm. 69). Analisis ini terbentuk seperti yang berikut:

(1) GAGAH DAN KUAT: **Maklumat ensiklopedia**

a. BERKAITAN FIZIKAL MANUSIA.

b. BERKAITAN KEBOLEHAN DAN KEMAMPUAN.

c. DIKAGUMI OLEH ORANG LAIN.

d. KUASA LUAR BIASA.

(2) MERDEHEKA: **Maklumat ensiklopedia**

a. BEBAS DARIPADA STATUS HAMBA.

b. TIDAK DIMILIKI OLEH ORANG LAIN.

c. TIDAK BERGANTUNG PADA ORANG LAIN.

d. BERKUASA ATAS DIRI SENDIRI.

(3) HULUBALANG: **Maklumat ensiklopedia**

a. PEMBESAR DALAM ISTANA.

b. BIASANYA DISANDANG OLEH ORANG YANG KUAT FIZIKALNYA.

c. KETUA HAL EHWAL KETENTERAAN.

d. BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KESELAMATAN RAJA DAN NEGARA.

Dalam penulisan tesis ini, pengkaji hanya mengemukakan satu contoh data sebagai tatacara Osman dan Jalaluddin (2020) menganalisis datanya. Bagi data mitos kegagahan Badang iaitu GAGAH dan KUAT kelihatan jelas dan seakan tidak memerlukan interpretasi lanjut. Walau bagaimanapun, mitos ini tidak hanya bergantung pada satu maknanya sahaja, tetapi boleh difahami dalam konsep fizikalnya iaitu KUASA YANG DISEGANI.



Rajah 2.13: Laluan inferens GAGAH dan KUAT

Konsep asas fizikal KUASA YANG DISEGANI yang khusus bagi kisah Badang ini sebenarnya setelah berlaku proses perluasan, akan menjadi KUASA YANG DISEGANI*. Data utama, kekaguman tuanya terhadap hasil kerja Badang dapat dilihat dalam ayat “Siapa menebang perhumaan ini? Bangat amat suci” Tuannya menambah dengan ayat “Betapa perinya engkau menebang dia maka bangat amat sudahnya ini, dengan luasnya saujana mata

menentang.” sebagai pujian dan berasa kagum dengan kegagahan Badang. Kuasa pada seorang manusia bernama Badang telah diluaskan kepada kuasa sebuah kerajaan bernama Singa Pura. Di sinilah kepentingan proses perujukan data tambahan, iaitu kisah Badang beradu dengan pahlawan Keling dan kisah Badang menguji kekuatan Benderang dari Perlak ketika majlis makan malam.

Rajah 2.13 merupakan pemetaan RRS data utama kegagahan Badang. Dalam konteks utama ini, frasa gagah dan kuat dibantu oleh premis tambahan seperti, kayu besyar-besyar itu semua habis dibantunnya, kayu yang sepemeluk du(a) pemeluk, dengan sebelah tangannya juga dicabutnya, terbantun dengan akar-akarnya, dikipaskannya dengan tangannya, habis berpelantingan dan rumput yang besar itu habis menjadi padang. Premis-premis tambahan ini menerangkan kegagahan badang yang sangat luar biasa. Hal ini dikatakan demikian kerana pokok-pokok yang dicabut oleh badang dengan sebelah tangan itu bersaiz besar (sebesar dua peluk manusia dewasa). Kegagahan Badang ini ternyata dikagumi oleh tuannya.

Selain itu, leksikal dimerdehekakannya dan hulubalang turut dirujuksilangkan dengan maklumat rujukan Badang seorang yang kuat dan gagah. Hal ini disebabkan Badang menunjukkan sikap yang gagah dan cepat buat kerja, menyebabkan tuannya memerdekakannya. Leksikal hulubalang pula, dikaitkan dengan berita kegagahan Badang telah sampai ke telinga Seri Rana Wikrama, kemudiannya dia dijadikan hulubalang negara.

Langkah terakhir pada analisis ini adalah melalui rumusan analisis mitos kegagahan Badang. Berikut merupakan rumusan data kegagahan Badang yang meliputi aspek eksplikatur, andaian implikatur, kesimpulan implikatur, makna sebenar dan konsep *ad hoc*:

Jadual 2.21: Rumusan analisis data mitos kegagahan Badang

Eksplikatur	**Andaian Implikatur**	**Kesimpulan Implikatur**	**Makna Sebenar**	**Konsep *Ad Hoc***
Berilah aku gagah dan kuat	Orang yang gagah dan kuat akan dihormati	Singa Pura negara kuat, merdeka dan dihormati.	Mengabsahkan kedaulatan asal usul raja-raja Melayu	Peluasan

Jadual 2.21 menerangkan analisis metafora kegagahan badang. Eksplikatur BERILAH AKU GAGAH DAN KUAT pada lajur kiri dapat menghasilkan andaian implikaturnya dan kemudian berdasarkan analisis yang dilakukan sebelum ini, kesimpulan implikatur dapat dibentuk, iaitu Singa Pura sebagai sebuah negara yang kuat, merdeka dan dihormati. Perkara ini dikuatkan lagi dengan mitos kegagahan Badang yang mempunyai kekuatan luar biasa. Makna dan fungsi sebenar sesuatu metafora mitos ini dapat diinterpretasikan dengan lebih berwibawa setelah kos memproses direndahkan dan kesan kognitif ditingkatkan. Rumusannya, kajian ini mendapati bahawa dengan menggunakan TR yang melibatkan RRS dan konsep *ad hoc*, di samping memanfaatkan data korpus daripada teks sastera rakyat pengkaji mampu menghuraikan kemahiran dan keintelektualan pengarang Melayu tradisional. Penggunaan mitos berunsur implisit, pengarang sangat rasional dalam menjaga kehormatan raja dan negerinya. Terdapat juga kritikan yang negatif terhadap sistem kesultanan Melayu, namun pengarang tetap menyuarakan kritikannya dalam bentuk bahasa berimplisit. Oleh itu, karya sebegini harus terus dihargai dan dikaji menggunakan pendekatan terkini supaya keintelektualan pengarang Melayu dapat diangkat lebih tinggi.

2.5 Analisis kritis sebagai wadah kajian alternatif

Kajian ini adalah kajian multidisiplin. Penggabungjalinan bidang psikologi (sikap), politik dan kepimpinan serta mitos Melayu telah diterapkan dalam kajian linguistik (pragmatik) menggunakan TR.

Analisis kritis diperlukan bagi menjelaskan peri pentingnya kajian yang perlu dijalankan sebagai kajian alternatif. Menurut Rahim (2020), analisis kritis juga dikenali sebagai jurang penyelidikan, jadi tugas pengkaji adalah untuk membincangkan jurang yang terdapat dalam kajian lepas secara jelas dan terperinci sehingga menemui titik persamaan dan perbezaan kajian. Baba (2015) menyatakan bahawa, konsep mengenal pasti kekuatan dan kelompangan kajian terdahulu memudahkan penulis kini untuk merancang kajian, memilih kerangka teori dan menentukan metodologi kajian supaya sesuai dengan kajian yang bekal dilaksanakan.

Keseluruhannya, kajian mengenai sikap, kancah politik dan watak mitos Melayu dijalankan atas kepekaan pengkaji-pengkaji terdahulu untuk meneliti dan mengesahkan bahawa "sikap sesuatu *objek* itu bergantung pada keadaan di sekeliling mereka." Daripada kenyataan ini, leksikal *objek* bersifat ketaksaan kerana boleh merujuk kepada "manusia", "peristiwa", "tingkah laku watak dalam penulisan", "kaedah" dan sebagainya. Kesemua elemen ini terjalin dengan baik dalam setiap satu kajian lepas yang telah dijalankan. Tetapi, objektif kajian, sudut pandangan, kaedah menganalisis data serta maklumat yang dijalankan oleh kajian lepas dapat membezakan dapatan kajian masing-masing. Perkara inilah mewujudkan kelompangan kajian yang perlu diisi oleh pengkaji semasa. Berdasarkan Rajah 2.1, analisis kritis dalam kajian ini akan melibatkan (a) data kajian, (b) teori yang digunakan dan (c) kaedah dan tatacara analisis data.

(a) Data kajian

Dalam kajian sikap, data kajian akan melibatkan tingkah laku, perangai dan akhlak seseorang. Hal ini merupakan asas kepada pembentukan sikap yang boleh mengubah keadaan sesuatu *objek* ke arah yang lebih baik. Menyentuh tentang sikap dan pendirian pemimpin politik sesebuah negara pula, boleh dilihat dalam kajian Rani dan Putra (2016). Sebagai seorang pemimpin, mereka seharusnya mempunyai sikap dari sudut mentaliti (kebijaksanaan, keberanian, mempunyai inisiatif dan kreativiti), kemasyarakatan (bersedia memberi dan menerima pendapat, sikap positif dan terbuka, semangat juang yang kuat serta kebolehan berkomunikasi) dan moraliti (berdisiplin, kebersihan jiwa, empati, kesederhanaan serta kesedaran) (Halim, 2014; Intihan, 2020; Sakti, 2020; Chen, Liu, Wang, & Hu, 2021; Clarke, 2021; Dale, 2021). Rani dan Putra (2016) telah menganalisis sikap Kim Jong Un dalam hubungan diplomatik dan pertambahan politik antara Korea Selatan dan Korea Utara. Pemerintahan rejim Kim Jong Un digelar sebagai politik dikuasai oleh satu parti, kekuasaan tunggal dan kekuasaan yang diwariskan (Davenport, 2018; Wittenbrook et al., 2018; Asmolov & Lebedev, 2021; Howell, 2021), namun kajian ini telah membuktikan bahawa Kim Jong Un turut mempunyai sikap seorang pemimpin yang baik seperti berpendirian teguh, mengekalkan asas jati diri negara komunisme, melindungi negaranya daripada campur tangan pihak asing serta menjaga hubungan baik dengan Korea Selatan. Namun begitu, kajian-kajian ini (Siregar, 2013; Situmorang, 2018; Gunawan et al., 2019; Laksana, 2020) mewujudkan jurang penyelidikan terhadap kajian yang melibatkan data sekunder. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini memfokuskan faktor pembentukan sikap manusia terhadap konteks realiti sahaja.

Berbeza pula dengan kajian Tandal dan Egam (2011), Ismail, Bakar dan Effendy (2018) dan Febrianto (2019). Hal ini dikatakan demikian kerana kajian-kajian ini lebih

memfokuskan sikap seseorang lebih terarah kepada konteks tidak nyata. Contohnya, kajian Tandal dan Egam (2011) telah membuktikan bahawa seni bina dapat mempengaruhi psikologi dan tingkah laku manusia. Aspek seperti ukuran dengan bentuk ruang yang tepat, perabot dan susun atur barang, warna serta bunyi boleh diarahkan tingkah laku manusia ke laluan positif, sekiranya persekitaran seni binanya terbentuk daripada seni bina yang positif. Berbeza dengan data kajian (Siregar, 2013; Rani & Putra, 2016; Situmorang, 2018; Gunawan et al., 2019; Laksana, 2020) yang lebih terarah kepada pembentuk sikap manusia secara nyata. Manakala, data kajian Ismail, Bakar dan Effendy (2018) dan Febrianto (2019) lebih dekat dengan data kajian ini kerana kajian-kajian ini menggunakan analisis dokumen sebagai tatacara menganalisis data. Kajian-kajian ini juga meneliti sikap manusia dalam aspek tidak nyata kerana melibatkan watak dalam penulisan sebagai data kajian. Kajian Ismail, Bakar dan Effendi (2018) telah membuktikan bahawa perspektif negatif terhadap sikap AL, PP, PK dan SI dalam cerita jenaka Melayu dapat disangkal melalui pendekatan dalam bidang psikologi iaitu humanistik. Kajian ini telah menolak dakwaan pengkaji lepas (Crwafurd, 1820; Bottoms, 1965; Winstedt, 1969; Maier, 1988) yang menggelar watak jenaka Melayu sebagai lurus, jumud, bodoh, membuta tuli terhadap raja, tidak bertamadun dan tidak pandai berfikir. Kajian ini telah membuktikan bahawa watak seperti AL, PP, PK dan SI telah mencerminkan sikap dan perwatakan yang positif seperti ringan tulang, menurut perintah, berani, mempertahankan hak dan menepati janji. Berbeza pula dengan kajian Febrianto (2019) kerana kajian ini telah meneliti sikap manusia dalam novel terkini iaitu *Kaki Langit Talumae* penulisan Wishnu Mahendra (2014). Kajian ini telah mengemukakan pola kelakuan yang menyenangkan (positif) seperti sikap Nenek Resse, Tenri, Rusdi, Wawan dan Haji Sulaiman serta pola kelakuan yang tidak menyenangkan (negatif) seperti sikap Reza dan Jarot. Dapatan kajian ini telah menyeru pembaca novel *Kaki Langit Talumae* untuk

mencontohi pola kelakuan yang menyenangkan (positif) dalam kehidupan seharian. Meskipun, data kajian Ismail, Bakar dan Effendy (2018) dan Febrianto (2019) senada dengan skop kajian ini, namun kajian ini tidak bersifat multidisiplin. Perbincangan kajian ini lebih menjurus kepada bidang kesusasteraan.

Dalam kajian kancah politik pula, data kajian akan melibatkan aspek pilihan raya (AwangBesar et al., 2012; Sholikin, 2018; Aldaruqy, 2019; Mohamad Nor & AwangBesar, 2020; Hamid & Radzi, 2020), penglibatan wanita (Brown & Hattenstone, 2010; Aziz, 2019; Lee, 2014; Manas, 2018), penglibatan ketenteraan (Leni, 2013; Rani & Putera, 2016; Hamdi, Jawan, & Efendi, 2018), peranan media dan literasi (Saat & Mustaffa, 2016; Suprapto & Kariadi, 2017), serta agama atau spiritual (Amin & Mohamad, 2016; Haris, 2018; Yahya, 2018). Kajian-kajian ini telah dijalankan secara deskriptif, penjelasan dan penerokaan terhadap fokus dan skop terhadap peristiwa politik di sesebuah negara. Dari sudut keratan lintang (*cross-sectional survey*) dalam kajian politik, kajian (Saat & Mustaffa, 2016; Mohamad Nor & AwangBesar, 2020; Hamid & Radzi, 2020) secara jelas memungut data sekali sahaja daripada satu sampel pada sesuatu masa.

Berbeza pula dengan data kajian (Desa, Zali, & Muhammad, 2017; Norazizan & Annuar, 2018) kerana lebih bersifat multidisiplin. Kajian-kajian ini telah berupaya menghubung jalinkan kancah politik semasa dengan penghasilan karya kreatif seperti muzik dan seni halus. Dapatan data Desa, Zali dan Muhammad (2017) telah menunjukkan lukisan Nor Azizan Rahman Paiman (rujuk Rajah 2.12) yang dihasilkan pada tahun 2008 telah mengkritik secara implisit tokoh politik iaitu Anuar Ibrahim. Meskipun, lukisan ini tidak dilukis secara potret rupa Anuar Ibrahim yang sebenar. Tetapi, dengan bantuan ayat “I will throw the file at their face if the judges are not fit to hear my case” dan tarikh “5 Julai” dalam

lukisan tersebut telah membantu penonton untuk mengaitkan lukisan ini dengan Anuar Ibrahim.

Selaras dengan dapatan data (Desa, Zali, & Muhammad, 2017). Kajian Rusli (2018) dan Rusli dan Zali (2020) pula, sudah berupaya mengaitkan watak-watak mitos dalam cerita jenaka Melayu seperti PP, LM dan SL dengan kancah politik di Malaysia. Kajian ini telah menggunakan kaedah eksplorasi seni visual sebagai penginterpretasian isu-isu politik. Imejan-imejan seperti badut, Joker, kalender, peserta perhimpunan BERSIH, tasbih kayu koka, buah kabung, tumbuk lada, golok, labu, rusa, figura manusia berserban dan topeng *Guy Fawkes* telah digunakan oleh pelukis bagi mempertalikan watak mitos Melayu PP, LM dan SL, kancah politik dan lukisan seni halus. Namun begitu, data lukisan dalam penulisan (Rusli, 2018; Rusli & Zali, 2020) lebih bersifat umum tanpa menyentuh nama figura politik di Malaysia, seperti data kajian Desa, Zali dan Muhammad (2017).

Data utama kajian ini adalah watak mitos Melayu yang diambil daripada cerita jenaka Melayu seperti PP, LM, PK, SL dan AL. Pelbagai kajian telah dijalankan oleh pengkaji lepas (Subet, Nadarajan, & Abang Suhai, 2015; Ghazali & Padoli, 2016; Rusli, 2018; Jabar, 2019; Hamdan & Annuar, 2020; Rusli & Zali, 2020; Jabar & Ghazali, 2021) menggunakan data tersebut. Kajian lepas seperti Jabar (2019) serta Jabar dan Ghazali (2021) didapati hampir dengan kajian Ismail, Bakar dan Effendy (2018) dalam bidang Psikologi Humanistik. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini turut menegaskan bahawa watak-watak dalam cerita jenaka mempunyai sikap yang positif. Namun begitu, kajian ini tidak bersifat multidisiplin seperti kajian (Subet, Nadarajan, & Abang Suhai, 2015; Ghazali & Padoli, 2016). Kajian-kajian ini telah menjelaskan bahawa watak cerita jenaka Melayu mampu diserapkan dalam konteks semasa seperti keadaan industri (sektor pekerjaan),

ekonomi (perbezaan harga getah di Semenanjung Malaysia dengan Wilayah Sabah), aspek sosial (mengaitkan taraf hidup pekerja dan majikan dalam isu cuti) serta aspek politik (kritikan terhadap medium televisyen kebiasaannya didominasi oleh parti politik yang memerintah). Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa penulisan (Subet, Nadarajan, & Abang Suhai; Ghazali & Padoli, 2016) boleh ditambah baik dengan menerapkan teori atau pendekatan yang berwibawa kerana menurut Jalaluddin (2014), dalam kajian kualitatif teori diperlukan kerana sebagai tempat berpaut untuk menyelesaikan masalah dan menghuraikan data kajian.

Bertitik tolak daripada sorotan kajian inilah, kajian ini akan menggunakan TR dalam mengaitkan sikap watak mitos Melayu dengan kancah politik di Malaysia. Dalam penyelidikan TR, penganalisisan makna sangat berkait rapat dengan konteks. Konteks tidak terhad pada maklumat persekitaran fizikal atau ujaran terdahulu, tetapi melibatkan aspek yang lebih luas seperti masa hadapan, hipotesis saintifik, kepercayaan, keagamaan, budaya dan pemikiran penutur (Baba, 2015; Jalaluddin & Awal, 2017; Rahman & Hassan, 2019; Osman & Jalaluddin, 2020; Daud & Subet, 2021). Selain itu, data kajian ini memfokuskan data sekunder “cerita jenaka Melayu berseloka”. Menurut Shaari (1991) cerita jenaka Melayu berseloka terdiri daripada PP, PK dan LM. Berdasarkan kelompangan kajian lepas mengenai watak jenaka Melayu, kancah politik dan kajian sikap, pengkaji akan menawarkan kajian bersifat multidisiplin. Rumusannya, data kajian adalah perkara yang paling penting dalam mempersembahkan satu penulisan akademik.

(b) Kerangka teori

Dalam mana-mana penulisan akademik, penggunaan teori atau pendekatan tertentu diperlukan bagi membantu pengkaji menginterpretasikan dapatan kajian mereka dengan

lebih baik, jelas dan sistematik. Kajian ini mendapati bahawa, kajian awal mengenai penggabungjalinan watak cerita jenaka Melayu dengan konteks semasa tidak mengemukakan sebarang teori bagi mengukuhkan dapatan kajian mereka. Sebagai contoh, kajian (Subet et al., 2015; Ghazali & Padoli, 2016) boleh dianggap sebagai separa ilmiah kerana tiada huraian linguistik dilakukan untuk mengungkapkan pertalian antara watak cerita jenaka Melayu dengan konteks semasa. Penulisan ini hanya memaparkan data kajian secara deskriptif dan memasukkan konteks semasa dalam naratif PP moden, PP dan MT. Akibat kesedaran pentingnya teori atau pendekatan dalam sesebuah kajian (Osman & Jalaluddin, 2014, 2015, 2018; Ismail, Bakar dan Effendy, 2018; Jabar, 2019; Jabar & Ghazali, 2021) telah menggunakan pelbagai teori untuk menyokong dapatan kajian mereka. Namun begitu, kajian ini masih longgar kerana tidak berupaya mengaitkan konteks semasa dalam penulisan mereka seperti kajian (Subet, Nadarajan, & Abang Suhai, 2015; Ghazali & Padoli, 2016). Terdapat juga kajian secara teoretis oleh Rusli (2018) serta Rusli dan Zali (2020) yang mengaitkan watak jenaka Melayu seperti PP, LM dan SL dengan kancah politik Malaysia. Namun begitu, kedua-dua kajian ini dijalankan dalam bidang seni lukis.

Bertitik tolak daripada jurang penyelidikan inilah, pengkaji membentuk objektif kajian bagi menggabungjalinkan watak jenaka Melayu dan kancah politik tempatan berpandukan teori linguistik (pragmatik) iaitu TR. Sewajarnya bagi mendapatkan hasil dapatan yang berpada, sistematik dan boleh disahkan kesahihannya, teori linguistik harus diguna pakai. Contoh kajian yang mengaplikasikan TR ialah (Wong, 2013a, 2013b, 2014a, 2014b, 2015, 2016; Jalaluddin & Awal, 2017; Rahman & Hassan, 2019; Samaon & Subet, 2020a, 2020b; Osman & Jalaluddin, 2020; Daud & Subet, 2021). Kajian ini sudah mantap, berwibawa dan hasil dapatan mereka meyakinkan. Konsep *ad hoc* dan RRS dalam TR akan diguna pakai untuk menghasilkan dan menghuraikan makna implisit dengan lebih tepat,


berpada dan saintifik. Pencungkilan makna sebenar terhadap pentafsiran makna implisit telah dapat diselesaikan dengan TR.

Kajian terkini oleh Daud dan Subet (2021) lebih ke hadapan kerana sudah berupaya mengaitkan TR, watak Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang serta kancah politik di Malaysia. Kajian ini boleh dikatakan sebagai kajian rintis menggunakan teori bahasa dan linguistik kepada kajian yang bersifat multidisiplin. Kajian ini telah menambah baik kajian mitos Melayu oleh Osman dan Jalaluddin (2014, 2015, 2018, 2020). Kajian ini mendapati bahawa, pencungkilan makna sebenar dalam analisis TR tidak seharusnya disia-siakan. Berdasarkan makna sebenar inilah proses penggabungjalinan dengan konteks semasa lebih berwibawa untuk diserapkan. Namun begitu, kajian ini lebih terarah kepada genre serius seperti sejarah (atau salasilah) dan epik. Bertitik tolak daripada kajian-kajian ini telah membuka jurang penyelidikan terhadap kajian mitos yang melibatkan unsur jenaka. Menurut Ahmad (2007), cerita jenaka seperti PP, PK dan LM sebenarnya terkandung unsur sindiran yang sinis dan tajam yang ditujukan khas kepada pihak-pihak tertentu. Dalam konteks kajian ini, kancah politik akan dilihat. Menurut Osman (2007) pula, watak jenaka seperti PP, PK dan LM yang terakam pada abad ke-19 adalah relevan dengan keadaan sosiopolitik orang Melayu pada abad ke- 21.

Rumusannya, perkara ini sekali gus telah memperluas kajian TR dalam usaha menggabungjalinkan dua bidang ilmu lain iaitu sains politik (kancah politik Malaysia) dan kesusasteraan Melayu. Oleh itu, kajian ini amat relevan untuk dilakukan supaya dapat memberikan gambaran khusus tentang penggunaan unsur-unsur implisit dalam naratif PP, PK dan LM. Daripada penerangan ini jelaslah bahawa, makna sebenar dalam naratif PP, PK dan LM dapat dikaitkan dengan kancah politik tempatan berpandukan analisis TR.


(c) Kaedah dan tatacara analisis kajian

Kajian ini telah menambah baik kaedah dan tatacara analisis kajian oleh Osman dan Jalaluddin (2014, 2015, 2018, 2020). Sebelum ini kerangka konsep kaedah dan tatacara analisis kajian telah dijalankan seperti berikut:



Rajah 2.14: Kaedah dan tatacara analisis TR

Menurut Daud dan Subet (2021), pencungkilan makna sebenar dalam analisis TR tidak seharusnya disia-siakan. Berdasarkan makna sebenar inilah proses penggabungjalinan dengan konteks semasa lebih berwibawa untuk diserapkan. Bertitik tolak daripada jurang penyelidikan kaedah dan tatacara analisis kajian TR inilah pengkaji menambah baik kerangka TR dengan mengaitkan konteks semasa dalam kajian ini. Jika sebelum ini, makna implisit dijalankan sehingga makna sebenar ujaran sahaja. Kajian ini pula telah mengaitkan kancah politik Malaysia berpandukan makna sebenar dalam unsur implisit naratif PP, PK dan LM. Rajah 2.15 merupakan penambahbaikan kaedah dan analisis TR:



Rajah 2.15: Penambahbaikan kaedah dan tatacara analisis TR

Berikut merupakan penambahbaikan kaedah dan tatacara analisis TR dengan mengaitkan ISU SEMASA (kancah politik di Malaysia) sebagai penggabungjalinan unsur implisit dalam naratif PP, LM dan PK. Kajian ini juga menegaskan bahawa isu semasa yang terdapat dalam Rajah 2.15 boleh diasimilasikan berkaitan hiburan, pendidikan, ekonomi, perubatan, sukan, khidmat sosial dan sebagainya. Berdasarkan penambahbaikan inilah, pengkaji menyeru ahli-ahli bahasa dan linguistik khususnya bidang pragmatik untuk memanifestasikan makna sebenar ujaran dalam analisis TR ini dengan isu-isu semasa. Justeru, kajian bersifat multidisiplin dalam kajian kesusasteraan dapat diperluas dan diperkembangkan. Berdasarkan kritikan dalam sastera rakyat ini telah membentuk nasihat, teguran dan sindiran yang mampu dijadikan pedoman dalam konteks semasa.

2.6 Rumusan bab

Kesimpulannya, dalam bab ini pengkaji sudah membincangkan sorotan literatur yang diperoleh daripada kajian sikap, kancah politik, watak mitos dan analisis pragmatik (TR). Setiap perbincangan daripada sorotan literatur ini memaparkan kelebihan dan jurang penyelidikan masing-masing. Jurang penyelidikan yang paling ketara adalah pengkaji lepas tidak mengembangkan makna sebenar dalam analisis TR dengan konteks atau isu semasa. Oleh itu, kajian ini cuba menutup jurang penyelidikan ini dengan memanfaatkan TR dan isu semasa. Diharapkan kajian ini dapat memberikan penambahbaikan kepada kajian-kajian lepas dan mencadangkan alternatif terkini kepada pengkaji-pengkaji akan datang untuk memperluas kajian mitos dengan isu semasa.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya. Rujukan dilakukan ke atas data sekunder yang telah diterbitkan seperti cerita jenaka Melayu, seloka Melayu serta data korpus yang berkaitan dengan kancah politik di Malaysia. Data korpus ini diperoleh daripada pelbagai sumber seperti media sosial (Facebook, Twitter, Youtube dan Instagram). Pengkajian sebegini dapat menghuraikan secara lebih mendalam terhadap data yang dianalisis kerana berkaitan dengan persekitaran pengkaji. Menurut Gay dan Airasian (2003), pendekatan kualitatif dapat menghuraikan secara lebih mendalam kerana data dianalisis pada peringkat persekitaran pengkaji. Perkara ini memudahkan pengkaji untuk memahami sesuatu perkara yang berlaku, di samping mempersoalkan "kenapa" begitu kaedahnya. Hal ini menyebabkan pengkaji berupaya mempersoalkan beberapa aspek.

1. Mengapakah hasil karya cerita jenaka Melayu PK, PP dan LM menjelmakan sikap negatif sahaja?

2. Adakah terdapat unsur implisit yang ingin disampaikan dalam karya cerita jenaka Melayu itu?


3. Sejauh manakah pertalian cerita jenaka ini dikaitkan dengan konteks politik?

Oleh itu, konsep "bagaimanakah" pengkaji dalam konteks kajian tersebut melihat keadaan ini berlaku dimanfaatkan. Bagi meredakan kekusutan ini, kewibawaan TR akan

diaplikasikan. Ini adalah tatacara untuk menganalisis unsur implisit dalam hasil karya cerita jenaka Melayu serta perkaitannya dengan konteks politik di Malaysia.

3.2 Reka bentuk penyelidikan

Reka bentuk penyelidikan merupakan proses penceritaan kajian yang dijalankan oleh pengkaji dari awal kajian sehinggalah berakhirnya kajian. Menurut Rahim (2020), "reka bentuk penyelidikan digunakan untuk menstrukturkan penyelidikan serta menunjukkan bahagian-bahagian yang penting dalam projek penyelidikan seperti sampel data, pengukuran dan penilaian serta kaedah kerja kursus dapat bergabung membentuk sebuah keputusan kajian" (hlm. 53). Pada bahagian ini pengkaji akan menghuraikan tatacara kajian yang dijalankan bermula daripada peringkat awal sehinggalah akhir penyelidikan. Perkara ini dapat dirujuk pada Rajah 3.1.



Rajah 3.1: Proses reka bentuk penyelidikan

Pada peringkat pertama atau permulaan, pengkaji menentukan tajuk kajian iaitu *Cerminan Sikap dan Watak Mitos Melayu (Seloka Jenaka) dalam Kancah Politik Malaysia: Analisis Pragmatik*. Dalam hal ini, pengkaji telah memahami setiap definisi konsep dan operasi seperti yang terdapat dalam **BAB 1**. Proses mendapatkan tajuk kajian melibatkan perbincangan dengan penyelia, pembacaan ilmiah mengenai kajian cerita jenaka Melayu, sikap, kancah politik dan analisis TR. Berdasarkan pembacaan dan perbincangan yang autentik, pengkaji mendapati bahawa terdapat kelompangan kajian mengenai cerita jenaka Melayu yang mengaplikasikan TR. Di samping itu, kajian-kajian mengenai cerita jenaka Melayu lebih terarah kepada aspek watak dan perwatakan, nilai-nilai murni, pengajaran dan penggunaan bahasa.

Kajian ini mendapati bahawa adalah tidak memadai untuk menganalisis cerita-cerita ini tanpa mengaitkan dengan konteks semasa. Menurut Rusli (2018), unsur yang terdapat dalam cerita jenaka ini bertujuan untuk mengejek, menyindir secara serius atau jenaka dan mengkritik tingkah laku. Perkara inilah yang tidak dilihat oleh kajian lepas sedangkan aspek sebegini dapat diperluas analisisnya sehingga menjadikan kajian tersebut bersifat multidisiplin. Oleh itu, sebagai penambahbaikan terhadap kajian-kajian lepas ini, kajian ini memanfaatkan kancah politik Malaysia sebagai satu kajian rintis terhadap pengkajian cerita jenaka Melayu. Selepas mendapatkan tajuk dan kelompangan kajian barulah pengkaji dapat menghuraikan latar belakang kajian, penyataan masalah, tujuan dan objektif kajian, kepentingan kajian serta skop kajian. Segala aturan maklumat ini sangat penting bagi pengkaji supaya tidak tersasar daripada tujuan asal kajian (Daud, 2020).

Pada peringkat kedua pula, pengkaji sudah mula mengumpul dan memilih data-data bagi tujuan analisis. Dapatan data diperoleh daripada *Cerita Jenaka* oleh Yahya (1973),

Lukisan Zaman oleh Shaari (1991) serta *Himpunan 336 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Puteh dan Said (2008). Pengkaji memanfaatkan pendekatan kualitatif berbentuk analisis dokumen. Untuk menyaring data pula pengkaji menggunakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) supaya pemilihan data kajian bersesuaian dengan kehendak objektif kajian. Kajian ini memfokuskan unsur implisit yang terdapat dalam cerita jenaka PK, PP dan LM. Data-data ini hanya dicerakinkan berpandukan konteks politik Malaysia. Pandangan ini turut diperkuat sebagai batasan kajian oleh Liamputtong (2014), saiz sampel yang kecil iaitu satu hingga lima data boleh digunakan oleh pengkaji asalkan memenuhi kriteria pensampelan dan objektif kajian. Berikut merupakan garis panduan yang ditentukan bagi menganalisis data:

Pengkaji menjalankan analisis data korpus melalui *Cerita Jenaka* oleh Yahya (1973), *Lukisan Zaman* oleh Shaari (1991) serta *Himpunan 336 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Puteh dan Said (2008). Berdasarkan pendekatan kualitatif secara analisis dokumen, pensampelan bertujuan dilakukan supaya pengkaji berupaya mengesan unsur implisit yang terdapat dalam cerita jenaka PK, PK dan LM. Oleh itu, setiap perkataan, frasa dan ayat dalam cerita jenaka ini diteliti satu per satu oleh pengkaji. Ini adalah untuk pengesahan dan kebolehpercayaan unsur implisit dalam cerita jenaka ini dapat dijadikan data kajian.

Seterusnya, data yang melibatkan unsur implisit ini dikelaskan sama ada bersifat *ad hoc* peluasan atau *ad hoc* penyempitan. Tatacara ini sebagai pengelompokan data kajian. Apabila selesai pengelompokan data, analisis eksplikatur–bentuk logik dilakukan. Untuk mengetahui setiap makna leksikal atau frasa yang terdapat dalam unsur implisit cerita jenaka tersebut, pengkaji merujuk *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016). Proses ini adalah

pemahaman secara permukaan mengenai unsur implisit yang ingin diteliti oleh pengkaji. Namun begitu, penginterpretasian makna di peringkat ini tidak mendalam.

Setelah data kajian diteliti secara makna perkamusan, analisis maklumat ensiklopedik dilakukan bagi mendekod konsep leksikal atau frasa. Proses ini dilakukan supaya pembaca dapat memindahkan makna atau mesej dalam unsur implisit PK, PP dan LM berdasarkan pengetahuan umum pembaca. Berpandukan konteks yang dibekalkan dalam setiap cerita jenaka ini, pembaca berupaya membentuk andaian-andaian yang paling relevan dengan naratif cerita tersebut. Andai-andaian inilah yang membentuk kesan kognitif yang baik kepada pembaca. Apabila pembaca memperoleh kesan kognitif yang baik atau tinggi, maka semakin rendahlah usaha memproses pembaca untuk memahami unsur implisit yang terdapat dalam setiap penceritaan.

Penerokaan makna terhadap unsur implisit dalam cerita PK, PP dan LM diteruskan lagi dengan analisis laluan inferens (*inferential route*). Aspek yang diteliti di peringkat ini adalah, eksplikatur, konsep fizikal dan peluasan superordinat. Proses ini dilakukan bagi memindahkan konsep-konsep literal kepada konsep peluasan makna dalam unsur implisit PK, PP dan LM. Konsep ini terbentuk berdasarkan andaian-andaian di peringkat analisis maklumat ensiklopedik. Oleh sebab, pelbagai andaian terbina melalui konteks yang tersedia dalam naratif PK, PP dan LM, pembaca akan memilih satu konsep yang paling relevan untuk dikaitkan dengan akal budi pengarang. Menurut Osman dan Jalaluddin (2018), analisis unsur implisit dalam TR, pemahaman makna secara implisit boleh berlaku melalui proses peluasan fitur konsep asas fizikal kepada pembinaan konsep superordinat yang mempunyai denotatif fizikal dan psikologi. Dengan itu, analisis laluan inferens terhadap makna sesuatu leksikal atau frasa, dalam kajian ini bukan lagi bersifat perkamusan seperti kajian-kajian yang lepas.


Menurut Daud dan Subet (2021), “Dalam bidang linguistik, bukti leksikal atau frasa sangat penting sebagai bukti nyata bagaimana sesuatu data boleh dirujuk sebagai bukti sandaran” (hlm. 19). Analisis Rangka Rujuk Silang (RRS) dilakukan supaya pembaca atau pendengar dapat mengesan anteseden atau premis tambahan, di samping mengukuhkan perkembangan konteks yang terdapat dalam sesuatu naratif yang berimplisit. Dengan itu, pengesanan anteseden dan premis tambahan ini akan dapat meningkatkan kesan kognitif pembaca dan seterusnya, merendahkan usaha memproses mereka dalam usaha menginterpretasikan makna implisit.

Setelah unsur implisit dalam cerita PK, PP dan LM selesai dianalisis menggunakan analisis eksplikatur–bentuk logik, analisis maklumat ensiklopedik, analisis laluan inferens (*inferential route*), dan pengukuhan analisis menggunakan RRS, barulah makna sebenar dalam unsur implisit ini dapat diinterpretasikan melalui rumusan analisis data. Aspek yang akan digunakan di bahagian ini adalah eksplikatur, andaian implikatur, kesimpulan implikatur, makna sebenar dan konsep *ad hoc* yang digunakan. Kritikan juga dibuat supaya niat sebenar pengarang dapat dibuktikan secara berwibawa. Oleh sebab kajian ini ialah kajian multidisiplin, maka pengkaji akan mengaitkannya dengan kancah politik di Malaysia. Dengan bantuan media massa seperti surat khabar, majalah, media sosial (Facebook, Twitter, YouTube) maklumat mengenai kancah politik mudah diperoleh. Di samping itu, maklumat yang berada dalam media massa ini bersifat fleksibel kerana pengkaji bukan sahaja mendapat maklumat yang berkaitan dengan prokerajaan, tetapi juga maklumat yang berbaur antikerajaan. Kajian ini mendapati bahawa, maklumat sebegini diperlukan supaya kajian ini tidak bersifat bias.

Pada peringkat akhir penyelidikan, pengkaji menamakan peringkat ini sebagai peringkat komprehensif kerana pengkaji akan merumuskan butiran yang terkandung dari **BAB 1** sehingga **BAB 4**. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Rahim (2020) tahap ini banyak bergantung pada dua tahap awal penyelidikan iaitu tahap permulaan dan tahap penyelidikan. Oleh itu, pengkaji akan membuat satu ringkasan kajian, mengemukakan implikasi dan cadangan bagi tujuan penambahbaikan kajian akan datang.

3.3 Sumber data

Sumber data atau instrumen kajian ini melibatkan himpunan cerita jenaka Melayu seperti PK, PP dan LM serta himpunan kancah politik di Malaysia. Menurut Zainudin (2010), diri pengkaji juga digelar sebagai instrumen kajian kerana berfungsi sebagai pemungut data kajian dan berada dalam konteks yang dikaji, mendengar dan melihat sendiri kejadian ataupun fenomena yang perlu dikaji. Data utama kajian ini adalah himpunan cerita jenaka Melayu. Skop kajian ini pula dibataskan dengan watak utama cerita jenaka Melayu (berseloka) iaitu PK, PP dan LM. Bagi memperoleh data kajian ini, pengkaji menggunakan tiga buah buku yang telah diterbitkan. Berikut merupakan buku yang digunakan oleh pengkaji:



Rajah 3.2: Sumber data himpunan cerita jenaka Melayu

Rajah 3.2 (a) menunjukkan secara visual buku *Cerita Jenaka* oleh Raja Haji Yahya bin Raja Ahmad. Buku ini diterbitkan oleh Penerbit Fajar Bakti pada tahun 1963. Keseluruhannya, buku ini mempunyai 83 muka surat dan secara lengkap menceritakan kisah PK, PP dan LM. Buku ini juga menggunakan gaya bahasa klasik, di samping menyenaraikan daftar kata bagi memudahkan pembaca masa ini untuk memahami leksikal-leksikal klasik yang jarang didengar. Justifikasi pemilihan buku ini adalah kerana buku ini merupakan cetakan terawal kumpulan cerita jenaka Melayu. Ini adalah usaha Raja Haji Yahya bin Raja Ahmad untuk mengabadikan penulisan cerita-cerita rakyat Melayu secara asli dan tidak diubahsuaikan mengikut perubahan, keadaan dan corak masyarakat semasa.

Rajah 3.2 (b) menunjukkan secara visual buku *Lukisan Zaman* oleh Rahman Shaari. Buku ini diterbitkan pada tahun 1989 (terbitan pertama) dan 1991 (terbitan kedua) oleh Marwilis Publisher & Distributors Sdn. Bhd. Justifikasi pemilihan buku ini adalah kerana buku ini menghimpunkan puisi lama dan puisi moden masyarakat Melayu. Buku ini terkandung seloka PK, PP dan LM yang akan dijadikan data tambahan kepada kajian ini.

Rajah 3.2 (c) menunjukkan secara visual buku *Himpunan 336 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Othman Puteh dan Aripin Said. Buku ini diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. pada tahun 1995 (terbitan pertama) dan diulang cetak pada tahun 2003, 2004, 2005, 2006, 2007, 2008 (dua kali). Justifikasi pengkaji menggunakan cetakan terkini (2008) adalah sebagai rujukan tambahan mengenai pengisahan PK, PP dan LM. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji ini melihat perubahan atau penambahan jalan cerita PK, PP dan LM pada era 2000 dengan era 70-an iaitu penulisan Yahya (1973). Buku ini adalah usaha terbaik penulis kerana menghimpunkan sebanyak 366 cerita rakyat Malaysia yang terdiri daripada cerita binatang, jenaka, pari-pari, legenda, mitos, hantu dan asal usul

untuk bacaan umum. Bagi memudahkan pemahaman pembaca, pengkaji menyertakan sinopsis cerita PK, PP dan LM.

3.3.1 Sinopsis cerita Pak Kaduk

PK membela seekor ayam jantan yang bertuah dan handal bernama Si Biring Kunani. Satu hari PK telah memaklumkan isterinya, Mak Siti untuk pergi menyabung ayam dengan Raja Indera Sari. Sebelum pergi PK meminta isterinya menjahitkan baju dan seluar baharu yang diperbuat daripada kertas. Oleh sebab, sikap PK yang tergesa-gesa dia meminta isterinya mencantumkan potongan baju dan seluarnya dengan pelekat sahaja. Setelah itu, PK meneruskan perjalanannya ke gelanggang sabung ayam. Setelah sampai di gelanggang sabung ayam, Raja telah mengetahui kehebatan ayam PK dan menggunakan tipu helah untuk menukarkan ayamnya, Si Jalak dengan ayam PK. Oleh sebab, sikap PK yang lurus bendul dan taat setia kepada Raja, PK bersetuju untuk bertukar ayamnya. Raja juga meminta taruhan daripada PK sebelum perlawanan sabung ayam dimulakan. Oleh sebab PK tidak mempunyai harta, dia telah menaruhkan kampungnya. Maka, berlangsunglah perlawanan sabung ayam antara Si Jalak dengan Si Biring Kunani. Akhirnya, seperti dijangka Si Biring Kunani telah memenangi perlawanan tersebut. Dengan tidak berfikir panjang, PK bersorak kegembiraan kerana Si Biring Kunani telah memenangi perlawanan sabung ayam itu. Sedangkan dia sudah terlupa bahawa Si Biring Kunani sudah ditukarkan dengan Si Jalak. Disebabkan sorakan itu, habis baju dan seluar yang diperbuat daripada kertas itu terkoyak rabak dan PK telanjang bulat.

Akhirnya, PK sedar akan kekalahannya itu dan lari pulang ke rumah dengan keadaan malu dan telanjang. Oleh sebab kejadian ini berlakulah wujudnya seloka Melayu yang berbunyi: “Aduhai malang Pak Kaduk! Ayamnya menang kampung tergadai”.

Terdapat satu lagi penceritaan PK iaitu, pada satu hari dia telah dijemput untuk makan kenduri di dua buah tempat. Satu di hilir sungai (kenduri seekor kerbau) dan satu lagi di hulu sungai (kenduri dua ekor lembu). Namun begitu, waktu kenduri itu adalah sama. Oleh sebab sikap PK yang tamak dia telah bersetuju untuk pergi kedua-dua kenduri. Sebelum pergi kenduri, PK telah meminta isterinya mencurahkan nasi dingin ke tanah untuk diberikan makan ayam. Nasi dingin itu kebiasaannya dimakan oleh PK sebelum memulakan kerja hariannya. Tetapi, pada hari tersebut PK ingin mengosongkan perutnya untuk memakan lauk kenduri.

PK ingin memulakan perjalanannya, namun PK telah melawan arus air sungai. Sepatutnya dia memenuhi jemputan ke hilir sungai dahulu, kerana air sungai pada masa itu surut dan deras. Tetapi, PK ingin memenuhi jemputan kenduri hulu sungai dahulu kerana jamuannya ialah dua ekor lembu. Akibat melawan arus sungai, PK telah terlambat dan tetamu lain sudah berpusu-pusu pulang ke kampung masing-masing. PK begitu kecewa, tetapi dia tetap meneruskan perjalanannya untuk ke hilir sungai pula. Waktu PK ingin meneruskan perjalanannya, air sungai sudah pasang deras. Hal ini menyebabkan PK terpaksa mendayung sampan dengan bersusah payah. Sehingga air pasang hampir surut barulah PK sampai ke majlis kenduri di hulu sungai. Tetapi, malangnya kenduri tersebut juga telah tamat. Akhirnya, PK pulang ke rumah dengan penuh kecewa.

Setelah sampai di rumah, isteri PK melihat dirinya begitu sedih dan kecewa. Lalu, isterinya memerli PK “Apakah agak sebabnya orang pergi memakan lembu dan kerbau ini masam sahaja? Apa lagi yang kekurangan? Perut sudah kenyang makan daging.” Akibat marah dengan perlian isterinya, lalu PK memukul isterinya dengan kayu api sehingga mati. Oleh sebab PK sedar akan kesilapannya, dia membawa diri keluar dari kampungnya.

3.3.2 Sinopsis cerita Pak Pandir

Cerita PP bermula apabila isterinya Mak Andeh menyuruh PP pergi memancing dengan berumpankan belalang rusa. Akibat salah faham dengan kata-kata isterinya dan kebodohannya, PP pergi ke hutan menangkap rusa jantan untuk dijadikan umpan pancingnya. Sikap kebodohan PP terserlah kerana rusa jantan itu lebih sesuai dijadikan lauk berbanding dijadikan umpan untuk menangkap ikan. Bak kata isterinya "Berumpankan rusa jantan, jangankan makan mendekat pun tidak, bukankah rusa itu boleh dijadikan lauk?

Suatu hari anaknya telah jatuh sakit guam, Mak Andeh telah keluar pergi mencari ubat sambil memesan kepada PP untuk memandikan anaknya dengan air suam-suam kuku. PP pergi menjerang air dalam kawah dan kemudiannya memandikan anaknya dengan air panas menggelegak sehingga mati. Akibat kematian anaknya itu, Mak Andeh meminta PP menanam jasad anaknya di kubur. Sebelum ini, mayat anaknya telah dibungkus dengan daun pisang muda. Dalam perjalanan PP ingin mengebumikan anaknya, mayat anaknya itu tercicir di jalanan. Oleh sebab PP tidak perasan mayat anaknya sudah tercicir, dia hanya mengebumikan bungkusan daun pisang muda sahaja. Dalam perjalanan pulang ke rumah, PP terjumpa mayat kanak-kanak di jalanan, tetapi PP menjangkakan mayat tersebut adalah mayat anak jirannya. Setelah sampai di rumah, PP menceritakan kepada isterinya dia ternampak mayat seorang kanak-kanak di jalanan. Di sebabkan, isterinya tidak berpuas hati, maka mereka berdua pergi melihat mayat kanak-kanak itu. Apa yang mengejutkan Mak Andeh, mayat itu ialah anaknya. Akibat marah dengan kejadian itu, Mak Andeh meminta PP menanam mayat anaknya semula.

Seterusnya, pada suatu hari Mak Andeh meminta PP membeli seekor kerbau untuk membuat kenduri. Lalu, Mak Andeh memberinya wang sebanyak empat puluh rial. Mak

Andeh memesan kepada PP supaya membeli kerbau yang gemuk dan banyak isi. Semasa perjalanan, dia terfikir bagaimanakah rupa kerbau itu? Hal ini dikatakan demikian kerana PP belum pernah melihat kerbau. Tetapi, PP teringat isterinya berkata "yang meragut rumput itulah kerbau."

PP meneruskan misinya untuk mencari kerbau sehingga sampai di sebuah sawah padi. Selepas itu, PP melihat seorang wanita tua sedang menyabit rumput di tepi sawah. Maka, sangkaan PP sabit yang digunakan oleh wanita tua itulah kerbau yang sedang meragut rumput. PP bertanya kepada wanita tua itu untuk membeli kerbau di tangannya dengan harga empat puluh rial. Pada mulanya, wanita itu menyangka PP ingin membeli kerbau yang berada di rumahnya. Lalu, wanita tua itu berkata "Aku tidak mahu menjual kerbau itu. Aku mahu menggunakan sendiri." Namun, PP bersungguh-sungguh untuk membelinya, sambil menunjukkan sabit yang wanita tua itu pegang. Tersedar dengan tindakan PP itu, wanita tua berkata "Yang aku pegang ini sabit bukan kerbau". PP masih berkeras menyatakan bahawa sabit yang dipegang wanita itulah kerbau yang dicarinya. Wanita tua itu bertegas memberitahu kepada PP bahawa yang dipegangnya itu sabit bukannya kerbau dan tidak akan menjualkannya.

PP terus merayu kepada wanita tua itu. Namun, wanita tua itu terus bertegas untuk tidak menjualkan sabitnya. Tiba-tiba, PP terus merampas sabit di tangan wanita itu dan meninggalkan duit sebanyak empat puluh rial. Selepas mendapatkan sabit itu, PP terus berlari meninggalkan wanita tua itu. Dalam perjalanan pulang ke rumah, PP telah mengikat sabit tersebut dengan tali. Sambil berjalan, sabit yang diikat dengan tali itu ditarik dengan kuat sehingga terkena keting PP dan berdarah. Oleh sebab PP tidak mahu mengecewakan isterinya, dia terus mengheret sabit itu walaupun sabit itu terus menerus terkena kakinya.

Setelah sampai di rumah, PP terus bertanya kepada isterinya tempat untuk menyimpan kerbau itu. Maka, Mak Andeh berkata “Tambatlah kerbau itu di tempat yang ada rumput.” Lalu, PP terus tambat sabit itu di pokok belakang rumahnya. Selepas itu, dia terus masuk ke rumah. Mak Andeh ketika itu sedang menghidangkan makanan kepada PP, lalu menjemput PP makan. PP terus mengadu dengan Mak Andeh “Garang sangat kerbau itu, kamu tengoklah kakiku ditanduknya sehingga luka dan berdarah.”

Mak Andeh berasa sangsi, lalu dia ingin melihat sendiri kerbau yang telah dibeli oleh PP. Maka, Mak Andeh turun ke halaman rumah untuk melihat sendiri kerbau tersebut. Puas Mak Andeh mencari kerbau tersebut, lalu meminta PP menunjukkan kepadanya kerbau tersebut. PP menunjukkan kerbau yang dibelinya itu. Mak Andeh terkejut dan menggelengkan kepala. Mak Andeh memberitahu PP, itu bukan kerbau itu ialah sabit. Mak Andeh meminta PP memulangkan semula sabit itu dan meminta kerbau yang betul.

Keesokan harinya, dalam keadaan malu PP telah pergi semula ke sawah padi untuk berjumpa wanita tua itu. Dengan rendah diri, PP meminta wang yang telah diberikan kepada wanita tua itu. Oleh sebab wanita tua itu kasihani PP dia bersetuju untuk menjualkan kerbaunya kepada PP. PP berasa sangat gembira, lalu membawa kerbau tersebut pulang ke rumah. Dari jauh lagi PP sudah memanggil isterinya untuk melihat kerbau tersebut. Dengan gembiranya Mak Andeh melihat kerbau itu, lalu meminta PP menambatkan kerbau itu di tepi pokok yang ada rumput. PP terus mengerjakan permintaan isterinya itu. Kerbau itu diikat kemas-kemas di depan pokok gelam. Kerbau itu makan rumput yang banyak dan segar di bawah pokok itu.

Hari seterusnya, Mak Andeh meminta PP menjemput haji dan lebai untuk datang ke majlis kenduri mereka. PP bertanyakan kepada isterinya bagaimanakah rupa haji dan lebai

itu? Mak Andeh menjawab “haji itu berserban, manakala lebai itu berjanggut-janggut di bawah dagu.” Maka, PP menurut arahan isterinya untuk mencari lebai dan haji.

Dalam perjalanan PP melihat beberapa ekor kambing yang sedang makan rumput, kesemua kambing itu berjanggut. PP telah mengajak kambing-kambing itu ke rumahnya, tetapi kambing-kambing itu hanya berbunyi ‘Bek! Bek!’. PP cuba memahami bunyi kambing itu dan PP ingatkan kambing itu berkata “nasi Andeh lembik”. PP menafikan nasi yang dimasak isterinya lembik. Oleh sebab geram dengan kambing itu hanya mengembek, PP telah menangkap seekor kambing jantan untuk dibawa pulang. Dalam perjalanan pulang, PP telah terjumpa dengan sekawan pipit uban yang sedang merayap di atas rumput. PP ingatkan burung itu adalah Pak Haji kerana di kepala burung itu terdapat serban. Oleh itu, PP terus menjemput burung-burung itu ke rumah untuk majlis kenduri. Tetapi, burung-burung itu hanya berbunyi ‘Pit! Pit!”. Berdasarkan pemahaman PP, burung itu sedang berkata “rumah PP adalah sempit”, PP terus menafikannya dan berkata “Rumah kami tidak sempit, Haji, luas dan besar. Jangan kita lambat lagi Andeh sudah lama menanti”. PP terus mengikut burung itu sehingga dia naik penat. Akibat berang kerana burung itu tidak mahu mengikutnya balik, PP telah melemparkan kayu sehingga terkena kedua-dua ekor burung itu. Burung itu pun jatuh ke tanah dan PP terus membawa burung itu pulang ke rumah.

Apabila PP sampai ke rumah, isterinya masih menyiapkan makanan untuk kenduri. PP terus membawa kambing dan burung tersebut berjumpa isterinya, lalu berkata “Nah, Andeh, Pak Haji dengan Pak Lebai, bagai nak mati aku mengejar. Hendak mengajak makan kenduri, seorang pun tiada yang mahu.” Mak Andeh tidak mampu berkata apa-apa. Seterusnya, Mak Andeh meminta PP pergi menjemput Datuk Keramat Jin Islam.Sebelum pergi isterinya ada memesan “jalan itu simpangnya dua, yang di sebelah kiri itu terus ke

rumah nenek gergasi." PP hanya mengeyakan sahaja. PP terus berjalan, akhirnya terjumpa simpang dua yang dikatakan oleh isterinya sebentar tadi. Tetapi, PP terlupa pesan isterinya lalu terus mengambil laluan sebelah kiri. PP meneruskan perjalanan sehingga sampai ke rumah nenek gergasi. Semasa PP sampai, nenek gergasi sedang tidur bersama-sama dua orang anaknya, terjerit-jerit PP mengejut nenek gergasi yang disangkakan Datuk Keramat Jin Islam. Nenek gergasi telah terjaga daripada tidurnya, PP terus mengajak datang makan kenduri. Nenek gergasi dan suaminya mengikut PP ke rumahnya.

Apabila sampai ke rumah, betapa takutnya Mak Andeh kerana yang datang itu bukanlah Datuk Keramat Jin Islam, tetapi sepasang suami isteri gergasi. Untuk tidak menimbulkan kemarahan gergasi, Mak Andeh melayan mereka seperti biasa. Gergasi itu telah makan enam kawah daging kerbau dan dua kawah nasi. Semasa makan, gergasi itu baru teringat bahawa anak gergasi di rumah masih belum makan. Jadi, dia meminta Mak Andeh memberikan makanan kepada anaknya juga. Justeru, Mak Andeh bersetuju untuk memberikan makanan kepada anak gergasi. Mak Andeh meminta PP menghantar makanan kepada anak gergasi, Mak Andeh telah membungkuskan nasi sebakul, daging sekawah dan tulang kaki kerbau sekerat. PP telah menjunjung bakul yang disediakan oleh Mak Andeh. PP telah sampai ke rumah nenek gergasi, anaknya sudah menunggu ibu bapanya untuk pulang ke rumah. Anak gergasi itu telah membuka mulut untuk memakan PP, tetapi PP terus menuangkan nasi dan daging ke dalam mulut anak gergasi. Apabila anak gergasi lambat menelan makanan yang diberikan, PP terus menyuap tulang kerbau ke dalam tekak anak gergasi dengan bersungguh-sungguh. Anak gergasi itu kekenyangan sehingga mati. PP terkejut melihat anak gergasi sudah mati, lalu dia berlari pulang ke rumah mencari isterinya. PP memaklumkan isterinya, anak gergasi sudah mati dan mengajak isterinya lari. Mereka

telah berkemas dan lari untuk bersembunyi dengan menggunakan pelampung tarap di seberang sungai.

Manakala, gergasi suami isteri sudah sampai di rumahnya dan terkejut melihat anaknya sudah mati tercekik. Dalam mulut anaknya penuh dengan nasi, daging dan sekerat tulang kaki kerbau. Kedua-dua gergasi itu sungguh marah dan berlari ke rumah PP untuk membalas dendam. Apabila gergasi sampai di rumah PP, mereka mendapati PP dan isterinya sudah lari mengikut laluan sungai. Gergasi itu ingin menyeberangi sungai, tetapi PP berkata "Jangan nenek hendak menyeberangi ke sini. Pergilah ambil tempayan besar di rumah cucu itu sebiji seorang, boleh buat nenek menyeberang ke mari." PP juga meminta gergasi itu masuk ke dalam tempayan dengan menutup mulut tempayan dengan daun birah supaya tidak dimasuki air. Kedua-dia gergasi itu telah mengikut cadangan PP untuk menyeberangi sungai. Setelah gergasi itu masuk ke dalam tempayan, tempayan itu terus hanyut dibawa air sungai yang deras dan dalam. PP juga meminta gergasi itu memecahkan daun birah di mulut tempayan. Apabila daun birah itu pecah, air sungai telah memasuki ke dalam tempayan sehingga tempayan itu tenggelam. Kedua-dua gergasi itu akhirnya mati kelemasan.

Setelah gergasi itu mati, PP dan isterinya telah pulang semula ke rumah. Apabila sudah sampai di rumah, Mak Andeh memberikan cadangan supaya mereka ke rumah gergasi dan mengambil semua harta yang ada. Dengan segera mereka berdua ke rumah gergasi dan membuka bilik-bilik yang ada di dalam rumah itu. Pada bilik yang pertama dipenuhi dengan tulang binatang, tulang manusia, rambut dan bulu bertimbun-timbun. Manakala, bilik kedua pula dipenuhi dengan barang-barang emas seperti aguk, dokoh, subang, keroncong dan lain-lain. Rezeki PP dan isterinya, habis semua barang-barang itu dibawa pulang dan disimpan di dalam kembung padi. PP dan isteri hidup dengan aman.

3.3.3 Sinopsis cerita Lebai Malang

Dalam sebuah desa terdapat seorang Pak Lebai atau LM yang pandai mengaji, taat ibadahnya kepada Allah SWT, beradab, sopan santun serta mempunyai hati yang ikhlas. LM tinggal di sebuah dusun bersama isterinya. Pada satu hari, datang seorang lelaki menjemputnya untuk melawat orang mati. LM bersetuju untuk pergi. Selepas itu, datang pula seorang kanak-kanak menjemputnya datang ke majlis khatam pengajian. LM juga bersetuju untuk pergi ke majlis tersebut. Datang lagi seseorang menjemputnya datang ke majlis berzikir bagi kenduri Maulud. LM turut bersetuju untuk hadir ke majlis tersebut. Dengan itu, LM ada tiga undangan majlis yang berbeza tempatnya, tetapi masa yang sama. LM berfikir:

1. Jika dia ke kenduri orang mati, dia akan diberi sedekah kain putih dan tikar.

2. Jika dia ke majlis khatam pengajian, dia akan kenyang dan diberikan sedekah secupak daging kerbau, kelapa setali dan beras sekampit.

3. Jika dia ke majlis berzikir, dia juga akan kenyang kerana akan dihidangkan lempeng.

LM terus berfikir sehingga petang. Akhirnya LM memilih untuk pergi ke majlis kematian dahulu dengan harapan dapat membantu orang di sana menguruskan jenazah. Apabila LM sampai, orang ramai sudah pulang dari kubur. Saudara si mati begitu terkejut dengan kehadiran LM yang lambat dan berkata “Allah, Pak Lebai, mengapa lambat datang? Sudahlah habis suatu pun tiada lagi. Minta maaflah sahaja kepada Pak Lebai.” LM akur dan pergi pula ke majlis khatam pengajian. Apabila sampai, semua orang sudah balik dan tuan majlis berkata “Ah, ah! Ini pun Pak Lebai baharu tiba. Mengapa Pak Lebai lambat datang?

Sekarang apa pun tiada lagi, semuanya telah habis, melainkan barang dimaafkan sahajalah hal sahaya ini, kerana semuanya telah habis sekali." LM tetap akur dan berkata

"Tiada mengapa, asalkan sudah selamat. sudahlah." LM teruskan perjalanannya ke majlis terakhir iaitu, majlis bermaulud. Apabila tuan rumah melihat LM dan berkata "Allah, mengapa lambat datang Pak Lebai? Hingga penat sahaya menanti tiada juga Pak Lebai sampai. Kemudian diperbuatlah mana-mana yang dapat. Naiklah, Pak Lebai nah inilah yang ada hanya sebungkus penangan sahaja lagi, lain semuanya sekali telah habis."

LM mengambil bungkusan lempeng itu dan berjalan pulang ke rumah. Nasib LM bertambah malang apabila lempeng yang dibawanya itu dibawa lari oleh seekor anjing. LM berasa marah dan melemparkan golok kepada anjing itu, tetapi balingannya itu tersasar. LM melemparkan pula bachok penuh dengan nira, tetapi tidak juga kena. Anjing itu terus berlari dan bersembunyi di dalam lubang batang kayu. LM ingin menjolok anjing itu dengan batang kayu, tetapi hari semakin gelap dan LM tidak terjumpa batang kayu. Oleh itu, LM menanggalkan pakaiannya dan menyumbatkan ke dalam lubang kayu tersebut. Manakala, anjing tersebut telah lari keluar di bahagian lubang kayu yang tidak bertutup. Melihat hal itu, LM bertambah marah dan mengejar lagi anjing yang membawa lempeng kepunyaannya. Anjing itu telah masuk ke dalam hutan dan hilang tanpa jejak.

Nasib LM bertambah malang apabila pakaian dan goloknya sudah hilang, serta niranya juga telah tumpah. Dengan keadaan telanjang, LM pulang ke rumah dengan keadaan hampa. Apabila sampai di rumah, LM menceritakan segala-galanya kepada isterinya. Maka, Mak Lebai naik marah dan memukul LM dengan kayu api, sambil berkata "Lebai nasib langkahan malang, ke hulu hilir penat berulang, celaka sial bedebah jembalang, pakaian dibuang bertelanjang pulang." LM lari bersembunyi dalam kelambu mencari kain. LM

termenung memikirkan dirinya yang telah penat seharian untuk memenuhi jemputan kenduri dan sakit pula akibat daripada pukulan kayu api oleh Mak Lebai.


3.4 Himpunan kancah politik

Kajian ini mempertalikan sikap dan watak PK, PP dan LM dengan kancah politik di Malaysia. Pengkaji memperoleh himpunan kancah politik melalui media massa. Potter (2008), membahagikan jenis-jenis media massa adalah seperti yang berikut:

1. Media siaran: Meliputi radio, rakaman muzik, filem, televisyen dan Internet. Media ini memancarkan maklumat secara elektronik.
2. Media cetak: Menggunakan objek fizikal seperti akhbar, buku, risalah atau komik.
3. Media luaran: Terdiri daripada papan iklan di daratan seperti papan iklan, papan tanda di luar dan dalam bangunan perdagangan, stadium sukan, kedai dan bas. Selain itu, media luaran turut melibatkan papan ikan di udara seperti papan tanda terbang (ditunda oleh kapal terbang), kapal udara dan penulisan di langit.
4. Ucapan umum dan perhimpunan: Ucapan ini terdiri daripada pelbagai sumber seperti rakaman suara, video mahupun, transkripsi perbualan.
5. Media digital: Meliputi komunikasi massa Internet dan web mudah alih. Contohnya, e-mel, tapak web, blog, radio dan televisyen berasaskan Internet.

Justifikasi pemilihan media massa adalah kerana media ini merupakan penyebar saluran maklumat utama di Malaysia. Menurut Hamid (2016), peranan dan fungsi media massa dalam kehidupan masyarakat adalah sebagai pemberi maklumat, medium berdakwah, penerapan nilai murni dan bercakap benar. Media sebegini amat berpengaruh dalam masyarakat. Akibat daripada peredaran zaman, media sosial telah menjadi saluran alternatif maklumat dalam usaha mempromosikan nilai demokratik (Amir, 2015). Perkara ini telah

meningkatkan ketelusan (*transparency*) tentang pemerintahan dan ia turut membuka ruang kepada rakyat Malaysia bagi membincangkan isu-isu politik. Media sosial juga memainkan peranan penting bagi memvariasikan kajian sastera rakyat ini. Hamid (2016) menyatakan bahawa media sosial digunakan oleh masyarakat untuk bercakap benar. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat media-media tertentu telah mengorbankan nilai kebenaran semata-mata untuk menjaga kepentingan pihak-pihak tertentu. Contohnya, pemilik media berkenaan atau pihak-pihak lain yang mengawal penyiarannya. Tambah Hamid (2016) "media seperti ini telah mengorbankan prinsip kebenaran dan menyebarluaskan pendustaan" (hlm. 220). Dengan bantuan media sosial pengkaji dapat memperoleh maklumat mengenai kancah politik dengan lebih telus. Hussain (2020) pula menyatakan bahawa, media sosial dianggap ruang untuk meluahkan perasaan kepada orang ramai secara terbuka dan senang dibaca oleh semua orang. Rajah 3.3 menunjukkan ketelusan masyarakat umum menyatakan pandangan terhadap sesuatu isu politik yang berlaku di Malaysia, di samping mempertalikan dengan naratif cerita jenaka Melayu.



Rajah 3.3: Data tambahan/korpus di enjin pencarian Facebook

3.5 Ruang lingkup dan batasan penyelidikan

Dengan adanya ruang lingkup penyelidikan, tumpuan kajian akan menjadi lebih mantap dan tepat (Jalaluddin, 2003; Wong, 2016). Oleh itu, penyelidik seharusnya menentukan ruang lingkup atau batasan penyelidikannya lebih awal. Selaras dengan kenyataan tersebut, kajian ini menentukan ruang lingkupnya, iaitu mengkaji sikap watak mitos masyarakat Melayu yang terdiri daripada watak cerita jenaka PK, PP dan LM. Kajian ini menggunakan teori yang berwibawa iaitu TR. Sejurus pengkaji memperoleh makna sebenar terhadap unsur implisit dalam cerita PK, PP dan LM, pengkaji dapat mempertalikannya dengan kancah politik tempatan. Dalam konteks kajian ini, setiap pemilihan unsur penting seperti pemilihan TR, pemilihan cerita jenaka berseloka, pemilihan kancah politik Malaysia dan pemilihan data korpus akan dijelaskan justifikasinya.

3.5.1 Justifikasi pemilihan Teori Relevans

TR merupakan teori yang diaplikasikan oleh pengkaji dalam kajian ini untuk menginterpretasikan unsur implisit dalam watak mitos Melayu. Antara faktor utama pemilihan TR adalah tahap pengkajian makna melebihi peringkat semantik, kekurangan Maksim Grice (1975) sebagai teori pragmatik dan kekuatan TR sebagai teori pragmatik dalam penginterpretasian makna implisit (Wong, 2016). Teori ini mampu menjelaskan cara interpretasi makna berdasarkan konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Di samping itu, kajian ini turut menerapkan pendekatan-pendekatan lain dalam TR seperti konsep *ad hoc* oleh Barsalou (1987) dan RRS oleh Kempson (1986). Berikut merupakan rumusan pengkaji terhadap kemampuan TR dalam usaha menginterpretasikan unsur implisit dalam sesuatu ujaran ataupun penulisan:

a) Penerapan TR untuk menganalisis data merupakan kaedah yang bersesuaian dan berpada dalam meneroka kerelevanan sesuatu ujaran khususnya bagi ungkapan berimplikatur. Hal ini dikatakan demikian kerana TR mampu membantu pengkaji mencungkil makna yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu ujaran.
b) TR adalah teori yang berkaitan dengan interpretasi ujaran termasuklah penginterpretasian ayat yang taksa, yang eliptik dan sebagainya. TR sangat penting diaplikasikan kerana membolehkan pendengar mengetahui hajat sebenar si penutur atau si penulis terhadap ujaran yang disampaikan.
c) Tugas TR itu sendiri pada awalnya adalah untuk menyelesaikan masalah bahasa figuratif dalam ujaran.
d) TR dalam bidang ilmu pragmatik mampu memberikan penginterpretasian makna ujaran yang berimplisit dengan relevan dan berkesan.

Dengan rumusan yang dikemukakan ini, maka jelaslah bahawa TR ialah teori yang menekankan penglibatan konteks dalam penginterpretasian makna ujaran yang kabur atau taksa. Pendekatan pragmatik ini dapat menyelesaikan masalah komunikasi secara lisan atau bukan lisan kerana maksud yang ingin disampaikan oleh penutur atau penulis kepada pendengar atau pembaca dapat difahami bersama. Konsep-konsep TR yang diterapkan iaitu peranan kognisi, kesan kognitif, usaha memproses, *ad hoc* dan RRS dilakukan oleh penutur dan pendengar sebagai landasan penginterpretasian makna implisit dalam sesuatu ujaran.

Maka, pemilihan unsur implisit dalam cerita jenaka Melayu adalah tepat dengan kajian ini. Dalam penceritaan cerita jenaka baris eksplisit dikesan terlebih dahulu, kemudiannya berpandukan konteks keseluruhan sesuatu naratif unsur implisit dapat dikesan. Unsur implisit ini terdapat dalam pelbagai bentuk contohnya, bentuk kata, frasa, ayat dan bahasa figuratif. Penekanan konteks dalam penginterpretasian ujaran diperlukan bagi

memahami makna sebenar yang hendak disampaikan oleh penutur atau pendengar. Kajian ini ingin membuktikan kemampuan teori yang tersohor mendapat makna sebenar sesuatu ujaran dapat diaplikasikan dalam naratif PK, PP dan LM.

3.5.2 Justifikasi pemilihan cerita jenaka Melayu berseloka

Sastera rakyat masyarakat Melayu begitu luas. Bagi konteks kajian ini, pengkaji memfokuskan sastera rakyat berbentuk jenaka. Menurut Osman (2007), cerita jenaka Melayu terdiri daripada *Hikayat Sang Kancil, Pelanduk dengan Anak Memerang, Pak Kaduk, Lebai Malang, Pak Pandir, Pak Belalang, Si Luncai, Mat Jenin, Hikayat Pelanduk Jenaka, Hikayat Musang Berjanggut* dan *Hikayat Abu Nawas*. Sebagai batasan kajian, pengkaji hanya memfokuskan cerita jenaka Melayu berseloka. Menurut Shaari (1991) cerita jenaka Melayu berseloka terdiri daripada PP, PK dan LM. Justifikasi pemilihan cerita jenaka Melayu berseloka adalah kerana pengkaji memperoleh kisah yang paling autentik atau sahih dalam naratif PK, PP dan LM. Menurut Yahya (1973) pula, penulisan cerita jenaka berseloka adalah secara asli dan tidak diubahsuaikan mengikut perubahan, keadaan dan corak masyarakat semasa.

Justifikasi pemilihan cerita jenaka berseloka adalah untuk mengangkat karya ini lebih tinggi dengan menggandingkan ciri kejenakaan dengan tujuan pengajaran moral, sindiran yang tidak ketara, mengkritik, menghina dan memberontak terhadap sesetengah pihak. Kajian ini dapat membuktikan bahawa kajian mengenai PK, PP dan LM tidak berhenti pada peringkat skrip dan resonans. Tetapi, selaras dengan peranan sastera rakyat yang begitu sarat dengan unsur nasihat dan sindiran secara halus supaya masyarakat kini tidak mengulangi kesilapan yang berlaku dalam sesuatu naratif (Daud & Subet, 2021).

3.5.3 Justifikasi mempertalikan kancah politik dengan watak mitos Melayu

Dalam kancah politik Malaysia sudah tentulah melibatkan tokoh politik yang dapat dijadikan rujukan dalam kajian ini. Kajian ini akan menginterpretasikan makna sebenar dalam unsur implisit terhadap watak PP, PK dan LM. Kajian ini mendapati bahawa, berdasarkan kancah politik yang berlaku di Malaysia mampu dihubungkaitkan dengan watak dan sikap PP, PK dan LM. Menurut Osman (2007), watak jenaka seperti PP, PK dan LM yang terakam pada abad ke-19 adalah relevan dengan keadaan sosiopolitik orang Melayu pada abad ke- 21. Kritikan ini turut disuarakan oleh Ahmad (2001):

> *Orang Melayu berteriak: "Takkan Melayu Hilang di Dunia", tetapi mesej ini hanya bercorakkan bangsa yang sedang meragui masa hadapannya… Bentuk sorak yang lain berlaku dalam perhimpunan parti Melayu. Di situ terdengar jerit pekik, sorak sorai, cerita jenaka, kata-mengata dan tepukan gemuruh. Tidak sedikit yang hadir di situ terdiri daripada Pak Pandir, Mat Jenin, Pak Kaduk, Lebai Malang bahkan Sang Kancil yang pandai menipu orang lain … Mereka menceritakan kebodohan orang Melayu, lalu mereka bersorak … hari ini, orang Melayu sendiri membiarkan banyak Pak Pandir, Mat Jenin, Lebai Malang dan Pak Kaduk Melayu di negara ini. (Ahmad, 2001, dalam Osman, 2007, hlm. xix).*


Kancah politik yang disajikan secara implisit dalam cerita jenaka dapat memperluas wawasan mengenai taktik dan strategi pengarang sewaktu menghadapi krisis politik dan pemerintahan (Bakhri, 2020). Perkara ini secara tidak langsung memberikan sumbangan terhadap pendidikan politik di negara kita, khususnya pendidikan demokrasi. Oleh itu, mesej tersirat yang disampaikan dalam cerita jenaka tetap akan relevan sepanjang zaman.

3.5.4 Justifikasi pemilihan data korpus

Kajian ini menggunakan data korpus sebagai landasan instrumen kajian dan sumber kajian. Menurut Jalaluddin (2014), melalui data korpuslah, bidang pengkajian bahasa berdasarkan contoh sebenar penggunaannya yang digunakan oleh manusia sehari-hari, dan ini telah membezakan linguis korpus dengan linguis lain. Tambah McEnery dan Wilson (1996) pula, "*ahli linguis korpus mengkaji bahasa sebenar, linguis lain hanya duduk di meja kopi sambil memikirkan contoh-contoh liar dan tidak munasabah*" (hlm. 187). Oleh itu, pemilihan cerita jenaka Melayu dan kancah politik tempatan sebagai data korpus adalah wajar dalam kajian ini kerana kemampuan teks sastera dan politik tersebut menyediakan data-data korpus yang dapat menggambarkan fenomena yang dikaji (unsur implisit). Berikut merupakan justifikasi pengkaji menggunakan data korpus berkaitan dengan cerita jenaka Melayu dan kancah politik di Malaysia:

i. Teks cerita jenaka Melayu ditulis oleh Puteh dan Said (2008), Shaari (1991) serta Yahya (1963) kepada pembaca. Selain itu, teks kancah politik pula dipetik melalui media massa seperti surat khabar, majalah, Internet dan media sosial adalah penulisan pengguna media massa kepada pembaca. Kedua-dua aspek ini adalah sifat semula jadi data sebagai data korpus.
ii. Teks cerita jenaka Melayu dan teks kancah politik tempatan sebagai sumber primer dalam kajian ini. Hal ini meningkatkan kesahan sumber data yang digunakan dalam kajian ini.
iii. Teks cerita jenaka Melayu mengandungi unsur implisit yang dikehendaki oleh pengkaji dalam usaha mempertalikannya dengan kancah politik tempatan.
iv. Teks cerita jenaka Melayu diterbitkan oleh pihak yang berwibawa. Contohnya, *Yayasan Karyawan* dan *Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd*.

3.6 Kerangka konseptual kajian



Rajah 3.4: Kerangka konseptual kajian

3.7 Prosedur analisis data


Aspek yang akan diteliti pada bahagian ini adalah tatacara pemilihan sampel kajian dan prosedur analisis data. Bagi aspek pengenalpastian unsur implisit sebagai dapatan data pula, kajian ini akan melibatkan analisis eksplikatur – bentuk logik, analisis maklumat ensiklopedik, analisis laluan inferens (*inferential route*), rumusan analisis makna, pengukuhan analisis menggunakan RRS serta akhirnya akan menghubungkaitkan unsur implisit dalam data kajian dengan kancah politik di Malaysia. Untuk contoh analisis data pula, pengkaji akan mengguna pakai satu genre sastera lisan iaitu cerita legenda. Justifikasi pengkaji menggunakan data ini supaya tidak mengganggu data utama kajian ini (PP, PK, dan LM) yang akan dianalisis pada Bab 4. Penggunaan sastera lisan berbentuk legenda ini pada pendapat kajian ini merupakan satu nilai tambah kepada kajian ini untuk pembuktian awal bahawa genre sastera lisan dalam apa-apa sahaja bentuk, sama ada puisi klasik yang berbentuk pantun, seloka, syair, talibun, teka-teki, dan sebagainya serta prosa klasik seperti hikayat, cerita binatang, cerita jenaka, legenda, dan sebagainya akan turut dapat mempertalikan unsur yang hendak dikaji seperti yang telah dinyatakan dalam objektif kajian ini.

Oleh itu, pengkaji seterusnya, sebagai contoh analisis akan mempertalikan kancah politik tempatan dengan kewujudan unsur implisit dalam sastera lisan terkenal masyarakat Melayu Sarawak iaitu legenda Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang. Kajian ini juga berpendapat, dengan memanfaatkan unsur perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang, legenda terkenal ini akan dapat dipertalikan juga dengan senario politik tempatan kerana sejak akhir-akhir ini, wujud perbandingan sikap serta sifat pemimpin sekarang dengan watak dalam sastera lisan, seperti PK, PP dan LM yang telah mengambil tempat juga dalam senario politik tempatan ini.

Oleh itu, untuk contoh analisis ini, pengkaji mengemukakan legenda Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang. Data kajian ini data korpus yang diperoleh melalui *Himpunan 336 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Puteh dan Said (2008). Untuk analisis contoh ini, pengkaji akan menganalisis legenda Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang dengan berpandukan tatacara analisis data PK, PP dan LM yang akan dijalankan dan menjadi fokus utama perbincangan kajian ini dalam Bab 4 nanti.

3.7.1 Unsur implisit sebagai data kajian

Unsur implisit bermaksud keadaan yang tidak dinyatakan secara tidak langsung atau tidak berterus-terang. Unsur implisit ini dapat dikenal pasti makna sebenarnya apabila konteks dan kesan kognitif relevan dengan maklumat lain yang dibekalkan dalam pemikiran pembaca atau pendengar. Perkara ini dapat meminimumkan usaha memproses pembaca atau pendengar. Osman dan Jalaluddin (2018) menyatakan bahawa unsur implisit turut dikesan dalam mitos Melayu kerana secara tersuratnya ia jauh daripada realiti. Bagi memahami unsur implisit ini, kajian bersifat saintifik perlu dijalankan bagi membuktikan bahawa interpretasi mitos juga dapat dihuraikan menggunakan teori linguistik kini iaitu TR. Oleh itu, cerita legenda yang sarat dengan unsur mitos seperti legenda dalam sastera lisan masyarakat Melayu Sarawak, cerita rakyat Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang akan dimanfaatkan sebagai contoh analisis. Unsur implisit yang difokuskan pada bahagian ini adalah mitos perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang. Sebagai permulaan untuk mendapatkan kesan kognitif, pengkaji mengemukakan Rajah 3.5 bagi menerangkan naratif keseluruhan perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang ini.



Rajah 3.5: Syot layar kisah Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang

(Sumber: Puteh & Said, 2008, hlm, 27)

Pada bahagian ini, analisis dilakukan supaya penginterpretasian unsur implisit dalam perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang dapat dirungkai secara berwibawa.

Berdasarkan Rajah 3.5, DATA 1, DATA 2 dan DATA 3 dapat membentuk pemahaman secara heuristik. Kemampuan berfikir secara heuristik ini memang jelas terlihat apabila manusia perlu mentafsir maklumat yang kompleks bergantung pada konteks (Jalaluddin & Syah, 2009). Sebab itulah dalam analisis TR, konteks akan dapat membekalkan kesan kognitif yang diperlukan untuk interpretasi makna yang dihajati. Berdasarkan pemahaman heuristik pembaca tentang perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang ini, mereka dapat merumuskan bahawa terdapat unsur tersirat yang didukung dalam naratif ini.

Oleh sebab, naratif ini adalah mitos sumpahan Puteri Santubung menjadi gunung Santubong dan kepala Sejinjang berkecai menjadi Pulau Kera, Pulau Satang dan Pulau Talang-Talang, pendengar beranggapan ia bukanlah dicipta secara sewenang-wenangnya untuk menyedapkan cerita.

Sebagai permulaan analisis, perkaitan DATA 1, DATA 2 dan DATA 3 dapat dirumuskan terlebih dahulu melalui eksplikatur, andaian implikatur dan kesimpulan implikatur seperti yang berikut:

Eksplikatur:	PERKELAHIAN DUA ORANG PUTERI MENYEBABKAN KESAN YANG BURUK ATAU BERPANJANGAN
Andaian Implikatur:	KESANNYA, PUTERI SANTUBONG MENJADI GUNUNG SANTUBONG, MANAKALA KEPALA SEJINJANG BERTERABUR MENJADI PULAU KERA, PULAU SATANG DAN PULAU TALANG-TALANG
Kesimpulan Implikatur:	AKIBAT PERLANGGARAN SUMPAH/JANJI PUTERI SANTUBONG DAN PUTERI SEJINJANG, MEREKA MENDAPAT BALASAN ATAS PERBUATAN MEREKA DAN KESANNYA DIRASAI SEHINGGA KINI.

Naratif perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang mempunyai unsur implisit yang tersendiri. Berikut merupakan enam leksikal dipetik melalui naratif tersebut yang memerlukan penginterpretasian makna yang lebih mendalam:

i.	Antan	Naratif perkelahian terhadap Puteri Santubong
ii.	Pipi	
iii.	Sopak	
iv.	Batang belidah	Naratif perkelahian terhadap Puteri Sejinjang
v.	Kepala	
vi.	Bertaburan	

Kajian ini menegaskan bahawa penginterpretasian makna implisit terhadap leksikal tersebut tidak dapat berdiri sendiri atau tidak dapat difahami tanpa melibatkan leksikal, frasa atau teks yang lain. Menurut Osman dan Jalaluddin (2020), mitos hadir dalam bentuk wacana, maka makna secara keseluruhan dapat dicapai dengan menganalisis setiap frasa berkaitan bersama-sama konteks dan ko-teks. Oleh itu, set data dibahagikan kepada dua naratif perkelahian iaitu melibatkan (i) Puteri Santubong dan melibatkan (ii) Puteri Sejinjang.

3.7.2 Analisis eksplikatur – bentuk logik

Langkah pertama dalam analisis *ad hoc* adalah untuk memahami bentuk logik pada tahap semantiknya. Menurut Osman dan Jalaluddin (2020), "leksikal atau frasa ini dikeluarkan daripada eksplikatur kerana menjadi rujukan penting atau menjadi inti kepada metafora mitos tersebut" (hlm. 68). Analisis ini dinamakan sebagai analisis eksplikatur –

bentuk logik. Namun begitu, pemahaman secara bentuk logik hanya melibatkan skop semantik yang terhad pada makna luaran yang diujarkan. Makna luaran atau makna permukaan ini masih belum mampu memberi makna sebenar yang dihajati.

Jadual 3.1: Analisis eksplikatur – bentuk logik data i., ii. dan iii. dalam perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Yang Memberi Kesan Kepada Puteri Santubong

Eksplikatur	**Bentuk logik**
Antan	ANTAN: Alat penumbuk padi; alu.
Pipi	PIPI: Bahagian muka di bawah pelipis (bahagian kepala di antara dahi dan telinga).
Sopak	SOPAK: Sejenis penyakit kulit (berbelang-belang putih pada tangan atau kaki). (Sumber: Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016)

Jadual 3.2: Analisis eksplikatur – bentuk logik data iv., v. dan vi dalam perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Yang Memberi Kesan Kepada Puteri Sejinjang

Eksplikatur	**Bentuk logik**
Batang belidah	BATANG BELIDAH: Pangkal batang kayu yang diruncingkan.
Kepala	KEPALA: Bahagian tubuh (manusia atau haiwan) daripada leher ke atas (anggota badan lain di kepala seperti mata, mulut, hidung, pipi dan lain-lain)
Bertaburan	BERTABURAN: Berselerak (di sana sini), berhamburan dan tidak tersusun (Sumber: Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016)

Jadual 3.1 dan 3.2 jelas hanya memaparkan maklumat berbentuk eksplikatur yang diperoleh secara langsung daripada makna perkamusan. Makna eksplikatur belum lagi lengkap untuk mengesan makna sebenar yang dihajati. Analisis maklumat ensiklopedik perlu dilakukan seterusnya seperti yang dikemukakan dalam subtopik 3.6.3 di bawah.

Analisis ini perlu untuk mendapatkan makna yang mendalam dan lebih bersifat intrinsik untuk membantu pentafsiran makna implisit seterusnya.

3.7.3 Analisis maklumat ensiklopedik

Maklumat ensiklopedik ini dapat dibentuk berdasarkan pengetahuan umum pembaca. Maklumat inilah yang akan mengukuhkan pemahaman pembaca terhadap bentuk logik yang telah difahami daripada makna perkamusannya (eksplikatur). Menurut Osman dan Jalaluddin (2018), "semakin dekat pembaca dengan latar masa dan persekitaran kognitif pengarang, maka semakin mudahlah proses pengukuhan bentuk logik ini terbina dan semakin tinggi tahap kerelevenan yang bakal dibentuk dalam metafora mitos ini" (hlm. 69). Dalam naratif Puteri Santubung dan Puteri Sejinjang, pembaca telah mendekod konsep leksikal seperti [ANTAN], [PIPI], [SOPAK], [BATANG BELIDAH], [KEPALA] dan [BERTABURAN] tadi. Menurut Baba (2015), mendekod ialah proses menukarkan mesej kepada pelbagai lambang yang dapat difahami oleh pembaca. Berikut merupakan pembentukan maklumat ensiklopedik pembaca:

i. ANTAN: **Maklumat ensiklopedik**
(a) DIPERBUAT DARIPADA KAYU
(b) MENGELUARKAN BUNYI
(c) BERTUJUAN UNTUK MENHANCURKAN/MELUMATKAN
(d) BERTUJUAN UNTUK MEMISAHKAN/MENCERAIKAN*
ii. PIPI: **Maklumat ensiklopedik**
(a) SEBAHAGIAN DARIPADA MUKA
(b) MUKA DAN MARUAH*
(c) MEDAN MAKNA PERILAKU (POSITIF)
iii. SOPAK: **Maklumat ensiklopedik**
(a) SEJENIS PENYAKIT
(b) KESAN YANG ZAHIR
(c) BOLEH NAMPAK DENGAN MATA KASAR

(d)MALU*

iv. BATANG BELIDAH: **Maklumat ensiklopedik**

(a) DIPERBUAT DARIPADA KAYU

(b)DIRUNCINGKAN DI PANGKAL KAYU

(c) TAJAM*

(d)BOLEH MEMBUNUH/MELUKAKAN

v. KEPALA: **Maklumat ensiklopedik**

(a) ANGGOTA TUBUH BADAN (MANUSIA ATAU HAIWAN)

(b)TEMPAT YANG MULIA*

(c) KEHORMATAN

(d)BERSINONIM DENGAN KETUA/PEMIMPIN

(e) KONTEKS SURAT: TAJUK, PENDAHULUAN, PERMULA

(f) KONTEKS PENGIRAAN: ORANG, INDIVIDU

vi. BERTABURAN: **Maklumat ensiklopedik**

(a) BERSEPAH

(b)MERATA-RATA

(c) TIDAK TERARAH

(d)TIADA HALA TUJU*

Dalam pengukuhan maklumat ensiklopedik i. sehingga vi., pemahaman terhadap leksikal-leksikal tersebut dikukuhkan dengan maklumat ensiklopedik yang diakses daripada minda pembaca. Dalam TR, maklumat ensiklopedik ini juga dikenali sebagai sebagai maklumat konteks. Menurut Subet (2018), konteks merupakan adanya kewujudan seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Konteks boleh wujud melalui pelbagai cara, misalnya terbina melalui pengamatan terhadap persekitaran yang melingkari kehidupan seharian, kata-kata yang telah dan baru sahaja diujarkan yang masih kekal dalam ingatan, perkara yang melibatkan masa depan, hipotesis saintifik, kenangan manis, pahit atau lucu, andaian tentang budaya dan kepercayaan yang ada pada penutur dan sebagainya. Konteks dirujuk dengan tiga cara iaitu melalui ujaran terdahulu (dalam wacana yang menghasilkan ujaran itu), kedua dengan cara merujuk apa sahaja yang berlaku di

sekitar manusia dan ketiga melalui catatan ensiklopedia yang terdapat dalam memori seseorang yang dapat dirujuk apabila kata-kata itu timbul dalam ujaran (proposisi).

Menurut Carston (2000) pula, maklumat ensiklopedik atau pengetahuan umum ini mengandungi pelbagai jenis maklumat seperti andaian lazim, informasi saintifik, kepercayaan dan kebudayaan, pemerhatian dan pengalaman peribadi seseorang. Pembentukan maklumat ensiklopedik adalah berbeza dan bergantung pada umur, budaya, agama, taraf hidup dan sebagainya.

Setelah melalui analisis eksplikatur – bentuk logik dan analisis maklumat ensiklopedik, masih terdapat kekaburan pada perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang. Hal ini dikatakan demikian kerana makna yang dijana secara eksplisit masih tidak mencapai tahap relevan pada pemikiran pembaca. Osman dan Jalaluddin (2018) menyatakan bahawa:

> Proses yang berlaku ini selari dengan proses pengembangan konteks, iaitu melihat kearah ujaran terdahulu, termasuk ko-teks yang membimbing kepada kerelevanan teks. Seterusnya, konteks pemula juga berlaku dengan merujuk maklumat ensiklopedik. Hasil penyesuaian konteks wacana dan kesan kognitif, pembaca tahu bahawa adanya unsur implikatur dalam ujaran tersebut (hlm. 30).

3.7.4 Analisis laluan inferens (*inferential route*)

Seterusnya, proses peluasan superordinat telah mengambil tempat selepas pengukuhan dibuat dengan bantuan maklumat ensiklopedik yang terbina. Osman dan Jalaluddin (2020) menyatakan bahawa:

Proses peluasan dalam konsep ad hoc melibatkan penggunaan sesuatu leksikal yang membawa makna lebih umum daripada yang dienkod, sebagai kesan peluasan denotasi yang ditentukan secara linguistik dan dibantu oleh konteks dan maklumat ensiklopedik. Konsep ad hoc peluasan ini lebih cenderung digunakan untuk menganalisis makna ujaran bukan literal, bilangan tak tentu, bentuk kiasan, hiperbola, dan ujaran yang membawa maksud metafora (Osman & Jalaluddin, 2020).

Proses ini dibuat dengan adanya unsur implisit dalam mitos ini. Oleh itu, timbulnya persoalan dalam kalangan pembaca atau pendengar bagi memindahkan fitur daripada konsep asas fizikal kepada peluasan makna berunsur implisit. Menurut Osman dan Jalaluddin (2018), analisis unsur implisit dalam TR, pemahaman makna secara implisit boleh berlaku melalui proses peluasan fitur konsep asas fizikal kepada pembinaan konsep superordinat yang mempunyai denotatif fizikal dan psikologi.

Setiap leksikal atau frasa yang telah dianalisis secara bentuk logik, andaian ensiklopedik dan kesimpulan ke hadapan yang munasabah (*plausible forward inference*) dapat diperluas makna kepada KONSEP FIZIKAL, yang seterusnya dapat difahami sebagai PELUASAN SUPERORDINAT* sejurus diaktifkan oleh konteks wacana dan jangkaan relevan (*expectations of relevance*). Dalam TR, jangkaan yang relevans ini juga dikenali sebagai kesan kognitif. Kesan kognitif merupakan andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar itu dan menurut Jalaluddin (2003), kesemua ini tersimpan sebagai catatan ensiklopedia. Dalam perbualan, pendengar akan menggabungkan, atau memperkuat, atau menggugurkan konteks yang dikemukakan oleh penutur dengan andaian awal yang sedia ada untuk menghasilkan kesan kognitif. Menyentuh tentang andaian awal, Sperber dan Wilson (1986) pula mendakwa bahawa:

1. andaian mungkin menyumbang maklumat baharu, tetapi maklumat baharu ini tiada kaitan dengan maklumat yang sedia ada dalam konteks.

2. andaian telah ada dalam konteks dan kekuatannya tidak terancam dengan maklumat baharu yang ditunjukkan; maklumat baharu yang ditunjukkan menjadi tidak seinformatif langsung dan tidak relevan.

3. andaian tidak konsisten dengan konteks dan terlalu lemah untuk mengecewakannya; pemprosesan maklumat malah meninggalkan konteks tidak berubah.

Melalui tiga andaian yang direfleksi oleh Sperber dan Wilson (1986) di atas, maka penggabungan maklumat berlaku apabila andaian awal pendengar dapat digabungkan dengan maklumat baharu penutur untuk menghasilkan kesan kognitif yang dapat membantu pendengar memproses mesej penutur dengan mudah.

Penguatan maklumat pula secara mudahnya merupakan proses apabila andaian awal pendengar dapat dikuatkan dengan kehadiran maklumat baharu yang diberikan oleh penutur. Pendek kata, maklumat awal itu tadi dapat disahkan dan ternyata betul untuk membentuk kesan kognitif yang baik dan berguna kepada pendengar untuk membantunya menginterpretasikan makna ujaran sebenar.

Seterusnya, jika berlaku pertentangan maklumat antara andaian awal pendengar dengan maklumat baharu penutur, maka berlaku proses pengguguran. Dalam hal ini, menurut Jalaluddin (2003), telah berlaku percanggahan andaian. Mana-mana andaian yang lemah antara kedua-dua maklumat ini akan digugurkan untuk membantu kesan konteks yang lebih baik. Maknanya, untuk memastikan maklumat itu relevan, maklumat itu seharusnya kaya dengan kesan kognitif yang akan membantu menginterpretasikan makna. Sperber dan Wilson (1986) mendakwa tanggapan bagi kesan kognitif adalah penting pada pencirian

relevans. Sebab itu menurut mereka mempunyai kesan kognitif adalah syarat penting bagi relevans, dan perkara lain seimbang, lebih banyak kesan kognitif, lebih relevan ujaran tersebut.

Selain itu, konsep ad hoc juga turut memmbantu dalam interpretasi makna yang dihajati. Untuk menyingkap unsur implisit dalam sesuatu naratif menggunakan TR, Osman dan Jalaluddin (2018) menyatakan bahawa:

> Kriteria asas konsep ad hoc secara ringkasnya didefinisikan sebagai pemahaman yang diakses melalui konteks tertentu secara spontan oleh pendengar dalam proses memahami ujaran berdasarkan rujukan pragmatik. Bagi ungkapan atau leksikal atau leksikal yang berbentuk metafora dan bahasa figuratif. konsep ad hoc yang digunakan untuk memahami makna yang dimaksudkan ialah ad hoc peluasan (Osman & Jalaluddin, 2018).

Berdasarkan Rajah 3.6 hingga Rajah 3.12, analisis telah disesuaikan berpandukan Carston (2000) bagi memudahkan pemahaman proses peluasan *ad hoc* yang turut diaplikasikan dalam kajian ini. Proses ini juga dinamakan sebagai laluan inferens (*inferential route*).



Rajah 3.6: Laluan inferens ANTAN

Melalui proses pemindahan ini, leksikal antan dalam pilihan maklumat ensiklopedik i. (d) tidak lagi berbentuk literal, sebaliknya diluaskan kepada konsep pemisah hubungan persahabatan atau persaudaraan. Terdapat unsur implisit dalam perkelahian Puteri Santubong yang ingin disampaikan oleh pengarang. Andaian awal pembaca atau pendengar mendapati bahawa leksikal ANTAN telah digunakan Puteri Sejinjang untuk memukul pipi

Puteri Santubong sehingga menjadi sopak. Di samping itu, akibat daripada perkelahian ini Puteri Santubong telah disumpah menjadi Gunung Santubong yang terletak di utara bandar Kuching, Sarawak. Sumpahan ini adalah perkara yang luar biasa jika difikirkan secara logik. Oleh itu, pengkaji berpendapat wujudnya unsur implisit dalam penceritaan ini, contohnya kritikan terhadap hubungan persahabatan atau persaudaraan yang telah lama terjalin,tetapi, terpisah disebabkan faktor perselisihan faham dan sebagainya. Berdasarkan konteks wacana dan jangkaan relevan, pengarang sebenarnya ingin menyampaikan implikatur kritikan berbentuk implisit. Pengarang ingin menekankan bahawa, disebabkan satu perkelahian kesannya adalah berpanjangan. Hal ini merupakan satu kritikan terhadap sikap manusia yang sanggup bergaduh semata-mata ketidakpuashatian antara satu sama lain, walaupun pada mulanya mereka adalah bersahabat baik dan telah berjanji untuk tidak berkelahi. Dapat dirumuskan bahawa, pengarang adalah bijak menggunakan leksikal ANTAN sebagai imej perlambangan yang implisit dalam perkelahian ini. Konsep asas fizikal PEMISAH secara khususnya bagi naratif Puteri Santubong ini mengalami proses peluasan PEMISAH*. Kriteria terhadap laluan inferens ANTAN ini boleh dirujuk pada Rajah 3.7:



Rajah 3.7: Laluan inferens PIPI

Laluan inferens dalam Rajah 3.7 menunjukkan eksplikatur PIPI dikonsepsikan kepada konsep fizikal MARUAH yang kemudiannya melalui proses peluasan dan menjadi MARUAH*. Menurut Mohamad Nor (2017), dalam konteks masyarakat Melayu, pipi dikelaskan sebagai medan makna perilaku, medan makna ruang secara fizikal (positif dan negatif) dan medan makna ruang secara psikologi (negatif) dalam pembentukan makna implisit. MARUAH dalam konsep fizikal merujuk kepada wajah Puteri Santubong yang

sebelum ini cantik menjadi sopak akibat perkelahiannya dengan Puteri Sejinjang. Oleh itu, disebabkan kecacatan ini, Puteri Santubong secara implisitnya merasakan maruah dirinya jatuh. Namun begitu, apabila diteliti dengan lebih mendalam konsep fizikal MARUAH dalam konsep perluasan superordinat boleh merujuk kepada MARUAH*. MARUAH* merupakan makna yang ingin diekspresikan oleh pengarang kepada para pembaca melalui naratif ini adalah:

i. MARUAH* Puteri Santubong sebagai anak baginda dari kayangan.
ii. MARUAH* Puteri Santubong sebagai seorang ketua di Pasir Kuning.
iii. MARUAH* Puteri Santubong sebagai seorang wanita.
iv. MARUAH* Puteri Santubong berkelahi dengan saudara sendiri.
v. MARUAH* Puteri Santubong melanggar perjanjian.

Oleh itu, analisis ini dapat membuktikan bahawa pengarang cerita Puteri Santubong tidaklah secara sewenang-wenangnya mengaitkan pukulan antan oleh Puteri Sejinjang terkena pipi Puteri Santubong. Justeru, perkara ini jelas menunjukkan bahawa terdapat unsur implisit dalam perkelahian tersebut.


SOPAK ⟶	MALU ⟶	MALU*
(Eksplikatur)	(Konsep Fizikal)	(Peluasan Superordinat)

Rajah 3.8: Laluan inferens SOPAK

Seterusnya, eksplikatur SOPAK dikonsepsikan kepada konsep fizikal MALU. Menurut Mohammad (2019), wajah atau tubuh badan yang berselirat tompokan sopak putih boleh menyebabkan seseorang itu berasa malu, rendah diri dan kurang berkeyakinan. Keadaan ini boleh menyebabkan pesakit mengalami gangguan emosi atau kemurungan yang berpanjangan. Pertalian dalam naratif perkelahian (i) yang melibatkan Puteri Santubong berakhir dengan peluasan superordinat MALU* oleh pengarang yang boleh diaplikasikan kepada perasaan malu seseorang yang mendapat sopak di muka dan sebagai seorang anak baginda dari kayangan, sebagai ketua di Pasir Kuning dan sebagai seorang wanita akhirnya

disumpah menjadi gunung Santubong. Walaupun, kisah ini dikatakan sebagai legenda dan mitos masyarakat Melayu Sarawak, tetapi bukti gunung Santubong yang gah di mata pelancong tetap tersimpan kisah perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang sehingga hari ini.

Di samping itu, konsep MALU dalam kalangan masyarakat Melayu mempunyai tiga lapis pengertian iaitu, malu sebagai perasaan, malu sebagai tanda harga diri dan malu sebagai fungsi kawalan sosial (Abdullah, 1993). Dalam konteks naratif perkelahian Puteri Santubong dengan Puteri Sejinjang ini melibatkan malu sebagai fungsi kawalan sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana Puteri Santubong berasa malu dengan kelakuan negatifnya sehingga menyebabkan kisah buruknya dijadikan bahan cerita atau umpatan oleh orang lain. Dengan itu, kesan peluasan superordinat MALU* Puteri Santubong tetap diceritakan sehingga kini dan dijadikan pengajaran dan teladan oleh masyakat pada hari ini supaya tidak bergaduh antara satu sama lain sehingga menyebabkan kesan yang berpanjangan. Seterusnya, set data yang kedua adalah melibatkan naratif perkelahian Puteri Sejinjang dengan Puteri Santubong.



Rajah 3.9: Laluan inferens BATANG BELIDAH

Laluan inferens dalam Rajah 3.9 menunjukkan eksplikatur BATANG BELIDAH dikonsepsikan kepada konsep fizikal TAJAM. Makna perkamusan bagi leksikal tajam juga merujuk kepada mudah memotong, mengerat, menghiris dan melukai (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016). Dalam perkelahian antara Puteri Santubong dengan Puteri Sejinjiang, Puteri Santubong telah menikam kepala Puteri Sejinjang sehingga pecah berderai. Secara pembacaan umum, naratif ini tidak mengandungi unsur implisit, tetapi berdasarkan

maklumat tambahan dalam DATA 3 iaitu “kepala yang pecah itu bertaburan menjadi Pulau Kera, Pulau Satang dan Pulau Talang-Talang” telah mengaktifkan pemikiran pembaca atau pendengar kerana terdapat unsur implisit dalam perkelahian tersebut. Pengarang telah membuatkan pembaca atau pendengar membentuk pelbagai andaian sehingga usaha memproses untuk mengetahui niat sebenar pengarang menjadi tinggi. Oleh itu, konsep fizikal tersebut mengalami proses peluasan untuk mencari makna implisitnya, iaitu TAJAM*. Berikut merupakan makna implisit yang dapat dikembangkan dalam pemberian makna superordinat TAJAM*:

i. Senjata yang TAJAM*
ii. Pandangan yang TAJAM*
iii. Pemikiran yang TAJAM*
iv. Kata-kata yang TAJAM*

Bagi pemberian makna superordinat TAJAM* i. masih berbentuk literal dan hanya menggambarkan secara permukaan mengenai kisah perkelahian Puteri Sejinjang dan Puteri Santubong. Perkelahian merupakan kelakuan yang negatif. Oleh itu, makna superordinat TAJAM* ii. dan iv. diambil kira. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui pandangan yang tajam dapat mengakibatkan air muka seseorang itu kelihatan garang atau seperti hendak bergaduh. Manakala, makna TAJAM* iv. merujuk kepada kata-kata yang tajam, keras atau pedas ketika memberikan kritikan, teguran, sindiran dan sebagainya. Keintelektualan pengarang terserlah apabila huraian makna secara analisis pragmatik dilakukan kerana pembaca atau pendengar dapat mengetahui bahawa sebenarnya bukan hanya tajam daripada batang belidah itu yang boleh menyebabkan perkelahian. Tetapi, tajam dari segi pandangan dan kata-kata juga dapat menyebabkan pergaduhan atau perselisihan faham yang menyebabkan sesuatu hubungan itu retak.



Rajah 3.10: Laluan inferens KEPALA


Seterusnya, laluan inferens dalam Rajah 3.10 menunjukkan eksplikatur KEPALA dikonsepsikan sebagai KEHORMATAN/KEMULIAAN. Proses ini melibatkan rujukan ke hadapan yang munasabah daripada KEPALA kepada konsep asas fizikal KEHORMATAN/KEMULIAAN. Seterusnya, berlaku perubahan kepada konsep superordinat yang lebih luas iaitu KEHORMATAN/KEMULIAAN* yang boleh diaplikasikan dalam masyarakat Melayu dan tentunya diaktifkan melalui konteks wacana dan jangkaan relevan. Secara denotatif, leksikal kepala merupakan bahagian tubuh badan manusia atau haiwan. Dalam kajian Zahid (1998) pula, leksikal kepala dirujuk sebagai makna konotatif iaitu penanda fitur [+hidup], [+manusia], [+haiwan] dan [+jantina]. Dalam pemikiran orang Melayu, kepala mempunyai makna yang berkaitan dengan sistem dan nilai kepercayaan mereka.

The head, in the first place, is undoubtedly still considered by the Malays possess some modified degree of sanctity. A proof of this is the custom (adat) which regulates the extent of the sacrifice to be offered in case of assault or battery by the party committing the injury. If any part of the head is injured, nothing less than goat will suffice

(Skeat, 1965, hlm. 43).

Menurut Mohamad Nor (2017), dalam proses sosialisasi kanak-kanak Melayu, mereka telah diajar oleh orang tua mereka bahawa kepala merupakan bahagian anatomi yang mulia dan pantang disentuh. Omar (1996) pula menyatakan bahawa, kebiasaannya masyarakat Melayu sangat marah apabila kepala mereka disentuh atau diketuk. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka khuatir akan menjadi bodoh atau bengap. Oleh itu, untuk menghindarkan diri daripada menjadi bodoh atau bengap mereka mengetuk bahagian dagu

beberapa kali. Dalam penceritaan ini, kepala Puteri Sejinjang telah ditikam dengan batang belidah. Dalam bidang sains perubatan, kecederaan yang dialami oleh Puteri Sejinjang adalah kecederaan kepada terbuka atau dipanggil "kecederaan tertusuk". Kecederaan ini berlaku apabila objek seperti peluru atau benda tajam telah tertusuk ke dalam otak dan menyebabkan kerosakan pada bahagian otak (Aziz, 2017). Berikut merupakan contoh kecederaan kepala terbuka disebabkan tusukan benda tajam:



Rajah 3.11: Visual tusukan benda tajam di bahagian kepala
(Sumber: Aziz, 2017)

Melalui peluasan superordinat leksikal KEPALA telah merujuk kepada aspek kemuliaan atau kehormatan. Pengarang cerita Puteri Santubong sedikit sebanyak telah mengasimilasikan adat dan kebudayaan masyarakat Melayu dalam penceritaannya. Keadaan ini telah mendorong interpretasi secara *ad hoc* berlaku dengan lebih mudah. Ujaran "kepala yang berkecai" dienkod kepada makna yang lebih luas, iaitu kehormatan dan kemuliaan seorang ketua (Puteri Sejinjang, selaku ketua Kampung Pasir Putih) telah direndah-rendahkan disebabkan pergaduhan merebut seorang lelaki.

Menurut Rosman et al. (2019), setiap emosi seseorang bermula daripada otak fikiran yang waras, di mana kepalalah yang membawanya, jika terdapat kecederaan di bahagian kepala kewarasan seseorang itu boleh terjejas. Rumusan implikatur yang dapat dicapai oleh pembaca berdasarkan naratif perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang adalah kepala merupakan aset terpenting dalam diri manusia, kerana kepala terdiri daripada otak,

mata, hidung dan mulut (yang semuanya membantu dan mempunyai fungsi pengesan seperti penglihatan, pendengaran, hidu dan sentuhan). Di samping itu, pengarang secara implisit memasukkan unsur budaya dan adat masyarakat Melayu kerana kepala merupakan anggota badan manusia yang melambangkan kemuliaan dan kehormatan. Akhirnya kesan daripada kepala Puteri Sejinjang ditikam dengan batang belidah menyebabkan kepalanya bertaburan menjadi Pulau Kera, Pulau Satang dan Pulau Talang-Talang. Pengarang telah menerapkan unsur implisit dalam naratif ini. Rajah 3.12 merupakan laluan inferens bagi leksikal BERTABURAN:



Rajah 3.12: Laluan inferens BERTABURAN

Oleh itu, bagaimanakah berlakunya proses rujukan ke hadapan BERTABURAN menjadi konsep asas TIADA HALA TUJU? Melalui pengetahuan ensiklopedik berlakulah proses rujukan ke hadapan daripada BERTABURAN kepada konsep asas fizikal yang dapat dikeluarkan daripadanya, iaitu TIADA HALA TUJU. Proses peluasan superordinat pula berlaku selepas itu apabila TIADA HALA TUJU* tidak hanya difahami sebagai keadaan kepala Puteri Sejinjang yang bertaburan selepas ditikam oleh Puteri Sejinjang. Tetapi, bertaburan yang diluaskan maksudnya melalui proses penjanaan andaian implikatur, seperti berikut:


i. TIADA HALA TUJU* disebabkan kehilangan ketua.*
ii. TIADA HALA TUJU* disebabkan ketua berbalah.
iii. TIADA HALA TUJU* disebabkan peperangan.
iv. TIADA HALA TUJU* disebabkan perpecahan.

Pemahaman ini berlaku melalui peluasan fitur konsep asas fizikal kepada pembinaan konsep superordinat yang mempunyai denotatif fizikal dan psikologi (Osman & Jalaluddin,

2018). TIADA HALA TUJU diluaskan kepada TIADA HALA TUJU* yang tidak semata-mata bersifat fizikal, namun membawa makna yang implisit. Dalam bidang TR, secara amnya interpretasi setiap ujaran bersifat sasaran terarah (*goal directed*). Oleh itu, andaian i. dipilih oleh pembaca kerana difahami sebagai implikatur yang ingin oleh pengarang. Kesimpulan implikatur yang ingin disampaikan oleh pengarang secara implisit adalah untuk mengkritik faktor kepimpinan ketua kampung. Menurut Jalal (2016), terdapat tiga ciri utama perlu ada dalam diri seorang pemimpin iaitu, wawasan yang jelas, nilai baik dan daya kekuatan. Justeru, jika pemimpin bergaduh antara satu sama lain perkara ini akan menyebabkan kawasan kepimpinannya tiada hala tuju, di samping mengikis kepercayaan rakyat (Mohamad, 2020). Andaian ini tidak datang secara tersedia dalam ujaran BERTABURAN, tetapi andaian ini hadir melalui proses peluasan secara *ad hoc* hasil gabungan maklumat ensiklopedik pembaca seperti yang terdapat di vi. (a) sehingga (d).

3.7.5 Pengukuhan analisis menggunakan Rangka Rujuk Silang

Menurut Osman dan Jalaluddin (2018), rumusan sesuatu unsur implisit yang terdapat dalam sesuatu naratif dapat disimpulkan atau dikukuhkan melalui proses RRS. Proses ini membantu pembaca memahami implikatur dan seterusnya membuat kesimpulan. RRS berfungsi memberikan premis tambahan daripada konteks wacana perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang kepada pembaca untuk mengukuhkan lagi kesimpulan yang paling relevan. Tambah Osman dan Jalaluddin (2018) data akan dianalisis menggunakan pendekatan RRS untuk mengukuhkan kesimpulan makna sebenar yang diperoleh. Melalui analisis ini, pembaca akan menilai bahawa terdapat unsur implisit dalam perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang. Rajah 3.13 menunjukkan pemetaan proses RRS yang membantu pembaca memilih makna sebenar pengarang.



Rajah 3.13: Pemetaan RRS dalam perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang

Berdasarkan analisis RRS (1), frasa *Puteri Santubong, Puteri Sejinjang, dikenakan syarat* serta *sumpah dan janji* yang disampaikan oleh pengarang mengenai dua orang puteri kayangan iaitu Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang, memiliki rupa paras yang cantik ditugaskan untuk ke kampung Pasir Kuning dan Pasir Putih supaya mengembalikan kedamaian kedua-dua buah kampung itu. Namun begitu, kedua-dua orang puteri ini disyaratkan supaya tidak boleh bergaduh antara satu sama lain. Jika, mereka melanggar sumpah dan janji itu, negatif akibatnya. Hal ini dapat dirujuk berdasarkan frasa yang lain seperti *dua sepupu, dari kayangan, memiliki paras yang terlalu cantik, diturunkan ke bumi untuk mengembalikan kedamaian, Pasir Kuning, Pasir Putih* serta *tidak boleh bergaduh sesama sendiri*.

Berdasarkan analisis RRS (2) pula, pengarang memberikan premis tambahan sebab utama terjadinya perkelahian dua orang puteri itu, sedangkan mereka adalah sepupu dan telah berjanji untuk tidak boleh bergaduh sesama sendiri. Frasa *Panglima Puteh sakit hati kerana pinangnya ditolak*, *menyerang penduduk Pasir Kuning, Hal yang sama berlaku di Pasir Putih* serta *Istana Puteri Sejinjang turut dibakar*. Perkara ini telah membantu pembaca membina kesan kognitif terhadap perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang.

Analisis RRS (3) teruskan lagi sebagai premis tambahan yang menerangkan kejadian yang berlaku antara Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang. Pada bahagian ini, pengarang memudahkan usaha memproses pembaca kerana telah memberikan frasa-frasa seperti *Terjadilah pertengkaran antara dua orang puteri, Puteri Sejinjang mengayunkan antan* serta *membalas dengan menikam batang belidah dan terkena kepala Puteri Sejinjang*. Perkelahian dua orang puteri ini turut memberikan kepada rakyatnya. Ini dapat dibuktikan melalui frasa *rakyat terus serang menyerang*.

Rumusan kepada analisis ini dapat dirujuk melalui pemetaan RRS (4). Pengarang mengaitkan semula frasa *melanggar sumpah* yang dibicarakan dalam analisis RRS (1), dan seterusnya merendahkan usaha memproses pembaca. Pemetaan RRS (4) banyak menerangkan kejadian-kejadian yang berimplisit seperti *Kedua-dua puteri kayangan itu bertukar menjadi gunung, Pukulan antan yang terkena pipi Puteri Santubong menyebabkan Gunung Santubong menjadi sopak, sebelah, tikaman batang belidah menyebabkan kepala Puteri Sejinjang pecah berderai* serta *bertaburan menjadi Pulau Kera, Pulau Satang dan Pulau Talang-Talang*.

Pengaplikasian konsep *ad hoc* peluasan dan RRS telah memberikan pembaca kesan kognitif yang tinggi. Perkara ini telah merendahkan usaha memproses pemahaman pembaca yang pada awalnya kelihatan tinggi. Kesannya, ujaran tersebut menjadi relevan yang optimum dan makna sebenar dapat difahami.

3.7.6 Rumusan analisis makna


Berdasarkan analisis eksplikatur – bentuk logik, analisis maklumat ensiklopedik, analisis laluan inferens (*inferential route*), pengukuhan analisis menggunakan RRS, maka pendengar atau pembaca dapat membuat rumusan analisis makna mengenai perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang ini dengan lebih berpada atau berwibawa. Rumusan ini melibatkan eksplikatur, andaian implikatur, kesimpulan implikatur, makna sebenar dan konsep *ad hoc* yang digunakan. Berikut merupakan rumusan analisis data bagi naratif ini:

Jadual 3.3: Rumusan analisis makna terhadap unsur implisit perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang

Eksplikatur	**Andaian Implikatur**	**Kesimpulan Implikatur**	**Makna Sebenar**	**Konsep *Ad Hoc***
Antan	Antan dijadikan senjata oleh Puteri Sejinjang untuk berkelahi dengan Puteri Santubong.	Antan yang diayunkan oleh Puteri Sejinjang terkena pipi Puteri Santubong sehingga menjadi sopak.	Kritikan terhadap sikap Puteri Sejinjang yang sanggup berkelahi dengan sepupu sendiri sehingga disumpah. Akhirnya Puteri Santubong mendapat malu akibat sopak di mukanya kekal sehingga kini.	Peluasan
Pipi	Pipi Puteri Santubong pada awalnya cantik, tiada cacat cela.	Akibat daripada ayunan antan yang terkena pipinya telah menjadi sopak.		
Sopak	Sopak merupakan kesan daripada perkelahian dengan Puteri Sejinjang.	Kesan sopak dapat dilihat pada hari ini di Gunung Santubong.		
Batang Belidah	Batang belidah dijadikan senjata oleh Puteri Santubong	Batang belidah yang tertusuk di kepala Puteri Sejinjang sehingga bertaburan	Kritikan terhadap sikap Puteri Santubong yang sanggup berkelahi dengan sepupu sendiri	Peluasan
Kepala	Kepala Puteri Sejinjang meliputi mata,	Akibat daripada tusukan batang belidah kepala		
	telinga, hidung, otak dan sebagainya.	Puteri Sejinjang bertaburan menjadi Pulau Kera, Pulau Satang dan Pulau Talang-Talang	sehingga disumpah. Puteri Sejinjang hilang kehormatan atau kemuliaan sebagai sorang ketua, kerana kisah perkelahiannya terus diceritakan sehingga kini.	Peluasan
Bertaburan	Kepala Puteri Sejinjang bertaburan selepas Puteri Santubong menyusukan batang belidah.	Kesan yang berpanjangan sehingga hari ini		

3.7.7 Hubung kait unsur implisit sebagai data kajian dengan kancah politik

Berdasarkan makna sebenar yang terdapat dalam Jadual 3.3, pendengar atau pembaca dapat menghubungkaitkan unsur implisit dalam sesuatu naratif itu dengan kancah politik yang berlaku di Malaysia. Melalui makna sebenar jugalah pembaca dan pendengar dapat menjadikannya sebagai pengajaran dan teladan dalam konteks semasa. Dalam kajian ini pengkaji akan mempertalikan dengan kancah politik di Malaysia. Berikut merupakan manifestasi kritikan sikap pemimpin politik daripada makna sebenar perkelahian tersebut:



Rajah 3.14: Kritikan terhadap sikap pemimpin politik dalam mempertalikan kisah perkelahian Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang

Manifestasi kritikan ini dapat dirujuk melalui pengisahan Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang pada awalnya merupakan sepupu, namun akibat daripada berselisihan faham mereka bergaduh dan melanggar perjanjian yang telah dibuat sebelum ini. Oleh itu, akibat daripada pergaduhan ini boleh dipertalikan dengan kancah politik tempatan seperti "perselisihan faham", "tidak sehaluan", "boleh menyebabkan berpecah belah" antara parti politik dan pemimpin politik serta "sanggup mungkir janji". Bagi mempertalikan dengan kancah politik Malaysia, pengkaji mengaitkan dengan isu parti BERSATU menggugurkan keahlian Tun Dr. Mahathir Mohamad, Datuk Seri Mukhriz Mahathir (bekas Timbalan Presiden BERSATU), Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Bekas Ketua Angkatan Bersatu

Anak Muda (ARMADA)), Dr. Maszlee Malik (Bekas Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT)) dan Datuk Amiruddin Hamzah (Ahli Parlimen Kubang Pasu).

Menurut Parzi (2020), keahlian kelima-lima ahli politik itu digugurkan atas alasan duduk di bangku pembangkang ketika persidangan Dewan Rakyat pada 18 Mei 2020. Surat makluman mengenai perkara berkenaan telah ditandatangani oleh Setiausaha Kerja BERSATU (Muhammad Suhaimi Yahya). Kesan daripada tindakan yang dilakukan ini, Tun Dr. Mahathir juga meletak surat jawatan sebagai pengerusi parti, tetapi surat peletakan jawatannya telah ditolak oleh Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU (Kassim, 2020). Yahya (2020) pula, menyatakan bahawa Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) telah mengesahkan peletakan jawatan Tun Dr. Mahathir sebagai pengerusi BERSATU adalah sah. Sehubungan dengan itu, ROS juga menjelaskan bahawa Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin yang sebelum ini selaku pemangku Presiden BERSATU, telah dinaikkan ke jawatan pengerusi parti itu juga adalah sah sehingga dijalankan semula pemilihan pengerusi baharu.

Dalam pada itu, Wan Saiful Wan Jan selaku Ahli MPT BERSATU turut menegaskan bahawa pengguguran keahlian mereka adalah mengikut fasal yang telah termaktub dalam perlembagaan parti, iaitu: "Fasal 10.2 Perlembagaan BERSATU adalah jelas bahawa '*Keahlian seseorang ahli terhenti secara serta-merta apabila*' … '*menyertai atau menjadi ahli mana-mana parti politik lain.*'" (Parzi, 2020). Tambah Wan Saiful, "*apabila mana-mana Ahli Parlimen BERSATU memilih untuk menyertai kelompok yang bukan bersama parti sendiri di dalam Parlimen, maka secara automatik keahlian mereka gugur dan ia bukan satu perkara mengejutkan*."

Perkara ini juga bertitik tolak daripada sikap mereka yang membuat sesuatu perkara atau keputusan tanpa berunding atau selidik terlebih dahulu. Dalam naratif Puteri Santubong

dan Puteri Sejinjang dilihat tidak membuat usul periksa dahulu sebab terjadinya serang menyerang antara kedua-dua kampung (Puteh & Said, 2008). Oleh sebab itulah, kedua-dua orang puteri ini akhirnya berkelahi dan disumpah akibat daripada pelanggaran sumpah dan janji. Perkara ini dapat dipertalikan dengan sikap kelima-lima orang ahli politik yang digugurkan keahliannya dalam BERSATU sebentar tadi. Hal ini dikatakan demikian kerana tindakan mereka itu adalah bertentangan dengan amalan mana-mana ahli politik dan tidak selidik terlebih dahulu adakah tindakan mereka benar atau salah. Oleh itu, tindakan kelima-lima orang pemimpin itu "keluar" dari BERSATU adalah hasil daripada tindak diri sendiri, bukannya salah orang lain. Wan Saiful sekali lagi memberi kenyataan mengenai isu ini, "*Tidak ada satu parti pun di muka bumi ini yang membenarkan Ahli Parlimennya berada di kerusi yang berbeza dari kedudukan parti di dalam Parlimen. Tolong bagi tahu parti mana di dunia ini yang pernah benarkan ia berlaku? ... Tiada masalah untuk berbeza pandangan tetapi mestilah (tetap berada) dari blok parti sendiri, bukan dari luar (blok parti).*" (Hamid & Radzi, 2020).

3.8 Rumusan bab

Bab ini telah membincangkan reka bentuk penyelidikan, sumber data yang melibatkan himpunan cerita jenaka, di samping pengkaji turut sertakan sinopsis PK, PP dan LM untuk memudahkan pemahaman pembaca. Oleh sebab kajian ini berbentuk kualitatif secara deskriptif, pengkaji memanfaatkan analisis teks daripada data korpus. Oleh itu, sumber data yang digunakan oleh pengkaji juga melibatkan himpunan kancah politik di Malaysia. Sumber data sebegini penting untuk pengkaji mempertalikan keadaan politik dengan watak dan sikap PK, PP dan LM. Bab ini juga membincangkan ruang lingkup dan batasan penyelidikan supaya pembaca dimaklumkan justifikasi pengkaji memilih TR sebagai teori kajian, justifikasi pemilihan cerita jenaka Melayu berseloka, di samping

menyatakan justifikasi mempertalikan watak PK, PP dan LM dengan kancah politik di Malaysia. Kajian ini turut membincangkan sebab pemilihan data korpus sebagai landasan instrumen kajian dan sumber kajian. Seterusnya, satu kerangka konseptual kajian telah direka bagi memudahkan pemahaman pembaca mengenai kajian ini dijalankan.

Bab ini turut menyatakan tatacara pemilihan sampel kajian dan prosedur analisis data. Pada bahagian ini, pengkaji menunjukkan secara jelas cara menganalisis data yang melibatkan unsur implisit dalam sesuatu naratif. Analisis data dimulakan dengan pengenalpastian unsur implisit dalam sesuatu naratif. Bagi pemahaman awal sesuatu unsur implisit itu analisis eksplikatur – bentuk logik digunakan dengan merujuk *Kamus Dewan* (2016). Seterusnya, analisis maklumat ensiklopedik dilakukan supaya maklumat lain seperti adat, budaya, psikologi dan sebagainya ditambah. Unsur implisit dalam sesuatu naratif ini memerlukan penerokaan makna dengan lebih berwibawa. Dengan itu, analisis laluan inferens dilakukan bagi memindahkan makna eksplikatur kepada makna fizikal dan seterusnya melibatkan peluasan makna superordinat. Melalui analisis inilah, pemberian makna dalam unsur implisit dapat diluaskan melalui *ad hoc* peluasan. Jadi, hajat sebenar pengarang akan dilaporkan secara implisit dapat diinterpretasikan dengan lebih saintifik. Tidak dilupakan juga analisis RRS dilakukan bagi membantu pembaca atau pendengar membentuk konteks dalam sesuatu naratif dengan lebih baik. Dengan itu, premis tambahan akan dikenal pasti oleh pembaca atau pendengar bagi meningkatkan kesan kognitif dalam pemahaman unsur implisit dalam sesuatu naratif itu. Dalam TR, dengan adanya kesan kognitif yang tinggi, maka akan merendahkan usaha memproses pendengar atau pembaca dalam menginterpretasikan makna sesuatu ujaran.


Oleh sebab, makna implisit dalam sesuatu naratif itu sudah dihuraikan secara berpada dengan melibatkan analisis eksplikatur – bentuk logik, analisis maklumat ensiklopedik, analisis laluan inferens (*inferential route*), pengukuhan analisis menggunakan RRS, barulah rumusan terhadap sesuatu unsur implisit dapat dinyatakan. Rumusan ini kebiasaannya melibatkan kritikan pengarang yang dilakukan secara implisit. Dengan adanya rumusan makna, maka pengkaji dapat menghubungkaitkan dengan kancah politik Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana rumusan makna ini boleh dijadikan pengajaran dan teladan masyarakat kini supaya tidak mengulangi kesilapan dan keburukan yang telah dilakukan oleh watak mitos Melayu tersebut. Kajian ini telah membuktikan bahawa dengan berbekalkan konteks penceritaan zaman dahulu kala mampu diterjemahkan dalam konteks semasa. Perkara ini adalah manifestasi dalam memvariasikan kajian sastera rakyat dengan bidang bersifat multidisiplin seperti politik, kepimpinan, sikap dan perwatakan serta psikologi. Rumusannya, kajian ini telah merangka secara rintis supaya pengkaji akan datang dapat menghubungkaitkan watak-watak dalam mitos Melayu ini dengan bidang ilmu lain juga. Bab seterusnya pula, akan dibincangkan dengan lebih mendalam mengenai perkaitan watak dan sikap PP, PK dan LM dengan kancah politik tanah air.

BAB 4

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan menganalisis unsur implisit dalam naratif PP, PK dan LM. Berdasarkan pembacaan autentik, pengkaji mendapati bahawa terdapat cerminan sikap yang berunsur implisit dalam naratif PP (8 data; 50.0%), PK (6 data; 37.0%) dan LM (2 data; 13.0%). Berikut merupakan unsur implisit yang terdapat dalam naratif PP, PK dan LM:



Rajah 4.1: Unsur implisit dalam naratif PK, PP dan LM

Menurut Hedel dan Subet (2020), unsur implisit dalam sesuatu naratif boleh melibatkan unsur kepelikan sehingga menimbulkan tanda tanya atau persoalan dalam kalangan pembaca atau pendengar. Jika dilihat dari sudut TR, kewujudan persoalan-persoalan atau tanda tanya ini telah menuntut usaha memproses yang tinggi dalam kalangan pendengar atau pembaca, maka analisis TR diperlukan bagi meningkatkan kerelevanan yang optimum dalam sesuatu naratif (Subet, 2018).

4.2 Makna implisit dalam naratif Pak Kaduk

Kajian ini mengemukakan enam ujaran dalam naratif PK yang akan dianalisis lanjut untuk mengungkapkan makna yang terselindung di sebalik paparan tersirat dialog tersebut. Ujaran ini dipilih kerana pengkaji berpendapat ada leksikal dalam ujaran berkenaan yang ada alasan di sebalik penggunaannya. Hal ini selaras dengan pandangan Subet (2010) yang menyatakan bahawa dalam TR itu ada konsep *ad hoc* yang membenarkan kita melihat kewujudan leksikal-leksikal yang relevan untuk menyelongkar makna tersirat yang diungkapkan dalam ujaran tersurat berkenaan.

Dalam TR terdapat dua konsep *ad hoc* iaitu *ad hoc* perluasan dan *ad hoc* penyempitan. Menurut Carston (2000) dalam pembinaan konsep *ad hoc* perluasan, pendengar/pembaca akan mendekod konsep yang dikodkan oleh leksikal, dan cuba mencari dan mendapatkan ciri-ciri logik dan ensiklopedik yang tertentu. Menurut mereka lagi, pendengar/pembaca akan menganggap ujaran ini sebagai panduan secara kasar bagi mencapai hajat yang ingin disampaikan penutur, dan sebagai kesannya pendengar/pembaca akan membuat pilihan berdasarkan ciri-ciri yang diperoleh, menggugurkan mana-mana input yang tidak relevan dalam konteks tersebut dan menerima input yang relevan. Hal ini juga selaras dengan pandangan Jalaluddin (2014) yang menyatakan bahawa salah satu cara menentukan konteks adalah dengan melihat kepada kewujudan ujaran terdahulu dan selepas, dan kita dibenarkan untuk menggugur mana-mana input (maklumat) yang tidak relevan dan mengekalkan pula mana-mana input (maklumat) yang relevan untuk mencapai kerelevanan yang dihajatkan. Maka berdasarkan pandangan-pandangan ini, setiap ujaran berimplisit ini akan dianalisis menggunakan TR, RRS dan konsep *ad hoc* yang berkenaan dan dengan bantuan ciri-ciri logik dan ensiklopedik dalam ujaran-ujaran berimplisit ini, kajian ini akan mengesan makna tersirat berkenaan.

Berikut merupakan enam data dalam naratif PK yang dikenal pasti sebagai ujaran berimplisit yang akan dianalisis ke peringkat seterusnya.

Jadual 4.1: Contoh ujaran implisit dalam naratif Pak Kaduk

No.	Ujaran Berimplisit
1.	...Jahitkanlah baju dan seluar aku dahulu dari **kertas** yang baharu kubeli. Lekaslah menjahitnya.... ...Usahlah dijahit, **perekat** sahajalah, supaya bangat.
2.	Maka titah baginda, **'Hai Pak Kadok, mari kita bertukar ayam.** Ambillah ayam beta ini, elok, cuba lihat romannya jalak putih mata, dan ayam Pak Kadok biring Si Kunani sahaja tiada berapa tuahnya.' 'Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, patik ini tiada apa harta yang ada, hanya kampung sebuah itu sahaja. Jikalau ada ampun dan kurnia ke bawah duli Tuanku, **kampung itulah patik gadaikan** ke bawah duli Tuanku menjadi tanggungan memohonkan berhutang kadar lima puluh rial. Adohai! Malunya yang amat sangat, lalu ia berkejar lari dengan bersungguh-sungguh hatinya, langsung pulang terus ke rumahnya. Maka baginda pun berseru dengan nyaring suaranya, **'Ini lah malang Pak Kadok, ayamnya menang, kampung tergadai**.
3.	Telah hari malam, Pak Kadok pun tidurlah kedua laki-isteri. Adapun adat Pak Kadok telah lazim padanya setiap pagi memakan **nasi dingin** yang telah direndam oleh isterinya pada malam itu. Apabila sudah makan nasi yang tersebut itu, baharulah ia pergi barang ke mana-mana membuat kerjanya Serta dilihat oleh isterinya ia pun menyeru akan suaminya, katanya, **'Hai Pak Siti, tidakkah hendak makan nasi rendam ini lagi? Sementangkan nak makan lembu dan kerbau nasi ini ditinggalkan sahajakah?'** Maka sahut Pak Kadok, **'Tak usahlah, curahkan ke tanah, biar dimakan oleh ayam kita."** Maka oleh isterinya dengan sebenar nasi itu dibuangkannya ke tanah, dan Pak Kadok pun turun ke perahunya lalu berkayuh.
4.	Maka Pak Kadok berfikir di dalam hatinya, **'Ke mana baik aku pergi. Jika ke hilir tiada penat dan teruk aku berkayuh, hanya menurutkan air hilir sahaja, tetapi kerbau seekor ke manakah padanya. Kalau begitu baiklah aku mudik juga.'** la pun lalu berkayuh mudik menongkah air surut itu dengan terbengkil-bengkil. Apabila penat ia berhenti sambil berfikir pula, hampirlah akan petang, tubuh Pak Kadok terlalu amat letih dan lesunya. Lama kelamaan datang bebal hatinya serta merampus lalu ia menurunkan layar dan melabuh sauhnya seraya membentangkan kajang berbaring-baring melepaskan jerihnya.
5.	Syaadan, apabila dilihat oleh isterinya akan muka suaminya masam dan diam tiada berkata-kata, maka ia pun menyeru akan Pak Kaduk, katanya **"Apakah agak sebabnya orang pergi memakan lembu dan kerbau ini masam sahaja? Apa lagi yang kekurangan? Perut sudah kenyang makan daging.**

Sambungan **Jadual 4.1**

	Maka apabila kedengaran pada Pak Kaduk, wah, ia pun **naiklah metanya, serta mengambil kayu api dan berkata**, '**Kenyang memakan kepala bapa engkau!' Lalu ia memalu kepala isterinya.** Dengan takdir Allah, **sungguhpun sekali pukul sahaja, isteri Pak Kaduk pun rabah lalu mati.** Setelah dilihat oleh Pak Kaduk isterinya sudah mati, ia pun merebahkan dirinya disisi isterinya itu lalu menangis menggolek-golekkan dirinya seraya berkata, **'Aduhai malang nasibku ini! Sudahlah penat berkayuh kehulu ke hilir, mana kebuluran, seulas nasi pun tiada masuk ke perutku seharian ini, sampai ke rumah isteriku pula mati oleh perbuatanku juga.'** Maka berbagai-bagai bunyi ratap Pak Kaduk. Kemudian ia pun menjemput segala pegawai akan **menanam isterinya itu**.
6.	Arakian, Pak Kadok pun membabarkan layarnya seraya menu-jukan haluan perahunya ke kuala, tetapi kasihan! Percumalah pe-nat jerih Pak Kadok membentang layar dan mengemudikan perahunya itu, dari kerana sungguhpun pada masa ia menarik layar tadi angin paksa sedang kencang bagus, tetapi serta layarnya su-dah sedia, angin pun mati seperti direnti-rentikan oleh yang hasad akan Pak Kadok lakunya. Maka perahu Pak Kadok pun hanyutlah terkatung-katung ke hulu ke hilir, ke tengah dan ke tepi menanti-kan angin. Beberapa lamanya dengan hal yang demikian, hari pun hampirlah akan petang, tubuh Pak Kadok terlalu amat letih dan lesunya. Lama kelamaan datang bebal hatinya serta merampus lalu ia menurunkan layar dan melabuh sauhnya seraya memben-tangkan kajang berbaring-baring melepaskan jerihnya. Maka dengan kudrat Allah yang maha kaya menunjukkan ke-malangan nasib Pak Kadok, angin paksa pun turunlah berpuput dengan ugahari kencangnya, seolah-olah khianatkan Pak Kadok lakunya. Tetapi sia-sialah sahaja puputan bayu yang sedemikian itu moleknya hingga menjadi paksa yang maha baik dengan sebab kemalasan menjadi kemalangan bagi diri Pak Kadok, hingga dita-harkan perahunya ulang-aling dipalu ole ombak dengan gelom-bang di tengah sungai itu, seraya berkata, 'Ceh! Angin bedebah ini sahajakan a hendak menunjukkan makarnya kepada aku. Sedang-lah sudah sehari suntuk aku hanyut, tak mahu turun, agaknya oleh tegar hatiku. Biarlah tak usah aku belayar, asalkan puas rasa hatiku. Jangan aku menurutkan kehendak engkau.' Kemudian ia pun tidurlah dengan terlalu amat nyedarnya, ke-rana lelah dan kelaparan. Hatta, setelah keesokan harinya, pagi-pagi Pak Kadok pun ba-ngunlah membongkar sauhnya seraya berkayuh perlahan-lahan se-hari-harian itu, hingga petang baharulah ia sampai ke rumah saha-batnya itu, seraya mengangkat sekalian barang-barangnya naik ke situ. Maka tinggallah Pak Kadok menumpang di rumah handainya itu selama-lamanya, dengan tiada sekali-kali ingatannya hendak kembali ke kampung halamannya dari sebab bodohnya.

Seterusnya, data-data yang telah dikenal pasti mempunyai unsur implisit seperti Jadual 4.1 akan melalui beberapa tahap analisis.

4.2.1 Data 1: Unsur implisit dalam baju kertas Pak Kaduk yang diperekat

Kajian ini mengemukakan analisis Data 1 yang berkaitan dengan pengisahan di sebalik baju baharu PK. Data 1 ini diinterpretasikan dengan TR, RRS dan konsep *ad hoc*. Daripada data yang dikeluarkan, baju baharu PK yang diperbuat daripada kertas itu sebenarnya mengandungi implikatur atau makna tersirat yang cuba disampaikan oleh penulis kepada pembaca. Maka, analisis yang lebih mendalam perlu dilakukan bagi merungkai implikatur dalam pengisahan ini. Data tersebut adalah seperti yang berikut:

Data 1:

> Maka sahut PK, 'Jahitkanlah baju dan seluar aku dahulu dari **kertas** yang baharu kubeli. Lekaslah menjahitnya.
> Maka kata isterinya, 'Bagaimana awak hendak membuatkan baju dan seluar kertas ini? Jikalau dipakai kelak tentulah carik bertelanjang tengah gelanggang sabungan itu. Bukankah awak malu besar?
> Ujar PK, 'Tiada mengapa. Buatkan juga lekas-lekas, aku hendak pergi.'
> Setelah itu isteri PK pun segeralah mengambil gunting lalu mengguntingkan seluar dan baju itu dengan tiada berdaya lagi.
> Maka kata PK, 'Usahlah dijahit, **perekat** sahajalah, supaya bangat.
> Serta lepas digunting oleh isterinya itu dengan sesungguhnya diperekatlah olehnya. Apabila sudah, lalu diberikan kepada PK, maka ia pun segeralah memakai pakaian sedondon, iaitu berbunga tanjung, merah, kuning, hitam dan putih, terlalu hebat rupanya, tambahan pula berkena tengkolok helang menyongsang angin. Apatah lagi! Tampaknya PK seperti juara yang maha faham pada sabung-menyabung.

Data 1 yang dipaparkan ini, memerlukan pembaca menginterpretasikannya bagi memperoleh kerelevanan yang optimum dalam penceritaan. Sebelum melakukan analisis menggunakan TR, pembaca atau pendengar perlu dibekalkan dengan maklumat konteks. Dalam TR, pembaca dibenarkan untuk membina maklumat konteks. Menurut Jalaluddin (2014) konteks merupakan adanya kewujudan seberkas andaian tentang dunia yang dibina

secara psikologi oleh pendengar. Menurut beliau lagi, konteks boleh wujud melalui pelbagai cara seperti pengamatan terhadap persekitaran, kata-kata yang telah atau baru sahaja diujarkan, hipotesis saintifik, kenangan lampau, andaian tentang budaya dan kepercayaan yang ada pada penutur dan sebagainya.

Subet (2018), konteks dirujuk dengan tiga cara iaitu melalui ujaran terdahulu (dalam wacana yang menghasilkan ujaran itu), kedua dengan cara merujuk apa-apa sahaja yang berlaku di sekitar manusia dan ketiga melalui catatan ensiklopedia yang terdapat dalam memori seseorang yang dapat dirujuk apabila kata-kata itu timbul dalam ujaran (proposisi). Oleh itu, dalam konteks kajian ini, pemahaman pembaca tentang ujaran ini boleh membekalkan konteks yang diperlukan. Konteks yang ada dalam data ini ialah maklumat perihal kritikan terhadap sikap seseorang (PK) yang tidak mendengar nasihat isterinya dan tidak mengendahkan etika pemakaiannya untuk menghadap raja. PK juga menggesa isterinya untuk menyiapkan baju baharunya dengan cepat. Hasilnya baju baharu PK hanya diperbuat daripada kertas dan perekat".

Maka, daripada petikan yang sedia ada dalam Data 1, pembaca telah pun membina konteks pemula dalam kognitif mereka tentang "baju kertas" yang dipakai oleh PK semasa sabung ayam.

Berdasarkan pemahaman secara heuristik dalam TR, pembaca sudah dapat mentafsirkan penceritaan ini secara automatik, tanpa melibatkan usaha memproses yang tinggi. Dalam TR, semakin rendah usaha memproses maka semakin relevanlah makna yang hendak dikemukakan. Usaha memproses dalam TR ialah usaha untuk mendapatkan makna yang paling relevan atau usaha yang terlibat dalam penginterpretasian makna ujaran. Jalaluddin (2014) menyatakan usaha ini sebagai usaha memproses maklumat oleh pendengar

atau pembaca. Maka, Data 1 ini mudah diproses. Unsur implisit telah dikesan. Namun, unsur ini perlu dianalisis lanjut untuk mengetahui makna sebenar ujaran ini. Maka kajian terlebih dahulu melakukan analisis eksplikatur ujaran ini.

Analisis eksplikatur

Seterusnya, berdasarkan Data 1, perkataan "kertas" pada Baris 1 dan "perekat" pada Baris 9 didapati tidak membawa makna yang sebenar dalam konteks, jika dilihat dari segi makna linguistik. Bagi mendapatkan makna sebenar kedua-dua perkataan ini makna linguistik dikemukakan terlebih dahulu. Makna peringkat semantik mudah diperoleh kerana makna ini diperoleh daripada makna perkamusan. Makna perkamusan dalam Jadual 4.2 dikemukakan kerana makna ini sudah dapat melengkapkan makna logik Data 1.

Jadual 4.2: Analisis eksplikatur – bentuk logik data "kertas" dan "perekat"

Eksplikatur	**Bentuk Logik**
Kertas	(i) **Kertas:** Sejenis bahan dalam bentuk helaian nipis yang diperbuat daripada kayu dan lain-lain yang padanya sesuai untuk ditulis, dicetak, dilukis, dan lain-lain. (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)
Perekat	(ii) **Perekat:** Benda berlendir dan lekit yang digunakan untuk melekat kertas dan lain-lain; gam. (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)

Makna yang dikemukakan ini akan berada dalam catatan ensiklopedia pembaca. Walau bagaimanapun, makna linguistik ini tidak selaras dengan konteks ujaran tersebut. Dalam TR, pembaca dibenarkan untuk membina maklumat konteks.

Maka, daripada petikan yang sedia ada dalam Data 1, pembaca telah pun membina konteks pemula dalam kognitif mereka tentang baju kertas yang dipakai oleh PK semasa

sabung ayam. Berdasarkan pemahaman secara heuristik dalam TR, pembaca sudah dapat mentafsirkan penceritaan ini secara automatik, tanpa melibatkan usaha memproses yang tinggi. Dalam TR, semakin rendah usaha memproses maka semakin relevanlah makna yang hendak dikemukakan (Samaon & Subet, 2020a; 2020b). Usaha memproses dalam TR ialah usaha untuk mendapatkan makna yang paling relevan.

Jalaluddin (2014) menyatakan usaha ini sebagai usaha memproses maklumat oleh pendengar atau pembaca. Maka, Data 1 ini mudah diproses. Pembaca tidak memerlukan usaha yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana pembaca sudah mempunyai maklumat konteks tadi. Pembaca telah membina maklumat konteks ini melalui jalan cerita yang dikemukakan dalam cerita PK ini. Daripada konteks ini, tidak sukar untuk pembaca mendapat kesan kognitif untuk mentafsir kertersiratan makna dalam dialog ini.

Dalam TR, kesan kognitif ini merupakan andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar. Maka, maklumat relevan yang sedia ada pada pendengar dalam Data 1 adalah pakaian yang diperbuat daripada kertas akan koyak. Maklumat konteks ini tersimpan dalam catatan ensiklopedia pembaca.

Adakah makna tersirat lain yang wujud daripada tafsiran ini? Perkara ini dapat dirungkai dengan aplikasi TR. TR membenarkan pembaca membuat andaian. Andaian yang difikirkan oleh pembaca ini mungkin menyumbang maklumat baharu, tetapi maklumat baharu ini tiada kaitan dengan maklumat yang sedia ada dalam konteks.

Dalam analisis data ini, maklumat konteks yang ada adalah berkaitan dengan baju apabila dibuat dengan kertas sudah tentu akan koyak. Andaian ini boleh muncul dalam keupayaan kognitif pembaca. Maka, andaian ini telah berada pada tahap kuat dan kukuh. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Jalaluddin (2014) andaian yang telah ada dalam

konteks tidak akan terancam dengan kehadiran maklumat baharu kerana jika ada pun maklumat baharu yang ditunjukkan, maklumat baharu yang ditunjukkan menjadi tidak seinformatif langsung dan tidak relevan.

Dengan itu, pembaca sudah sedia maklum akan baju yang dibuat daripada kertas mudah terkoyak. Analisis TR mendapati bahawa, bukan makna ini yang perlu difikirkan. Hal ini dikatakan demikian kerana pembaca sudah dapat mentafsirkan bahawa baju kertas PK yang hanya diperekat (disapu gam) itu akan koyak. Etika pemakaian PK itu secara logiknya sudah tentu pelik, malah tidak dapat diterima akal fikiran. Dalam masa yang sama PK akan mendapat "malu", jika pakaian tersebut terkoyak di hadapan orang ramai. Dalam ujaran "Maka kata isterinya, 'Bagaimana awak hendak membuatkan baju dan seluar kertas ini? Jikalau dipakai kelak tentulah carik bertelanjang tengah gelanggang sabungan itu. Bukankah awak malu besar?" (Baris 3 hingga 5) dapat menjadikan rujukan untuk mendapatkan makna sebenar "kertas" dan "perekat". Frasa "malu besar" merupakan frasa tambahan dalam konteks persekitaran. Menurut Effendy (2007), dalam masyarakat Melayu sifat malu membawa dua makna iaitu sikap baik (positif) dan sikap buruk (negatif). Dalam konteks persekitaran ini, pengkaji mengaitkan perasaan malu dengan sikap buruk, kerana air muka PK akan jatuh di khalayak ramai sehingga PK akan berasa hina atau aib dengan tingkah lakunya yang sumbang dari kaca mata umum.

Pentafsiran lanjut menggunakan analisis TR dilakukan, kajian ini mengemukakan maklumat tambahan kepada Data 1 iaitu "mendapat malu" untuk memudahkan pentafsiran seterusnya. Maklumat tambahan kepada Data 1 ini iaitu 1(a) adalah dialog lanjut atau dalam TR dikenali sebagai ujaran selepasnya apabila pendengar/pembaca cuba menentukan

maklumat konteks yang paling relevan dalam cerita PK ini. Berikut dikemukakan maklumat tambahan kepada Data 1 yang dikodkan pengkaji sebagai Data 1(a).

Data 1(a)

> Setelah Pak Kadok melihatkan ayam jalak sudah mati dan Si Biring itu menang, maka ia pun lupalah akan hal ia telah bertukar dengan baginda tadi. Wah! Apatah lagi! Ia pun tiadalah sedarkan dirinya seraya bertepuk tangan dan bersorak serta melompat-lompat lalu menyerukan tuah ayamnya itu. **Maka oleh tersangat bertepuk dan melompat itu, habis pecah bercarik-carik seluar dan baju kertasnya itu, bercabiran diterbangkan oleh angin berkeping keping ke sana kemari bercamping-camping. Maka Pak Kadok pun tinggallah berdiri di tengah khalayak yang banyak itu dengan bertelanjang bogel sahaja.**
>
> Hatta, demi dilihat oleh baginda dengan sekalian orang besar besar dan rakyat tentera hina dina sekalian akan hal Pak Kadok ini, **semuanya tertawa serta bertepuk tangan dengan tempik soraknya kesukaan melihatkan temasya Pak Kadok itu. Demikian juga baginda pun tertawa bersama-sama.** Maka adapun akan Pak Kadok, demi ia melihat sekalian mereka itu habis tertawa, ia pun tercengang pula kerana pada sangkanya mereka itu menumpang kesukaan dirinya itu. **Kemudian apabila ia menoleh kepada tubuhnya, baharulah diketahuinya akan dirinya bertelanjang bulat itu. Adohai! Malunya yang amat sangat, lalu ia berkejar lari dengan bersungguh-sungguh hatinya, langsung pulang terus ke ru mahnya.** Maka baginda pun berseru dengan nyaring suaranya, **'Ini lah malang Pak Kadok, ayamnya menang, kampung tergadai.'**

Berdasarkan Jadual 4.2, makna logik kata “kertas” dan “perekat” dikemukakan untuk membentuk pemahaman secara bentuk logik dalam kalangan pembaca. Dalam TR, pemahaman secara eksplikatur – bentuk logik ini dapat memberikan makna permukaan yang diujarkan. Pada tahap ini, leksikal “kertas” dan “perekat” hanya boleh ditafsirkan sebagai sesuatu yang konkrit. Oleh itu, langkah analisis seterusnya dilaksanakan iaitu analisis peringkat ensiklopedik untuk mengesan implikatur dalam ujaran berimplisit dalam Data 1 ini.

Analisis implikatur

Seterusnya, analisis implikatur dilakukan. Untuk memudahkan analisis peringkat ini, maklumat ensiklopedik bagi perkataan “kertas” dan “perekat” dilihat. Dalam TR,

maklumat ensiklopedik juga dapat membantu dalam pewujudan maklumat konteks. Seperti yang dinyatakan konteks ialah seberkas andaian yang boleh diwujudkan melalui antaranya ialah maklumat ensiklopedia (Jalaluddin, 2014). Berikut dikemukakan maklumat ensiklopedik berkenaan untuk mengesan implikatur dalam Data 1 kajian ini.

> Maka sahut PK, 'Jahitkanlah baju dan seluar aku dahulu dari ***kertas*** yang baharu kubeli. Lekaslah menjahitnya.'
>
> Maka kata PK, 'Usahlah dijahit, ***perekat*** sahajalah, supaya bangat.'

Proses ini akan mengaktifkan maklumat pembaca mengenai leksikal [kertas] dan [perekat] yang dikukuhkan dengan maklumat ensiklopedia pembaca.

Proses pengukuhan ini dipamerkan seperti berikut:

KERTAS: Maklumat ensiklopedik

a. DIPERBUAT DARIPADA KAYU.
b. HELAIAN NIPIS.
c. DIGUNAKAN UNTUK TUJUAN MENCATAT, MENULIS, MELUKIS.
d. MUDAH TERKOYAK/TERCARIK/TERLERAI.
e. TIDAK RESAP AIR.

PEREKAT: Maklumat ensiklopedik

a) BERLENDIR.
b) MELEKIT.
c) UNTUK MELEKATKAN/MENCANTUMKAN.
d) DIPERBUAT DARIPADA TEPUNG KANJI.
e) ACUH TAK ACUH.
f) TIDAK KUAT.

Setalah melalui dua proses ini, masih terdapat ketaksaan terhadap penceritaan tersebut. Makna yang dijana secara eksplisit atau eksplikatur di atas tadi masih tidak dapat mencapai tahap relevan dalam pemikiran pembaca. Seterusnya, konteks pemula terjadi apabila pembaca merujuk maklumat ensiklopedia.

Hasil daripada penyesuaian konteks wacana dan kesan kognitif, pembaca telah mengesan bahawa wujudnya unsur implikatur dalam ujaran tersebut. Maka, pembaca akan membina implikatur dan seterusnya membuat kesimpulan terhadap ujaran yang mempunyai implikatur ini. Pembaca telah mengambil kira proses pemahaman eksplikatur – bentuk logik dan maklumat ensiklopedik supaya implikasi kontekstual [KERTAS] dan [PEREKAT] diperoleh. Antara andaian implikatur yang dihasilkan adalah seperti yang berikut:

Kertas dan perekat

i. KERTAS DAN PEREKAT DIGUNAKAN OLEH ISTERI PK UNTUK MEMBUAT BAJU PK.
ii. PK INGINKAN BAJUNYA DILEKAT DENGAN GAM SAHAJA.
iii. PK TIDAK MAHU ISTERINYA MENJAHIT BAJU BAHARUNYA DENGAN BENANG.
iv. BAJU KERTAS ITU DIPAKAI UNTUK PERGI SABUNG AYAM.
v. BAJU YANG MUDAH TERKOYAK/TERCARIK.
vi. SIKAP ACUH TAK ACUH PK TERHADAP ETIKA PEMAKAIANNYA KETIKA BERJUMPA SULTAN
vii. ETIKA PEMAKAIAN YANG PELIK DAN TIDAK RASIONAL.
viii. HUBUNGAN DAN PERASAAN YANG TERKOYAK/TERLERAI.*

Menurut Osman dan Jalaluddin (2014), untuk memahami makna tersirat oleh pengarang, pembaca akan mengeluarkan andaian kontekstual setakat yang mampu dibantu oleh kesan kognitif yang memadai, seterusnya memilih implikasi konteks sebenar yang disimpulkan. Maka, i, ii, iii, iv, v, vi, dan vii terhasil daripada kesan kognitif melalui proses penggabungan, penguatan dan pengguguran maklumat.

Dalam proses ini, i, ii, iii, dan iv hanya membawa makna yang literal, maka digugurkan oleh pembaca. Dialog "Maka sahut PK, 'Jahitkanlah baju dan seluar aku dahulu dari **kertas** yang baharu kubeli. Lekaslah menjahitnya.'" dan "Maka kata PK, 'Usahlah dijahit, **perekat** sahajalah, supaya bangat.'" secara harfiahnya bermaksud PK meminta isterinya menjahitkan baju baharu yang diperbuat daripada kertas untuk pergi ke acara sabung ayam. Oleh sebab, PK tidak mahu terlewat untuk acara sabung dia telah meminta

isterinya untuk melekatkan sahaja pakaiannya dengan gam. Isterinya juga telah menasihati PK “Maka kata isterinya, ‘Bagaimana awak hendak membuatkan baju dan seluar kertas ini? Jikalau dipakai kelak tentulah carik bertelanjang tengah gelanggang sabungan itu. Bukankah awak malu besar?”. PK tidak mengendahkan nasihat isterinya dan tetap dengan pendiriannya untuk memakai pakaian yang diperbuat daripada kertas.

Di samping itu, isterinya menggunakan perekat untuk menyatukan setiap potongan pakaian tersebut. Melalui pengalaman ensiklopedik pembaca, seorang isteri seharusnya mentaati suaminya. Berdasarkan konteks yang tersedia dalam naratif PK ini, masyarakat di negeri Cempaka Seri adalah beragama Islam. Konteks ini tersedia pada awal penceritaan:

> SEBERMULA, maka adalah sebuah negeri bernama Cempaka Seri, rajanya bernama Indera Sari. Maka baginda itu cukup lengkap seperti adat istiadat kerajaan yang lain-lain juga, akan tetapi ada pun tabiat baginda itu terlalulah suka menyabung dan berjudi, sehingga menjadi suatu amalan pada baginda itu. Dengan hal yang demikian, habislah sekalian rakyat seisi negeri itu menjadi asyik leka dengan berjudi juga pada setiap masa; tiada sekali-kali mengambil bena kepada **mendirikan syariat Nabi Sallallahu 'alaihi wa salam,** kerana raja-raja dan orang besar-besarnya terlalu amat suka mengerjakan pekerjaan yang maksiat itu.

Meskipun, ajaran agama Islam di Cempaka Seri tidak dipraktikkan secara menyeluruh, tetapi pengarang tetap mengasimilasikan ajaran agama Islam dalam penceritaannya, iaitu ketaatan seorang isteri terhadap suaminya. Maklumat ensiklopedik ini dikuatkan dengan sabda Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan daripada Saidatina ‘Aistah R. Anha:

> Daripada ‘Aisya R.A bahawasanya akan bertanyakan Nabi SAW “Siapakah manusia yang paling berhak atas seorang isteri? Beliau bersabda “Suaminya.” Aku bertanya lagi, “Lalu siapakah manusia yang paling berhak atas seorang lelaki?” Beliau bersabda, “Ibunya.” (Sunan Al-Kubra, 9099).

Walaupun, permintaan PK pelik dan tidak masuk akal, isterinya tetap menurutkan permintaannya. Dengan itu, kesan kognitif yang diperoleh daripada i, ii, iii, dan iv telah dicerna dengan berpandukan usaha memproses yang terkandung dalam konteks naratif etika pemakaian PK sahaja.

Setelah melaksanakan analisis peringkat eksplikatur, dan implikatur pengkaji seterusnya mengaitkan dapatan ini dengan pemaparan naratif PK ini dengan kancah politik di Malaysia.

Analisis data "kertas" dan "perekat" dengan kancah politik Malaysia

Pengkaji mendapati ada antara naratif PK ini dikaitkan dengan kancah politik Malaysia. Oleh sebab itu, pengkaji seterusnya akan mengaitkan naratif PK ini dengan beberapa pemimpin yang telah dikesan dilabelkan seperti watak PK. Pengkaji berpendapat, tafsiran makna implikatur tadi belum lengkap, lebih-lebih lagi apabila dikaitkan dengan sikap watak mitos PK ini dalam kancah politik Malaysia. Kenapa terdapat bandingan watak-watak mitos ini seperti PK dengan watak pemimpin Malaysia sedia ada? Di sinilah, analisis makna tersirat sebenar yang dihajati perlu dirungkaikan. Maka, makna peringkat eksplikatur ini hanya dapat memberi makna logiknya, iaitu kertas dan perekat seperti fizikal konkrit yang dikemukakan dalam Jadual 4.2.

Untuk mentafsir makna sebenar kata "kertas" dan "perekat", pendengar akan mengaitkan maklumat ini dengan kewujudan mitos PK apabila membicarakan isu-isu berkaitan dengan politik Malaysia akan dapat ditelusuri. Proses mendapatkan andaian yang paling relevan semestinya melibatkan beberapa tugas yang perlu diselesaikan. Bagi menyelesaikan atau menentukan interpretasi yang sebenar, beberapa tugas khas diperlukan:

(1) menyelesaikan ketaksaan (2) mencari rujukan dan (3) menentukan segala maklumat yang tidak lengkap (Jalaluddin, 1990).

Ketaksaan yang timbul bagi data ini ialah:

i. Adakah sikap PK yang seolah-olah bodoh dungu itu dengan memakai pakaian kertas yang hanya digamkan wujud dalam kalangan pemimpin sekarang?
ii. Adakah pemimpin yang memakai pakaian kertas ini?
iii. Adakah terdapat hubungan atau perasaan yang terkoyak/terlerai dalam konteks politik sekarang?

Bagi memahami makna implisit dalam naratif ini, pembaca atau pendengar tidak bergantung pada satu leksikal, ayat malah wacananya. Tetapi, melibatkan konteks yang jauh daripada petikan makna implisit yang dikaji. Perkaitan cerita jenaka PK dan konteks politik tempatan boleh dilihat dari segi seseorang itu berfikir. PK adalah seorang yang lurus bendul yang mempunyai idea di luar logik akalnya, perkara ini dapat diasosiasikan ahli politik yang mempunyai pelbagai strategi dalam membuat sesuatu keputusan. Ahli politik seharusnya berfikiran panjang dalam membuat keputusan bagi mengelakkan kerugian malah mendapat malu terhadap diri sendiri atau parti politik sendiri. Contohnya, dalam konteks politik semasa melihatkan kesignifikannya dengan Data 1 iaitu "baju kertas Pak Kaduk". Oleh itu, pengkaji seterusnya melakukan analisis RRS.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Dalam cerita jenaka PK, isteri PK telah menuruti arahan PK dengan menyiapkan baju dan seluar daripada kertas. Naratif ini dapat digabungjalinkan dengan teks berita politik "Umno tempah baju 'Pak Kaduk' pada PRU15". Maka, kajian ini mendapati masih ada makna tersirat yang perlu ditelusuri berdasarkan teks politik tersebut dengan naratif "baju

kertas PK". Analisis TR iaitu RRS akan dapat digunakan untuk merungkai makna tersirat ini. Dari segi analisis TR, dengan kewujudan maklumat konteksnya, tidak akan berlaku sama sekali, tetapi kenapa ada ungkapan ini seperti dalam Rajah 4.2.




Rajah 4.2: UMNO tempah baju 'Pak Kaduk' pada PRU-15
(Sumber: Yacob, 2021)

Berdasarkan naratif politik tersebut, pemimpin UMNO telah menyatakan bahawa UMNO dan BN akan bertanding secara bersendirian menggunakan lambang BN. Mereka juga percaya bahawa BN dapat memenangi jumlah kerusi yang besar dan kembali menguasai kepimpinan negara. UMNO begitu semangat dan yakin bahawa UMNO boleh kembali hebat

bila berseorangan, namun mereka masih tidak sedar bahawa mereka perlu memujuk parti-parti lain untuk membentuk sebuah kerajaan yang berwibawa.

Mengambil contoh daripada petikan ini:



(Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada Yacob, 2021)

Dalam ujaran ini, Data 1 iaitu "baju kertas" didapati mempunyai unsur implisit. Hal ini dikatakan demikian kerana penulis menggunakan simile "misalnya" bagi menggabungjalinkan Data 1 dengan konteks politik tempatan.

Ujaran ini jelas menunjukkan hubungan antara *baju kertas* dengan keadaan politik UMNO ketika ini. Maklumat tambahan seperti "Pak Kaduk", "lurus bendul", "idea di luar

logik akal", "misalnya memakai baju kertas semasa menyambung ayam dengan raja", "mengajar orang Melayu atau pemimpin Melayu, supaya berfikir dengan betul", "membuat keputusan yang betul", "Dapat malu", "terpaksa menerima kekalahan" serta "akan menyerkup UMNO semasa PRU15 nanti" telah menampakkan kesinambungan atau hubungan secara langsung antara "baju kertas" dengan konteks politik Malaysia. Bagi menginterpretasikan ujaran ini, pendengar perlu memiliki rujukan yang berasal daripada pengalaman atau pengetahuan sedia ada untuk mendapatkan relevan yang optimum. Oleh itu, RRS atau konteks andaian awal akan dibentuk oleh pendengar ialah:

1) Kesan kepada pemikiran atau keputusan yang tidak betul akan merosakkan tunjang kepimpinan UMNO.
2) Kejatuhan UMNO mengundang rasa malu dalam kalangan pemimpin.
3) Seluruh kepimpinan dan penyokong UMNO terpaksa menerima kekalahan.

Merujuk pengetahuan ensiklopedia pembaca mengenai sejarah, UMNO telah bertanding bersendirian pada tahun 1951. Pada tahun seterusnya UMNO berjaya membentuk pakatan bersama MCA dan memenangi 26 daripada 37 kerusi yang dipertandingkan. Kemenangan UMNO yang terbesar adalah menerusi pilihan raya umum yang pertama, iaitu sebanyak 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Hasil Kemenangan ini tercipta apabila Perikatan UMNO disertai oleh MCA dan MIC.

Sejarah kemenangan UMNO daripada 1974 hingga 2018 adalah akibat mempunyai rakan parti komponen semasa menghadapi pilihan raya. Daripada pemandangan senario yang berlaku, MIC dan MCA tidak yakin dengan UMNO sekiranya mereka memilih untuk meninggalkan BERSATU dan PAS. MCA dan MIC merupakan parti terkuat dibawa UMNO yang mempunyai ramai pengundi India dan Cina. Impak sekiranya dua parti ini meninggalkan UMNO dapat dirasai dengan jelas. Tetapi baru-baru ini, Presiden UMNO

telah bermula untuk berunding dengan PAS dan merayu untuk mengekalkan kedudukan dengan mereka. Presiden UMNO mula untuk mengungkit kembali peristiwa lepas. Contohnya, PAS telah menjadi parti politik yang penting bagi UMNO di siri Pilihan Raya Kecil yang terakhir.

Pengajaran bagi teks berita ini adalah ahli-ahli UMNO dapat mengambil keputusan sama ada boleh mendapat kebaikan atau sebaliknya jika bersendirian. Bergerak secara bersendirian boleh membawa padah, sekiranya MIC dan MCA bertukar arah dan memenangi kerusi yang dipertandingkan. Hal ini boleh dikaitkan dengan Cerita PK apabila ayamnya yang ditukar oleh Raja telah memenangi perlawanan menyabung ayam dan PK berlompat sehingga baju kertasnya terkoyak.

Rumusan

Cerita PK dikaitkan dengan kisah-kisah politik yang berlaku pada zaman sekarang. Contohnya, timbalan perdana Menteri Ahmad Zahid Hamidi yang menasihati presiden PAS iaitu Abdul Hadi Awang bahawa parti itu ada menerima tawaran untuk bersama-sama kerajaan sekarang. “Jangan nak perasan (kononnya) ada orang tawarkan untuk sertai kerajaan perpaduan,” kata Zaid Hamidi pada sidang media di Bagan Datuk, Perak. Kisah ini kita boleh dikaitkan dengan cerita PK yang bersorak sakan kerana ayamnya menang sehinggakan baju dan seluar kertasnya terkoyak rabak. Kita dapat lihat di sini bahawa Zahid Hamidi yang merasakan dirinya hebat dengan tidak mahu bergabung dengan PAS, tetapi partinya kalah dan tidak menang. Sudah tidak menang lalu hanya malu yang dapat. Keputusan kurang bijak yang telah dibuat oleh Zahid Hamidi adalah seperti Pak Kaduk yang memakai pakaian kertas ketika menyabung ayam dan hanya malu yang dapat apabila dia bertelanjang bulat.

Berdasarkan konteks yang diperoleh ujaran ini mempunyai kesan kognitif yang tinggi, iaitu kognitif pembaca telah dilengkapi dengan pengetahuan ensiklopedia bahawa kisah baju kertas PK dapat dikaitkan dengan keadaan tempatan. Maka, usaha yang diperlukan untuk memproses ujaran ini amat rendah. Bertitik tolak daripada konteks ini, pembaca secara tidak langsung akan mengetahui hubungan antara "baju kertas PK" → "konteks politik tempatan" → "kesan kepada pemikiran atau keputusan yang tidak betul/tepat" → "merosakkan tunjang kepimpinan UMNO" → "kejatuhan UMNO" → "rasa malu dalam kalangan pemimpin/penyokong" → "UMNO terpaksa menerima kekalahan". Manifestasi kritikan terhadap data ini sebenarnya merefleksikan konteks politik tempatan secara implisit.

4.2.2 Data 2: Makna implisit dalam syarat perjanjian Pak Kaduk dengan Raja

Data 2 adalah kesinambungan daripada Data 1, kerana setelah pakaian PK siap sepenuhnya, PK terus menangkap ayamnya – Baring Si Kunani, taji ayam dan terus menuju ke gelanggang sabung ayam Raja Indera Sari. Sebelum aktiviti sabung ayam berlangsung, Raja Indera Seri telah menetapkan syarat yang perlu diikuti oleh PK, iaitu:

Data 2:

> Hatta, telah dilihat oleh baginda akan Pak Kadok datang itu, maka dikenallah oleh baginda seraya bertitah, Hai Pak Kadok, apa khabar? Menyabungkah kita?"
> Maka sembah Pak Kadok, 'Daulat Tuanku, persilakanlah kita menyabung kerana ayam patik inipun belum lagi patik ketahui tuah malangnya, Tuanku.'
> Maka titah baginda, 'Cuba juga bawa kemari ayam Pak Kadok supaya beta lihat.'
> Maka Pak Kadok pun segeralah menyembahkan ayamnya itu, lalu disambut oleh baginda serta diamat-amati. Diketahuilah oleh baginda tersangat bertuah ayam Pak Kadok itu. Maka titah baginda, 'Hai Pak Kadok, mari kita **bertukar ayam** Ambillah ayam beta ini, elok, cuba lihat romannya jalak putih mata, dan ayam Pak Kadok biring Si Kunani sahaja tiada berapa tuahnya.'
> Setelah didengar oleh Pak Kadok akan titah baginda menggula dirinya itu, percayalah ia. Maka sembahnya, 'Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, jikalau sudah dengan titah duli yang maha mulia, relalah patik, seperti titah itu sedia terjunjung di atas jemala ubun-ubun patik."

Pada akhirnya lalu bertukarlah keduanya akan ayam masing-masing. Maka sangatlah sukacita baginda beroleh ayam Pak Ka dok itu.
Hatta, Maka titah baginda, 'Hai Pak Kadok, apakah taruhnya kita menyabung ayam ini? Soronglah dahulu supaya beta lihat.'
Maka sembah Pak Kadok, 'Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, patik ini tiada apa harta yang ada, hanya kampung sebuah itu sahaja. Jikalau ada ampun dan kurnia ke bawah duli Tuanku, **kampung itulah patik gadaikan** ke bawah duli Tuanku menjadi tanggungan memohonkan berhutang kadar lima puluh rial.'
Maka titah baginda, "Baiklah.'

Data 2 telah menunjukkan dua rujukan tambahan iaitu “bertukar ayam” – pada baris 8 dan “kampung itulah patik gadaikan” – pada baris 21. Melalui rujukan inilah telah membawa kepada pengembangan konteks awal kepada pembaca. Dalam Data 2 ini memerlukan penginterpretasian makna yang lebih berwibawa. Hal ini diperlukan supaya pembaca dapat memperoleh kerelevanan yang optimum dalam naratif ini. Sebelum analisis TR dilaksanakan dengan lebih lanjut, pembaca dibekalkan dengan maklumat konteks, jadi pembaca berupaya menghasilkan maklumat konteks. Menurut Subet (2018), konteks dirujuk melalui tiga cara, iaitu:

1. Ujaran terdahulu (dalam wacana yang menghasilkan ujaran).
2. Cara merujuk apa-apa sahaja yang berlaku di sekitar manusia.
3. Melalui catatan ensiklopedia yang terdapat dalam ingatan seseorang yang dapat dirujuk apabila kata-kata itu timbul dalam ujaran (proposisi).

Maka, dalam konteks kajian ini pemahaman pembaca tentang ujaran ini dapat membekalkan konteks yang diperlukan. Konteks yang wujud dalam data ini ialah maklumat perihal kritikan terhadap:

1. Sikap seseorang (PK) yang sanggup menggadaikan segala-galanya demi perjudian.
2. Sikap seseorang (PK) tidak pikir panjang dengan keputusannya itu dapat memberi kesan yang buruk kepada orang lain.
3. Sikap seorang pemimpin (Raja) menggunakan tipu helah untuk memperdayakan rakyat.

Daripada petikan yang tersedia dalam Data 2, pembaca telah membina konteks permulaan dalam kognitif mereka mengenai “bertukar ayam” dan “kampung itulah patik

gadaikan". Berdasarkan pemahaman secara heuristik dalam TR, pembaca sudah dapat mentafsirkan naratif ini secara automatik, tanpa melibatkan usaha memproses yang tinggi. Dalam TR, semakin rendah usaha memproses, maka semakin relevanlah makna yang hendak dikemukakan (Subet, 2018). Data 2 mudah diproses, unsur implisit turut dikesan. Walau bagaimanapun, unsur ini perlu dianalisis dengan lanjut bagi mendapatkan makna ujaran sebenar. Oleh itu, analisis eksplikatur dilakukan dahulu untuk mendapatkan makna harfiah.

Analisis eksplikatur

Seterusnya, berdasarkan Data 2, frasa "bertukar ayam" – pada baris 8 dan "kampung itulah patik gadaikan" – pada baris 21, tidak membawa makna sebenar dalam konteks, jika dilihat daripada makna linguistik. Bagi mendapatkan makna sebenar kedua-dua frasa ini, pembaca memerlukan makna linguistik terlebih dahulu. Makna pada peringkat ini mudah diperoleh kerana makna ini diperoleh daripada kamus. Makna kamus dalam Jadual 4.3 telah dikemukakan, kerana makna ini sudah dapat melengkapkan makna logik Data 2.

Jadual 4.3: Analisis eksplikatur – bentuk logik berdasarkan frasa "bertukar ayam" dan "kampung itulah patik gadaikan"

Eksplikatur	**Bentuk Logik**
Bertukar ayam	**Bertukar:** Barang bertukar, barang dengan barang (contohnya dalam perdagangan. **Ayam:** Sejenis binatang yang betuknya seperti burung, tetapi tidak pandai terbang. Kebiasaannya, dipelihara bagi mendapatkan telur dan dagingnya. (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)
Kampung itulah patik gadaikan	**Kampung:** Kawasan kediaman (terdiri daripada sekumpulan rumah dan lain-lain) di luar bandar, desa dan dusun. **-itulah:** demikian halnya (akibat). **patik:** hamba, saya (dipakai sewaktu bercakap kepada raja-raja) sl (sastera lama) hamba tebusan, budak belian, berpatik memakai (menyebut). **gadaikan:** ~ tanah; ~ nyawa bergadai nyawa; terdorong ke pajak, sehari sebulan juga perbuatan yang terlanjur walaupun kecil akibatnya sama seperti yang besar juga; menyerahkan sesuatu (tanah dan lain-lain) sebagai cagaran hutang; menyerahkan atau meletakan sesuatu dalam keadaan terancam atau sebagai cagaran untuk mendapatkan sesuatu faedah dan sebagainya. (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)

Makna yang dikemukakan ini akan berada dalam catatan ensiklopedia pembaca. Walau bagaimanapun, makna linguistik ini tidak selaras dengan konteks ujaran tersebut. Dalam TR, pembaca dibenarkan untuk membina maklumat konteks. Maka, daripada petikan yang sedia ada dalam Data 2, pembaca telah membina konteks pemula dalam kognitif mereka tentang bertukar ayam dengan menggadaikan kampung. Ini merupakan pemahaman secara heuristik dalam TR. Tambah Samaon dan Subet (2020a) dalam TR semakin rendah usaha memproses, maka semakin relevanlah makna yang hendak dikemukakan oleh penulis atau penutur. Usaha memproses dalam TR adalah usaha untuk mendapatkan makna yang paling relevan. Usaha ini merupakan usaha memproses maklumat oleh pendengar atau pembaca (Jalaluddin, 2014). Maka, Data 2 ini mudah diproses dan pembaca tidak memerlukan usaha yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana pembaca sudah mempunyai maklumat konteks tadi. Pembaca telah membina maklumat konteks ini, melalui jalan cerita dalam naratif PK. Daripada konteks ini, tidak sukar untuk pembaca mendapatkan kesan kognitif untuk mentafsirkan kertersiratan makna dalam dialog tersebut.

Dalam TR, kesan kognitif ini merupakan andaian awal yang ada pada pembaca tentang maklumat yang relevan dengan diri pembaca. Maklumat relevan yang sedia ada pada pembaca dalam Data 2 adalah PK telah menukarkan ayamnya dengan Raja. Dalam masa yang sama ini merupakan tipu helah yang digunakan oleh Raja (Jabar et. al., 2021). Maklumat ini akan tersimpan dalam catatan ensiklopedia pembaca. Namun, persoalannya "adakah makna tersirat lain yang wujud dalam tafsiran ini?" Perkara ini dapat dirungkai dengan aplikasi TR. TR membenarkan pembaca membuat andaian. Andaian yang difikirkan oleh pembaca ini mungkin boleh menyumbang kepada maklumat baharu. Tetapi, maklumat baharu ini tiada kaitan dengan maklumat yang sedia ada dalam konteks. Dalam analisis ini, maklumat konteks yang ada adalah berkaitan dengan pertaruhkan kampung demi perjudian

iaitu, sabung ayam. Andaian ini muncul dalam keupayaan kognitif pembaca. Maka, andaian ini telah berada pada tahap yang kuat dan kukuh. Andaian yang telah ada dalam konteks tidak akan terancam dengan kehadiran maklumat baharu, kerana jika pun maklumat baharu yang ditunjukkan menjadi tidak seinformatif langsung dan tidak relevan (Jalaluddin, 2014). Dengan itu, pembaca sudah sedia maklum berlakunya ketirisan dalam pembahagian hadiah judi atau kemenangan. Analisis TR mendapati bahawa, bukan makna ini perlu difikirkan oleh pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana pembaca sudah dapat mentafsirkan maklumat tersebut. Dalam masa yang sama PK akan kehilangan segala-galanya, jika PK kalah dalam sabung ayam tersebut. Dalam ujaran "*'Hai Pak Kadok, mari kita* ***bertukar ayam*** *Ambillah ayam beta ini, elok, cuba lihat romannya jalak putih mata, dan ayam Pak Kadok biring Si Kunani sahaja tiada berapa tuahnya.*'" (Baris 8 hingga 10) dan "*Pada akhirnya lalu bertukarlah keduanya akan ayam masing-masing. Maka sangatlah sukacita baginda beroleh ayam Pak Ka dok itu.*" (Baris 15 dan 16) dapat dijadikan rujukan awal oleh pembaca. Seterusnya, dari baris 17 sehingga 23 iaitu, "*Hatta, Maka titah baginda, 'Hai Pak Kadok, apakah taruhnya kita menyabung ayam ini? Soronglah dahulu supaya beta lihat.', Maka sembah Pak Kadok, 'Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, patik ini tiada apa harta yang ada, hanya kampung sebuah itu sahaja. Jikalau ada ampun dan kurnia ke bawah duli Tuanku, kampung itulah patik gadaikan ke bawah duli Tuanku menjadi tanggungan memohonkan berhutang kadar lima puluh rial.' Maka titah baginda, "Baiklah."*". Baris-baris ayat ini telah menjadikan konteks persekitaran oleh pembaca. Dalam konteks persekitaran ini, pengkaji mengaitkan kesan terakhir PK dapat akibat daripada kekalahan sabung ayam ini. Pentafsiran lanjut menggunakan analisis TR dilakukan, kajian ini mengemukakan maklumat tambahan kepada Data 2 iaitu "kesan daripada kekalahan PK sabung ayam" untuk memudahkan pentafsiran seterusnya. Maklumat tambahan kepada Data 2 ini iaitu 2(a) adalah dialog

lanjutan atau dalam TR dikenali sebagai ujaran selepasnya. Pembaca cuba menentukan maklumat konteks yang paling relevan dalam naratif ini. Berikut merupakan maklumat tambahan kepada Data 2 yang dikodkan sebagai Data 2(a).

Data 2(a):

> **Setelah Pak Kadok melihatkan ayam jalak sudah mati dan Si Biring itu menang, maka ia pun lupalah akan hal ia telah bertukar dengan baginda tadi**. Wah! Apatah lagi! Ia pun tiadalah sedarkan dirinya seraya bertepuk tangan dan bersorak serta melompat-lom pat lalu menyerukan tuah ayamnya itu. Maka oleh tersangat bertepuk dan melompat itu, habis pecah bercarik-carik seluar dan baju kertasnya itu, bercabiran diterbangkan oleh angin berkeping keping ke sana kemari bercamping-camping. Maka Pak Kadok pun tinggallah berdiri di tengah khalayak yang banyak itu dengan ber telanjang bogel sahaja.
>
> Hatta, demi dilihat oleh baginda dengan sekalian orang besar besar dan rakyat tentera hina dina sekalian akan hal Pak Kadok ini, semuanya tertawa serta bertepuk tangan dengan tempik so raknya kesukaan melihatkan temasya Pak Kadok itu. Demikian juga baginda pun tertawa bersama-sama. Maka adapun akan Pak Kadok, demi ia melihat sekalian mereka itu habis tertawa, ia pun tercengang pula kerana pada sangkanya mereka itu menumpang kesukaan dirinya itu. Kemudian apabila ia menoleh kepada tubuhnya, baharulah diketahuinya akan dirinya bertelanjang bulat itu. Adohai! Malunya yang amat sangat, lalu ia berkejar lari dengan bersungguh-sungguh hatinya, langsung pulang terus ke rumahnya. Maka baginda pun berseru dengan nyaring suaranya, 'Ini lah malang Pak Kadok, ***ayamnya menang, kampung tergadai.***'

Berdasarkan Data 2(a) iaitu "ayamnya menang, kampung tergadai" menunjukkan interpretasi tambahan yang dibuat oleh pembaca bagi mencapai makna tersirat oleh pengarang. Data ini turut melalui (a) analisis eksplikatur sebagai rujukan tambahan pembaca.

Jadual 4.4 Analisis eksplikatur – bentuk logik berdasarkan data "Ayamnya menang, kampung tergadai"

Eksplikatur	**Bentuk Logik**
Ayamnya menang, kampung tergadai	**Ayam:** Sejenis binatang yang betuknya seperti burung, tetapi tidak pandai terbang. Kebiasaannya, dipelihara bagi mendapatkan telur dan dagingnya. **-nya:** Kata ganti diri orang ketiga. Hanya digunakan pada manusia dan kata nama ganti merujuk kepada Allah. **Kampung:** Kawasan kediaman (terdiri daripada sekumpulan rumah dan lain-lain) di luar bandar, desa dan dusun. **Tergadai:** telah digadai (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)

Berdasarkan pemahaman heuristik mengenai syarat perjanjian PK dengan Raja Indera Seri, pembaca sudah dapat mengesan tipu muslihat sultan dengan PK. Malahan, wujudnya ketidakseimbangan nilai gadaian antara PK dengan sultan. Kesan daripada syarat perjanjian ini, maka terhasillah implikatur. Pengarang turut menggunakan peribahasa Melayu iaitu "ayamnya menang, kampung tergadai" bagi merefleksikan PK dalam dilema kerana kemenangan yang tidak bermakna.

Seterusnya, analisis akan bermula dengan makna eksplikatur sebagai pemahaman bentuk logik pendengar. Hal ini selaras dengan skop semantik yang terhad pada makna luaran yang diujarkan. Pada tahap ini, frasa "ayamnya menang kapung tergadai" hanya boleh ditafsirkan sebagai sesuatu yang konkrit, iaitu:

Syarat-syaratnya ialah:

i. Ayam Kaduk hendaklah ditukarkan dengan ayam Sultan yang bernama Si Jalak Putih Mata. Pertaruhannya adalah kampung halaman dan isi rumahnya.
ii. Tanpa berfikir panjang PK menerima syarat-syarat tersebut kerana sudah lama ia tidak menyabung ayam.
iii. Seperti yang dijangkakan pada peringkat awal, ayam PK yang ditukarkan dengan Sultan telah menang.
iv. Dia lupa bahawa ayam itu telah menjadi milik Sultan. Setelah pengumuman di buat barulah PK sedar bahawa dia telah dipermainkan oleh Sultan.
v. Maka dengan berpegang pada janji dan syarat perjanjian tersebut, PK terpaksa menyerahkan kampung halaman, isteri dan anak perempuannya kepada Sultan.
vi. Kesudahannya, tinggallah PK sehelai sepinggang dengan seekor kucing.

Daripada (i) sehingga (v), pembaca/pendengar berupaya memahami naratif nasib malang Pak Kaduk.

Analisis implikatur

Seterusnya, analisis implikatur dilakukan. Untuk memudahkan analisis peringkat ini, maklumat ensiklopedia "ayamnya menang, kampung tergadai" dilihat. Dalam TR, maklumat ensiklopedia juga dapat membantu dalam pewujudan maklumat konteks. Seperti yang dinyatakan oleh Jalaluddin (2014), konteks adalah sebekas andaian yang boleh diwujudkan

melalui maklumat ensiklopedia/ensiklopedik. Proses ini akan mengaktifkan maklumat pembaca tentang frasa [AYAMNYA MENANG] dan [KAMPUNGNYA TERGADAI], iaitu bentuk logik yang kemudiannya dikukuhkan dengan maklumat ensiklopedik pembaca. Maklumat ensiklopedik atau pengetahuan umum ini mengandungi pelbagai jenis maklumat, termasuk andaian lazim informasi saintifik, kepercayaan dan kebudayaan, pemerhatian dan pengalaman peribadi seseorang (Carston, 2000). Maklumat ensiklopedik ini berbeza antara individu bergantung pada pelbagai aspek seperti umur, budaya, agama, taraf hidup, dan lain-lain. Berikut dikemukakan maklumat ensiklopedia yang berkenaan untuk mengesan implikatur dalam Data 2 kajian ini.

> Malunya yang amat sangat, lalu ia berkejar lari dengan bersungguh-sungguh hatinya, langsung pulang terus ke rumahnya. Maka baginda pun berseru dengan nyaring suaranya, 'Ini lah malang Pak Kadok, ***ayamnya menang, kampung tergadai.***'

Proses pengukuhan ini dipamerkan seperti yang berikut:

AYAM: Maklumat ensiklopedik

a. UNGGAS SEPERTI BURUNG TETAPI TIDAK BOLEH TERBANG
b. BOLEH DITERNAK ATAU HIDUP SECARA LIAR
c. DIGUNAKAN UNTUK PERMAINAN SAMBUNG/LAGA AYAM
d. TAJI AYAM DILETAKKAN DI KAKI AYAM
e. MEMPEROLEH HADIAH JIKA MENANG PERMAINAN SAMBUNG/ LAGA AYAM

MENANG: Maklumat ensiklopedik

a. BERJAYA DALAM PERLAWANAN/PERPERANGAN
b. BERJAYA MENINDAS
c. MENDAPAT HADIAH/GANJARAN DARIPADA KEMENANGAN
d. BERKUASA

KAMPUNG: Maklumat ensiklopedik

a. TEMPAT KEDIAMAN/TINGGAL
b. TENANG DAN DAMAI
c. MEMILIKI SISTEM ORGANISASI SOSIAL YANG TERSENDIRI

TERGADAI: Maklumat ensiklopedik

a. HILANG HARTA BENDA/KUASA
b. MUSIBAH
c. KESEDIHAN
d. BERNASIB MALANG

Setelah melalui dua proses ini, masih terdapat kekaburan pada ujaran tersebut kerana makna yang dijana secara eksplisit masih tidak mencapai tahap relevan pada fikiran pembaca. Proses yang berlaku ini selari dengan proses penggabungan konteks, iaitu melihat ke arah ujaran terdahulu, termasuk ko-konteks yang menyumbang kepada kerelevanan teks. Seterusnya, konteks pemula juga berlaku dengan merujuk maklumat ensiklopedik. Hasil penyesuaian konteks wacana dan kesan kognitif, pembaca mengetahui bahawa wujudnya unsur implikatur dalam ujaran ini. Analisis yang berikut menunjukkan cara pembaca membina andaian implikatur dan seterusnya membuat kesimpulan implikatur terhadap sesuatu ujaran yang mempunyai unsur metafora. Pembaca dengan mengambil kira prosedur pemahaman standard, mengeluarkan senarai andaian implikatur seperti dalam ujaran (1) sehingga (5) agar konseptual dapat diperoleh. Jadi, baris **Ayamnya menang, kampung tergadai** akan dibentuk andaian implikatur seperti berikut:

i. PERLAWANAN LAGA AYAM DIMENANGI OLEH PAK KADUK, TETAPI KAMPUNGNYA TERGADAI.
ii. SIKAP TERDESAK PK UNTUK MELAGA AYAMNYA.
iii. SIKAP KEBODOHAN PK MENYEBABKAN KAMPUNGNYA TERGADAI.
iv. SIKAP TIDAK FIKIR PANJANG.
v. SEPATUTNYA, PK YANG MEMPEROLEH HADIAH KERANA MEMENANGI PERLAWANAN LAGA AYAM DENGAN SULTAN.
vi. HUBUNGAN SULTAN DENGAN RAKYAT (PK).
vii. PENIPUAN SULTAN UNTUK MENDAPATKAN KAWASAN BAHARU.

viii. KEMENANGAN DAN PERJANJIAN YANG MELAMPAU DAN TIDAK RASIONAL.*

Untuk memahami naratif PK ini, pembaca mengeluarkan andaian konseptual setakat yang mampu dibantu oleh kesan kognitif yang memadai, seterusnya memilih implikasi konteks sebenar yang disimpulkan daripada i, ii, iii, iv, v, vi, vii dan viii. Kesan kognitif ini terhasil daripada satu proses iaitu penggabungan, penguatan atau pengguguran maklumat. Berdasarkan proses ini, (viii) telah dipilih bagi mewakili implikatur bagi data kajian ini. Frasa "ayamnya menang, kampungnya tergadai" secara harfiahnya bermaksud seekor ayam yang dilagakan telah memenangi pertandingan sabung ayam. Tetapi, secara implisitnya akibat kebodohan tuannya yang tidak sedar akan perjanjiannya dengan sultan menyebabkan kampungnya tergadai.

Analisis data "ayamnya menang, kampung tergadai" dengan kancah politik Malaysia

Seterusnya, makna peringkat ini masih belum lengkap. Hal ini bermakna masih terdapat unsur-unsur implikatur yang perlu dirungkai oleh pembaca atau pendengar, terutamanya dikaitkan dengan kancah politik tempatan. Sehubungan dengan itu, menurut ensiklopedik pembaca pada masa ini, naratif PK sabung ayam dapat dikaitkan dengan kancah politik tempatan. Berbekalkan enjin pencarian *Facebook* dapat menyerlahkan lagi kesinambungan naratif ini dengan kancah politik semasa. Rajah 4.3 menunjukkan pertalian Data 2 dengan kancah politik tempatan yang diperoleh melalui enjin pencarian *Facebook*.



Rajah 4.3: Pertalian kancah politik tempatan dengan "ayamnya menang, kampung tergadai"

Perkara ini sekali gus membuktikan bahawa masyarakat umum di Malaysia dapat mengaitkan kesan kognitif dalam TR yang dianalisis sebentar tadi, dengan proses penggabungan maklumat. Penggabungan maklumat dalam TR akan terjadi apabila andaian awal pembaca dapat digabungkan dengan maklumat baharu penutur. Tugas penggabungan dalam TR ini adalah untuk menghasilkan kesan kognitif yang dapat membantu pembaca memproses mesej penutur dengan lebih mudah dan berwibawa (Sperber & Wilson, 1986). Kenapa terdapat bandingan watak-watak mitos ini seperti PK dengan sikap atau pemimpin tempatan? Di sinilah, analisis makna tersirat sebenar yang dihajati perlu dirungkaikan. Makna peringkat eksplikatur ini hanya dapat menghuraikan makna pada makna logikal. Untuk makna sebenar ujaran "aduhai malangnya Pak Kaduk, ayamnya menang kampung tergadai", pembaca akan mengaitkan maklumat-maklumat dalam mitos PK dengan isu-isu berkaitan kancah politik Malaysia. Proses mendapatkan andaian yang paling relevan, semestinya melibatkan tugas yang perlu diselesaikan. Bagi menyelesaikan atau menentukan

interpretasi yang sebenar, beberapa tugas khas perlu diselesaikan. Menurut Jalaluddin (2014), bagi menyelesaikan kesiratan makna ini pembaca atau pendengar perlu menyelesaikan ketaksaan, mencari rujukan dan menentukan segala maklumat yang tidak lengkap.


Kesiratan makna yang timbul bagi data ini ialah:

i. Adakah sikap PK yang sanggup menggadaikan segala-galanya demi kepentingan diri sendiri wujud dalam kalangan pemimpin sekarang?
ii. Adakah pemimpin tidak berfikir panjang dalam membuat sesuatu keputusan?
iii. Adakah terdapat hubungan terhadap sikap yang tamak dalam konteks politik sekarang?

Bagi memahami makna implisit ini, menurut Osman dan Jalaluddin (2018) pembaca atau pendengar tidak bergantung pada satu leksikal, ayat malah wacananya, tetapi melibatkan konteks yang jauh petikan makna implisit yang hendak dikaji.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Apabila diteliti dari sudut makna linguistik, pembaca mendapati bahawa makna dalam konteks ujaran ini adalah bersifat implisit. Oleh itu, *ad hoc* peluasan yang digunakan dalam ujaran ini hasil adalah daripada penggunaan bahasa figuratif "simile" iaitu "macam". Bagi menginterpretasikan kerelevanan ujaran ini naratif PK, pembaca seharusnya mempunyai rujukan yang berasal daripada pengetahuan atau pengalaman sedia ada bagi mendapatkan kerelevanan yang optimum. Rangka Rujuk Silang dilakukan bagi memperoleh kesan kognitif berdasarkan ujaran tersebut:



Berikut merupakan andaian yang dibentuk oleh pembaca:

1) Anwar Ibrahim (AI) tertipu/terpedaya dengan permainan politik Tun Mahathir (TM).
2) Strategi AI untuk menggunakan TM memakan diri, kerana TM lebih bijak memanipulasi keadaan.
3) AI kurang sokongan dalam Pakatan Harapan (PH) berbanding TM.

Andaian ini terbentuk oleh pembaca berdasarkan anteseden "Anwar pula, partinya menang, tapi musuhnya yang jadi PM". Untuk meningkatkan kesan kognitif dan merendahkan usaha memproses pembaca, maka konteks dalam TR turut mengambil kira maklumat sejarah (Subet, 2018). Dengan mengambil kira konteks sejarah iaitu hubungan AI dan TM, AI dikatakan pengkritik TM yang lantang. AI menuduh parti politik pimpinan TM merancang untuk menjatuhkan gabungan pemerintah semasa dan membentuk pakatan baharu bagi menafikan peluang AI sebagai Perdana Menteri (Reuters, 2020). Di sebabkan hubungan dingin antara TM dan AI seperti perselisihan faham dan pemecatan AI pada tahun 1998 semasa krisis kewangan Asia. AI mula menubuhkan gerakan Reformasi dan Parti Keadilan Rakyat (PKR). Pada tahun 1999 dan 2015 AI dipenjarakan kerana disabitkan kesalahan rasuah, liwat dan tuduhan ini dipercayai bermotifkan politik (Reuters, 2020).

Tambah Reuters (2020), TM telah membentuk parti baharu (BERSATU) dan menyertai PH. Tahun 2018 pula, TM mengetuai PH dan memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14). Dengan kemenangan ini, TM telah mendapatkan pengampunan diraja dan AI dibebaskan. Berpandukan manifestasi kritikan yang dicerna melalui baris seloka PK iaitu

“kritikan terhadap golongan atasan menggunakan kuasa atau tipu helah untuk memperdayakan orang bawahan” dapat digabungjalinkan dengan maklumat baharu iaitu konteks politik tempatan. Contohnya isu penyerahan kuasa TM (golongan atasan) sebagai PM, kepada AI (golongan bawahan). Meskipun, AI ialah presiden PKR, tetapi kuasa TM sebagai PM adalah lebih tinggi daripadanya. Hajat AI untuk menjadi PM tidak dapat dipenuhi sekali lagi apabila berlakunya peristiwa “langkah Sheraton”.

Rumusan

Oleh itu, pengkaji mendapati manifestasi kritikan terhadap data ini sebenarnya merefleksikan konteks politik tempatan secara implisit. Maka, rumusan makna bagi analisis data ini adalah, pembaca tidak menghadapi kesukaran untuk memproses makna-makna tersebut kerana naratif “aduhai malangnya Pak Kaduk, ayamnya menang kampungnya tergadai” paling kerap diasosiasikan dengan konteks politik tempatan. Dengan dilengkapi maklumat ensiklopedia tentang keadaan ini telah membantu pembaca membuat penggabungan dengan pengetahuan pengalaman, pengamatan dan membuatkan kesan kognitif yang tinggi untuk mentafsir makna naratif tersebut. Berdasarkan TR, dengan adanya kesan kognitif yang tinggi akan membawa kepada usaha memproses yang rendah (Seruddin, 2019). Dengan itu, pembaca akan dengan mudahnya memahami makna ujaran tersebut.

4.2.3 Data 3: Unsur implisit terhadap corak pemakanan PK

Data 3 pula mengisahkan corak pemakanan PK yang juga telah diinterpretasikan dengan TR, RRS dan konsep *ad hoc*. Daripada data yang dikeluarkan melalui naratif ini terdapat implikatur yang cuba disampaikan kepada pembaca. Maka, analisis yang lebih mendalam perlu dilakukan bagi membuktikan terdapatnya implikatur dalam pengisahan ini. Data tersebut adalah seperti yang berikut:

Data 3:

> Telah hari malam, Pak Kadok pun tidurlah kedua laki-isteri. Adapun adat Pak Kadok telah lazim padanya setiap pagi memakan **nasi dingin** yang telah direndam oleh isterinya pada malam itu. Apabila sudah makan nasi yang tersebut itu, baharulah ia pergi barang ke mana-mana membuat kerjanya.
>
> Hatta, setelah keesokan harinya, pagi-pagi Pak Kadok pun bangunlah bersiap memakai pakaiannya, lalu turun memikul pengayuh berjalan menuju ke pangkalan. Serta dilihat oleh isterinya ia pun menyeru akan suaminya, katanya, 'Hai Pak Siti, tidakkah hendak makan nasi rendam ini lagi? Sementangkan nak makan lembu dan kerbau nasi ini ditinggalkan sahajakah?'
>
> Maka sahut Pak Kadok, 'Tak usahlah, curahkan ke tanah, biar dimakan oleh ayam kita." Maka oleh isterinya dengan sebenar nasi itu dibuangkannya ke tanah, dan Pak Kadok pun turun ke perahunya lalu berkayuh.

Data 3 yang dipaparkan memerlukan cara interpretasi yang dibuat oleh pembaca bagi memperoleh kerelevanan yang optimum dalam penceritaan. Kisah ini menyampaikan kritikan terhadap "sikap seseorang (PK) yang membazir dan tidak menghargai pengorbanan isterinya. Malah, PK turut meminta isterinya mencurahkan nasi dingin tersebut untuk dimakan ayam". Dengan menonjolkan elemen "pembaziran" dan "tidak menghargai" telah mendedahkan pengajaran terhadap sikap seseorang yang tidak wajar dicontohi. Data implikatur ini juga diperkuat dengan wujudnya seloka PP, iaitu:

... Ada **nasi** dicurahkan,
Awak pulang kelaparan.

Analisis eksplikatur

Sebelum penghuraian makna dijalankan dengan lebih mendalam, pembaca atau pendengar memerlukan makna eksplikatur terlebih dahulu. Jadual 4.5 menerangkan bentuk bagi eksplikatur "nasi" dan "dingin".

Jadual 4.5: Analisis eksplikatur – bentuk logik data "nasi dingin"

Eksplikatur	**Bentuk Logik**
Nasi	(i) Nasi: Beras yang telah ditanak atau dikukus. (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)
Dingin	(ii) Dingin: Tidak panas (hangat), sejuk; Tidak meriah (sambutan keramaian); Tidak mengambil berat (layanan), tidak mesra; hubungan; Menghilang ~ perselisihan. (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)

Berdasarkan Jadual 4.5, bentuk logik bagi "nasi" dan "dingin" ialah beras yang telah ditanak atau dikukus, tetapi sudah tidak panas atau hangat. Sebagai pengetahuan sedia ada atau pengalaman pendengar, nasi dingin mempunyai kanji tahan tinggi yang lebih selamat dimakan oleh pesakit diabetes. Nasi dingin juga dimanakan sebagai "nasi semalaman". Selaras dengan pendapat Rindi (2023), nasi dingin tidak meningkatkan kandungan gula dalam darah dengan ketara. Kalori dalam nasi dingin adalah kurang 50 hingga 60 peratus berbanding dengan nasi yang hangat. Nasi dingin baik untuk seseorang yang ingin menurunkan berat badan. Namun begitu, pentafsiran makna seharusnya melibatkan makna bukan linguistik, di samping makna linguistik. Maka, analisis TR dilakukan untuk melihat makna implisit dalam penceritaan tersebut.

Analisis implikatur

Dalam analisis TR, kod ditentukan, inferens dibuat dan set andaian dikemukakan dan seterusnya andaian yang paling relevan ditentukan. Beberapa andaian akan dihasilkan oleh pembaca/pendengar. Andaian ini terbina dan seterusnya diproses sebagai permulaan interpretasi. Proses ini akan mengaktifkan maklumat pembaca mengenai leksikal [nasi] dan [dingin] yang dikukuhkan dengan maklumat ensiklopedia pembaca. Menurut Osman dan Jalaluddin (2020), maklumat inilah yang akan mengukuhkan pemahaman pembaca terhadap bentuk logik yang difahami maknanya secara umum sebelum ini. Semakin dekat pembaca dengan latar masa dan persekitaran kognitif pengarang, maka semakin mudahlah proses pengukuhan bentuk logik ini terbina.

Maka, proses pengukuhan adalah seperti yang berikut:

NASI: Maklumat ensiklopedik

a. DARIPADA BERAS.
b. PERLU ADANYA USAHA/PROSES UNTUK MENGHASILKANNYA.*
c. MAKANAN RUJI MASYARAKAT MELAYU.
d. REZEKI.

DINGIN: Maklumat ensiklopedik

a) SUASANA.
b) SEJUK.
c) MENGIGIL.
d) HUBUNGAN.*

Maklumat pendengar adalah untuk mentafsir makna [NASI] dan [DINGIN] masih belum dicapai, kerana mereka sedar, kelakuan PK tidak mencapai tahap relevan yang optimum. Menurut Osman dan Jalaluddin (2018), proses memperkaya eksplikatur dan membekalkan andaian implikatur kepada ujaran yang dienkod perlu dilakukan. Hasil daripada penyesuaian konteks wacana dan kesan kognitif, pembaca telah mengesan bahawa wujudnya unsur implikatur dalam ujaran tersebut.

Pembaca akan membina implikatur dan seterusnya membuat kesimpulan terhadap ujaran yang mempunyai implikatur ini. Pembaca telah mengambil kira proses pemahaman eksplikatur – bentuk logik dan maklumat ensiklopedik supaya implikasi kontekstual [PERLU ADA USAHA/PROSES UNTUK MENGHASILKANNYA] dan [HUBUNGAN] diperoleh. Oleh itu, satu proses pemilihan daripada andaian implikatur akan dilakukan oleh pembaca. Antara andaian implikatur yang dihasilkan adalah seperti yang berikut:


Nasi dan dingin

i. NASI DINGIN MAKANAN HARIAN PK.
ii. NASI DINGIN YANG DITANAK OLEH ISTERI PK KERANA DIA TAHU PK SELALUNYA MAKAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM MEMULAKAN KERJA HARIANNYA.
iii. SIKAP PK YANG MEMBAZIR.
iv. HUBUNGAN DINGIN PK DENGAN ISTERI.*

Interpretasi i. dan ii. adalah bersifat literal dan tidak mengandungi implikatur. Pilihan iii. juga tidak dipilih sebagai makna implikatur kerana pembaca menginterpretasikan andaian implikatur tersebut berdasarkan konteks persekitaran yang wujud dalam Data 3 (baris 10 dan 11), iaitu “Maka sahut Pak Kadok, 'Tak usahlah, curahkan ke tanah, biar dimakan oleh ayam kita." Maka oleh isterinya dengan sebenar nasi itu dibuangkannya ke tanah, ...”. Pilihan iii. turut menunjukkan aktiviti mental yang berbentuk metonimi apabila penulis menyelitkan sikap PK yang membazir.

Walau bagaimanapun, pemilihan ini masih belum diimplikasikan sebagai implikatur. Andaian implikatur iv. dipilih sebagai implikatur yang ingin disampaikan oleh penulis. Andaian ini wujud melalui proses peluasan yang berlaku secara *ad hoc* iaitu, [HUBUNGAN DINGIN PK DENGAN ISTERI]. Jadi berdasarkan konteks ujaran, “nasi dingin” bukanlah bermaksud “beras yang telah ditanak atau dikukus, tetapi sudah tidak panas atau hangat”, tetapi membawa maksud “hubungan dingin” dalam perkahwinan PK dan isteri.

Makna sebenar ini dicapai melalui pemilihan rujukan dan penggayaan yang dilakukan semasa menginterpretasikan data ini. Makna sebenar "nasi dingin" sebagai "hubungan dingin" dikuatkan hasil gabungan maklumat ensiklopedik pembaca seperti yang ada dalam ujaran-ujaran sebelum ini (rujuk Rajah 4.4):



1. Maka kata isterinya, 'Bagaimana awak hendak membuatkan baju dan seluar kertas ini? Jikalau dipakai kelak tentulah carik bertelanjang tengah gelanggang sabungan itu. Bukankah awak malu besar?"

Ujar Pak Kadok, "Tiada mengapa. Buatkan juga lekas-lekas, aku hendak pergi.' Setelah itu isteri Pak Kadok pun segeralah mengambil gunting lalu mengguntingkan seluar dan baju itu **dengan tiada berdaya lagi**.

2. Adapun akan Pak Kadok lari itu tiadalah ia memandang lagi ke kiri ke kanan. Serta ia sampai ke rumahnya seraya terpandang oleh Mak Siti, maka terperanjatlah orang tua itu, seraya berkata, 'Apa kena awak, **Pak Siti, seperti orang gila ini?'**

Maka oleh Pak Kadok dikabarkannyalah daripada awal hingga ke akhirnya. **Serta didengar sahaja oleh isterinya akan hal suami nya itu, ia pun menangislah, kerana mengenangkan untungnya yang malang itu dengan berbagai-bagai sungut leternya akan Pak Kadok oleh kebodohannya itu.**

Rajah 4.4: Contoh ujaran yang berkaitan hubungan dingin PK dengan isteri

Kenyataan di atas dikuatkan dengan makna implikatur "hubungan dingin" PK bersama isterinya kerana pada akhir naratif PK telah membunuh isterinya akibat tidak tahan dengan sindiran isterinya. Naratif tersebut adalah seperti yang berikut:

> Syahadan, apabila dilihat oleh isterinya akan muka suaminya masam dan diam tiada berkata-kata, maka ia pun menyeru akan PK, 'Apakah agak sebab orang pergi memakan lembu dan kerbau masam sahaja? Apa lagi yang kekurangan? Perut sudah kenyang makan daging.
>
> Maka apabila kedengaran pada PK, wah, ia pun naiklah metanya, serta mengambil kayu api lalu berkata, 'Kenyang makan kepada bapa engkau!' Lalu ia memalu kepala isterinya. **Dengan takdir Allah, sungguhpun sekali pukul sahaja, isteri PK pun rebah lalu mati.**

Analisis data "nasi dingin" dengan kancah politik Malaysia

Tafsiran makna implikatur ini belum lengkap, lebih-lebih lagi apabila dikaitkan dengan sikap watak mitos PK ini dalam kancah politik Malaysia. Kenapa terdapat bandingan watak-watak mitos ini seperti PK dengan watak pemimpin Malaysia sedia ada? Di sinilah, analisis makna tersirat sebenar yang dihajati perlu dirungkaikan.

Untuk mentafsir makna sebenar "hubungan dingin", pendengar akan mengaitkan maklumat ini dengan isu-isu berkaitan politik Malaysia. Proses mendapatkan andaian yang paling relevan semestinya melibatkan beberapa tugas yang perlu diselesaikan. Bagi menyelesaikan atau menentukan interpretasi yang sebenar, beberapa tugas khas diperlukan: (1) menyelesaikan ketaksaan, (2) menyelesaikan masalah kekaburan, (3) mencari rujukan dan (4) menentukan segala maklumat yang tidak lengkap (Jalaluddin, 1990). Kekaburan yang timbul bagi data ini ialah:

a) Adakah terdapat hubungan dingin parti politik di Malaysia?
b) Adakah terdapat kesinambungan "nasi dingin" dengan hubungan politik di Malaysia?
c) Adakah terdapat hubungan atau perasaan dingin dalam konteks politik sekarang?

Bagi memahami makna implisit dalam naratif ini, pembaca atau pendengar tidak bergantung pada satu leksikal, ayat atau wacananya. Tetapi, melibatkan konteks yang jauh daripada petikan makna implisit yang dikaji. Contohnya, dalam konteks politik semasa melihatkan ke signifikannya dengan Data 3. Penginterpretasian makna ini diteruskan lagi dengan analisis RRS dan TR.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Menurut Seruddin (2019), analisis RRS dapat membentuk satu andaian berkontekstual baharu, iaitu pangkal fikiran baharu akan dibentuk oleh pendengar tentang rujukan yang dikehendaki apabila rujukan itu tidak nyata secara eksplisit. Maka, rujukan terkini yang digabungjalinkan dengan konteks politik tempatan dapat membuktikan rujukan baharu bagi Data 3 (rujuk Rajah 4.5):



Politik

'Cah keting' gugat akuan bersumpah (SD)?

KOMENTAR

HASNURUL MOHAMED • 26 February 2020 413 2 minutes read

APAKAH 'cah keting' akan menggagalkan parti tertentu dalam kemelut perebutan jawatan nombor satu kerajaan ketika ini, sekali gus berupaya membentuk kerajaan baharu.

Suara Merdeka sukar menjangkakan kerana politik hari ini tidak mudah dianalisis – berubah setiap jam ke jam, tidak lagi tahun ke tahun.

Akuan bersumpah (SD) yang ditandatangani ahli-ahli parlimen pun boleh `diubah-ubah', maka politik harus dibaca dari minit ke minit.

Istilah, waima apa pun mahu disebut, tabiat cah keting pernah disebut Munsyi Abdullah dalam buku catatan pelayarannya 1838.

Rajah 4.5: Perkaitan data "nasi dingin" dengan konteks politik tempatan

Mengambil contoh daripada petikan ini (Mohamed, 2020):

> APAKAH ***‘cah keting’*** akan menggagalkan parti tertentu dalam kemelut perebutan jawatan nombor satu kerajaan ketika ini, sekali gus berupaya membentuk kerajaan baharu.
>
> Suara Merdeka sukar menjangkakan kerana politik hari ini tidak mudah dianalisis – berubah setiap jam ke jam, tidak lagi tahun ke tahun.
>
> Akuan bersumpah (SD) yang ditandatangani ahli-ahli parlimen pun boleh `diubah-ubah’, maka politik harus dibaca dari minit ke minit.
>
> Istilah, waima apa pun mahu disebut, tabiat cah keting pernah disebut Munsyi Abdullah dalam buku catatan pelayarannya 1838.
>
> Iaitu ketua negeri yang dipanggil sultan ketika itu ada menasihatkan rakyatnya (Kelantan) antara lain berbunyi: “Berperanglah (berlumba) kamu untuk mendapatkan sesuatu jawatan.” ***Cah keting*** dalam dialek Kelantan itu sama maksudnya dengan hasad dengki dan cantas mencantas.
>
> Gejala ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu, tetapi bangsa lain. Cuma tindak tanduk atau perlakuannya berbeza walaupun matlamatnya sama – menjatuhkan orang lain dan orang yang dijatuhkan adalah rakan karib atau pernah memberi pelbagai bantuan.
>
> Bagaimanapun, kerana mahukan jawatan, mereka sanggup melakukan apa sahaja seperti ‘enau dalam belukar’ berlumba melepaskan diri untuk mendapatkan cahaya matahari dan sanggup membinasakan enau lain.

Dalam keratan berita ini, data “nasi dingin” dikaitkan dengan seloka PK iaitu “ada nasi dicurahkan, awak pulang kebuluran”. Bagi membantu menginterpretasikan makna data

kajian ini, penulis telah menggunakan retorik pemujukan supaya dapat mengubah pemikiran, pendapat atau pendirian pembaca. Penulis menggunakan frasa "sesekali ambillah teladan dari kisah malang PK "ada nasi dicurahkan, awak pulang kebuluran." ... "Suatu cerita yang turun-temurun sebagai peringatan kepada anak cucu. Namun setakat manakah yang diambil iktibar daripada pesanan leluhur ini?". Penulis telah menggunakan unsur bahasa figuratif, tetapi ia melibatkan hujah yang konkrit dan pejal untuk meyakinkan pembaca (Subet, 2018). Konteks awal yang dibekalkan oleh penulis adalah "cah keting" yang bermaksud "tidak puas hati" atau "hasad dengki". Namun, penulis telah menggunakan dialek Melayu Kelantan dalam tajuk berita tersebut, perkara ini telah meningkatkan usaha memproses pembaca untuk memahami makna sebenar tajuk berita tersebut. Sebagai proses bagi mendapatkan andaian yang paling relevan dengan konteks ujaran, kekaburan frasa "cah keting" yang wujud dalam data ini perlu diselesaikan terlebih dahulu. Rujukan ujaran tersebut adalah seperti berikut:

> APAKAH 'cah keting' akan menggagalkan parti tertentu dalam kemelut perebutan jawatan nombor satu kerajaan ketika ini, sekali gus berupaya membentuk kerajaan baharu.
>
> (Mohamed, 2020)


Anteseden kepada "cah keting", masih tidak dapat ditentukan dalam ujaran secara eksplisit. Oleh itu, pencarian antesedennya perlu dilakukan secara pragmatik. Dalam pemilihan rujukan, RRS membenarkan penggantungan konteks boleh membantu pembaca untuk mencungkil makna yang dihajati. Penulis telah menggunakan persoalan dalam rangkap pertama berita tersebut, kata tanya "apakah" telah menuntut pembaca berfikir sejenak. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016), kata tanya apakah digunakan untuk mengeraskan pertanyaan, ada atau tidak (tiada), keraguan dan kesangsian. Maka, makna ini kurang jelas dalam konteks kerana makna linguistik ini hanya makna pada peringkat permukaan.

Konsep makna “cah keting” harus diperkaya kerana maknanya masih kabur. Dalam ujaran seterusnya ada menyebut “menggagalkan parti tertentu dalam kemelut perebutan jawatan nombor satu kerajaan ketika ini, sekali gus berupaya membentuk kerajaan baharu.”, “Akuan bersumpah (SD) yang ditandatangani ahli-ahli parlimen pun boleh `diubah-ubah’, maka politik harus dibaca dari minit ke minit.”, “Iaitu ketua negeri yang dipanggil sultan ketika itu ada menasihatkan rakyatnya (Kelantan) antara lain berbunyi: “Berperanglah (berlumba) kamu untuk mendapatkan sesuatu jawatan.”, “matlamatnya sama – menjatuhkan orang lain dan orang yang dijatuhkan adalah rakan karib atau pernah memberi pelbagai bantuan” dan “berlumba melepaskan diri”. Setiap ujaran ini telah membawa kepada penggabungan maklumat yang telah terbina pada awal ujaran. Pembaca dapat mengaitkan rasa tidak puas hati atau hasad dengki dalam kalangan ahli politik yang saling bersaing antara satu sama lain demi mendapat kuasa atau jawatan yang tertinggi (Barbara & Leonard, 2017). Hal ini dikatakan demikian kerana mereka sanggup melakukan perkara-perkara yang terlarang dan tidak peduli jika melanggar undang-undang atau memberi kesan buruk kepada orang lain (AwangBesar et al., 2012). Sebagai contoh, akuan bersumpah yang ditandatangani ahli-ahli parlimen mudah untuk diubah- ubah mengikut kepentingan masing-masing. Hal in menunjukkan tiada sikap tulus di dalam hati ahli-ahli parlimen di negara kita.

Pencarian makna implisit ini masih belum selesai, kerana masih terdapat kekaburan bagi data ini, iaitu:

a) Adakah terdapat hubungan dingin parti politik di Malaysia?
b) Adakah terdapat kesinambungan “nasi dingin” dengan hubungan politik di Malaysia?
c) Adakah terdapat hubungan atau perasaan dingin dalam konteks politik sekarang?

Bagi mempertalikan konteks politik tempatan dengan naratif PK, pembaca perlu memiliki rujukan yang berasal daripada pengetahuan dan pengalaman sedia ada untuk mendapatkan relevan yang optimum (Daud & Subet, 2021). Maka, RRS membenarkan penggantungan konteks bagi membantu pendengar mencungkil makna yang dihajati. RRS atau konteks andaian awal akan dibentuk oleh pembaca:



Ujaran ini berupa nasihat, iaitu menasihati ahli-ahli politik supaya penguatkan parti politik masing-masing dengan "roh perjuangan". Menurut Clive (2003) menyatakan bahawa "roh perjuangan" dalam konteks politik seharusnya "kental", "istiqamah", "meningkatkan daya juang" dan "kehendak peribadi". Penulis turut mengajar pembaca supaya mengambil teladan dari kisah PK iaitu "Ada nasi dicurahkan, awak pulang kebuluran". Ini merupakan

anteseden, maka pendengar mampu memahami ujaran dan selanjutnya mengetahui bahawa analisis implikatur "nasi dingin" pada awal kajian ini dirujuksilangkan berdasarkan andaian implikatur seperti yang berikut:

1. Sifat tidak bersyukur.
2. Memilih jalan penyelesaian yang mudah.
3. Sifat tidak pernah cukup dengan apa yang mereka sudah miliki.
4. Sanggup melakukan apa-apa sahaja demi mendapatkan jawatan yang diingini.

Rumusan

Berdasarkan konteks atau andaian yang dianalisis, sebenarnya ujaran ini mempunyai kesan kognitif yang banyak, iaitu dalam kognitif pembaca telah dilengkapi dengan pengetahuan ensiklopedia. Perbuatan "cah keting" sangat berbahaya dalam persekitaran politik kerana Mereka sanggup berpaling tadah demi kemewahan dan kesenangan yang dijanjikan tanpa memikirkan tanggungjawab yang perlu digalas selepas memenangi pilihan raya. Sehubungan dengan itu, usaha untuk memproses ujaran ini rendah, kerana terdapat kesinambungan antara "konteks politik tempatan" dengan data kajian iaitu "nasi dingin". Bertitik tolak daripada konteks tersebut, pembaca secara langsung akan mengetahui "nasi dingin" yang membawa kesimpulan implikatur – "HUBUNGAN DINGIN PK DAN ISTERI" dapat diluaskan dengan "HUBUNGAN DINGIN PARTI POLTIK TEMPATAN".

4.3 Unsur implisit dalam naratif Pak Pandir

Seterusnya, PP dikatakan mewakili sikap sebahagian masyarakat Melayu yang dikatakan mempunyai sikap yang negatif seperti, “sikap mengutamakan orang lain”, “sikap boros dan sanggup gadaikan hartanya”, “sikap tidak sedar akan kelemahan sendiri”, “sikap terlalu mendengar kata pihak lain”, “sikap hidup yang terikat atau terseksa disebabkan oleh pihak lain”, “sikap menanggung masalah diri yang tidak berkesudahan” serta “sikap tidak memberi faedah kepada orang lain”.

Setiap rujukan sikap ini dapat direfleksikan dengan seloka PP dan cerita jenaka PP. Kajian ini memperoleh lapan unsur implisit dalam naratif PP. Unsur ini dapat diekspresikan melalui ujaran implisit yang mengungkapkan makna yang berselindung, namun masih dapat ditafsirkan oleh pendengar. Berikut merupakan data yang dikenal pasti mempunyai ujaran yang mampu menggambarkan makna implisit:

Jadual 4.6: Contoh unsur implisit dalam naratif Pak Pandir

No.	Ujaran Implisit
1.	Tiada berapa lamanya, dengan takdir Allah, **maka kanak-kanak itupun dapat sakit guam, serta dengan demamnya**. Tersangatlah susah hati Mak Andeh, teristimewa pula makan pun tiada berlauk oleh ia pun di dalam pantang lagi. **Maka Mak Andeh meneriak Pak Pandir, katanya, Pergilah awak memancing ke sungai-sungai itu, moga-moga dapat ikan, bolehlah diperbuat lauk.** Aku hendak ma- kan pun tiada lalu, kerana tiada berlauk. Dan aku pun hendak pergi tiada lalu, oleh sakit badanku lagi.' Maka sahut Pak Pandir, **'Aku hendak memancing, apa umpan-nya, Andeh?" Maka jawab isterinya, Tangkaplah belalang rusa itu, umpan- kan pada taut besar kita itu."'** Maka kata Pak Pandir, 'Ya, baiklah, Andeh.' Maka Pak Pandir pun pergilah membawa tali dan taut serta parang sebilah, **lalu berjalan ia masuk ke dalam hutan hendak mencari rusa akan umpan tautnya.** Ada seketika ia berjalan, sam- pailah ia kepada suatu repuh muda. Maka terpandanglah olehnya seekor rusa jantan sedang tertidur dengan terlalu nyedarnya. Ma- ka Pak Pandir pun datanglah perlahan-lahan, lalu diikatnya de- ngan tali tangan dan kaki rusa itu, kemudian dihelanya. Maka rusa itupun terkejutlah jaga lalu bertempik hendak lari, tiadalah dapat lagi oleh sudah dibebatnya seperti lepat. Beberapa pun ia melom- pat dan menghempas menerajang, makin lama semakin letih. Maka oleh Pak Pandir

Sambungan **Jadual 4.6**

	dihelanya juga tiada berhenti, hingga sampai ke tepi sungai berhampiran dengan rumahnya. Maka di situ hen- dak ditahankannya taut itu. Kemudian ia pun menabang sebatang kayu akan baur tautnya itu. Telah sudah lalu dicangkukkannyalah mata taut itu ke belakang rusa itu. Maka rusa itupun menjeritlah oleh kesakitan. Kemudian dicampakkannyalah taut itu ke dalam sungai dan baurnya dipacakkan ke tebing sungai itu. Wah, apatah lagi! Rusa itupun
	menghempas dan berguling-gulinglah oleh kele- masan. Maka Pak Pandir pun pulang ke rumahnya lalu berkata, 'Andeh, nantilah, kalau taut kita dimakan oleh ikan, bolehlah makan lauk.'
2.	Hatta, pada keesokan harinya, kata Mak Andeh kepada Pak Pandir, **'Sekarang jerangkan air ke api. Setelah panas pesam-pesam kuku, mandikanlah anakku ini. Aku hendak pergi mencari ubat budak ini.'** Maka kata Pak Pandir, 'Baiklah, Andeh.' Maka Mak Andeh pun pergilah mencari daun genggayang membuat pupuk kepala anaknya itu. Sepeninggalan Mak Andeh pergi itu, Pak Pandir pun melekat api menjerangkan air di dalam kawah. Ada seketika air itupun panaslah serta menggelegak sedang gelora. **Maka diambilnya anaknya itu, dimasukkannya ke dalam kawah itu, lalu kanak-kanak itu dicelur oleh Pak Pandir yang tongong itu, lalu matilah, menyeringai gusinya serta menggelupaskulitnya. Maka kata Pak Pandir, 'Amboi! Sukanya anakku mandi air panas rupanya." Kemudian lalu diangkatnya budak itu dari dalam kawah, ditimang seraya berkata, 'Hai, suka sangat anakku mandi. Mandilah lagi.' Serta dimasukkannya pula ke dalam kawah itu.** Maka seketika lagi Mak Andeh pun baliklah membawa daun genggayang akan ubat anaknya, langsung naik ke rumah mendapatkan anaknya. Maka dilihatnya tiada anaknya di tempat tidurnya itu. Maka Mak Andeh pun meneriakkan Pak Pandir seraya berkata, "Ke mana perginya anak kita di sini?' Maka sahut Pak Pandir, 'Ini bukankah dia, sedang kumandikan. Cuba juga lihat, terlalu suka dia, Andeh." **Maka Mak Andeh pun segeralah pergi ke dapur melihat anaknya itu. Terpandanglah si anak itu telah terjeringing di dalam kawah yang sedang mendidih airnya dengan gelora sangat itu. Maka Mak Andeh pun mengucap, demikian katanya, 'Astaghfirul lah! Apa mulanya Pak Pandir demikian? Ceh, Pak Pandir sial bedebah tak mahu ditangkap harimau panjang tujuh, buaya panjang sembilan, supaya bangat matinya. Adakah patut air yang seperti ini panasnya itu dicelurkan kanak-kanak! Amboi, gunung payung, intan gemala, urat rambut batu kepala emak, matilah anakku! sampainya hati bapamu membunuh akan dikau!"** Maka berbagai-bagailah bunyi ratap tangis Mak Andeh, lalu dipalunya akan Pak Pandir serta ia mengambil anaknya. Demi didengar oleh Pak Pandir akan kata Mak Andeh anaknya sudah mati itu, baharulah ia menangis serta menghempaskan kepalanya pada segenap bendul dan tiang rumah itu, sepertikan gila lakunya hingga mendatangkan ketakutan pula kepada Mak Andeh melihat- kan kelakuan Pak Pandir itu, kalau-kalau ia mengamuk pula. Ma- ka Mak Andeh pun berkata, Janganlah Pak Pandir tersangat risau- kan kematian anak kita ini. Baiklah awak pergi tanamkan

Sambungan **Jadual 4.6**

	budak ini, balutkan dengan belat ini dahulu, kemudian tanamkan.' Setelah Pak Pandir mendengar perkataan Mak Andeh itu, maka ia pun pergilah membalut anaknya itu dengan belat lalu dipikul- nya, dibawa ke tempat perkuburan. Arakian, telah sampai separuh jalan anaknya itupun terjatuh- lah dari dalam gulungan belat itu, tiada diketahui oleh Pak Pandir. Setelah sampai ke kubur, ia pun mengorek liang lalu ditanamkan- nya belat segulung itu tiada dengan periksanya lagi, lalu ditimbus-nya. Kemudian ia pun berjalan pulang. Apabila ia sampai separuh jalan maka bertemulah ia dengan mayat anaknya yang tertinggal tadi. Maka apabila dilihat oleh Pak Pandir akan mayat itu, maka ia pun berfikir di hatinya, 'Hai, bukanlah aku seorang sahaja yang kematian anak ini, ada pula orang lain yang mati anaknya juga. Serupalah nasibnya dengan untungku ini. Maka ditatapi pula oleh Pak Pandir rupa mayat itu; betul-betul serupa dengan anaknya daripada muka, hidung, sifat tubuhnya sekali, dan perempuan juga. Maka dengan sesaat itu hilanglah du- kacitanya lalu segeralah berlari pulang. Serta sampai ke halaman tangganya ia pun berseru akan perempuannya, katanya, 'Andeh, Andeh! Bukannya kita sahaja yang kematian anak rupanya, orang lain pun ada juga yang mati anaknya perempuan juga dan rupanya pun semacam betul-betul dengan anak kita." Maka sahut Mak Andeh, 'Agaknya anak kita juga tercicir di Etengah jalan dari dalam belat itu kalau awak tidak sedar." Maka kata Pak Pandir, 'Tidak, Andeh. Aku rasa berat yang aku tanamkan tadi." Maka sahut Mak Andeh, 'Baiklah, moh kita lihat pula.' Kata Pak Pandir, "Mohlah, Andeh, aku tunjukkan.' Maka keduanya pun pergilah bersama-sama berjalan. Tiada be- rapa antaranya sampailah kepada mayat anaknya itu. Maka kataPak Pandir kepada Mak Andeh, 'Inilah dia anak orang yang mati tu. Bukankah serupa dengan anak kita, Andeh?" Telah dilihat oleh Mak Andeh, dikenalnyalah akan anaknya. Maka Mak Andeh pun marahlah dengan sumpah seranahnya akan Pak Pandir, lalu diambilnya seraya didukung mayat kanak-kanak itu serta disuruhnya Pak Pandir mengorek belat yang ditanamkan itu. Lalu dibalutkan anaknya, ditanam semula. Setelah sudah ke- duanya pun pulanglah ke rumah dengan dukacitanya, hingga malam hari tiadalah tidur Pak Pandir laki-isteri.
4.	Hatta, pada pagi-pagi esoknya, Pak Pandir pun merapus kerbau lalu disembelihnya. Telah matilah sudah, Pak Pandir pun tampil- lah melapah kerbau itu berdua dengan Mak Andeh. Telah siap, lalu dibawa ke rumah serta dimasaki oleh Mak Andeh segala lauk- lauk dan nasi berpuluh-puluh kawah dan kancah. Setelah mustaid sekaliannya, maka kata Mak Andeh, **Pergilah awak segera menjemput haji dan lebai, kita berkenduri.'** Maka kata Pak Pandir, 'Bagaimana rupa haji dan lebai itu, Andeh?" Maka jawab isterinya, 'Adapun haji itu berserban di atas kepalanya dan lebai itu yang berjanggut-janggut di bawah dagunya itu.' Maka ujar Pak Pandir, 'Baiklah, Andeh.' Maka ia pun mengambil goloknya lalu turun berjalan mencari haji dan lebai yang seperti pesan Mak Andeh itu; masuk hutan rimba keluar ke padang lalu terus ke sebuah kampung orang.

Sambungan **Jadual 4.6**

	Maka dilihat oleh Pak Pandir di sisi kampung itu adalah **beberapa ekor kawan kambing sedang makan rumput.** Semuanya berjanggut. Maka Pak Pandir pun hampirlah kepada kawan kambing itu serta berkata, **'Hai Pak Lebai, Andeh mengajak ke rumah hendak kenduri.'** Maka kambing itupun berbunyilah oleh ketakutan melihat Pak Pandir itu, lalu ia lari tiada berketahuan lagi seraya berbunyi 'Bek! Bek!' Kata Pak Pandir, 'Apa sebabnya Pak Lebai mengata nasi Andeh lembik? Tidak lembik, keraslah betul." Maka kambing itupun lari juga hendak pulang ke kampung. Maka kata Pak Pandir, 'Aku itulah yang terlalu panas rasa hatiku. Andeh sudah penat bertanak nasi dikatanya pula nasi lembik.' Maka Pak Pandir pun berselampitkan kainnya lalu berlari mengejar kawan kambing itu dengan bersungguh-sungguh hatinya serta ditangkapnya. Dapat seekor bapa kambing jantan, langsung dipukul dibawanya pulang.
5.	Andel Jawab Pak Pandir, 'Nah, ambillah wang, diberi oleh Andeh dua rial ini.' Lalu diletakkan di hadapan orang itu. Maka dibubuhkan Seoranglah hampa beratnya itu ke dalam karung Pak Pandir dan wang itupun diterimalah oleh tuan padi itu. Maka Pak Pandir pun odoh memikul hampa padi itu dibawanya pulang. Maka pada pertengahan jalan itu bertemulah ia dengan suatu **sungai**, kerana pulang itu jalan yang lain diikut oleh Pak Pandir. Dilihatnya terlalu banyak semut meniti pada suatu **ranting kayu** yang kecil menyeberang sungai itu. Maka **Pak Pandir** pun hendak menyeberang juga dan titian yang lain pun tiada. Kemudian fikir Pak Pandir, 'Sedangkan **semut** ini yang beribu-ribu lagi tahan me- lalui dari atas kayu ini, apatah pula aku yang seorang. Karung hampa inipun bukan berapa beratnya. Kalau begitu, baiklah aku meniti bersama semut ini.' Setelah itu, Pak Pandir pun menitilah. Apabila dipijaknya saha- ja ranting itupun patahlah, tiada bertangguh lagi. Pak Pandir pun jatuhlah ke dalam air bersama-sama dengan karung padi itu, le- nyap sekali. Telah dirasai oleh Pak Pandir dirinya terjatuh itu, ia pun berenanglah naik ke darat dengan basahnya dan karung itu. pun hanyutlah ke hilir, dipandang sahaja oleh Pak Pandir, hendak diambilnya sudah jauh. Kemudian ia pun mengharung air sungai itu lalu pulang ke rumahnya dengan menggeletar oleh kesejukan.
6.	Maka dibawa oleh baginda, diserahkan ke- pada inang pengasuh Tuan Puteri, disuruh **sintuk limau, bedak langir** akan Raja Mambang itu. Telah sudah lalu diakad-nikahkan oleh baginda sendiri dengan anakanda **baginda Tuan Puteri Dang Lela di dalam gelap buta itu juga, kerana Raja Mambang ini tiada boleh dikenai oleh sinar api.** Telah sudah kawin lalu dibawa ma- suk ke dalam pelaminan. Maka Tuan Puteri pun lari keluar duduk bersama-sama dengan inang pengasuhnya. Beberapa dipujuk oleh inang dan dayang tiada juga Tuan Puteri mahu masuk beradu dengan Raja Mambang itu. Hatta, selang tiada berapa lamanya hari pun siang, hujan turun rintik-rintik. Maka Pak Pandir pun bersandarlah kepada bantal besar sambil merungut perlahan-lahan. Maka Pak Pandir pun bersandarlah kepada bantal besar sambil merungut perlahan-lahan. Katanya, **'Aduhai, 'ujan 'atang ini, 'alau ada Andeh 'akar isang alangkah sedap 'ulutku.'** Makin lama hujan itupun bertambah lebatnya; demikian juga ru- ngut Pak Pandir.

4.3.1 Data 1: Unsur implisit dalam naratif Pak Pandir membunuh anaknya

Kajian ini mengemukakan analisis Data 1 yang berkaitan dengan pengisahan PP membunuh anaknya. Data 1 ini akan diinterpretasikan dengan TR, RRS dan konsep *ad hoc.* Daripada data yang dikeluarkan, kematian anak PP itu sebenarnya mengandungi implikatur atau makna tersirat yang cuba disampaikan oleh penulis kepada pembaca.

Maka, analisis yang lebih mendalam perlu dilakukan bagi merungkai implikatur dalam pengisahan ini. Data tersebut adalah seperti yang berikut:

Data 1:

> Hatta, pada keesokan harinya, kata Mak Andeh kepada Pak Pandir, 'Sekarang jerangkan air ke api. Setelah panas pesam-pesam kuku, mandikanlah **anak**ku ini. Aku hendak pergi mencari ubat budak ini.' Maka kata Pak Pandir, 'Baiklah, Andeh.'
>
> Maka Mak Andeh pun pergilah mencari daun genggayang membuat pupuk kepala anaknya itu. Sepeninggalan Mak Andeh pergi itu, Pak Pandir pun melekat api menjerangkan air di dalam **kawah**. Ada seketika air itupun panaslah serta menggelegak sedang gelora. Maka diambilnya anaknya itu, dimasukkannya ke dalam kawah itu, lalu kanak-kanak itu dicelur oleh Pak Pandir yang tongong itu, lalu matilah, menyeringai gusinya serta menggelupaskulitnya. Maka kata Pak Pandir, 'Amboi! Sukanya anakku mandi **air panas** rupanya." Kemudian lalu diangkatnya budak itu dari dalam kawah, ditimang seraya berkata, 'Hai, suka sangat anakku mandi. Mandilah lagi.' Serta dimasukkannya pula ke dalam **kawah** itu.

Selaras dengan pandangan Jalaluddin (1990), yang menyatakan bahawa sesuatu ujaran yang mempunyai makna tersirat seharusnya dicari makna sebenar di sebalik yang tersurat. Oleh itu, data "anak", "air panas" dan "kawah" pada makna harfiahnya yang dikemukakan berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016) akan dianalisis pada peringkat analisis eksplikatur. Makna pada peringkat semantik mudah diperoleh kerana makna ini dapat diperoleh daripada kamus.

Analisis eksplikatur

Berdasarkan Data 1, leksikal “anak”, “air panas” dan “kawah” akan dianalisis makna dan interpretasinya. Pengarang menggunakan unsur-unsur kekeluargaan iaitu “anak” dan peralatan rumah seperti “air panas” dan “kawah” bagi menyampaikan metaforanya. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Melayu tradisional sangat akrab dengan alam sekelilingnya (Osman & Jalaluddin, 2022). Analisis dimulakan dengan analisis eksplikatur supaya pengkaji memperoleh makna eksplikatur yang tepat berdasarkan pemahaman bentuk logik. Walau bagaimanapun, makna yang dikeluarkan dalam proses ini hanyalah makna berbentuk literal.

Jadual 4.7: Analisis eksplikatur – bentuk logik data “anak”, “air panas” dan “kawah”

Eksplikatur	**Bentuk Logik**
Anak	**(i) Anak:** Baka yang diturunkan oleh ibu dan bapa; keturunan. 2 Manusia yang masih kecil. 3 binatang atau pokok yang masih kecil. (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)
Air Panas	**(ii) Air Panas:** Air yang dimasak (dihangatkan). (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)
Kawah	**(iii) Kawah:** Sejenis kuali besar; mulut gunung berapi, lubang kepundan. (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)

Ujaran bagi setiap leksikal ini diambil daripada perbualan PP dengan isterinya adalah seperti berikut:

Data 1(a)

> Hatta, pada keesokan harinya, kata Mak Andeh kepada Pak Pandir, 'Sekarang jerangkan air ke api. Setelah panas pesam-pesam kuku, mandikanlah **anak**ku ini. Aku hendak pergi mencari ubat budak ini.' Maka kata Pak Pandir, 'Baiklah, Andeh.'

Berdasarkan data 1(a), bayi atau anak PP dan Mak Andeh telah jatuh sakit. Hal ini telah menyebabkan Mak Andeh sangat risau dan mengalami kesulitan untuk mencari makanan. Pada suatu hari, Mak Andeh memberitahu PP untuk memanaskan air di kawah kerana akan memandikan anak mereka. Pak Pandir yang hanya menurut perintah mak Andeh untuk menjerang air bagi memandikan anaknya kemudian setelah air itu suam. Namun begitu, menurut Winstedt (1969), PP dapat digambarkan kebodohannya dengan tidak menggunakan otak fikirannya. Perkara ini dapat dikuatkan dengan data 1(b) dan 1(c) seperti berikut:

Data 1(b) dan 1(c)

> Maka Mak Andeh pun pergilah mencari daun genggayang membuat pupuk kepala anaknya itu. Sepeninggalan Mak Andeh pergi itu, Pak Pandir pun melekat api menjerangkan air di dalam **kawah**. Ada seketika air itupun panaslah serta menggelegak sedang gelora. Maka diambilnya anaknya itu, dimasukkannya ke dalam kawah itu, lalu kanak-kanak itu dicelur oleh Pak Pandir yang tongong itu, lalu matilah, menyeringai gusinya serta menggelupas kulitnya. Maka kata Pak Pandir, 'Amboi! Sukanya anakku mandi **air panas** rupanya." Kemudian lalu diangkatnya budak itu dari dalam kawah, ditimang seraya berkata, 'Hai, suka sangat anakku mandi. Mandilah lagi.' Serta dimasukkannya pula ke dalam **kawah** itu.

Seterusnya, Mak Andeh telah keluar ke hutan untuk mencari daun genggayang untuk diletakkan di kepala anaknya. Manakala, air yang dijerang oleh PP telah menggelegak, PP kemudian memandikan anaknya bersama dengan air yang menggelegak itu. Di sebabkan oleh air yang panas itu, anak PP telah mati serta-merta. Dalam masa yang sama PP telah menganggap anaknya suka akan mandi air panas, "*'Hai, suka sangat anakku mandi. Mandilah lagi.' Serta dimasukkannya pula ke dalam kawah itu*.". Perkara ini telah menimbulkan persoalan dalam kalangan pembaca. "Kenapakah penulis menulis sesuatu naratif yang kejam atau di luar pemikiran manusia, maka bentuk logik yang diperoleh berdasarkan eksplikatur dalam ujaran tersebut, apabila dibantu dengan maklumat

ensiklopedik akan memacu pemahaman eksplisit pembaca terhadap leksikal [ANAK], [AIR PANAS] dan [KAWAH]. Oleh itu, langkah analisis seterusnya dilaksanakan iaitu analisis peringkat ensiklopedik untuk mengesan implikatur dalam ujaran berimplisit dalam Data 1 ini.

Analisis implikatur

Seterusnya, proses pengukuhan bentuk logik diperlukan bagi analisis implikatur ini, maka maklumat ensiklopedik bagi leksikal "anak", "air panas" dan "kawah" dilihat. Kajian ini mendapati bahawa makna linguistik yang dikemukakan bagi ketiga-tiga data ini bukanlah makna sebenar yang hendak disampaikan oleh penulis. Hal ini dikatakan demikian kerana makna linguistiknya tidak selaras dengan konteks ujaran. Maka, andaian-andaian terhadap data ini perlu menjalani proses pengukuhan seperti yang berikut:

ANAK: Maklumat ensiklopedik

a. HASIL PENYATUAN BENIH LELAKI DAN PEREMPUAN
b. ADA JANTINA (LELAKI ATAU PEREMPUAN)
c. WARISAN
d. PERTALIAN DARAH
e. IKATAN YANG KUAT
f. SUKAR TERPUTUS HUBUNGAN

AIR PANAS: Maklumat ensiklopedik

a. MELECUR
b. TAKAT DIDIH 100°C
c. MENGGELEGAK
d. DAPAT MEMATIKAN KUMAN
e. PERASAAN TIDAK TENANG
f. PERASAAN MARAH
g. PERASAAN GELISAH

KAWAH: Maklumat ensiklopedik

a. DIPERBUAT DARIPADA LOGAM TEBAL
b. KELULI TAHAN API
c. DIGUNAKAN UNTUK MEMASAK DENGAN BANYAK
d. KENDURI
e. MAKANAN PERCUMA
f. DALAM

g. BANYAK
h. PERKONGSIAN
i. PENYATUAN

Andaian-andaian yang dikeluarkan pada peringkat ensiklopedik akan muncul dalam minda pembaca atau pendengar secara pantas (Wong, 2016). Tambah Jumingan (2009), secara pantas juga, pembaca sasaran akan membuat proses deduksi terhadap set andaian tersebut bagi mencari kerelevanan yang paling optimum, iaitu andaian yang paling tepat maksudnya. Hasil daripada penyesuaian konteks wacana dan kesan kognitif, pembaca telah mengesan bahawa wujudnya unsur implikatur dalam ujaran tersebut. Maka, pembaca akan membina implikatur dan seterusnya membuat kesimpulan terhadap ujaran yang mempunyai implikatur ini. Pembaca telah mengambil kira proses pemahaman eksplikatur – bentuk logik dan maklumat ensiklopedik supaya implikasi kontekstual diperoleh. Antara andaian implikatur yang dihasilkan adalah seperti yang berikut:

Anak, air panas, dan kawah

(i) PP MANDIKAN ANAKNYA DI DALAM KAWAH YANG MENDIDIH AIRNYA
(ii) AIR PANAS DI DALAM KAWAH MENAMATKAN NYAWA ANAK PP
(iii) TIDAK MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB YANG SEBETULNYA SEHINGGA MENYEBABKAN KEMATIAN*

Menurut TR, secara umumnya interpretasi setiap ujaran berdasarkan sasaran terarah (Osman & Jalaluddin, 2016). Oleh itu, tafsiran secara literal seperti dalam (i) didapati tidak menyampaikan makna implisit yang hendak dikeluarkan oleh pengarang. Pilihan (ii) merupakan kesan kognitif kepada tafsiran (i) kerana secara konsep asas fizikal yang lahir daripada eksplikatur [ANAK], [AIR PANAS] dan [KAWAH], iaitu seorang bayi tentu akan mati jika dimandikan dengan air panas yang suhunya melebihi 90°C. Oleh yang demikian, andaian (iii) ini difahami sebagai implikatur yang ingin disampaikan. Andaian ini tidak akan

datang secara tersedia dalam ujaran “anak”, “air panas” dan “kawah”, tetapi andaian ini wujud melalui proses peluasan yang berlaku dalam *ad hoc* hasil gabungan maklumat ensiklopedik pembaca seperti dalam analisis implikatur pada awal analisis ini. Hasil daripada andaian implikatur yang dikeluarkan (iii), kajian ini mendapati bahawa frasa “sehingga menyebabkan kematian” adalah bersifat taksa. Hal ini telah mendorong interpretasi secara *ad hoc* berlaku dengan mudah. Ujaran *anak*, *air panas* dan *kawah* dienkod atau dirumuskan kepada makna yang lebih luas, iaitu sikap seseorang yang tidak menjalankan tanggungjawab yang sebetulnya sehingga menyebabkan kematian. Maka, kesimpulan daripada implikatur ini ialah pengarang sebenarnya mengkritik seseorang seharusnya menjalankan tanggungjawab yang sebaiknya ketika diberikan tugasan.

Analisis data anak, air panas, dan kawah dengan kancah politik Malaysia

Pengkaji mendapati ada antara naratif ini dengan konteks politik tempatan. Seterusnya, pengkaji mengaitkan naratif PP dengan sikap pemimpin politik. Pengkaji berpendapat, tafsiran makna implikatur sebentar tadi masih belum cukup, lebih-lebih lagi apabila dikaitkan dengan sikap watak mitos PP ini dengan kancah politik Malaysia. Terdapat juga berita yang mengaitkan politik ‘Pak Pandir’ (Rujuk Rajah 4.6).

Berita tersebut memberi penekanan kepada ketidaklogikan dan kekeliruan yang disebabkan oleh keputusan-keputusan SPR. Dengan membandingkan PP dan konteks politik tempatan perkara ini dapat merujuk Winstedt (1969), yang menyatakan kebodohan PP adalah dengan tidak menggunakan otak fikirannya. Perkara ini dikaitkan dengan sikap watak kekurangan ketegasan ejen politik alam menghadapi isu-isu politik yang penting.



Rajah 4.6: Contoh berita politik yang mengaitkan naratif Pak Pandir

PP yang sering terjebak dalam situasi kelam-kabut, maka penulis telah merefleksikan SPR terlihat ragu-ragu atau tidak efektif mengatasi persoalan politik yang kompleks. Mereka dilihat lalai daripada mengambil langkah-langkah yang tegas untuk menjawab persoalan dari pihak lain semata-mata untuk melepas diri sendiri dan tindakan ini semestinya tidak menjamin keadilan dan integriti dalam proses pilihan raya. Berita politik sering kali melibatkan keputusan dan respons daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), yang bertanggungjawab untuk melaksanakan dan mengawasi proses pilihan raya di dalam negara. Dalam konteks ini, perumpamaan dengan karakter Pak Pandir dapat memberikan gambaran tentang rumusan naratif mengenai jawapan SPR terhadap berita politik PP dikenal sebagai tokoh yang naif, kurang berpengetahuan, dan sering kali membuat keputusan atau tindakan yang tidak masuk akal.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Seterusnya, bagaimanakah politik PP ini sebagai suatu kritikan dapat disimpulkan? Mengambil contoh daripada petikan ini (Redzuan, 2011):

> KUALA LUMPUR, 15 Ogos: PAS kesal dengan sikap lepas tangan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof baru- baru ini yang menyatakan "tiada daftar pemilih yang bersih di dunia ini" sebagai jawapan kepada pelbagai kelemahan yang dibongkar oleh PAS dalam daftar pemilih negara. "Jawapan ini mengingatkan kita kepada kisah **Pak Pandir** yang menyatakan ***"**bukan anak kita je mati, anak orang lain mati jugak.***
>
> "Kenyataan ini jelas menggambarkan sikap sebenar SPR, yang tiada niat langsung untuk memihak kepada rakyat untuk bersungguh-sungguh membersihkan daftar pemilih yang ada," bidas Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man dalam satu kenyataannya hari ini. Setelah diasak bertubi-tubi dengan pelbagai bukti kelemahan dalam daftar pemilih negara, SPR, yang telah berkeras kepala dalam menafikan kelemahannya selama ini akhirnya terpaksa membuat pusingan U dan mengakui bahawa mereka sedar ada kelemahan dalam daftar pemilih negara. Namun begitu, pengakuan SPR tidak ikhlas apabila Abdul Aziz sekadar menyalahkan "kesilapan teknikal yang berlaku semasa proses pendataan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)"...

Dalam berita politik ini, jika makna ayat "*Jawapan ini mengingatkan kita kepada kisah Pak Pandir yang menyatakan "bukan anak kita je mati, anak orang lain mati jugak.*"

diterangkan pada peringkat semantik akan membawa makna PP sanggup mengabaikan anaknya sendiri, malah menyakitinya sehingga menyebabkan kematian. Kisah PP yang tidak sengaja membunuh anaknya kerana penerimaan arahan yang berbunyi, "Sekarang jerangkan air ke api. Setelah panas pesam-pesam kuku, mandikanlah anakku ini", dari Mak Andeh (Yahya, 1973). Namun, Pak Pandir tidak memahami frasa 'pesam-pesam kuku' yang dimaksudnya lalu memasukkan anaknya ke dalam air yang panas mendidih sehingga mati (Rusli, 2018). Bukan sahaja itu, dia memujuk Mak Andeh yang sedih kerana kematian anaknya dengan memberitahu isterinya itu bahawa bukan mereka sahaja yang kematian anak, orang lain juga ada yang anaknya mati. Menurut Boyman dan Jawan (2020), situasi ini menggambarkan bahasa politik yang sering digunakan untuk menutup kesalahan atau kesilapan yang dibuat oleh sesuatu parti bukan dengan cara memohon maaf. Dalam masa yang sama dengan cara mengambil kesalahan parti lain mereka menganggap pengundi boleh melupakan kesalahan itu.

Namun, sebagai masyarakat yang bijak kita perlulah bertindak seperti Mak Andeh yang pergi ke tempat Pak Pandir menemukan mayat 'anak orang lain' seperti yang dimaksudnya. Setibanya mereka di situ, Mak Andeh mendapati bahawa pernyataan Pak Pandir itu salah kerana jenazah itu merupakan anak mereka yang tercicir (Yahya, 1973). Justeru, kita sebagai rakyat wajarlah bertindak mengikut refleks yang betul dengan memastikan kebenaran sesuatu perkara.

Penulisan berita ini telah mengalami peningkatan makna, iaitu meningkat ke tahap yang serius. Hal ini dikatakan demikian kerana penulis telah menggunakan frasa-frasa seperti ""*sikap lepas tangan*", "*tiada daftar pemilih yang bersih di dunia ini*", "*jawapan kepada pelbagai kelemahan*", "*tiada niat langsung untuk memihak kepada rakyat*", "*membersihkan daftar pemilih yang ada*", "*menafikan kelemahannya*", "*tidak ikhlas*" dan

"*sekadar menyalahkan kesilapan teknikal yang berlaku semasa proses pendataan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)*". Frasa-frasa ini telah membawa refleksi makna atau sikap yang negatif.

Kelakuan yang negatif ini tentu sahaja ada rakyat yang menderita dengan keputusan tersebut. Sebagai contoh, keputusan SPR yang tidak rasional telah mengejutkan dan menimbulkan kekeliruan kepada orang awam (Redzuan, 2011). Rakyat Malaysia merasakan bahawa SPR seharusnya memiliki kebijaksanaan dan kesedaran yang lebih tinggi untuk membuat keputusan yang jelas dan logik. Hal ini akan mengekalkan integriti proses pilihan raya. Namun begitu, keputusan SPR yang telah menimbulkan kontroversi seperti, pemilih terdaftar yang tidak dapat mengundi walaupun dengan bukti identiti yang sah. Hal yang demikian ini menyebabkan ketidakadilan dalam proses pilihan raya apabila seseorang yang sepatutnya dapat menjalankan tanggungjawab mengundi seperti biasa tidak melakukan sedemikian (Crano, 1997).

Watak PP seperti naif, kurang berpengetahuan, dan sering kali membuat keputusan atau tindakan yang tidak masuk akal dapat diasosiasikan dengan konteks politik tempatan (Rusli, 2018). Pembaca akan mengetahui makna ujaran ini berdasarkan anteseden-anteseden "*sikap lepas tangan*", "*tiada daftar pemilih yang bersih di dunia ini*", "*jawapan kepada pelbagai kelemahan*", "*tiada niat langsung untuk memihak kepada rakyat*", "*membersihkan daftar pemilih yang ada*", "*menafikan kelemahannya*", "*tidak ikhlas*" dan "*sekadar menyalahkan kesilapan teknikal yang berlaku semasa proses pendataan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)*". Dengan itu, berdasarkan RRS (Kempson, 1986) pembaca akan membentuk andaian-andaian seperti yang berikut:

1. Jawapan SPR terhadap isu berkaitan pilihan raya mengandungi kelemahan atau kelalaian.

2. Keputusan terkini SPR mengundang kontroversi sehingga menimbulkan kritikan tajam daripada pelbagai pihak.
3. Keputusan SPR yang tidak rasional telah mengejutkan dan menimbulkan kekeliruan kepada orang awam dan penganalisis politik.
4. Rakyat Malaysia merasakan bahawa SPR seharusnya memiliki kebijaksanaan dan kesedaran yang lebih tinggi untuk membuat keputusan yang jelas dan logik bagi mengekalkan integriti proses pilihan raya.

Rumusan

Ujaran ini telah mencapai tahap relevan yang optimum kerana terdapat pembentukan kesan kognitif melalui proses penguatan. Penguatan maklumat ialah proses apabila andaian awal pendengar dapat dikuatkan dengan maklumat baharu yang diperoleh (Jalaluddin, 2003). Maklumat tersebut adalah yang disahkan betul dan membentuk kesan kognitif yang baik dan berguna sehingga dapat membantu pendengar mengintrepetasikan makna ujaran yang sebenar. Dalam hal ini, kancah politik tempatan dapat dirujuksilangkan dengan naratif PP. Kesinambungan jenaka Pak Pandir membunuh anak dengan konteks politik keputusan SPR yang menimbulkan kontroversi adalah sebagai analogi untuk menggambarkan ketidakadilan dalam proses pemilihan raya yang melibatkan pemilih terdaftar yang tidak dapat mengundi walaupun dengan bukti identiti yang sah.

Dalam cerita jenaka PP kelakuannya tidak masuk akal kerana membunuh anaknya secara tidak sengaja disebabkan salah faham atau keliru dengan arahan isterinya (Puteh & Said, 2008). Konsep "membunuh" ini telah merefleksikan pengundi berdaftar yang tidak dapat mengundi meskipun memiliki identiti yang sah. Perkara ini menyebabkan ketidakadilan dalam proses pemilihan raya. Tindakan ini sememangnya tidak masuk akal dan bertentangan dengan prinsip dasar demokrasi kerana telah menepikan hak setiap

warganegara untuk terlibat dalam proses pemilihan raya. Ketidakmampuan pengundi yang mendaftar untuk menggunakan suara pendapat supaya dapat menghasilkan ketidakadilan dalam proses pemilihan raya, ketidapercayaan pada politik dan merosakkan integriti proses demokrasi secara keseluruhan.

Menurut Firmansuah (2013) dalam konteks politik, ketidakmampuan pemilih terdaftar untuk mengundi dapat disebabkan oleh berbagai faktor, seperti (i) kesalahan pengurusan, (ii) kegagalan teknik atau (iii) kebijaksanaan yang membatasi peluang pemilih. Ketidakadilan seperti ini dapat mempengaruhi hasil pemilihan dengan membatasi penyertaan masyarakat. Dalam pada itu, amatlah penting hak pengundi dalam SPR, supaya mereka memiliki kesempatan yang adil dalam menyuarakan dan hak mereka dalam memilih pemimpin mereka. Perkara ini akan melibatkan keupayaan untuk membaiki dan mengurangkan ketirisan dalam keadaan politik tempatan (Khozin, 2013). Rumusannya, daripada segi usaha memproses, berdasarkan TR jika kesan kognitif tinggi, maka secara langsung usaha memproses ujaran menjadi rendah. Oleh itu, pembaca tidak susah untuk mentafsirkan naratif PP membunuh anaknya dengan konteks politik di Malaysia.

4.3.2 Data 2: Unsur implisit dalam naratif PP menjemput lebai hadir ke kenduri

Kajian ini mengemukakan analisis Data 2 yang berkaitan dengan pengisahan PP menjemput lebai hadir ke kenduri. Data 2 ini akan diinterpretasikan dengan TR, RRS dan konsep *ad hoc.* Daripada data yang dikeluarkan, naratif PP menjemput lebai hadir ke kenduri telah menunjukkan konsep pemikiran lurusnya. Dengan itu, konsep seperti ini perlu diterokai kerana mengandungi implikatur atau makna tersirat yang cuba disampaikan oleh penulis kepada pembaca. Maka, analisis yang lebih mendalam perlu dilakukan bagi merungkai implikatur dalam pengisahan ini. Data tersebut adalah seperti yang berikut:

Data 2:

Hatta, pada pagi-pagi esoknya, Pak Pandir pun merapus kerbau lalu disembelihnya. Telah matilah sudah, Pak Pandir pun tampil- lah melapah kerbau itu berdua dengan Mak Andeh. Telah siap, lalu dibawa ke rumah serta dimasaki oleh Mak Andeh segala lauk- lauk dan nasi berpuluh-puluh kawah dan kancah. Setelah mustaid sekaliannya, maka kata Mak Andeh, **Pergilah awak segera menjemput haji dan lebai, kita berkenduri.'** Maka kata Pak Pandir, 'Bagaimana rupa haji dan lebai itu, Andeh?"

Maka jawab isterinya, 'Adapun haji itu berserban di atas kepalanya dan lebai itu yang berjanggut-janggut di bawah dagunya itu.' Maka ujar Pak Pandir, 'Baiklah, Andeh.'

Maka ia pun mengambil goloknya lalu turun berjalan mencari haji dan lebai yang seperti pesan Mak Andeh itu; masuk hutan rimba keluar ke padang lalu terus ke sebuah kampung orang.

Berdasarkan Data 2, Mak Andeh yang ingin membuat kenduri dan telah meminta PP untuk mengajak Pak Haji dan Pak Lebai hadir ke kenduri mereka. Melalui ujaran ini, "*Pergilah awak segera menjemput haji dan lebai, kita berkenduri*.". Walau bagaimanapun, PP tidak mengenali haji dan lebai. Maka, PP bertanyakan bagaimana rupa Pak Haji dan Pak Lebai. Mak Andeh memberitahu cari yang memakai serban putih dan yang mempunyai janggut panjang ialah Pak Haji dan Pak Lebai. Dalam data ini, penulis telah memperkenalkan watak sampingan iaitu "Pak Lebai" dan "Pak Haji". Perkara ini bagi merefleksikan naratif PP bukan kisah jenaka kosong, tetapi kisah ini sebenarnya mendedahkan cara pemikiran PP yang lurus. Di sini pembaca dapat melihat bahawa pemikiran PP mentafsir sesuatu perkara secara lurus dan tidak berfikir panjang (Desa et al., 2017). Naratif ini diteruskan dengan maklumat tambahan Data 2(a):

Data 2(a):

Maka dilihat oleh Pak Pandir di sisi kampung itu adalah **beberapa ekor kawan kambing sedang makan rumput.** Semuanya berjanggut. Maka Pak Pandir pun hampirlah kepada kawan kambing itu serta berkata, **'Hai Pak Lebai, Andeh mengajak ke rumah hendak kenduri.**'

Maka kambing itupun berbunyilah oleh ketakutan melihat Pak Pandir itu, lalu ia lari tiada berketahuan lagi seraya berbunyi 'Bek! Bek!' Kata Pak Pandir, 'Apa sebabnya

Pak Lebai mengata nasi Andeh lembik? Tidak lembik, keraslah betul." Maka kambing itupun lari juga hendak pulang ke kampung.

Maka kata Pak Pandir, 'Aku itulah yang terlalu panas rasa hatiku. Andeh sudah penat bertanak nasi dikatanya pula nasi lembik.' Maka Pak Pandir pun berselampitkan kainnya lalu berlari mengejar kawan kambing itu dengan bersungguh-sungguh hatinya serta ditangkapnya. Dapat seekor bapa kambing jantan, langsung dipukul dibawanya pulang.

Analisis eksplikatur

Dalam kajian ini, data yang dianalisis melangkaui tahap leksikal, kerana leksikal tersebut tidak dapat berdiri sendiri dan tidak akan dapat difahami jika tidak dianalisis dalam bentuk frasa seperti teks cerita jenaka PP ini. Maka, analisis akan bermula dengan menyingkap makna eksplikatur pada lajur pertama analisis data "lebai" dan "kambing".

Jadual 4.8: Analisis eksplikatur – bentuk logik data "lebai" dan "kambing"

Eksplikatur	**Bentuk Logik**
Lebai	**(i) Lebai:** Orang yang tahu tentang agama; orang yang mengerjakan sesuatu yang bersangkutan dengan agama Islam; Gelaran bagi orang yang mengetahui hal-hal agama atau orang yang taat kepada agama. (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)
Kambing	**(ii) Kambing:** Sejenis binatang mamalia seperti domba atau biri-biri; nama saintifik *Caprocornis sumatraensis*. (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)

Proses ini dimulakan dengan pemahaman bentuk logik seperti yang dapat dilihat pada lajur kedua. Tambah Osman dan Jalaluddin (2018) hal ini selaras dengan skop semantik yang terhad pada makna ujaran yang diujarkan. Pada tahap ini makna "lebai" dan "kambing" hanya ditafsirkan sebagai sesuatu yang konkrit.

Analisis implikatur

Seterusnya, dalam ujaran ini:

Maka dilihat oleh Pak Pandir di sisi kampung itu adalah beberapa ekor kawan ***kambing*** sedang makan rumput. Semuanya berjanggut. Maka Pak Pandir pun hampirlah kepada kawan kambing itu serta berkata, 'Hai ***Pak Lebai***, Andeh mengajak ke rumah hendak kenduri.'

Melalui ujaran ini telah mengaktifkan maklumat pembaca tentang leksikal [KAMBING] dan [LEBAI], iaitu bentuk logik yang kemudiannya dikukuhkan dengan maklumat ensiklopedik pembaca. Proses pengukuhan maklumat ensiklopedik ini dipamerkan seperti yang berikut:

KAMBING: Maklumat ensiklopedik

a. SEJENIS BINTANG MAMALIA
b. BERBULU
c. TAKUT AKAN AIR
d. DAGINGNYA BOLEH DI MAKAN
e. PERAGUT
f. HUKUMAN
g. TINGKAH LAKU
h. SIA-SIA
i. KETAKUTAN

LEBAI: Maklumat ensiklopedik

a. GELARAN
b. ORANG BERAGAMA
c. ORANG YANG MENGERJAKAN SESUATU AGAMA ISLAM
d. BERILMU
e. BERBUDI
f. STATUS

Setelah melalui dua proses ini, masih terdapat kekaburan pada ujaran tersebut kerana makna yang dijana secara eksplisit masih tidak mencapai tahap relevan pada fikiran pembaca (Jalaluddin, 2014). Seterusnya, konteks pemula juga berlaku dengan proses pengembangan konteks dengan melihat ujaran terdahulu bagi membimbing pembaca kepada kerelevanan

teks. Hasil penyesuaian maklumat ensiklopedik dan kesan kognitif, pembaca telah sedar bahawa adanya unsur implikatur dalam ujaran ini (Subet, 2018).

Analisis yang berikut menunjukkan cara pembaca membina andaian implikatur dan seterusnya membuat kesimpulan terhadap sesuatu ujaran yang mempunyai unsur ketersiratan. Pembaca akan mengambil kira prosedur pemahaman standard, mengeluarkan senarai andaian implikatur supaya implikasi kontekstual diperoleh.

Lebai dan kambing

(i) LEBAI MERUJUK KEPADA MANUSIA, KAMBING MERUJUK KEPADA HAIWAN
(ii) DUA ENTITI YANG BERBEZA
(iii) DUA STATUS YANG BERBEZA
(iv) KEBIASAANNYA LEBAI BERJANGGUT PANJANG SEPERTI KAMBING
(v) MENYAMAKAN MANUSIA DENGAN HAIWAN
(vi) PP TIDAK MEMAHAMI MAKLUMAT YANG DIBERIKAN OLEH ISTERINYA
(vii) PEMIKIRAN YANG TIDAK RASIONAL*

Ujaran “lebai” dan “kambing” dapat ditafsirkan dengan mudah kerana masyarakat di Malaysia sudah mempunyai pengalaman ensiklopedia mengenai kedua-dua ujaran ini, terutamanya ketika musim perayaan Aidiladha. Golongan “lebai” atau golongan agamawan akan mengetuai majlis korban, manakala binatang yang dibolehkan korban ialah unta, lembu, kerbau, “kambing” dan biri-biri (kibas). Jika dikaitkan dengan konteks ujaran, penulis telah mengekspresikan dua perlambangan (entiti dan status) yang berbeza. Dalam konteks masyarakat Melayu, perlambangan “lebai” dan “kambing” dapat dirumuskan seperti yang berikut:

Jadual 4.9: Perbezaan perlambangan "lebai" dan "kambing" dalam masyarakat Melayu

Perlambangan "Lebai"	Perlambangan "Kambing"
Positif: Status, berilmu dan berbudi. **Negatif:** Musnah	**Positif:** Hidup senang **Negatif:** Kezaliman, menipu, malas, takut, seksa, sia-sia, nasib yang malang, penakut dan lemah

Andaian (i) sehingga (v) bersifat literal dan berkonsep fizikal. Namun, masih tidak menjawab implikatur dan tidak mencapai tahap relevan yang optimum. Andaian (vi) sudah beralih kepada konsep implikatur, yang bermaksud PP tidak memahami maklumat yang diberikan oleh isterinya, tetapi difahami secara membabi buta, iaitu melakukan sesuatu dengan tidak berfikir terlebih dahulu. Walaupun, sudah diberikan maklumat tambahan oleh isterinya, "*Maka jawab isterinya, 'Adapun haji itu berserban di atas kepalanya dan lebai itu yang berjanggut-janggut di bawah dagunya itu.' Maka ujar Pak Pandir, 'Baiklah, Andeh.*'". Namun, andaian yang dapat menjana interpretasi yang paling tepat berdasarkan konteks wacana dan jangkaan kerelevanan ialah (vi), iaitu pemikiran yang tidak rasional PP yang menyamakan haiwan (kambing) dengan manusia (lebai). Andaian (vi) menjawab sebab pemilihan implikatur yang diberikan oleh penulis kepada pembaca.

Analisis data "lebai" dan "kambing" dengan kancah politik Malaysia

Berdasarkan dapatan data, kajian ini menemukan perkaitan kancah politik Malaysia dengan naratif PP, lebai dan kambing. Contohnya, dalam penulisan berita tersebut:



Rajah 4.7: Contoh berita politik yang mengaitkan naratif Pak Pandir, lebai dan kambing (Sumber: Sulam, 2017)

Naratif politik ini merupakan sebuah keterlangsungan daripada isu polemik antara Dr Muhaimin Sulamseorang (aktivis politik) dengan Dr Kamarul Zaman Yusoff. Secara umumnya isu ini berkait dengan perihal penggunaan laras bahasa oleh Dr Kamarul Zaman yang banyak disalahtafsirkan disebabkan penggunaan bahasa politik yang menurut George Orwel dalam Sulam (2017), bahasa politik direka untuk mengatakan pembohongan sebagai suatu kebenaran, dan pembunuhan ditampilkan mulia. Penggunaan bahasa politik ini mewujudkan konsep berat sebelah yang hanya memenuhi kehendak hati pihak yang disokong manakala pihak yang di bangkang akan merasa "panas" (Rush, 2014). Isu ini telah menyebabkan Dr Kamarul Zaman Yusoff dia gelar sebagai "bodoh" oleh pembaca yang tidak mempersetujuinya. Namun, Dr Muhaimin Sulam menolak dan membangkang panggilan "bodoh" itu terhadap "sahabat"nya. Dr Muhaimin Sulam berkata "mana mungkin graduan Indiana Univesity dengan pointer tinggi, serta anak didik Prof Dr Redzuan Othman


di Universiti Malaya (UM) boleh dihukum bodoh semudah itu?". Sehubungan dengan itu, setiap kata yang menggunakan laras politik ini berlapis-lapis dan perlu difahami maksud penyampainya secara menyeluruh. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam penulisan berita politik terkadang tuduhan yang dilontarkan tidak salah cuma terlalu menekankan permasalahan politik supaya pembaca berminat untuk mengeluarkan pandangan sendiri sama ada untuk mengikuti atau menolak hujah tersebut (Simarmata, 2014). Oleh itu penghujah politik tidak boleh disalahertikan sebagai bodoh, tetapi mempunyai pandangan yang bercanggah dengan golongan yang tidak mempercayainya.

Dr Muhaimin Sulam dalam aktikel ini sangat menekankan kefahaman pembaca atas segala retorik penghujahan yang diterima (Sulam, 2017). Masyarakat kita telah lama didik untuk berhujah dengan bijak serta pandai bermain dengan kata. Perkara tersebut perlu selari dengan si penerima hujah yang perlu mahir juga mendalami makna serta tujuan penyampaian maklumat itu.

Menurut Stockwell (2008) pula, bahasa merupakan kaedah penyampaian pemikiran dan bahasa politik mempunyai cara, maksud dan penggunaannya sendiri yang berlapis atas tujuannya sendiri. Sebagai pembaca, pemikiran penghujah perlu ditafsir dengan niat hujah itu disampaikan seperti kisah-kisah jenaka klasik yang nampak seperti hiburan, tetapi penuh makna dan nasihat yang tersirat. Maka, penganalisisan naratif politik yang diasosiasikan dengan watak jenaka PP harus terus diterokai bagi membantu pembaca memahami implikatur yang cuba diterapkan oleh penulis.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Mengambil contoh daripada petikan ini (Sulam, 2017):



Macam Pak Pandir dengan kambing

Hampir keseluruhan tulisan Kamarul Zaman cuba membina persepsi bahawa pembangkang - terutamanya Pakatan Harapan - sebagai bermasalah dan salah. Itu objektifnya. Itu motif akhirnya.

Sepintas lalu, beberapa terma digunakan ***Kamarul Zaman*** seperti, bacul, bodoh, ekstrim, hipokrasi, rakus, dominan, tidak siuman dan lain-lain bolehlah saya kategorikan sebagai persoalan seputar isu Melayu dan Islam yang bersifat etniksiti dan agama. Inilah dogma yang hendak dikemukakan oleh beliau kepada khalayak.

Khalayak yang memiliki tahap bahasa yang selari dengan bahasa yang digunakan oleh Kamarul Zaman akan mudah menerima hujah pensyarah universiti itu.

Dalam cerita jenaka Melayu lama terdapat kisah ***Pak Pandir*** yang membawa ***kambing*** yang dianggapnya sebagai 'pak lebai'. Pada bahasa Pak Pandir, kambing sebagai ***pak lebai*** adalah betul. Ini kerana ia dibuat berdasarkan tahap dan cara pemikiran Pak Pandir itu sendiri. Pak Pandir menggunakan logik mudah sebagaimana Pak Pandir memujuk Mak Andeh, isterinya yang kesedihan kematian anak mereka. Pak Pandir mengatakan bahawa anak orang lain pun meninggal dunia juga.

Hujah itu mudah dan diterima. Bahasa, empirikal dan logik ***Pak Pandir*** adalah bahasa masyarakat Melayu biasa. Pak Pandir bukan bodoh. Beliau adalah Machiavelli Melayu dalam versi Mr Bean. Lucu tetapi berkesan menimbulkan perasaan.

Kaedah itu kelihatan jenaka, bersahaja, tidak cerdik tetapi itulah bahasa yang mudah untuk dikongsi oleh bangsa yang berkomunikasi dengan laras bahasa tersebut.

Perlu difahami bahawa laras bahasa dalam masyarakat juga berbeza. Bagi kelompok yang menguasai laras bahasa berbeza daripada apa yang digunakan ***Kamarul Zaman***, mereka tidak boleh menerima hujah dikemukakannya.

Dalam bahasa analogi, situasi yang berlaku ialah, anggota badan lain yang sakit, lain yang diubatnya.

Islam dan Melayu tidak sekadar dilihat sebagai suatu agama dan bangsa melainkan ia adalah suatu modal yang dapat membangkitkan emosi, kesan dan perasaan dalam politik.

Modal "Islam" dan "Melayu" adalah kelangsungan kuasa Umno, dan PAS kini pula berperanan menjadikan dua faktor itu sebagai hujahnya untuk meneruskan kecenderungan semasanya.

Dalam naratif politik ini, penulis turut menggunakan bahasa figuratif “simile” iaitu “macam” bagi mengasosiasikan konteks politik tempatan dengan naratif cerita jenaka PP. Bagi berita politik ini, pembaca mampu memahami ujaran ini dan selanjutnya mengetahui bahawa “sukarnya berwacana apabila jurang pemikiran yang berbeza”. Kesan kognitif

daripada pemahaman ujaran berita ini, pembaca dapat merujuk silangkan analisis implikatur ujaran "lebai" dan "kambing" sebentar tadi. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila terdapat jurang dalam perspektif ilmu, maka akan mengakibatkan pemikiran atau kelakuan yang tidak rasional (Subet, 2009). Itulah penyataan yang tepat bagi merujuk situasi apabila penganalisis politik di Malaysia. Menurut Sulam (2017), Dr Kamarul Zaman Yussof mengeluarkan apa-apa penulisan berkaitan drama politik di negara ini. Tambah Daud dan Subet (2021) perkara seperti ini dapat disalahinterpretasikan oleh pembaca serta parti yang terlibat dalam penulisannya.

Menurut Dr. Kamarul Zaman, beliau menggunakan bahasa politik yang perlu dilihat melalui kaca mata politik. Jika dilihat dengan kaca mata hiburan, maka lainlah penerimannya. Hal ini terbit kerana wujudnya jurang laras bahasa antara seorang ahli akademik dengan masyarakat yang tidak tahu menilai maksud sebenar Dr. Kamarul Zaman kerana hanya yang tahu nilai sahaja boleh menilai.

Senario yang kita boleh baca pada kisah jenaka PP dan Mak Andeh. Mak Andeh sering menggunakan ayat yang boleh difahami oleh pembaca, tetapi tidak pada PP (Rusli, 2018). Contohnya apabila Mak Andeh meminta Pak Pandir menjemput haji dan lebai untuk menghadiri kenduri mereka, "Pergilah awak segera menjemput haji dan lebai, kita berkenduri". Maka kata PP, "Bagaimana rupa haji dan lebai itu, Andeh?". Maka jawab isterinya "Adapun haji itu berserban di atas kepalanya dan lebai itu yang berjanggut- janggut di bawah dagunya itu". Walau bagaimanapun, PP tidak memandang 'haji dan lebai' yang dimaksudkan isterinya itu sebagai figura dua orang manusia, kerana menurutnya Mak Andeh tiada menyebut apa-apa petunjuk yang menunjukkan mereka itu adalah manusia. PP dengan yakinnya membawa seekor kambing kerana menurutnya itulah ciri-ciri lebai yang dikatakan

oleh Mak Andeh. Pembaca dapat menilai di sini bahawa tidak perlu penulisan atau penghujahan yang terlalu spesifik cukup sekadar menggunakan logik akal.

Memetik dari naratif politik menurut Teik (2003), bahasa politik bukanlah seperti bahasa harian yang sifatnya tiada jarak semantik antara yang ditulis atau diperkatakan. Bahasa politik lebih berlapis-lapis daripada kuih lapis yang sepatutnya tidak terus dimakan apabila dihidang sebaliknya perhatikanlah setiap tutur kata (setiap lapis) daripada pembahas politik yang pada satu lapis mungkin manis dan pada lapis yang lain pula mengandungi racun (Sulam, 2017). Menurut novelis satira terkenal, George Orwel, mengatakan bahawa bahasa politik direka untuk mengatakan pembohongan sebagai suatu kebenaran, dan pembunuhan ditampilkan mulia.

Berdasarkan pemberitaan politik ini, pembaca membina andaian implikatur berpandukan naritif PP dengan kancah politik tempatan adalah seperti yang berikut:

1. Komunikasi yang tidak efektif antara dua orang aktivis politik.
2. Perbezaan pandangan (kognitif).
3. Kesulitan dalam memberi argumen (pendapat, pendirian dan alasan). Menggalakkan dialog politik yang berkesan dalam kalangan kumpulan yang berbeza.
4. Ketidakupayaan untuk berkomunikasi dengan baik dalam bahasa yang berbeza boleh menjadi penghalang penting untuk membina pemahaman lebih baik.
5. Mengaitkan aktivis politik dengan naratif PP dan kambing.

Rumusan

Jika berdasarkan konteks atau andaian yang dibuat, sebenarnya kesinambungan antara kancah politik Malaysia dengan naratif PP mempunyai kesan kognitif yang banyak. Dalam kognitif penutur, mereka sudah dilengkapi dengan pengetahuan ensiklopedia cerita

jenaka PP menjemput kambing ini dapat menggambarkan kesukaran komunikasi yang disebabkan oleh perbezaan pemikiran. Dalam cerita PP ini, kerana tahap dan cara berfikirnya berbeza dengan isterinya, mereka mengalami kesukaran untuk berkomunikasi dengan berkesan. Hal ini dapat mencerminkan situasi di mana politikus atau individu dalam dunia politik mungkin menghadapi kesukaran dalam berwacana atau memahami satu sama lain apabila mereka menggunakan bahasa yang berbeza. Menurut Mohamad (2018), bahasa yang tidak memahami antara satu sama lain boleh menyebabkan kekeliruan dan salah faham dalam perbincangan politik, yang boleh menghalang pemahaman yang lebih mendalam antara satu sama lain.

Selain itu, PP dan isterinya berbeza kognisi, perkara ini membuatkan apabila isterinya meminta Pak Pandir menjemput Pak Lebai datang ke rumah, isterinya mengatakan bahawa Pak Lebai berjanggut, tetapi dalam kognisi PP, semua yang berjanggut adalah Pak Lebai. Oleh itu, pada akhirnya Pak Pandir menyangka bahawa kambing berjanggut itu adalah "Pak Lebai". Dalam konteks politik yang sama, individu yang mempunyai latar belakang bahasa dan budaya yang berbeza mungkin mempunyai pemahaman dan pandangan yang berbeza tentang isu politik. Perbezaan bahasa ini boleh merumitkan pemahaman dan menghalang usaha untuk mencapai kata sepakat atau matlamat bersama.

Dalam cerita PP ini, PP sering mengalami kesukaran merangkai argumen yang logik atau membuat inferens yang konsisten. Kognisi dan cara berfikirnya menyebabkan dia menghadapi dan memikirkan masalah hanya pada permukaan masalah, dan hanya pada makna literal sesuatu ayat. Sebagai contoh, isteri Pak Pandir menyifatkan Pak Lebai berjanggut. Pada persepsi isterinya, apa yang digambarkannya ialah rupa paras seseorang, tetapi bagi Pak Pandir, semua benda yang berjanggut mungkin "Pak Lebai". Ini juga

tercermin dalam cabaran yang dihadapi oleh ahli politik atau penceramah politik apabila mereka terpaksa menggunakan bahasa selain bahasa ibunda mereka. Menurut Wong (2015) pula, penulis mungkin mengalami kesukaran untuk menyatakan idea mereka atau membuat hujah yang kukuh. Perkara ini akanmengurangkan kesan atau keberkesanan komunikasi antara penulis dan pembaca.

Rumusannya, berdasarkan TR (Sperber & Wilson, 1986), kesan kognitif yang tinggi akan membawa kepada usaha memproses yang rendah. Dengan itu, pembaca akan mudah menghubungjalinkan makna berita politik ini dengan cerita jenaka PP.

4.3.3 Data 3: Unsur implisit dalam naratif Pak Pandir dengan semut

Mitos ini mengisahkan PP yang ingin menyeberangi sungai dengan membawa sekarung hampa padi. Namun, PP telah menggunakan titian kayu yang rapuh. Titian itu hanya dilalui oleh berjuta-juta semut. Percubaan PP menyenerangi sungai itu tidak berjaya kerana ranting kayu itu patah. Hal ini menyebabkan Pak Pandir jatuh ke dalam sungai dan basah kuyup. Karung padi PP turut hayut dibawa arus sungai. Analisis Data 3 yang berkaitan dengan pengisahan PP dengan semut. Data 3 ini akan diinterpretasikan dengan TR, RRS dan konsep *ad hoc.* Maka, analisis yang lebih mendalam perlu dilakukan bagi merungkai implikatur dalam pengisahan ini. Data tersebut adalah seperti yang berikut:

Data 3:

> Andel Jawab Pak Pandir, 'Nah, ambillah wang, diberi oleh Andeh dua rial ini.' Lalu diletakkan di hadapan orang itu. Maka dibubuhkan Seoranglah hampa beratnya itu ke dalam karung Pak Pandir dan wang itupun diterimalah oleh tuan padi itu. Maka Pak Pandir pun odoh memikul hampa padi itu dibawanya pulang.
>
> Maka pada pertengahan jalan itu bertemulah ia dengan suatu **sungai**, kerana pulang itu jalan yang lain diikut oleh Pak Pandir. Dilihatnya terlalu banyak semut meniti pada suatu **ranting kayu** yang kecil menyeberang sungai itu. Maka **Pak Pandir** pun hendak menyeberang juga dan titian yang lain pun tiada. Kemudian fikir Pak Pandir, 'Sedangkan **semut** ini yang beribu-ribu lagi tahan me- lalui dari atas kayu ini, apatah

pula aku yang seorang. Karung hampa inipun bukan berapa beratnya. Kalau begitu, baiklah aku meniti bersama semut ini.'

Setelah itu, Pak Pandir pun menitilah. Apabila dipijaknya saha- ja ranting itupun patahlah, tiada bertangguh lagi. Pak Pandir pun jatuhlah ke dalam air bersama-sama dengan karung padi itu, le- nyap sekali. Telah dirasai oleh Pak Pandir dirinya terjatuh itu, ia pun berenanglah naik ke darat dengan basahnya dan karung itu. pun hanyutlah ke hilir, dipandang sahaja oleh Pak Pandir, hendak diambilnya sudah jauh. Kemudian ia pun mengharung air sungai itu lalu pulang ke rumahnya dengan menggeletar oleh kesejukan.

Dalam kisah PP, pembaca dapat mempelajari bahawa kita haruslah tidak membuat sesuatu andaian itu dengan sekadar melihat menggunakan pandangan mata kasar sahaja. Contohnya, PP yang membuat andaian bahawa dia boleh menyeberangi sungai kerana melihat semut yang beribu-ribu banyaknya mampu menyeberangi dengan titian ranting kayu rapuh. Pembaca memperoleh satu andaian iaitu, walaupun kita menganggap sesuatu perkara itu benar, tidak semestinya boleh diterima sehingga kita benar-benar menghadapinya.

Dengan itu, kita haruslah melakukan sesuatu perkara itu dahulu sebelum membuat kesimpulan yang tersendiri. Kemungkinan suatu andaian yang kita buat itu berkesan kepada individu lain, namun tidak berkesan kepada kita sendiri. Malah andaian yang tidak betul seperti andaian PP itu, membawa malapetaka yang akan memudaratkan diri kita dan juga orang yang berada di sekeliling kita.

Analisis eksplikatur

Dalam usaha untuk menginterpretasikan mitos ini, analisis dimulakan dengan mengeluarkan bentuk-bentuk logik bagi leksikal yang bertindak sebagai pendukung makna petikan data (Osman, 2020). Dalam Data 3, leksikal seperti, “semut”, “ranting kayu” dan “sungai” akan dikemukakan makna linguistik terlebih dahulu. Makna ini merupakan definisi ringkas atau makna tersurat bagi leksikal tersebut. Namun begitu, pengertian makna tersebut hanyalah makna semantik yang tidak melibatkan sebarang konteks.

Jadual 4.10: Analisis eksplikatur – bentuk logik data "semut", "ranting kayu" dan "sungai"

Eksplikatur	Bentuk Logik
Semut	Sejenis serangga sosial dalam keluarga Formincidae, dan tergolong bersama penyengat dan lebah dalam oder Hymenoptera. (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)
Ranting kayu	(**i) Ranting:** Bahagian cabang yang kecil-kecil, cabang daripada cabang, 2. Cawangan, anak cabang (pertubuhan, perkumpulan, dan lain-lain). 3. Bukan utama (tidak penting). (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016) **(ii) Kayu:** Bahagian pokok yang keras yang digunakan untuk membuat berbagai-bagai alat (perkakas rumah dan lain-lain. (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)
Sungai	Aliran air semula jadi yang menyalurkan air ke laut (ke tasik atau ke sungai lain). (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)

Jadual 4.10 memaparkan pemahaman awal pembaca terhadap sesuatu ujaran dengan cara membina konsep pragmatik. Pembaca akan menggunakan ujaran yang dienkod secara linguistik dalam usaha mencari konsep atau makna yang ingin dikomunikasikan oleh penulis (Osman, 2020). Konsep yang dikomunikasikan itu berkongsi elemen bentuk logik dan maklumat ensiklopedia dengan ujaran dienkod. Pembaca kemudiannya dapat menyimpulkan makna yang ingin dikomunikasikan secara pragmatik dalam perkongsian elemen tersebut.

Namun begitu, kajian ini mendapati bahawa makna linguistik yang dikemukakan bagi data "semut", "ranting kayu" dan "sungai" bukanlah makna sebenar yang cuba disampaikan oleh pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana makna linguistiknya tidak selaras dengan konteks ujaran. Pembaca akan mempersoalkan kenapa PP ingin menyeberangi sungai yang dilalui oleh semut?

Analisis implikatur

Seterusnya, leksikal “semut”, “ranting kayu” dan “sungai” akan menjalani satu rutin yang dinamakan sebagai pengukuhan ensiklopedik. Dalam proses ini, maklumat-maklumat ensiklopedik berkenaan “semut” akan diakses oleh pembaca. Maklumat ensiklopedik boleh datang daripada pelbagai disiplin ilmu seperti fakta saintifik yang diperoleh daripada pembacaan atau pengalaman, budaya, kepercayaan, pemerhatian dan lain-lain, termasuklah gambaran fizikal (Osman, 2020). Proses ini merupakan proses penting dan menentukan setakat mana pembaca dapat memahami implikatur yang diciptakan oleh penulis. Konvensi di bawah menunjukkan akses yang dicapai oleh pembaca dalam mengeluarkan maklumat ensiklopedik.

SEMUT: Maklumat ensiklopedik

a. SEJENIS SERANGGA
b. ADA YANG BERBISA ADA YANG TIDAK BERBISA
c. HITAM
d. KECIL
e. MENGGIGIT
f. KERJASAMA
g. BERKUMPULAN
h. RAJIN

RANTING KAYU: Maklumat ensiklopedik

a. RAPUH
b. MUDAH PATAH
c. MUDAH HANYUT
d. KECIL
e. KAYU MATI
f. TIDAK DAPAT MENAMPUNG BEBAN YANG BERAT/BANYAK
g. JATUH
h. BERGABUNG DENGAN CABANG-CABANG YANG BESAR

SUNGAI: Maklumat ensiklopedik

a. SUMBER AIR
b. SUMBER REZEKI
c. TALI AIR
d. TEMPAT PEMULAAN TAMADUN
e. SATU KEMUDAHAN
f. PETUNJUK

g. PENGHUBUNG

Dalam proses pengukuhan ensiklopedik, konteks daripada bentuk logik dapat dikembangkan atau difokuskan (Baba, 2015). Konteks akan lebih terarah kepada interpretasi data dengan maklumat ensiklopedik ini, terdapat maklumat yang tidak diakses oleh pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana penggabungan maklumat tersebut adalah berbeza mengikut konteks dan tujuannya (Osman & Hamzah, 2020). Hasil daripada penyesuaian konteks dan kesan kognitif pembaca telah mengesan bahawa wujudnya implikatur dalam ujaran ini:

> Maka **Pak Pandir** pun hendak menyeberang juga dan titian yang lain pun tiada. Kemudian fikir Pak Pandir, 'Sedangkan **semut** ini yang beribu-ribu lagi tahan me-lalui dari atas kayu ini, apatah pula aku yang seorang. Karung hampa inipun bukan berapa beratnya. Kalau begitu, baiklah aku meniti bersama semut ini.

Maka, pembaca akan membina implikatur dan seterusnya membuat kesimpulan terhadap ujaran yang mempunyai implikatur. Pembaca telah mengambil kira pemahaman eksplikatur – bentuk logik dan maklumat ensiklopedik supaya implikasi [SEMUT], [RANTING KAYU] dan [SUNGAI] diperoleh.

Antara andaian implikatur yang dihasilkan adalah seperti yang berikut:


Pak Pandir, semut, ranting kayu dan sungai

i. MENDAPAT KESAN BURUK AKIBAT KEBODOHAN DIRI SENDIRI
ii. TIADA USAHA MENCARI JALAN LAIN
iii. UNTUK MENCAPAI SATU MAKLUMAT BUKAN SUATU YANG MUDAH
iv. BERPEGANG TEGUH PADA PENDIRIAN YANG TIDAK MASUK AKAL*

Untuk memahami makna tersirat oleh penulis, pembaca telah mengeluarkan seberapa banyak andaian kontekstual. Andaian-andaian ini dibantu oleh kesan kognitif yang memadai, seterusnya memilih implikasi konteks yang disimpulkan. Maka, i, ii, iii dan iv terhasil daripada kesan kognitif melalui proses penggabungan, penguatan dan pengguguran maklumat. Dalam proses ini, inferens i. berbentuk literal kerana dalam kisah PP, pembaca tahu bahawa dengan membuat andaian berdasarkan pandangan mata kasar sahaja, belum tentu boleh diterima atau tidak. Malah mungkin mendapat kesan yang buruk terhadap diri sendiri. Inferens i. ini membawa memperoleh maklumat tambahan daripada frasa ini, "*Setelah itu, Pak Pandir pun menitilah. Apabila dipijaknya saha- ja ranting itupun patahlah, tiada bertangguh lagi. Pak Pandir pun jatuhlah ke dalam air bersama-sama dengan karung padi itu, le- nyap sekali. Telah dirasai oleh Pak Pandir dirinya terjatuh itu, ia pun berenanglah naik ke darat dengan basahnya dan karung itu. pun hanyutlah ke hilir, dipandang sahaja oleh Pak Pandir, hendak diambilnya sudah jauh*.". Oleh itu, andaian ini tidak mencapai relevan yang optimum, kerana pembaca memahami ujaran ini berdasarkan makna permukaannya sahaja. Inferens ii. dan iii. pula merupakan penggabungan maklumat berdasarkan naratif PP. Andaian ini dipacu berdasarkan konteks dan analisis sebelumnya. Hal ini dikatakan demikian kerana PP mengambil jalan mudah untuk menyeberangi sungai itu dengan titian ranting kayu yang rapuh dan tidak berusaha untuk mencari jalan yang lain untuk menyeberanginya. Perbuatan ini direfleksikan secara implisit supaya pembaca berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan hasil yang terbaik dan berkualiti (Daud & Subet, 2021). Namun masih belum lagi membawa kesimpulan implikatur yang benar-benar dimaksudkan oleh pengarang. Pilihan (iv) merupakan maksud implikatur yang ingin disampaikan kerana melalui proses penguatan maklumat penulis sebenarnya ingin menyampaikan kritikan terhadap sikap seseorang dalam bentuk metafora.

Analisis data PP "semut", "ranting kayu" dan "sungai" dengan kancah politik Malaysia

Sehubungan dengan itu, pengkaji memperoleh maklumat tambahan dalam mengasosiasikan naratif PP ini dengan kancah politik Malaysia. Oleh sebab itu, pengkaji seterusnya akan mengaitkan naratif PP dan semut dengan kancah politik Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa tafsiran makna implikatur sebentar tadi belum lengkap, lebih-lebih lagi dikaitkan dengan mitos PP. Berdasarkan dapatan kajian terdapat artikel yang bertajuk "Kerajaan Lalang Ditiup Angin" telah merefleksikan analogi PP menyeberangi sungai dengan situasi politik yang kompleks di negara ini. Dalam konteks politik tempatan, PP dapat digunakan sebagai alat untuk menyampaikan kritikan terhadap ideologi politik.



Kerajaan Lalang Ditiup Angin

MI (Https://Mediaislam.Net/Berita/Author/Amrunm/)
May 19, 2023 (Https://Mediaislam.Net/Berita/2023/05/19/Kerajaan-Lalang-Ditiup-Angin/)

Kerajaan campuran ciptaan Pakatan Harapan (PH) menamakan campurannya dengan jenama Kerajaan Perpaduan yang agak berlainan daripada istilah sebenar dalam kamus politik semua bahasa.

Cara mereka mengumpulkan sokongannya juga agak luar biasa daripada amalan biasa.

Kerajaannya dipimpin oleh parti yang lebih kecil berprinsipkan pragmatik dan didominasi oleh parti lebih besar yang nyata ideologinya, turut bersamanya kumpulan kecil dan individu yang oportunis.

Gerak-gerinya selepas berkuasa laksana lalang yang mengikut tiupan angin.

Adapun konsep perpaduannya adalah meraikan semua pihak tanpa sempadan agama, ideologi dan moral atau fitrah manusia asalkan mendapat kehendak yang difikirkan majoriti kerusi.

Mereka mengheret rakyat apabila berpegang kepada falsafah Pak Pandir yang menyeberangi anak sungai dengan meniti kayu reput yang dilalui oleh semut yang berjuta ramainya, atau kaedah politik ciptaan Barat yang berpegang kepada matlamat menghalalkan cara.


Perpaduan sesama mereka berpegang kepada hablu al-nas (tali manusia), bukan kepada hablu Allah (tali Allah) sepertimana firman Allah dalam al-Quran supaya berpegang kepadanya.

Firman Allah SWT:

Rajah 4.9: Perkaitan naratif PP dan semut dengan kancah politik Malaysia

Analisis Rangka Rujuk Silang

Petikan artikel "Kerajaan Lalang Ditiup Angin" digunakan untuk analisis RRS.



Proses RRS data mengenai PP dengan semut telah diinterpretasikan dalam konteks politik tempatan. Bagi data ini penulis telah menyediakan premis tambahan yang banyak dan

sangat mudah untuk diproses demi mencapai matlamat dan mentafsir makna yang relevan. Melalui frasa-frasa seperti, "Kerajaan campuran ciptaan Pakatan Harapan (PH)", "Kerajaan Perpaduan", "Kerajaannya dipimpin oleh parti yang lebih kecil", "ideologinya", "Gerak-gerinya selepas berkuasa laksana lalang yang mengikut tiupan angin.", "konsep perpaduannya", "meraikan semua pihak tanpa sempadan agama, ideologi dan moral atau fitrah manusia", "mendapat kehendak yang difikirkan majoriti kerusi.", "Mereka mengheret rakyat", "kaedah politik ciptaan Barat" dan "berpegang kepada matlamat menghalalkan cara" penulis berjaya menunjukkan hubung kait antara naratif PP dengan konteks tempatan.

Frasa-frasa yang membantu tafsiran dapat dibina hasil rujuk silang antara premis tambahan dan maklumat rujukan. Berdasarkan naratif tersebut, kerajaan campuran yang dibentuk oleh gabungan Pakatan Harapan (PH) dikenali sebagai Kerajaan Perpaduan berbeza daripada terminologi politik konvensional (Awang, 2023). Kerajaan ini diterajui oleh parti-parti yang lebih kecil. Namun begitu, nasib parti-parti kecil ini didominasi oleh parti yang lebih besar dengan ideologi yang jelas. Penulis menggunakan bahasa figuratif seperti "laksana lalang yang mengikut tiupan angin." bagi menggambarkan kancah politik tempatan yang mempunyai kuasa yang tidak menentu atau jelas.

Sehubungan dengan itu, menurut Ahmad (2017), "konsep perpaduan" adalah untuk menampung semua parti tanpa mengira agama, ideologi, atau nilai moral, asalkan mereka mempunyai majoriti kerusi merupakan pendekatan yang mengutamakan kepentingan politik berbanding prinsip parti. Contohnya, parti dominan dalam gabungan itu, *Democratic Action Party* (DAP), mempunyai ideologi yang bercanggah dengan Islam dan menunjukkan penentangan terhadap kepentingan orang Melayu Islam dan orang asli (Hamdi et al., 2018). Gabungan itu juga termasuk parti pragmatik tanpa ideologi yang kukuh dan individu yang mempunyai latar belakang yang boleh dipersoalkan. Isu penggunaan istilah "Allah" telah

mencetuskan kontroversi, dengan kerajaan lebih mengutamakan pertimbangan pragmatik daripada menegakkan kesucian Islam dan memastikan perlindungan kebebasan beragama dalam sempadan yang sesuai.

Kredibiliti dan komitmen kerajaan terhadap perpaduan diragui, kerana ia telah membuat pakatan dengan individu dan parti yang dikritiknya sebelum ini (AwangBesar et al., 2012). Kerajaan cenderung untuk mengalihkan kesalahan kepada orang lain dan bukannya menangani masalah politik dalaman dan konflik secara terbuka. Ia menggunakan taktik yang mengingatkan zaman penjajah, bersembunyi di sebalik penguasa yang tidak berkuasa dan menuduh mereka yang menentang mereka sebagai pengkhianat (Deraman, 2021). Kekurangan perpaduan kerajaan dan kegagalannya untuk memenuhi namanya menimbulkan kebimbangan tentang keupayaannya menangani cabaran nasional dan antarabangsa yang lebih besar.

Tambahan Deraman (2021) lagi, terdapat pemerhatian tentang ketidakkonsistenan dalam kerajaan, dengan beberapa ahli terlibat dalam amalan agama di samping menunjukkan tingkah laku yang bercanggah dengan ajaran agama. Media, khususnya Malaysiakini, dikritik kerana mempromosikan naratif yang berat sebelah dan anti-Islam, menyokong aktiviti jenayah, dan menggalakkan maksiat. Umat Islam dinasihatkan untuk menjauhkan diri daripada platform sedemikian kerana potensi kemudaratan rohani dan penyebaran kejahilan.

Penulis turut menekankan kepentingan menegakkan petunjuk Allah, tetap teguh dalam iman, dan berusaha untuk kebenaran tanpa mengira pendapat orang lain. Ia menyeru kepada kesetiaan kepada Allah daripada meletakkan keinginan manusia di atas bimbingan Allah SWT. Penulis turut menonjolkan kepentingan sokongan daripada manusia dan sumber material, tetapi menekankan keperluan untuk visi duniawi yang merangkumi akhirat (Ismail,

2018). Perkara ini mengingatkan pembaca agar tidak terpengaruh dengan agenda politik yang boleh menjejaskan kepimpinan Melayu Islam dan prinsip yang dipegang oleh parti Islam dan bukan ekstremis, termasuk UMNO dan PAS (Misra & Awang, 2012).

Rumusan kepada penggabungan konteks awal dan semasa pembaca yang turut dipengaruhi oleh maklumat ensiklopedia dapat menimbulkan kebimbangan tentang sifat pragmatik Kerajaan Perpaduan, ketidakkonsistenan dalam kerajaan, dan kesannya terhadap kedudukan Islam di negara ini. Perkara ini memerlukan komitmen yang teguh terhadap prinsip dan perlindungan kebebasan beragama sambil memastikan perubahan positif yang memberi manfaat kepada masyarakat yang pelbagai (Wong, 2013a). Dengan itu, premis tambahan dan maklumat rujukan dalam RRS ini dapat membentuk andaian-andaian seperti yang berikut:

1) Analogi kekuasaan dan kecilnya individu.

Dalam cerita PP dan semut, PP digambarkan sebagai tokoh yang tidak memahami kekuatan atau potensi penuh semut. Hal ini dapat dihubungkan dengan situasi politik, kerana individu atau kelompok kecil merasa tidak berdaya atau tidak berpengaruh untuk menghadapi pemerintah atau kekuatan politik yang lebih besar.

2) Kritikan terhadap ketidakadilan sosial.

Dalam naratif ini, penulis menginterpretasikan perlambangan antara kecilnya ukuran semut dengan sikap Pak Pandir. Perkara ini dapat mencerminkan kritik terhadap ketidakadilan sosial atau kesenjangan kekuasaan di dalam masyarakat. Penggabungjalinan ini dapat dikaitkan dengan parti politik yang lemah atau tidak berdaya untuk berjuang bersendirian dalam menegakkan keadilan atau perubahan.

3) Representatif penipuan politik.

Ketika mengasosiasikan kedua-dua naratif ini, penulis telah mencerminkan kancah politik tempatan dengan sikap ahli politik yang menggunakan akal fikiran mereka supaya dapat menggunakan kekuasaan atau posisi mereka untuk kepentingan peribadi. Kepentingan seperti ini dapat mempengaruhi kancah politik di Malaysia.

4) Kritikan terhadap pemimpin/ahli politik yang tidak kompeten.

Dalam cerita jenaka PP dan semut, PP digambarkan sebagai individu yang mempunyai pemikiran yang kurang cerdas. Perkara ini dapat dihubungkan dengan kritik terhadap pemimpin politik yang dianggap tidak kompeten atau tidak mampu memimpin dengan baik. Dalam masa yang sama, PP sering digambarkan sebagai orang yang naif (Ismail, Bakar, & Effendy, 2018). Perkara ini juga dapat mewakili kritikan terhadap pemimpin politik yang melaksanakan keputusan atau tindakan yang tidak tepat, atau tidak memahami situasi politik dengan baik. Melalui penggabungjalinan antara dua naratif ini, penulis dapat menyampaikan ketidakpuasan mereka terhadap pemimpin politik yang dianggap tidak kompeten.

Rumusan

Dalam usaha mempertalikan kisah PP, semut, ranting kayu, sungai dan kancah politik tempatan. Satu rumusan terhadap kisah ini ialah PP membuat keputusan kurang bijak untuk mengikuti semut yang berjalan di atas ranting kayu yang rapuh. Kesannya, PP telah jatuh ke dalam air dan kehilangan barang yang telah dibawanya. Pada naratif ini, PP digambarkan mempunyai sikap yang berani dan tidak berfikir panjang. Keadaan inilah yang digabungjalinkan oleh penulis kerana Kerajaan Perpaduan dituduh dalam berita politik

bertajuk “Kerajaan Lalang Ditiup Angin” dalam membuat pilihan yang tidak bijak dan tidak bertanggungjawab kepada rakyat (Awang, 2023).

Hal ini memperkuat pemahaman pembaca untuk membuat tafsiran cerita PP dengan tindakan impulsif dan tidak berfikir panjang boleh menyebabkan kesan yang buruk. Dalam cerita jenaka PP dan semut, semut-semut yang selamat menyeberangi sungai mewakili kebijaksanaan. Mereka melintasi sungai dengan tenang sambil mengekalkan keseimbangan. Sebaliknya, PP mengikuti semut tanpa memikirkan bahaya, mengabaikan pertimbangan ini. Jalan cerita ini menunjukkan perbezaan antara pemikiran rasional dengan tindakan tidak bertanggungjawab. Dalam berita politik oleh Awang (2023) yang bertajuk “Kerajaan lalang ditiup angin” terdapat kelompok atau individu dalam konteks politik tempatan yang menunjukkan pemikiran tidak kritis dan rasional terhadap tindakan atau keputusan kerajaan. Daripada dua naratif ini menunjukkan betapa pentingnya pemikiran kritis dan perencanaan yang matang dalam politik.

Dengan dilengkapi maklumat ensiklopedia tentang dua naratif ini, iaitu melalui penggabungan maklumat berlaku apabila andaian awal pendengar dapat digabungkan dengan maklumat baharu penutur. berdasarkan TR oleh Sperber dan Wilson (1995), kesan kognitif yang tinggi akan membawa kepada usaha memproses yang rendah. Dengan itu, pembaca akan mudah menghubungjalinkan makna berita politik ini dengan cerita jenaka PP.

4.4 Unsur implisit dalam naratif Lebai Malang

LM dikatakan mewakili sikap sebahagian masyarakat Melayu yang dikatakan mempunyai sikap yang negatif. Winstedt (1969) menyatakan bahawa watak ini digambarkan mempunyai sifat-sifat yang bodoh, tidak mempunyai otak fikirannya kerana terdorong daripada perasaan yang tamak dan ingin mendapatkan untung. Oleh sebab itu, sifat yang sombong telah menyebabkan hilang daya pemikirannya dan akhirnya ditimpa nasib yang malang.

Namun begitu, Ismail et al. (2018) menyatakan bahawa watak LM turut mencerminkan sikap yang positif. LM memperlihatkan seorang yang berpegang kepada janji untuk memenuhi undangan kenduri. Watak LM turut digambarkan sebagai seorang yang berperibadi mulia. Walaupun nasibnya malang kerana habuan bekalannya telah dilarikan anjing, namun LM tetap reda dengan takdir yang telah ditentukan. Setiap rujukan sikap ini dapat direfleksikan dengan seloka LM dan cerita jenaka LM.

Kajian ini memperoleh dua unsur implisit dalam naratif LM. Unsur ini dipilih kerana pengkaji berpendapat ada leksikal dalam ujaran berkenaan yang ada alasan di sebalik penggunaannya. Menurut Hedel dan Subet (2020), unsur implisit dalam sesuatu naratif boleh melibatkan unsur kepelikan sehingga menimbulkan tanda tanya atau persoalan dalam kalangan pembaca atau pendengar. Hal ini selaras dengan pandangan Subet (2010) yang menyatakan bahawa dalam TR itu ada konsep *ad hoc* yang membenarkan kita melihat kewujudan leksikal-leksikal yang relevan untuk menyelongkar makna tersirat yang diungkapkan dalam ujaran tersurat berkenaan. Unsur ini dapat diekspresikan melalui ujaran implisit yang mengungkapkan makna yang berselindung, namun masih dapat ditafsirkan oleh pendengar. Berikut merupakan data yang dikenal pasti mempunyai ujaran yang mampu menggambarkan makna implisit:

Jadual 4.11: Contoh unsur implisit dalam naratif Lebai Malang

No.	Ujaran Implisit
1.	1. Tiada berapa lamanya, dengan takdir Allah, **maka kanak-kanak itupun dapat sakit guam, serta dengan demamnya**. Tersangatlah susah hati Mak Andeh, teristimewa pula makan pun tiada berlauk oleh ia pun di dalam pantang lagi. **Maka Mak Andeh meneriak Pak Pandir, katanya, Pergilah awak memancing ke sungai-sungai itu, moga-moga dapat ikan, bolehlah diperbuat lauk.** Aku hendak ma- kan pun tiada lalu, kerana tiada berlauk. Dan aku pun hendak pergi tiada lalu, oleh sakit badanku lagi.' Maka sahut Pak Pandir, **'Aku hendak memancing, apa umpan-nya, Andeh?" Maka jawab isterinya, Tangkaplah belalang rusa itu, umpan- kan pada taut besar kita itu."'** Maka kata Pak Pandir, 'Ya, baiklah, Andeh.' Maka Pak Pandir pun pergilah membawa tali dan taut serta parang sebilah, **lalu berjalan ia masuk ke dalam hutan hendak mencari rusa akan umpan tautnya.** Ada seketika ia berjalan, sam- pailah ia kepada suatu repuh muda. Maka terpandanglah olehnya seekor rusa jantan sedang tertidur dengan terlalu nyedarnya. Ma- ka Pak Pandir pun datanglah perlahan-lahan, lalu diikatnya de- ngan tali tangan dan kaki rusa itu, kemudian dihelanya. Maka rusa itupun terkejutlah jaga lalu bertempik hendak lari, tiadalah dapat lagi oleh sudah dibebatnya seperti lepat. Beberapa pun ia melom- pat dan menghempas menerajang, makin lama semakin letih. Maka oleh Pak Pandir dihelanya juga tiada berhenti, hingga sampai ke tepi sungai berhampiran dengan rumahnya. Maka di situ hen- dak ditahankannya taut itu. Kemudian ia pun menabang sebatang kayu akan baur tautnya itu. Telah sudah lalu dicangkukkannyalah mata taut itu ke belakang rusa itu. Maka rusa itupun menjeritlah oleh kesakitan. Kemudian dicampakkannyalah taut itu ke dalam sungai dan baurnya dipacakkan ke tebing sungai itu. Wah, apatah lagi! Rusa itupun menghempas dan berguling-gulinglah oleh kele- masan. Maka Pak Pandir pun pulang ke rumahnya lalu berkata, 'Andeh, nantilah, kalau taut kita dimakan oleh ikan, bolehlah makan lauk.'
2.	Hatta, pada keesokan harinya, kata Mak Andeh kepada Pak Pandir, 'Sekarang jerangkan air ke api. Setelah panas pesam-pesam kuku, mandikanlah anakku ini. Aku hendak pergi mencari ubat budak ini.' Maka kata Pak Pandir, 'Baiklah, Andeh.' Maka Mak Andeh pun pergilah mencari daun genggayang membuat pupuk kepala anaknya itu. Sepeninggalan Mak Andeh pergi itu, Pak Pandir pun melekat api menjerangkan air di dalam kawah. Ada seketika air itupun panaslah serta menggelegak sedang gelora. Maka diambilnya anaknya itu, dimasukkannya ke dalam kawah itu, lalu kanak-kanak itu dicelur oleh Pak Pandir yang tongong itu, lalu matilah, menyeringai gusinya serta

Sambungan **Jadual 4.11**

	menggelupaskulitnya. Maka kata Pak Pandir, 'Amboi! Sukanya anakku mandi air panas rupanya." Kemudian lalu diangkatnya budak itu dari dalam kawah, ditimang seraya berkata, 'Hai, suka sangat anakku mandi. Mandilah lagi.' Serta dimasukkannya pula ke dalam kawah itu. Maka seketika lagi Mak Andeh pun baliklah membawa daun genggayang akan ubat anaknya, langsung naik ke rumah mendapatkan anaknya. Maka dilihatnya tiada anaknya di tempat tidurnya itu. Maka Mak Andeh pun meneriakkan Pak Pandir seraya berkata, "Ke mana perginya anak kita di sini?' Maka sahut Pak Pandir, 'Ini bukankah dia, sedang kumandikan. Cuba juga lihat, terlalu suka dia, Andeh." Maka Mak Andeh pun segeralah pergi ke dapur melihat anaknya itu. Terpandanglah si anak itu telah terjeringing di dalam kawah yang sedang mendidih airnya dengan gelora sangat itu. Maka Mak Andeh pun mengucap, demikian katanya, 'Astaghfirul lah! Apa mulanya Pak Pandir demikian? Ceh, Pak Pandir sial bedebah tak mahu ditangkap harimau panjang tujuh, buaya panjang sembilan, supaya bangat matinya. Adakah patut air yang seperti ini panasnya itu dicelurkan kanak-kanak! Amboi, gunung payung, intan gemala, urat rambut batu kepala emak, matilah anakku! sampainya hati bapamu membunuh akan dikau!"

Sperber dan Wilson (1986) telah memperkenalkan TR bagi memperjelas aspek komunikasi implisit melalui interpretasi dan pengaplikasian makna yang lebih luas. Berdasarkan TR, data unsur implisit pertama dikaitkan dengan pemilihan leksikal “umpan”, “belalang” dan “rusa”. Jika diteliti secara makna permukaan leksikal-leksikal ini adalah relevan dengan tujuan memancing, manakala tautan rusa dipilih oleh pengarang keberkesanan sebagai pengikat umpan yang dapat menarik perhatian ikan. Namun begitu, jika diaplikasikan dengan makna yang lebih luas (contohnya, konteks politik di Malaysia) leksikal “umpan” dapat dikaitkan dengan “upah”, “wang”, mahupun “rasuah” (Ismail, 2017). Maka, analisis yang mendalam perlu dilakukan bagi menghuraikan makna yang lebih mendalam dan berpada.

4.4.1 Data 1: Unsur implisit dalam jemputan Lebai Malang ke kenduri

Kajian ini mengemukakan analisis Data 1 berkaitan dengan pengisahan LM dijemput hadir ke tiga buah kenduri. Daripada data yang dikeluarkan, LM berusaha untuk hadir ke tiga-tiga buah kenduri tersebut. Setiap satu daripada kenduri yang perlu di hadir oleh LM bercirikan peristiwa (*event*) yang berbeza, iaitu:

Data 1:

1. LM dijemput ke kenduri kematian. Ujaran mengenai jemputan ini adalah seperti berikut:

> Sekali peristiwa datanglah seorang lelaki ke rumahnya mengajak akan dia **melawat orang mati**. Maka kata Pak Lebai, 'Baiklah. Kembalilah tuan dahulu.'

2. LM dijemput ke kenduri khatam al-Quran. Ujaran mengenai jemputan ini adalah seperti berikut:

> Dan seketika lagi datang pula seorang kanak-kanak menjemput Pak Lebai kerana hendak **kenduri ber-khatam pengajian**. Maka jawab Pak Lebai. "Yalah, baliklah engkau dahulu.'

3. LM dijemput ke kenduri Maulud. Ujaran mengenai jemputan ini adalah seperti berikut:

> Ada sekejap pula datang seorang lagi mempersilakan Pak Lebai ke terataknya oleh hendak berdikir **kenduri Maulud**. Maka itupun disanggup juga oleh Pak Lebai; demikianlah juga katanya.

Data 1 ini akan diinterpretasikan dengan TR, RRS dan konsep *ad hoc.* Dengan itu, konsep seperti ini perlu diterokai kerana mengandungi implikatur atau makna tersirat yang cuba disampaikan oleh penulis kepada pembaca. Maka, analisis yang lebih mendalam perlu

dilakukan bagi merungkai implikatur dalam pengisahan ini. Berdasarkan Data 1, tiga jenis kenduri yang interpretasikan oleh penulis iaitu "kenduri kematian", "kenduri khatam al-Quran" dan "kenduri Maulud" membawa makna yang implisit dalam kalangan pembaca. Maka, data ini akan melalui analisis eksplikatur terlebih dahulu.

Analisis eksplikatur

Analisis eksplikatur – bentuk logik ini dapat menghuraikan makna bagi setiap leksikal "kenduri kematian", "kenduri khatam al-Quran" dan "kenduri Maulud".

Jadual 4.12: Analisis eksplikatur – bentuk logik data "kenduri", "orang mati" dan "khatam al-Quran" dan "maulud"

Eksplikatur	**Bentuk Logik**
Kenduri	Perjamuan makan (yang lazimnya didahului oleh zikir, doa dan sebagainya) kerana sesuatu tujuan keagamaan (minta berkat, mendoakan orang yang telah meninggal, memperingati sesuatu peristiwa, dan lain-lain) (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)
Orang mati	1. Perihal mati; sudah tiada; 2. Menderita (menanggung) kerana matinya seseorang. (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)
Khatam al-Quran	**(i) Khatam:** tamat atau selesai (mengaji atau membaca Quran). **(ii) al-Quran:** Kitab suci yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW untuk menjadi panduan hidup manusia (untuk dunia dan akhirat). (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)
Maulud	Diambil daripada bahasa Arab yang bermaksud perayaan untuk menyambut hari lahir Nabi Muhammad SAW pada 12 Rabiatulawal. (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016)

Analisis implikatur

Bagi data LM dijemput ke tiga buah kenduri, analisis implikatur diperlukan bagi membantu pembaca untuk mengesan rujukan untuk mengesan maklumat rujukan utama,

iaitu kenduri “orang mati”, “khatam al-Quran” dan “maulud”. Maka, proses pengukuhan perlu memasukkan maklumat ensiklopedik pembaca bagi mengiringi fakta makna bentuk logik (Osman, 2020). Namun begitu, maklumat ensiklopedik ini boleh jadi berbeza bagi setiap individu. Proses pengukuhan bagi maklumat rujukan data ini mungkin berbentuk seperti berikut:

KENDURI: Maklumat ensiklopedik

a. JAMU MAKANAN
b. TEMPAT PERJUMPAAN
c. RAMAH-TAMAH
d. MERAIKAN
e. MEMPERINGATI
f. PERISTIWA

ORANG MATI: Maklumat ensiklopedik

a. SUDAH TIADA
b. SUDAH MENINGGAL DUNIA
c. MENDERITA
d. JENAZAH
e. JASAT
f. PERLU DIKEMUMIKAN
g. PERPISAHAN
h. TAMAT RIWAYAT
i. BERCERAI NYAWA

KHATAM AL-QURAN: Maklumat ensiklopedik

a. HABIS
b. SELESAI
c. TAMAT
d. MENUTUP
e. 30 JUZUK AL-QURAN
f. MENAMATKAN BACAAN
g. AMALAN
h. BOLEH DILAKUKAN SECARA INDIVIDI
i. BOLEH DILAKUKAN SECARA BERKUMPULAN

MAULUD: Maklumat ensiklopedik

a. PERAYAAN
b. HARI KELAHIRAM NABI MUHAMMAD SAW
c. KEBIASAANNYA PADA 12 RABAITULAWWAL
d. MENGINGATI SEJARAH KEHIDUPAN NABI MUHAMMAD SAW
e. MAJLIS (ADA BACAAN AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN)
f. BERSALAWAT KE ATAS NABI MUHAMMAD SAW

g. MELAHIRKAN RASA GEMBIRA
h. BERKUMPUL
i. MENGERATKAN HUBUNGAN

Setelah bentuk logik diperkukuh dengan maklumat ensiklopedik, pemahaman pembaca terhadap mitos ini sudah dapat dibawa ke arah yang lebih jelas, namun masih tidak mencapai kerelevenan yang optimum. Tiga jenis majlis yang dijemput PK mempunyai lapisan makna yang perlu ditafsirkan dengan lebih mendalam. Menurut Osman (2020), bentuk proposisi yang diekspresikan dan bentuk proposisi yang ingin disampaikan oleh pengarang adalah tidak sama, dan bermaksud adanya unsur implikatur. Menurut analisis implikatur berasaskan TR, pemahaman makna secara implikatur ini boleh berlaku melalui proses peluasan fitur konsep asas fizikal kepada pembinaan konsep superordinat. Tambah Carston (2000), proses ini dipermudah dengan proses peluasan *ad hoc*. Berdasarkan peluasan *ad hoc* yang berlaku, pembaca sudah menyedari bahawa wujudnya implikatur di sebalik naratif tiga jenis jemputan kenduri LM. Walaupun implikatur menuntut usaha memproses yang tinggi, tetapi kekayaan kesan kognitif menjadikan ujaran itu relevan. Pembaca telah mengambil kira prosedur pemahaman standard, mengeluarkan senarai andaian implikatur agar kesan kontekstual diperoleh.

Kenduri, orang mati, khatam al-Quran dan maulud

i. JEMPUTAN KE TIGA JENIS MAJLIS KENDURI YANG BERBEZA
ii. UJIAN
iii. PILIHAN
iv. KETAMAKAN*

Hasil bantuan daripada kesan kognitif yang terbina daripada konteks yang tersedia dalam data-data tambahan yang telah dilakukan proses perajukkan, pembaca mampu mentafsir implikatur yang ingin disampaikan oleh penulis. Pilihan i. dalam senarai inferens membawa makna yang literal, iaitu LM di jemput ke tiga jenis majlis kenduri yang berbeza.

Pilihan i. merupakan pemahaman harfiah, iaitu peristiwa tersebut mungkin di anggap benar-benar berlaku. Pilihan ii. dan iii. pula terbina berdasarkan bentuk logik pilihan i., kerana pembaca membina andaian yang terhasil daripada pemahaman konteks yang semakin menjurus kepada implikatur yang ingin disampaikan oleh penulis. Senarai andaian implikatur ii. dan iii. diambil kira agar kesan kontekstual diperoleh, iaitu [UJIAN] dan [PILIHAN]. Menurut kepercayaan masyarakat Melayu, apa-apa sahaja ujian yang diterima oleh seseorang itu, mereka haruslah membuat pilihan yang tepat agar tidak mendatangkan kesan atau kemudaratan kemudian hari. Berdasarkan ensiklopedia orang Islam pula, [UJIAN] adalah ketahanan iman seseorang terhadap dugaan zahir dan batin yang menimpa, yang sudah pasti ada hubung kait dengan kehidupan kekal abadi di alam akhirat kelak (Abdullah, 2020). Firman Allah SWT dalam al-Quran bermaksud:

> "Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: 'Kami beriman', sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya, Kami menguji orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah orang yang sebenar-benarnya beriman dan nyata pula apa yang diketahui-Nya orang yang berdusta.".
>
> (al-Ankabut: 2-3)

Manakala [PILIHAN] pula, menunjukkan sikap LM yang cuba untuk membuat pilihan yang terbaik, di samping cuba memenuhi ketiga-tiga jemputan kenduri. Hal ini dikatakan demikian kerana, LM berusaha untuk memilih untuk menjaga hubungan silaturahim dan menjauhkan diri daripada sebarang perbalahan dan perpecahan yang merugikan. Menurut Emran (2011), antara tanda-tanda kebijaksanaan seseorang adalah dapat mengenal sebanyak mungkin pilihan yang ada serta berupaya membuat penilaian dan pertimbangan untuk membuat pilihan yang tepat. Namun begitu, daripada naratif ini, LM telah cuba untuk memenuhi ketiga-tiga undangan. Jadi, andaian iv. [KETAMKAN] adalah

andaian yang lahir konteks dan proses peluasan *ad hoc*. Berdasarkan konteks, pembaca telah sedia maklum bahawa LM adalah seorang lebai:

> ALKISAH, maka adalah sebuah desa. Maka di dalam rantau itu adalah seorang lebai pandai mengaji, dan taat ibadatnya kepada Allah ta'ala, istimewa pula perangainya tersangat adab dan san- tun, serta dengan tulus ikhlas hatinya kedua laki-isteri. Ia itu tinggal di sebuah dusun.

Berbantukan konteks juga, pembaca dapat membuat kesimpulan daripada andaian ini, iaitu seorang lebai yang mempunyai sikap-sikap yang mulia seperti pandai mengaji, taat ibadatnya dengan Allah SWT., turut mempunyai [KETAMAKAN] dalam diri. Kesimpulan implikatur ini mudah oleh pembaca konteks dan kesan kognitif yang tersedia adalah banyak dan jelas. Kesemuanya diperoleh melalui proses RRS, penyenaraian dan pengukuhan maklumat ensiklopedik, proses peluasan superordinat dan seterusnya pembentukan andaian dan kesimpulan implikatur (Osman, 2020). Daripada kesimpulan dan dibantu dengan konteks ujaran, pembaca boleh mentafsir makna sebenar yang tersirat daripada naratif ini, iaitu LM mempunyai sikap tamak. Sikap ini merupakan sifat tercela yang mungkin dimiliki oleh seseorang manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana LM dianggap tidak pernah puas dengan apa yang sudah dimilikinya dan sering menginginkan lebih.

Rumusan analisis implikatur ini menunjukkan seseorang yang menginginkan sesuatu hal yang tidak ada habisnya, tanpa ada rasa bersyukur dalam diri. Sikap yang buruk ini akan telah menunjukkan LM seorang yang menjadi rakus dan menimbulkan kesan yang buruk pada masa hadapan.

Analisis data kenduri, orang mati, khatam al-Quran dan maulud dengan kancah politik Malaysia

Analisis diteruskan lagi dengan mengasosiasikan naratif LM dengan kancah politik tempatan, berdasarkan dapatan kajian pengkaji memperoleh satu berita politik yang


berkaitan dengan naratif ini, iaitu “Surat terbuka ‘lebai malang’ kepada ‘jembalang’ politik” yang tulis oleh Mohd Fudzail Mohd Nor (2017).



Rajah 4.10: Perkaitan naratif Lebai Malang dengan konteks politik Malaysia

Analisis Rangka Rujuk Silang

Petikan artikel yang digunakan untuk analisis RRS



SATIRA | Selepas habis Ramadan, kalian jembalang politikus pelbagai jenama sekular boleh kembali berkeliaran untuk menyetan seperti dahulu, kini dan selamanya.

Syawal melambangkan kemenangan dan pembebasan setan iblis memeriahkan suasana yang semakin bertaraf kleptokrasi kelas premier.

Sebulan lapar dahaga dan tidak campur tangan mana-mana urusan dalaman negara lain, kalian boleh kembali berjoli sakan dengan apa sahaja perompakan, rasuah, penyelewengan dan maksiat seperti sedia kala. Ingatlah, matlamat menghalalkan cara. Cara dan kaedah semuanya halal selagi agama, bangsa dan negara tidak dijajah semula oleh kafir harbi mahupun pembangkang yang tiada langsung idea untuk membangunkan dan memajukan negara selak azali.

Demi masa depan, para ***lebai malang*** taraf ular dalam semak, bersatulah di bawah kepimpinan mazhab Cash is King kerana dalam kemelut ekonomi yang semakin meratah kesiuman bangsa, dedak-dedak juga tidak murah.

Bersyukurlah, dengan adanya 1MDB dan Hang Jolo, kita semakin cepat mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. Bukan lagi tahun 2020, tetapi hujung tahun ini.

(Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada Mohd Nor, 2017)

Untuk memahami pertalian naratif LM dengan kancah politik Malaysia, seharusnya tidak bergantung pada satu-satu leksikal, ayat dan wacananya. Malahan melibatkan konteks yang letaknya jauh daripada naratif yang dikaji. Misalnya, sikap watak LM yang tamak dengan kancah politik Malaysia ada signifikannya. Salah satunya adalah maklumat tambahan yang disediakan oleh penulis untuk mengasosiasikan kedua-dua naratif tersebut. Oleh itu, pembaca akan merujuk data-data tambahan yang berkaitan dengan data utama bagi memastikan penggabungjalinan ini dapat difahami dengan berpada. Proses ini dapat dilakukan secara sistematik dengan RRS (Osman, 2020).

Pemetaan RRS menunjukkan kata nama khas "lebai malang" tidak ditemukan antesedennya di mana-mana secara eksplisitnya dalam petikan berita tersebut. Maka, pembaca mungkin pada awalnya, tidak mempunyai rujukan yang banyak untuk mengaitkan naratif yang mana satu dalam LM. Namun demikian, penulis telah membekalkan banyak premis tambahan yang juga merupakan sebahagian daripada konteks yang memandu pembaca mentafsir maksud yang ingin diungkapkan. Frasa seperti "berjoli sakan", "perompakan", "penyelewengan", "di bawah kepimpinan mazhab Cash is King", "1MDB" serta "Hang Jolo" merupakan punca kepada pembinaan konteks awal pembaca. Di sini dapat difahami oleh pembaca, penulis sebenarnya ingin mengaitkan naratif LM yang ingin memenuhi undangan ketiga-tiga jenis kenduri. Berdasarkan analisis TR awal, pembaca telah dibekalkan dengan konteks sebelumnya, iaitu sikap LM yang tamak sehingga memberi kesan yang buruk pada akhir cerita. Dengan premis tambahan yang memadai, penulis juga telah menyediakan konteks melalui data tambahan yang dapat membantu pembaca memahami makna implisit dalam sesebuah naratif (Osman, 2020). Maka, pembaca dapat memahami pertalian dua naratif ini dengan lebih komprehensif. Data-data tambahan yang difahami melalui analisis RRS dapat membina dan membekalkan konteks kepada pembaca.

Frasa seperti “jembalang politikus pelbagai jenama”, “kemenangan dan pembebasan setan iblis”, “bertaraf kleptokrasi kelas premier”, “tiada langsung idea untuk membangunkan dan memajukan negara” serta “ekonomi yang semakin meratah kesiuman bangsa” telah dijadikan premis untuk menunjukkan ketidakstabilan politik tempatan disebabkan sikap-sikap yang buruk (tamak) dalam kalangan ahli politik tempatan. Hasil daripada pergantungan konteks yang diperoleh pembaca, naratif kepada berita politik yang bertajuk “surat terbuka 'lebai malang' kepada 'jembalang' politik” adalah mengenai kleptokrasi yang melibatkan golongan politik dengan rasuah ataupun tamak kuasa. Pemimpin politik yang tamak mengumpul harta-harta rakyat, menggunakan 'modal' bangsa dan agama untuk mengambil hati rakyat untuk menyokongnya (Li & Cao, 2020).

Mohd Nor (2017) juga menggunakan panggilan “jembalang politikus” bagi menyatakan sifat tamak secara berlebih. Implikatur “Lebai Malang” yang menjurus kepada “sikap yang tamak” dirujuk silangkan dengan kepimpinan mazhab “cash is king” menyebabkan kemelut ekonomi yang mengaut kesiuman bangsa yang ada di negara kita. Sindiran mengenai “ketamakan” turut disuarakan penulis mengenai “1MDB” dan “hang jolo” menjelaskan bahawa sebuah firma penyelidikan kewangan antarabangsa yang berpangkalan di Balakong, Selangor, membuat derma sebanyak dua persepuluh enam bilion dolar Arab, atau dua persepuluh daripada empat bilion dolar. Bagi meningkatkan kesaintifikan kepada maklumat ini, penulis menggunakan metafora “dedak-dedak” bagi merujuk kepada “rasuah”. Menurut Osman dan Chong (2020), proses perubahan makna berlaku daripada leksikal “dedak”, iaitu “serbuk kulit padi untuk makanan haiwan” telah bertukar kepada “sogokan”, “habuan” atau “rasuah”. Tambah mereka, peluasan dan perubahan makna “dedak” yang bermaksud “sogokan”, “habuan” atau “rasuah” semakin besar penggunaannya, terutama di media sosial. Kini, sindiran tajam telah dikeluarkan oleh

pengguna media sosial kerana rentetan daripada kancah politik negara yang sering terkait dengan skandal rasuah. Oleh sebab itu, leksikal "dedak" sangat popular untuk dijadikan sindiran dalam penulisan berbaur politik. Leksikal ini dikatakan sebagai satu kata tang mempunyai mesej sindiran tajam terhadap suasana rasuah ini (Osman & Chong, 2020). Analisis RRS ini berjaya membuat penginterpretasian implikatur bahawa "jemputan LM ke tiga buah kenduri" mempunyai makna metafora. Jadi, pembaca dapat membentuk andaian-andaian seperti berikut:

1) Kancah politik tempatan yang seharusnya berlatarbelakangkan pembangunan, namun turut terpalit "sogokan", "habuan" atau "rasuah". Ini merefleksikan sikap yang tamak dalam kalangan ahli politik.
2) Dalam mencapai objektif dan misi negara, pelbagai aspek perlu dititikberatkan dan tidak boleh diabaikan oleh golongan politik negara ini. Terutamanya di zaman kegawatan ekonomi ini, sejumlah 32 rakyat Malaysia tidak seharusnya mempertaruhkan kualiti kehidupan mereka hanya untuk memuaskan nafsu segelintir ahli politik yang tamakkan kuasa.
3) Dari naratif LM yang terpengaruh dengan mengikut hawa nafsunya yang tamak haloba, pembaca boleh mengambil iktibar supaya tidak terlalu taksub dengan ketamakan, kerana orang tamak selalu rugi.
4) Sikap LM yang sopan santun dan taat kepada perintah Allah SWT seharusnya dititik beratkan oleh ahli politik supaya dapat menunjukkan teladan dalam menyatukan rakyat, mengamalkan tadbir urus negara yang baik, bersih, beradab serta berintegriti dapat membantu rakyat yang terkesan dengan dugaan dalam meneruskan kehidupan.

5) Ketamakan adalah sikap yang tidak menguntungkan, kerana sebilangan kecil ahli politik yang lebih mengutamakan nafsu yang berteraskan kepartian politik masing-masing dan bukannya kesenangan rakyat.

Rumusan

Ujaran ini juga mencapai tahap relevan yang optimum kerana terdapat pembentukan kesan kognitif melalui proses penguatan. Penguatan maklumat ialah proses apabila andaian awal pendengar dapat dikuatkan dengan maklumat baharu diperoleh (Jalaluddin, 2003). Tambah Seruddin (2019), maklumat tersebut adalah disahkan betul, lalu membentuk kesan kognitif yang baik dan berguna untuk membantu pembaca mengurangkan kos memproses dalam menginterpretasikan ujaran yang sebenar. Dalam hal ini, kesinambungan kancah politik tempatan dengan naratif LM bermanifestasi. Hal ini dikatakan demikian kerana pembaca dapat mengaitkan ketamakan dengan amalan rasuah dan penyelewengan dapat merobohkan tadbir urus kerajaan, malah dapat mencalarkan imej baik negara kita Malaysia. Kesan kepada keadaan ini, dapat menyebabkan golongan muda semakin serik dengan sikap tamak kuasa parti politik kerana perkara ini mempengaruhi nasib mereka sebagai generasi masa hadapan negara (Mohd Pilus, 2019).

Fenomena pemimpin yang tamak ini akan menyebabkan orang ramai "membenci" kancah politik tempatan sehingga ke akar umbi, walaupun tidak semua ahli politik dikaitkan dengan rasuah, salah guna kuasa dan nepotisme (Lasswell, 2018). Oleh itu, bagi mengelakkan kebencian rakyat terhadap kancah politik Malaysia, kerajaan seharusnya mengutamakan agenda pemulihan ekonomi dan memerangi ketidakstabilan ekonomi negara. Susulan itu, semua pihak (terutamanya penjawat awam), perlu memainkan peranan masing-masing dalam membantu meningkatkan sektor komoditi negara. Rumusannya, elakkan ketamakan. Maka, pentadbiran sesebuah kerajaan sepatutnya menjadi utama daripada

demokrasi sosial, dan bukannya demokrasi politik. Jadi, kesejahteraan sosial dan ekonomi rakyat seharusnya menjadi petunjuk utama sebuah kerajaan yang berjaya.

4.5 Rumusan bab

Bab ini telah menghuraikan serta membincangkan unsur implisit dan cerita mitos melayu iaitu cerita jenaka melayu berseloka (PK, PP dan LM). Pengkaji telah membuktikan dan mengaplikasikan TR sebagai sebuah teori yang berwibawa dalam menganalisis data-data kajian ini dengan konteks politik tempatan. Sehubungan dengan itu, kebertanggungjawaban dalam menghubungkaitkan makna implisit dalam naratif PP, PP dan LM dengan kancah politik tempatan adalah bermanifestasi.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan merumuskan dapatan kajian yang diperoleh dalam bab-bab terdahulu. Bab ini merupakan bab terakhir kajian ini. Fokus utama bab ini adalah untuk merumuskan secara keseluruhan kajian yang telah dilakukan. Bab ini akan mengetengahkan rumusan dan kesimpulan yang telah diperoleh terhadap permasalahan kajian yang dikemukakan sama ada dari pandangan politik, sikap watak tokoh politik, sastera rakyat serta teori kajian. Kejayaan telah mencapai objektif kajian yang juga akan dirumuskan dan dibuat kesimpulan menyeluruh sebagai bukti bahawa teori dalam bidang bahasa dan linguistik khususnya teori relevans dari cabang ilmu pragmatik dapat digunakan sebagai satu alternatif muktahir mengkaji dan mempertalikan sikap watak-watak dalam mitos Melayu yang digunakan dan diselitkan dalam ujaran-ujaran berbaur politik.

Menurut Rahim (2020), dalam bab lima keseluruhan halaman yang dicadangkan adalah enam sehingga sepuluh halaman sahaja. Berdasarkan pandangan beliau ini, maka pengkaji akan mengemukakan perbincangan bab ini yang akan difokuskan kepada perkara seperti rumusan kajian, implikasi kajian, kebaharuan, cadangan kajian masa hadapan, dan kesimpulan. Aturan ini juga telah dicadangkan oleh Rahim (2020) Berdasarkan aturan perbincangan ini, pengkaji akan dapat mengetengahkan kepentingan untuk menjalankan kajian ini melalui kejayaan menjawab permasalahan kajian dan mencapai objektif kajian tadi. Apabila semua perkara ini telah dirumuskan dan disimpulkan, maka bab ini akan dapat mengetengahkan dapatan baharu dalam mempertalikan watak mitos yang sinonim dalam kehidupan masyarakat Melayu sehingga terbawa-bawa dalam arena politik negara. Hal ini

dikatakan demikan kerana jelas watak-watak mitos seperti LM, PP dan PK dikesan turut muncul dalam pentas politik negara seperti dikemukakan dalam perdebatan, ucapan, berita politik dan sebagainya. Persoalan kenapa watak-watak mitos ini dikemukakan, maka pengkaji telah merungkai hal ini dengan menggunakan teori bahasa. Dari sini, pengkaji seterusnya akan mengemukakan beberapa cadangan yang relevans untuk lanjutan kajian pada masa depan, khususnya penerapan teori pragmatik iaitu TR dalam multi-disiplin ilmu yang lain seperti bidang politik selain bidang bahasa dan linguistik.

5.2 Rumusan kajian

Kajian ini merupakan usaha untuk mengukuhkan dapatan kajian cerita jenaka Melayu dengan konteks politik Malaysia. Demi mencapai matlamat tersebut, kajian ini telah menggariskan tiga objektif untuk dicapai:

Objektif pertama kajian ini, adalah mengenal pasti unsur implisit dalam cerita mitos Melayu (cerita jenaka Melayu) yang terdiri daripada PK, PP dan LM. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat cerminan sikap yang berunsur implisit dalam naratif PP (8 data; 50.0%), PK (6 data; 37.0%) dan LM (2 data; 13.0%). Unsur implisit ini mencakupi makna-makna yang tidak dinyatakan secara langsung dalam teks cerita jenaka tersebut, namun dapat dicerna melalui analisis yang mendalam melalui bahasa, konteks, dan struktur naratif. Berpandukan analisis tekstual yang mendalam, pengkaji telah berupaya menggali dengan lebih jauh mengenai analogi, ironi, metafora, bahkan pemilihan leksikal atau frasa yang mengandungi konotasi tertentu. Objektif pertama ini telah membuka pemahaman yang lebih mendalam mengenai nilai-nilai, norma dan pandangan dunia yang dapat diakses melalui cerita jenaka ini. Dengan mengenal pasti unsur implisit dalam teks kajian ini, telah membuka ruangan kepada penyelidik bidang bahasa dan linguistik (pragmatik) untuk terus meneroka

makna-makna tersirat tersebut berpandukan teori yang berwibawa, seperti TR, RRS dan konsep ad hoc.

Objektif kajian kedua adalah, mengaplikasikan TR terhadap unsur implisit dalam cerita jenaka Melayu. Teori ini memfokuskan cara manusia memahami dan memproses makna dalam komunikasi, terutamanya jika ada unsur tersirat dalam ujaran tersebut. Teori ini juga menekankan cara pendengar atau pembaca membuat pertimbangan mengenai informasi yang disampaikan relevan dan mempunyai nilai informatif bagi pembaca atau pendengar. Dalam konteks cerita jenaka Melayu ini pembaca akan membina konteks sebaik mungkin dan menilai cara penulis dalam menyampaikan makna implisit. Selain itu, dengan TR dan dibantu analisis pragmatik lain seperti RRS dan ad hoc, maka penyelidikan mengenai unsur implisit dalam cerita jenaka Melayu dapat mempengaruhi interpretasi makna oleh pembaca melalui elemen-elemen linguistik dan bukan linguistik. Penggunaan RRS dalam menganalisis data mitos dapat membantu pemahaman sikap watak Melayu dengan lebih berkesan. Hal ini dikatakan demikian kerana data mitos hadir dalam wacana yang panjang, bukannya dalam bentuk leksikal atau ayat selapis. Malahan, terdapat naratif dalam cerita Melayu yang saling berkait dan melangkaui bab dalam teks cerita jenaka Melayu. Maka, pengkaji perlu melakukan rujuk silang data bagi memastikan proses interpretasi makna sentiasa dibantu dengan konteks wacana sama ada sebelum atau selepas maklumat rujukannya. Jadi, objektif kajian kedua ini dapat memberikan struktur dan kerangka yang berwibawa untuk menganalisis cara pengarangan cerita jenaka Melayu dalam mengkomunisasikan makna secara implisit.

Terakhir objektif ketiga bagi kajian ini adalah, menghubungkaitkan makna implisit dalam cerita mitos Melayu dengan kancah politik tempatan. Untuk mencapai objektif ini,

pengkaji melakukan usaha mentafsir makna bagi memperoleh hubungan secara nyata antara sikap watak cerita jenaka Melayu (PP, PK dan LM) dengan konteks politik Malaysia. Pelbagai maklumat rujukan ditelaah oleh pengkaji supaya analisis kajian akan dibantu oleh premis-premis tambahan yang disediakan oleh pengarang bagi mentafsirkan anteseden, iaitu maksud sebenar yang telah dikaji. Komponen-komponen dalam objektif ketiga ini dapat membuktikan bahawa proses interpretasi dapat dilakukan dengan lebih sistematik dan terarah serta membantu mencapai relevan yang optimum.

Di samping itu, bagi menghubungkan makna literal dengan makna implisit, pengkaji memperkukuhkan analisis dengan mengaplikasikan konsep ad hoc peluasan. Hal ini adalah untuk penghubung kepada proses perpindahan atau peralihan daripada konsep makna literal kepada makna implisit. Jadi, bagi mengaitkan dengan kancah politik Malaysia interpretasi makna tersebut akan peka konteks, budaya dan pemikiran pengarangnya. Menurut prinsip kognisi dan komunikasi relevan, yang dikemukakan oleh Osman dan Jalaluddin (2020), maka kajian ini mendapati mitos dalam cerita jenaka Melayu yang dikaji ini telah berfungsi sebagai rangsangan ostensif. Hal ini demikian kerana ujaran-ujaran politik yang memasukkan dialog-dialog atau kata/frasa yang merujuk kepada watak mitos PP, PK, atau LM berupa tarikan (rangsangan) yang apabila dibaca, pembaca akan dapat membayangkan man-mana watak mitos ini dan mengaitkannya dengan bahan cerita yang dikemukakan oleh seseorang ahli politik itu. Hal ini selaras dengan pandangan Osman dan Jalaluddin (2020) yang menyatakan bahawa rangsangan ostentif dicipta untuk menarik perhatian pembaca agar berusaha memproses makna. Selain itu, rangsangan ini juga membantu pembaca atau pendengar menggabungjalinkan cerita jenaka Melayu dan kancah politik Malaysia dengan menemukan andaian konteks dan mengarahkan pembaca melakukan kesimpulan yang

dihajatkan. Maka, relevan yang optimum dianggap tercapai kerana rangsangan stimulus, iaitu mitos ini berbaloi untuk diproses oleh pembaca walaupun usaha memprosesnya tinggi.

5.3 Implikasi kajian

Dalam kajian ini, analisis cerita jenaka Melayu telah membawa kepada pemahaman yang mendalam mengenai hubungan antara unsur humor/jenaka dengan konteks politik di Malaysia. Pada tahap analisis pertama, cerita jenaka PK, PP, dan LM telah terbukti menjadi saluran penting bagi mengekspresikan hal realiti yang berkaitan dengan perkembangan politik di Malaysia. Kajian ini memperjelaskan bahawa cerita jenaka Melayu yang sering menggunakan teknik satira, ironi, dan analogi dapat di signifikan dengan tokoh politik (contohnya bagi kajian ini, Anwar Ibrahim, Ahmad Zahid Hamidi, dan Najib Razak) atau situasi politik (contohnya bagi kajian ini, isu kleptokrasi, isu ketirisan pengiraan undi, isu hubungan dingin antara parti politik). Oleh itu, humor dalam cerita jenaka ini, tidak sekadar menjadi alat hiburan, tetapi menjadi bentuk ekspresi linguistik yang melibatkan ujaran langsung dan tidak langsung terhadap kancah politik di Malaysia.

Seterusnya, mempertahankan martabat dan kewibawaan naskah Melayu tradisional. Kajian terhadap cerita jenaka Melayu oleh pengkaji barat sering memberikan penilaian watak yang kurang memberangsangkan. Dengan adanya kajian ini, penilaian yang lebih seimbang dapat disumbangkan. Kajian ini juga telah menambah sorotan literatur daripada perspektif orang Melayu sendiri. Maka, topik kajian yang memberi tumpuan kepada penggabungjalinan sikap watak mitos Melayu dengan kancah politik Malaysia dapat dimartabatkan dan kewibawaan teks cerita jenaka Melayu dapat dipertahankan. Kajian sebegini dapat membuka mata orang barat, malahan masyarakat Melayu moden dan generasi muda untuk kembali menghargai khazanah ilmu dalam cerita jenaka Melayu.

Di samping itu, implikasi kajian ini dapat mengukuhkan kajian sedia ada dengan kajian linguistik yang bersifat teoritis. TR yang digunakan dalam analisis kajian ini merupakan yang kukuh, diciptakan dan telah diterima oleh pengkaji barat sendiri. Penjelasan dan penghuraian juga telah diberikan secara komprehensif. Dengan itu, dapatan kajian boleh dipertanggungjawabkan dan digunakan sebagai bukti bahawa sikap watak dalam cerita jenaka Melayu tidak hadir untuk merefleksikan sesebuah masyarakat, tetapi membawa makna yang lebih signifikan. Keberhasilan kajian ini dianggap sebagai pengukuhan kepada dapatan sedia ada.

Implikasi kajian seterusnya adalah dapat menjadi pembuka ruang kajian linguistik merentas disiplin. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian-kajian akademik tidak jumud dalam disiplin masing-masing. Tetapi, kajian ini sebaliknya, kerana kajian ini telah membuka ruang untuk menjalinkan kajian secara kerjasama dengan bidang lain. Kajian ini merupakan kajian merentas disiplin linguistik, malah melibatkan beberapa disiplin seperti politik, sejarah dan sastera. Dengan itu, kajian ini secara tidak langsung tidak hanya dimanfaatkan oleh pengkaji linguistik, tetapi dapat juga dimanfaatkan oleh pelbagai pihak termasuklah masyarakat umum. Kajian ini menjadi penyumbang kepada fasa kajian linguistik yang lebih terbuka, mesra dan mudah difahami oleh masyarakat.

Pendekatan linguistik memberi nafas baharu kepada kajian cerita jenaka Melayu. Kajian-kajian cerita jenaka Melayu sebelum ini digiatkan dalam bidang falsafah, sastera dan sejarah. Kajian linguistik ternyata membawa pendekatan yang berbeza, sistematik malah bersifat saintifik. Hal ini dikatakan demikian kerana teori yang mapan dapat menginterpretasikan cerita jenaka Melayu dengan makna yang pelbagai. Dengan adanya kajian seperti ini bukan sahaja memeriahkan dan menambah kosa kata kajian cerita jenaka

Melayu, malah membuktikan bahawa naratif cerita jenaka Melayu bukanlah satu bidang yang konservatif untuk dikaji.

5.4 Kebaharuan kajian

Dalam proses penganalisisan data kajian, pengkaji telah mendapati beberapa dapatan baharu yang menarik dan signifikan. Antaranya, dapatan berbeza bagi analisis data sikap watak mitos Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita jenaka dapat dijadikan medium untuk menyampaikan kritikan atau pandangan terhadap isu-isu politik semasa. Melalui unsur humor, kajian ini mendapati kritikan politik dapat dikritik tidak terlalu serius, tetapi masih berkesan dalam menyampaikan mesej kritikan.

Kajian ini adalah bersifat kreatif dan inovasi. Hal ini dikatakan demikian kerana penghubungjalinan cerita jenaka Melayu dengan politik telah merangsang kreativiti pengkaji dalam mengkaji senario atau plot politik dengan lebih inovatif. Kajian ini dapat mencipta data tarikan yang lebih besar terhadap pembaca umum serta menyebarluaskan maklumat politik dengan lebih menarik.

Cerita jenaka Melayu telah mencerminkan pelbagai sudut pandang terhadap isu politik. Dengan merangkumi pelbagai pandangan dan pendapat, cerita jenaka Melayu dapat membantu mencipta ruang untuk didebatkan dan menjadi pemahaman yang baik dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, kajian ini dapat menjadi medium pembelajaran yang berkesan melalui unsur humor. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat umum akan lebih mudah menerima dan memahami isu-isu politik yang sebenarnya kompleks.

Akhirnya kebaharuan kajian ini adalah sebagai respons terhadap perubahan sosial di Malaysia. Kehadiran cerita jenaka Melayu dengan menyelitkan isu-isu politik semasa dapat

membuktikan keberkesanan masyarakat umum dengan kepekaan sosial, konteks budaya dan seni penulisan. Maka, perkara ini telah menggambarkan sentimen seperti kekhuatiran, ketidakpuasan, kegembiraan atau ketidaksetujuan melalui karakter dan konteks sebenar.

5.5 Cadangan kajian masa hadapan

Kajian ini mempunyai ruang dan liputannya yang tersendiri. Sebuah kajian perlu ditelaah supaya pelbagai aspek boleh ditambah baik demi kepentingan ilmu. Bagi kajian ini, pengkaji telah menggunakan tiga naratif dalam cerita jenaka Melayu (PP, PK, dan LM) untuk dihubungjalinkan dengan kancah politik di Malaysia. Untuk kajian akan datang, data kajian boleh diperluas kepada teks-teks tradisional Melayu yang lain, contohnya Sulalat al-Salatin atau Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah, Hikayat Merong Mahawangsa dan macam-macam lagi. Maka, kajian-kajian akan datang dapat divariasikan lagi dengan penggunaan teks-teks tersebut. Oleh itu, corak dan fenomena metafora dan mitos dapat dianalisis dengan lebih meluas lagi.

Bagi kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan sikap watak utama (PP, PK, LM) dengan konteks politik tempatan. Jadi, cadangan kepada pengkaji-pengkaji akan datang supaya menganalisis juga watak-watak sampingan seperti Mak Andak, Mak Andeh. Hal ini dikatakan demikian kerana watak sampingan turut memberi warna dan kekayaan cerita jenaka tersebut. Dengan mengamati tingkah laku, watak, sikap dan interaksi watak sampingan dengan watak utama pengkaji akan datang dapat meneroka dan merenungkan unsur-unsur kritikan masyarakat.

Dari sudut teori atau pendekatan kajian pula, cadangan pengkaji akan datang boleh menggunakan teori atau pendekatan yang baharu. Contohnya, teori Hibrid atau semantik inkuisitif. Kepelbagaian teori atau pendekatan yang digunakan dalam mengkaji topik yang

berkaitan metafora akan membantu mengangkat nilai teks Melayu tradisional ke satu tahap lebih baik, di samping data-datanya dibuktikan secara saintifik. Kajian mitos juga boleh dikaji dengan lebih meluas dan bersifat multidisiplin. Contohnya, bagi kajian ini terdapat usaha pengkaji dalam menggabungkan data cerita jenaka Melayu dengan konteks politik Malaysia. Maka, pengkaji akan datang juga boleh menggabungkan bidang seperti ekonomi, kejuruteraan, pendidikan, psikologi, antropologi dan sosiologi, perubatan dan banyak lagi. Gabungan pelbagai bidang ilmu dalam mengkaji teks Melayu tradisional dapat memeriahkan lagi dan menguatkan lagi hujah-hujah baharu dalam kajian yang bakal dilaksanakan kelak.

Di samping itu, cadangan kepada pengkaji akan datang supaya dapat membuat perbandingan antara teks tradisional. Perbandingan ini boleh dilakukan antara teks Melayu tradisional sendiri dengan teks tradisional bangsa lain seperti Eropah, Yunani ataupun Hindu. Walaupun kajian seperti ini memerlukan kemahiran dua bahasa atau lebih, namun kajian perbandingan dijangka dapat menghasilkan dapatan yang menarik.

5.6 Rumusan bab

Kajian ini telah mengambil inisiatif untuk menjelaskan dan menghuraikan makna tersirat dengan menggunakan analisis linguistik yang bersifat teoretis, sistematik dan mempunyai asas rujukan yang sahih. Kajian mengenai cerita jenaka Melayu dapat didedahkan dengan pemahaman sebenar dalam konteks politik di Malaysia dan berjaya diinterpretasikan dengan berpada dan berwibawa. Maka, kajian ini sebagai ekspresi kepada pandangan atau perasaan yang lebih inklusif.

RUJUKAN

Abdullah, A. S. (2020, Januari 3). Ahli Parlimen Wangsa Maju jelir lidah pada peniaga. *Sinar Harian Online*. https://www.sinarharian.com.my/article/64 474/EDISI/Selangor-KL/Ahli-Parlimen-Wangsa-Maju-jelir-lidah-pada-peniaga

Abdullah, M. M. (1993). Konsep malu dan segan orang Melayu berdasarkan hikayat dan cerita Melayu lama. In A. H. Othman (Ed.), *Psikologi Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah, N. A., & Daud, M. Z. (2020). Pemaknaan semula sinonim leksikal "nepotisme" berteraskan data korpus: Analisis pragmatik. *LSP International Journal*, *7*(1), 61-79.

Adam, R. (2004). *Biografi politik: Tunku Abdul Rahman Putra*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad, A. A. (1979). *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad, H. (1963). *Cerita jenaka Melayu*. Yayasan Karyawan.

Ahmad, H. (2007). *Cerita jenaka Melayu (edisi kedua)*. Yayasan Karyawan.

Ahmad, M. (2015, Februari 25). Membentuk minda, sikap kelas pertama cintakan kebersihan. *Berita Harian Online*. https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/02/36806/membentuk-minda-sikap-kelas-pertama-cintakan-kebersihan

Ahmad, R. (2017). Sikap liberal dalam memahami Fiqh Mazhab Syafi'i: Realiti dan fenomena di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, *4*(1), 119-140.

Ajzen, J., & Fishbein, M. (1973). Attitudinal and normative variables as predictors of specific behavior. *Journal of Personality and Social Psychology*, *27*(1), 41–57.

Alam, F., & Qudsi, Z. (2018). Hadis dan mitos Jawa. *Riwayah*, *3*(1), 109-120.

Aldaruqy, M. Z. (2019). Perilaku politik generasi milenial: Sebuah studi perilaku memilih (voting behavior). *Jurnal Psikologi Jambi, 4*(1), 10-15.

Alfarisi, A. S., Firdayani, F. A., Safitri, A. A., Ariyanti, F., & Pradana, A. B. H. (2019). Mitos dan budaya kaapunan Masyarakat Gantung, Belitung Timur di Tengah Masyarakat Global-Mulikultural. *Buletin Kuliah Kerja Nyata Pendidikan*, *1*(1), 18-22.

Ali, M. (1989). *Kajian kesusasteraan Melayu klasik*. Flo Enterprise Sdn. Bhd.

Alit, D. M. (2017). Prahara di kerajaan Gelgel: Studi kasus pembrontakan I Gusti Agung Maruti terhadap Dalem Dimade tahun 1651. *Social Studies*, *5*(1), 1-10.

Allan, K. (2010). *Concise encyclopedia of semantics*. Elsevier.

Amin, K. A. M. (2020, Februari 24). Kerajaan PH secara rasmi hilang majoriti. *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/article/71299/KHAS/Peralihan-Kerajaan/Kerajaan-PH-secara-rasmi-hilang-majoriti

Amin, R., & Mohamad, A. N. A. (2016). Benazir Bhutto dalam pembentukan peradaban Islam di Pakistan. *e-BANGI*, *11*(1), 163-180.

Amir, A. (2015). *Media sosial ada baik dan buruknya – Prof Ulung Shamsul Amri*. Pusat Komunikasi Korporat, Universiti Kebangsaan Malaysia. https://www.ukm.my/news/Latest_News/media-sosial-ada-baik-dan-buruknya-prof-ulung-shamsul-amri/

Anggoro, B. (2018). "Wayang dan seni pertunjukan" kajian sejarah perkembangan seni wayang di Tanah Jawa sebagai seni pertunjukan dan dakwah. *JUSPI: Jurnal Sejarah Peradaban Islam*, *2*(2), 257-268.

Anggraini, P. (2017). Citra tokoh perempuan dalam Cerita Anak Indonesia: Sebuah pendekatan kritik feminisme. *KEMBARA: Journal of Scientific Language Literature and Teaching*, *2*(1), 67-76.

Ashana, N. R., Daud, R., & Mokhtar, L. (2020, Mac 8). Najib dominasi media sosial di Malaysia. *Sinar Harian Online*. https://www.sinarharian.com.my/article/72943/LAPORAN-KHAS/Najib-dominasi-media-sosial-di-Malaysia

Asih, T. (2013). Nilai pendidikan karakter dalam novel Kau, Aku, dan Sepucuk Angpau Merah karya Tere Liye dan relevansinya sebagai bahan pembelajaran sastra di kelas XI SMA. *Surya Bahtera*, *1*(8), 19-27.

Asmolov, K. V., & Lebedev, V. V. (2021). North Korea's ideology and propaganda: Signs of change. *Russia in Global Affairs, 19*(1), 70-97.

Astuti, S. P. (2018). Keterampilan menulis paragraf mahasiswa Fakultas Ilmu Budaya Universitas Diponegoro Semarang. *Nusa: Jurnal Ilmu Bahasa dan Sastra*, *13*(4), 604-613.

Austin, J. L. (1962). *How to do things with words*. Oxford University Press.

Awang Besar, J., Fauzi, R., & Ghazali, A. S. (2012). Penilaian awal impak perlaksanaan Dasar Perumahan Negara terhadap sektor perumahan di Kuala Lumpur. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, *8*(6), 90-108.

Awang, A. H. (2023, May 19). Kerajaan lalang ditiup angin. *Harakahdaily Online*. https://harakahdaily.net/index.php/2023/05/19/kerajaan-lalang-ditiup-angin/

AwangBesar, J., Jali, M. F. M., Ibrahim, Y., Sidek, A. H., Amir, J., Fauzi, R., & Lyndon, N. (2012). Persepsi politik pengundi belia Melayu pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu*, *9*(2), 191-214.

Aziz, J. (2019). Exploring gender issues associated with wanita/woman and perempuan/woman in Malaysian parliamentary debates: A culturomic approach. *GEMA Online Journal of Language Studies*, *19*(4), 278-303.

Aziz, J. B. (2020). Woman filmmaking in a Malay Muslim construct: A critical appraisal of Suhaimi Baba's oeuvre. *Feminist Media Studies*, *20*(8), 1298-1301.

Aziz, M. A. (2017, July 10). *Masalah komunikasi selepas kecederaan otak traumatik*. MyHEALTH - Kementerian Kesihatan Malaysia. https://www.myhealth.gov.my/masalah-komunikasi-selepas-kecederaan-otak-traumatik/

Baba, H. (2015). *Bahasa berkias dan nilai Melayu: Analisis pragmatik* [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bakhri, A. C. (2020). *Sikap politik partai keadilan sejahtera sebagai partai oposisi* (Disertasi Kedoktoran, Universitas Negeri Jakarta).

Baldick, C. (2001). *The concise oxford dictionary of literary terms*. Oxford.

Balmain, C. (2008). *Introduction to Japanese horror film*. Edinburgh University Press.

Barawery, I., Hafid, A., & Hatsama, A. (2020). Konsep hegemoni dalam naskah keterangan tuturan Raja Wertuar. *FRASA: Jurnal Keilmuan, Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, *1*(2), 19-31.

Barbara, A. W., & Leonard, L. Y. (2017). *A history of Malaysia*. Bloomsbury Publishing.

Barsalou, L. W. (1987). *The instability of graded structure: Implications for the nature of concepts*. Cambridge University Press.

Barton, G. (2002). *Biografi Gus Dur: The authorized biography of Abdurrahman Wahid*. Lkis Pelangi Aksara.

Blanton, L. S., & Kegley, C. W. (2016). *World politics: Trend and transformation, 2016–2017*. Cengage Learning.

Borisová, S. (2020). Increasing pupils' interest in nature protection and sustainable development through a philosophical literary story. *Ad Alta: Journal of Interdisciplinary Research*, *10*(2), 27-30.

Bottoms, J. C. (1965). Some Malay historical sources: A bibliography note. Dalam Soedjatmoko, M. A., Resink, G. J., & G. Mc T. Kahin (Pytn.). *An introduction to Indonesian historiography* (hlm. 156-193). Cornell University Press.

Boyman, S. N., & Jawan, J. A. (2020). Kajian Laporan Penambahbaikan Suruhanjaya Pilihan Raya: Satu Pandangan. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, *40*(1), 116-132.

Braginsky, V. I. (1994). *Erti keindahan dan keindahan erti dalam kesusasteraan Melayu klasik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bridgman, T., Cummings, S., & Ballard, J. (2019). Who built Maslow's pyramid? A history of the creation of management studies' most famous symbol and its implications for management education. *Academy of management learning & education*, *18*(1), 81-98.

Brown, M., & Hattenstone, S. (2010). *Aung San Suu Kyi's tragic love and incredible life come to the big screen.* Guardian Press.

Burhan, N. (2015). *Teori pengkajian fiksi*. Gadjah Mada University Press.

Campbell, J. (2017). *Bios and mythos*. Joseph Campbell Foundation.

Carston, R. (2000). *Explicit communication and 'Free' pragmatic enrichment*. Palgrave Macmillan.

Chaplin, J. P., & Kartono, K. (1989). *Kamus lengkap psikologi*. Rajawali Pers.

Charaudeau, P., Maingueneau, D., & Adam, J. (2002). *Dictionnaire d'analyse du discours*. Seuil.

Chen, L., Liu, S., Wang, Y., & Hu, X. (2021). Humble leader behavior and team creativity: the team learning perspective. *Journal of Managerial Psychology*, *36*(3), 272-284.

Chen, Y., & Wang, W. (2019). Semiotic analysis of viewers' reception of Chinese subtitles: A relevance theory perspective. *Journal of Specialised Translation*, *32*, 194-216.

Chew, F. P. (2007). Sastera Melayu dan prasangka etnik: Isu-isu dan persoalan. *Masalah Pendidikan*, *30*(1), 61-78.

Childs, P., & Fowler, R. (2006). *The Rutledge dictionary of literary terms.* Routledge.

Clarke, G. B. C. (2021). *Guidelines for the leader and the commander*. Rowman & Littlefield.

Clive, S. K. (2003). *Malaysia: Islam, society and politics*. Institute of Southeast Asian Studies.

Crano, W. D. (1997). Vested interest, symbolic politics, and attitude-behaviour consistency. *Journal of Personality and Social Psychology*, *72*(3), 497-500.

Crawfurd, J. (1820). *History of the Indian Archipelago*: *Containing an account of the manners*, *arts*, *languages*, *religions*, *institutions and commerce of it inhabitants.* A. Constable and Co.

Crawfurd, J. (1820). *History of the Indian Archipelago*. New York Publisher.

Crawfurd, J. (1920). *History of the Indian Archipelago*. New York Publisher.

Dale, R. D. (2021). *Pelayanan sebagai pemimpin*. Yayasan Penerbit Gandum Mas.

Dase, A. B. (2019). Kontribusi hermeneutis 1 raja-raja 21 terhadap konflik Agraria di Indonesia. *BIA': Jurnal Teologi dan Pendidikan Kristen Kontekstual*, *2*(1), 40-54.

Daud, M. Z. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif* [Unpublished master's thesis]. Universiti Malaysia Sarawak.

Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2021). Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang mempertalikan politik tempatan: Analisis pragmatik. *Issues in Language Studies*, *10*(1), 110-130.

Daud, M. Z., Abdullah, N. A., & Subet, M. F. (2021). Refleksi sisi negatif burung gagak dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies, 10*(2), 24-44.

Davenport, K. (2018). Summit reflects new attitudes, old challenges. *Arms Control Today*, *48*(6), 23-26.

Deraman, N. (2021, May 23). 'Koyak Israel' berjaya jatuh moral pengganas zionis. *Harakah Daily*. https://harakahdaily.net/index.php/2021/05/23/koyak-isra el-berjaya-jatuh-moral-pengganas-zionis/

Desa, N. E., Zali, A. A., & Muhammad, N. A. (2017). Kritikan terhadap politik kepimpinan melalui penghasilan karya seni. *Idealogy Journal*, *2*(2), 122-129.

Díaz-Pérez, F. J. (2014). Relevance Theory and translation: Translating puns in Spanish film titles into English. *Journal of pragmatics*, *70*(1), 108-129.

Ding, C. M. (2009). *Manuskrip Melayu: Sumber maklumat peribumi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dux, G. (2017). *Die zeit in der geschichte: Ihre entwicklungslogik vom mythos zur weltzeit*. Springer-Verlag.

Eckert, P., & Rickford, J. R. (2001). *Style and sociolinguistic variation*. Cambridge University Press.

Effendy, T. (2007). *Khazanah pantun Melayu Riau*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fairclough, N. (2003). *Analysing discourse: Textual analysis for social research*. Routledge.

Fang, L. Y. (2011). *Sejarah kesusastraan Melayu kelasik*. Yayasan Pustaka Obor Indonesia.

Fauzi, A. (1989). Kesan khas dalam filem rahsia. Dalam Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pytn.), *Cintai filem Malaysia* (hlm. 162-165). Perbadanan Kemajuan Filem Nasional.

Febrianto, D. (2019). Perilaku tokoh pada novel Kaki Langit Talumae karya Wishnu Mahendra: Kajian psikologi (behavioristik operant conditioning). *Jurnal Nasional Bahasa dan Sastra, 3*(2), 265-273.

Fei, D. Y. (2015). Addie Bundren, A round character in As I Lay Dying. *International Journal of Liberal Arts and Social Science, 3*(7), 102-106.

Fetzer, A. (2004). *Recontextualizing context*. John Benjamins.

Firmansyah, E. (2013). Pemikiran politik Islam Mustofa Bisri dalam puisi: Persfektif hermeneutika kerohanian. *LITERASI: Indonesian Journal of Humanities*, *2*(2), 181-197.

Fitriani, N., Kenedi, G., & Afnibar, A. (2020). Sikap peserta didik terhadap pembelajaran pendidikan agama Islam dan hubungannya dengan hasil belajar di SMPN Kota Padang. *At-Tarbiyah: Jurnal Pendidikan Islam*, *11*(2), 101-115.

Floor 88. (2019, July 29). *Floor 88 - Hutang (Pok Amai Amai)* [Video]. YouTube. https://www.youtube.com/watch?v=QFrJmhUQtuk

Frank, A. W. (2013). *The wounded storyteller: Body, illness, and ethics*. University of Chicago Press.

Fréchet, N., Savoie, J., & Dufresne, Y. (2020). Analysis of text-analysis syllabi: Building a text-analysis syllabus using scaling. *PS: Political Science & Politics*, *53*(2), 338-343.

Gay, L., & Airasian, P. (2003). *Educational research: Competencies for analysis and application*. Pearson International Edition.

Ghazali, M. F., & Padoli, M. F. (2016, March). *Bauran satira dalam Pak Pandir Moden* [Paper presentation]. Workshop on High Impact Journal Writing and Publishing, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

Grice, H. P. (1975). Logic and conversation. In P. Cole & J. L. Morgan (Eds.), *Syntax and semantics, vol. 3, speech acts* (pp. 41-58). Academic Press.

Grizzard, M., Francemone, C. J., Fitzgerald, K., Huang, J., & Ahn, C. (2020). Interdependence of narrative characters: Implications for media theories. *Journal of Communication*, *70*(2), 274-301.

Gunawan, I. M., Endriani, A., & Malina, R. (2019). Pengaruh konseling behavioristik terhadap sikap keuletan pada siswa kelas VIII SMP Negeri 3 Batukliang Utara. *Jurnal Kependidikan: Jurnal Hasil Penelitian dan Kajian Kepustakaan di Bidang Pendidikan, Pengajaran dan Pembelajaran*, *5*(1), 21-26.

Hadley, B. (2017). *Theatre, social media, and meaning making*. Springer.

Halim, M. F. A. (2014). *Sikap pemimpin (al-mala') terhadap dakwah para rasul.* Penerbit USM.

Hamdan, R., & Annuar, A. B. (2020). Perspektif 'Melayu Malas' dan 'Melayu Bodoh' oleh Barat serta kebenarannya berdasarkan cerita jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*, *2*(3), 71-82.

Hamdi, I. H., Jawan, J., & Efendi, D. (2018). Profesionalisme militari dan politik: Suatu analisis konseptual. *e-BANGI*, *13*(1), 1-14.

Hamdi, S. (2018). Integrasi budaya, pendidikan, dan politik dalam dakwah Nahdlatul Wathan (NW) di Lombok: Kajian biografi TGH. Zainuddin Abdul Madjid. *Jurnal Sosiologi Walisongo*, *2*(2), 105-122.

Hamid, M. F. A., & Radzi, H. (2020). Struktur tema dalam manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum ke-14. *Jurnal Linguistik, 24*(1), 109-125.

Hamid, S. A. (2016). Mass media effect on changes in social community. *e-BANGI Journal*, *13*(1), 214-226.

Hamzah, A. W. (2017, November 9). Karya sastera diadaptasi ke layar perak. *Berita Harian Online*. https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian5831/20171109/28 25 05773875655

Hamzah, Z. A. Z. (2000). *Penggunaan bahasa dalam pertuturan kanak-kanak Melayu: Satu analisis pragmatik* (Tesis sarjana, Universiti Putera Malaysia).

Haris, A. H. (2018). Ulama dan perjuangan politik: Peranan Masyumi terhadap penubuhan Hizbul Muslimin di Tanah Melayu, 1947-1948. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, *10*(3), 104-112.

Hassan, A., & Mohd, A. (2003). *Tesaurus bahasa Melayu*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Hassan, F., & Isa, H. M. (2014). Mitos dan legenda sebagai produk pelancongan di Malaysia: Kajian kes Lembah Lenggong. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, *10*(5), 168-179.

Hassan, Z. (2000). *Puisi Melayu tradisional: pantun, syair, gurindam, nazam, seloka*. Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.

Hawkesworth, M., & Kogan, M. (2013). *Encyclopedia of government and politics*. Routledge.

Hedel, N. E. F., & Subet, M. F. (2020). Peristiwa aneh dalam cerita rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal*, *3*(2), 147-160.

Hodder, J. (2017). On absence and abundance: Biography as method in archival research. *Area*, *49*(4), 452-459.

Howell, E. (2021). Becoming Kim Jong Un: a former CIA officer's insights into North Korea's enigmatic young dictator. *International Affairs, 97*(1), 254-256.

Huang, Y. (2014). *Pragmatics*. Oxford University Press.

Hussain, H. (2020, August 11). Media sosial medium murah, pantas suarakan pendapat. *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/article /96145/BERITA/ Nasional/Media-sosial-medium-murah-pantas-suarakan-pendapat

Huynh, T. T. (2017). The language used by the Khmer community in ha Tien town, Kien Giang province. *Science & Technology Development Journal - Social Sciences & Humanities*, *1*(2), 73-81.

Hymes, D. (1974). *Ways of speaking. explorations in the ethnography of speaking*. Cambridge University Press.

Idid, S. A. (1992). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.

Idris, N. A. (1990). Peranan dan pengaruh Tunku Abdul Rahman dalam sejarah dasar luar negara: tahun-tahun awalan (1957-1962). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy, 18*(1), 229-261.

Idris, W. (2012, 10 Julai). Nilai filem tempatan. *Utusan Malaysia Online*. http://ww1.utusan.com.my/utusan/Hiburan/20120710/hi_01/Nilai-filem-tempatan

Illani, R. (2019, Jun 28). Perbezaan antara mitos, dongeng, legenda dan hikayat. https://iluminasi.com/bm/perbezaan-antara-mitos-dongeng- legenda-dan-hikayat.html

Imron, M. A. (2017). *Pengkajian sastra teori dan aplikasi*. Djiwa Amarta Press.

Intihan, B. R. (2020). *Peranan pemimpin pondok pesantren Arrobbani dalam membangun sikap sosial masyarakat di Desa Wanasaba Kecamatan Wanasaba Kabupaten Lombok Timur* (Doctoral dissertation, UIN Mataram).

Ismail, M. S. (2015). *Watak dan perwatakan utama dalam cerita jenaka Melayu* (Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia).

Ismail, M. S., Bakar, R. A., & Effendy, N. R. N. M. (2018). Cerita jenaka Melayu suatu manifestasi watak dan perwatakan positif. *Jurnal Melayu Sedunia*, *1*(1), 296-329.

Ismail, Z. (2018). Antikolonialisme dalam karya-karya Dr Burhanuddin Al Helmi. *Jurnal Peradaban Melayu, 13*(1), 15-27.

Jaafar, F. (2007). *Perdana Menteri dan dasar luar Malaysia 1957-2005*. Penerbit Universiti Malaya.

Jabar, N. A. (2019). Keunggulan ikon membawa teladan dalam seloka Melayu. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu*, *7*(1), 172-191.

Jabar, N. A., & Ghazali, M. F. (2021). Komunikasi bahasa sindiran dalam Seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, *37*(1), 364-378.

Jahja, Y. (2011). *Psikologi perkembangan*. Kencana.

Jalal, B. (2016, November 27). 3 ciri utama perlu ada pada pemimpin. *Berita Harian Online*. https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/11/217290/3-ciri-utama-perlu-ada-pada-pemimpin

Jalaluddin, N. H. (1992). *Semantik dan pragmatik: Satu pengenalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jalaluddin, N. H. (1999). *Relevens komunikasi dan kognisi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jalaluddin, N. H. (2003). *Bahasa dalam perniagaan: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jalaluddin, N. H. (2004). Masa dan masyarakat Melayu: Peradaban berterusan. *Jurnal Dewan Bahasa*, *4*(2), 257-276.

Jalaluddin, N. H. (2007). *Bahasa dalam perniagaan: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jalaluddin, N. H. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit UKM.

Jalaluddin, N. H., & Awal, N. M. (2017). Citra lelaki dulu dan kini dalam prosa Melayu: Analisis Teori Relevans. *Jurnal e-Bangi*, *1*(1), 1-21.

Jalaluddin, N. H., & Syah, A. H. (2009). Penelitian makna imbuhan Pen- dalam Bahasa Melayu: Satu kajian rangka rujuk silang. *GEMA Online Journal of Language Studies*, *9*(2), 57-72.

Jin, S., & Wang, B. (2012). A relevance theoretic-based approach to verbal humor in Joe Wong's talk show. *International Journal of English Linguistics*, *2*(3), 44-48.

Johnson, L. (2006). Valuing the arts: Theorising and realising cultural capital in an Australian city. *Geographical Research*, *33*(3), 296-309.

Jones, P., Quinn, E., & Koskinen, J. (2020). Measuring centrality in film narratives using dynamic character interaction networks. *Social Networks*, *63*(1), 21-37.

Juki, H., & Salleh, C. I. (2017). Kesantunan pantun Melayu Sarawak. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, *5*(1), 56-100.

Jumingan, M. F. (2009). Penggunaan konsep kolokasi dalam penterjemahan Arab-Melayu. *Jurnal Penterjemahan Antarabangsa*, *12*(1), 181-186.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kassim, S. S. A. (2020, February 24). Dr Mahathir letak jawatan perdana menteri, pengerusiBersatu. *mStar*. https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/02/24/tun-m-letak-jawatan

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2018). *Jenis warisan*. http://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view =article&id= 594:jenis-warisan&catid=65:dokumen&lang=en

Kempson, R. M. (1986). Ambiguity and the semantics and pragmatics distinction. Dalam C. Travis (Pynt.), *Meaning and interpretation* (p. 135-154). Basil Blackwell.

Kerajaan Malaysia. (2012). *Pelan Transformasi Minda*. Jabatan Perkhidmatan Awam. https://www.kompetensi.jpa.gov.my/ptm/Pekeliling/pp142012.pdf

Khozin, W. (2013). Sikap keagamaan dan potensi radikalisme agama mahasiswa perguruan tinggi agama. *EDUKASI: Jurnal Penelitian Pendidikan Agama dan Keagamaan*, *11*(3), 289-304.

Khuluk, L. (2000). *Fajar kebangunan ulama; Biografi KH. Hasyim Asy'ari*. Lkis Pelangi Aksara.

Killoran, J. B. (2003). The gnome in the front yard and other public figurations: Genres of self-presentation on personal home pages. *Biography, 26*(1), 66-83.

Kim, N., Kim, H. K., Wojcieszak, M., Igartua, J. J., & Lim, C. M. (2020). The presence of the protagonist: Explaining narrative perspective effects through social presence. *Media Psychology*, *23*(6), 891-914.

Krcmaric, D., Nelson, S. C., & Roberts, A. (2020). Studying leaders and elites: The personal biography approach. *Annual Review of Political Science*, *23*(1), 133-151.

Laksana, I. K. D. (2020). Standardisasi pengajaran BIPA: Revaluasi metode menuju kompetensi komunikatif. *PUSTAKA: Jurnal Ilmu-Ilmu Budaya*, *20*(2), 99-106.

Lamiri, H., & Dawam, Z. M. (2020). Malaysia film posters from the perspective of Malay culture. *Jurnal Gendang Alam, 10*(2), 177-195.

Lasswell, H. D. (2018). *Politics: Who gets what, when, how*. Pickle Partners Publishing.

Lee, E. S. (2014). The ambiguous practices of the inauthentic Asian American woman. *Hypatia*, *29*(1), 146-163.

Lee, F., & Liang, H. (2020). Perceived threat of a linguistic community and context effect on attitude toward immigration in Hong Kong. *Asian Journal of Social Science*, *48*(3-4), 250-273.

Leech, G. N. (1983). *Principles of Pragmatics*. Longman.

Leni, N. (2013). Keterlibatan militer dalam kancah politik di Indonesia. *Jurnal Tapis: Jurnal Teropong Aspirasi Politik Islam*, *9*(1), 31-45.

Li, H., & Cao, Y. (2020). Time for politics: The relationship between political attitude and implicit space-time mappings. *Current Psychology*, *10*(1), 121-144.

Liamputtong, P. (2014). *Kaedah penyelidikan kuantitatif*. UPM Press.

Long, N. T., & Van, V. H. (2020). Ancestor worshiping beliefs in the beliefs and religion life of Vietnamese people: Nature, values, and changes of it in the current period. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology*, *17*(3), 370-388.

Low, K. O. (2014). Superioriti rakyat dalam lelucon cerita Abu Nawas asal dan cerita Abu Nawas versi Sabah. *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, 7*(2), 152-171.

Lubis, L. A. (2011). *Persepsi kaum Tionghoa dan peribumi terhadap interaksi komunikasi antara budaya di Sumatera Utara: Satu kajian kes di Bandar Medan* (Disertasi Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia).

Lyons, J. (1994). *Bahasa, makna dan konteks*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmood, P. R. (2013). *Awang Lurus*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmood, P. R. (2013). *Awang Lurus.* Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maier, M. J. (1988). *In the center of authority: The Malay Hikayat Merong Mahawangsa*. Cornell University Publisher.

Manan, S. (2017). Pembinaan akhlak mulia melalui keteladanan dan pembiasaan. *Jurnal Pendidikan Agama Islam-Ta'lim*, *2*(1), 49-65.

Manas, S. A. (2018). *Apa kata Islam mengenai wanita politik*. PTS Islamika.

Masri, S. (2006). *Bahasa Melayu*. Maziza Sdn.Bhd.

Mat Yusof, M. A. A. H. (2021, May 12). Israel 'koyak' diserang 'Bawang Rangers' Malaysia. *Kosmo!*. https://www.kosmo.com.my/2021/05/12/israel-koyak-diserang-bawang-rangers-malaysia/

Mat, I. (2020, Oktober 16). Jangan heret negara ke kancah politik tidak menentu. *Berita HarianOnline*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/742515/jangan-heret-negara-ke-kancah-politik-tidak-menentu

McEnery, T., & Wilson., A. (1996). *Corpus linguistics*. Edinburgh University Press.

Md Amin, N. A. (2023, September 21). Bersatu Tanjung Piai nafi terbubar. *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/article/186734/berita/politik/bersatu-tanjung-piai-nafi-terbubar

Minderop, A. (2010). *Psikologi sastra: Karya, metode, teori, dan contoh kasus*. Yayasan Pustaka Obor Indonesia.

Misra, M. K. A., & Awang, J. (2012). Persepsi wanita Buddha dan wanita Muslim terhadap dialog agama: Kajian di Kuala Lumpur. *Jurnal al-Hikmah*, *4*(1), 131-147.

Moezzi, M., Janda, K. B., & Rotmann, S. (2017). Using stories, narratives, and storytelling in energy and climate change research. *Energy Research & Social Science*, *31*(1), 1-10.

Mohamad Noor, K., & Awang Besar, J. (2020). Persepsi terhadap penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun: Kajian kes di Dewan Undangan Negeri (DUN) Dengkil. *Jurnal Wacana Sarjana*, *4*(3), 1-20.

Mohamad Nor, M. H. (2017). *Metafora anatomi dalam bahasa Melayu* (Disertasi Kedoktoran, Universiti Malaya).

Mohamad, A. (2018). *Makna siratan dalam novel politik Melayu terpilih: Analisis berdasarkan gagasan kritikan Melayu* (Disertasi Kedoktoran, Universiti Malaya).

Mohamad, K. A., & Yassin, A. F. (2000). *Insan pejuang: Bangsa Melayu abad ke-20*. Yayasan Warisan Johor.

Mohamad, M. (2020, January 20). PH akan gagal selagi pemimpin tidak berhenti bergaduh sesama sendiri - PM. *Berita Awani Online*. https://www.astroaw ani.com/berita-politik/ph-akan-gagal-selagi-pemimpin-tidak-berhenti-bergaduh-sesama-sendiri-pm-228548

Mohamed, H. (2020, February 26). 'Cah keting' gugat akuan bersumpah (SD)? *Suara Merdeka*. https://suaramerdeka.com.my/cah-keting-gugat-akuan-bersumpah-sd/

Mohammad, H. (2019, February 2). Gangguan emosi si sopak. *Berita Harian Online*. https://www.bharian.com.my/wanita/sihat/2019/02/526789/gangguan-emosi-si-sopak

Mohd Pilus, F. A. (2019, July 4). Daripada 21 ke 18 tahun. *Harian Metro Online*. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/07/476089/daripada-21-ke-18-tahun

Muller, J. N., Moroco, A., Loloi, J., Portolese, A., Wakefield, B. H., King, T. S., & Olympia, R. (2020). Violence depicted in superhero-based films stratified by protagonist/antagonist and gender. *Cureus*, *12*(2), 43-68.

Mutalib, Z. A. (2022, October 5). Membubarkan parlimen ketika musim banjir – drama politik Rafizi Ramli. *Harian Matro*. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/10/889001/rafizi-insan-ajaib-saravanan-metrotv

Nikolajeva, M. (2002). *The rhetoric of character in children's literature*. Scarecrow Press.

Norazizan, N. A., & Annuar, S. N. S. (2018). Pengaruh politik dalam muzik indie di Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana, 2*(1), 1-19.

Norrthon, S. (2019). To stage an overlap–The longitudinal, collaborative and embodied process of staging eight lines in a professional theatre rehearsal process. *Journal of Pragmatics*, *142*(1), 171-184.

Novy, A., Swiatek, D. C., & Moulaert, F. (2012). Social cohesion: A conceptual and political elucidation. *Urban Studies*, *49*(9), 1873-1889.

Omar, A. (1998). *Concepts of conflict, war and peace in the Malay language.* Akademi Pengajian Melayu.

Omar, A. H. (1996). *Wacana perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Omar, A. H. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Osman, M. (2020). *Metafora mitos dalam Salalat al-Salatin: Analisis teori relevans* [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Osman, M. T. (1974). *Kesusasteraan Melayu lama*. Federal Publications.

Osman, M. T. (1974). *Kesusasteraan Melayu lama*. Federal Publications.

Osman, M. T. (2007). *Cerita jenaka Melayu*, Yayasan Karyawan.

Osman, M., & Jalaluddin, N. H. (2015, Januari 21-22). *Makna di sebalik mitos hubungan China-Melaka dalam Sulalat-as-Salatin: Analisis teori relevans*. Kertas

persidangan yang dibentang dalam Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK2015), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Osman, M., & Jalaluddin, N. H. (2014). Social criticism via myths and metaphors: An Ad-hoc analysis. *Procedia - Social and Behavioral Sciences, 118*(11), 265-272.

Osman, M., & Jalaluddin, N. H. (2018). Metafora kritikan dalam mitos peminangan Puteri Gunung Ledang: Analisis pragmatik. *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, *11*(1), 19-46.

Osman, M., & Jalaluddin, N. H. (2020). Pengabsahan mitos kegagahan Badang melalui metafora: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, *20*(1), 49-78.

Osman, Z. H. Y., & Hamzah, Z. A. Z. (2020). Ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu. *Jurnal Linguistik*, *24*(1), 33-50.

Othman, H. (2009). *Malay historical thought.* Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Parzi, M. N. (2020, May 28). BERSATU gugurkan keahlian Tun M, empat yang lain. *Berita Harian Online*. https://www.bharian.com.my/ berita/nasional/2020/05/ 693821/bersatu-gugurkan-keahlian-tun-m-empat-yang-lain

Pasiak, H. T. (2007). *Brain management for self-improvement*. Mizan Pustaka.

Peng, C. F., & Ishak, Z. (2009). Malay folk literature in early childhood education among Malaysians. *EDUCARE: International Journal for Educational Studies*, *2*(1), 69-82.

Pieter, H. Z. (2018). *Pengantar psikologi untuk kebidanan*. Penerbit Kencana.

Potter, W. J. (2008). *Arguing for a general framework for mass media scholarship*. SAGE.

Price, H., & Wilson, J. (2019). Relevance theory and metaphor: An analysis of Tom Waits''Emotional Weather Report'. *Language and Literature*, *28*(1), 61-81.

Puteh, A. (2001). Perkembangan dan pembentukan remaja menurut perspektif Islam. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies, 19*(2), 79-101.

Puteh, O., & Said, A. (2008). *Himpunan 366 cerita rakyat Malaysia*. Utusan Publications.

Putih, O., & Said, A. (1995). *Himpunan 366 cerita rakyat Malaysia*. Utusan Publications.

Putnam, M. M., Richmond, E. M., Brunick, K. L., Wright, C. A., & Calvert, S. L. (2018). Influence of a Character-Based App on children's learning of nutritional information: Should apps be served with a side of media characters?. *Games for Health Journal*, *7*(2), 121-126.

Rahim, N. A. (2020). *Jom tulis tesis*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Rahimin, D. N. (2019). Mitos dan legenda: Di sebalik percanggahan fakta dalam sejarah Asia Tenggara. *Jurnal Kemanusiaan*, *17*(1), 29-30.

Rahma, I. Z. (2017). *Ambiguitas sikap politik Aung San Suu Kyi terhadap masalah segregasi etnis Rohingya* (Disertasi Kedoktoran, Universitas Muhammadiyah Malang).

Rahman, A. A., & Hassan, H. (2019). *Analisis laporan akhbar isu 1MDB dari sudut pragmatik*. In *Persidangan Linguistik Bahasa dan Pendidikan* (pp. 101-109). Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Pulau Pinang, Malaysia.

Rais, H. (2020, January 8). Komunis dan sejarah kiri. *Malaysia Kini*. https://www.malaysiakini.com/columns/506296

Rani, F., & Putra, A. F. P. (2016). Kebijakan luar negeri Korea Utara dibawah kepemimpinan Kim Jong UN dalam proliferasi nuklir terhadap Korea Selatan tahun 2013-2015. *Jurnal Online Mahasiswa Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, 3(*2) 1-10.

Razali, L. S., & Radzi, S. B. M. (2019). Puisi lisan: Pemerkasaan warisan bangsa Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, *2*(1), 234-277.

Redzuan, M. (2011, August 14). Jawapan SPR macam Pak Pandir. *Harakahdaily Online*. https://suarapakatandaily.com/archives/1730

Reuters, M. (2020, February 24). Kronologi hubungan Mahathir - Anwar. *Harian Metro Online*. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/02/547870/kronologi-hubungan-mahathir-anwar

Rijal, S., & Bachtiar, S. (2015). Hubungan antara sikap, kemandirian belajar, dan gaya belajar dengan hasil belajar kognitif siswa. *Jurnal Bioedukatika*, *3*(2), 15-20.

Rindi, S. (2023, December 4). Nasi panas vs nasi dingin, mana yang aman untuk diabetes? *CNBCIndonesia*. https://www.cnbcindonesia.com/lifestyle/20231204104753-33-494268/nasi-panas-vs-nasi-dingin-mana-yang-aman-untuk-diabetes

Ritos, S., & Daud, M. Z. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis pragmatik. *Asian People Journal*, *3*(1), 64-83.

Rod, H., & Martin, H. (2013). *Comparative government and politics: An introduction.* Macmillan International Higher Education.

Rokimin, M. (2008). Seperti Sejalur Pelangi: Pemaparan konflik remaja menuju kecemerlangan. *Jurnal Melayu*, *3*(1), 179-218.

Romandona, G. (2011).*Super lengkap bahasa Indonesia*. Gagas Media.

Rosli, F. A., & Yusof, T. A. (2018, April 16). Wangsa Maju majoriti Melayu, sesuai untuk UMNO. *Berita Harian Online*. https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/04/412837/wangsa-maju-majoriti-melayu-sesuai-untuk-umno

Rosman, A. S., Fadzillah, N. A., Haron, Z., Ripin, M. N., Hensan, A., Jandra, M., & Jamil, N. A. O. (2019). Fatwa & sains perubatan moden menurut perspektif Maqasid Syariah. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilization Studies, 6*(2), 151-164.

Rosso, M. (2008). User-based identification of web genres. *Journal of the American Society for Information Science and Technology*, *59*(1), 1053-1072.

Rush, M. (2014). *Politics and society*. Routledge.

Rusli, H. M. (2018). *Adaptasi kesusasteraan rakyat cerita jenaka Melayu dalam karya seni cetakan kontemporari* [Unpublished master's thesis]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Rusli, H. M., & Zali, A. A. (2020). Adaptasi kesusasteraan rakyat (cerita Si Luncai) dalam karya seni cetakan. *Idealogy Journal*, *5*(1), 43-56.

Ruzki, R. M., Sarabatin, M. A., & Parzi, M. N. (2018, Januari 7). Sorakan sokongan Tun Dr Mahathir. *Berita Harian Online*. https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/01/372184/sorakan-sokongan-tun-dr-mahathir

Saad, N. H. M., & Jalaluddin, N. H. (2020). Imbuhan men-dengan kata nama konkrit unsur alam: Analisis teori relevans. *GEMA Online Journal of Language Studies*, *20*(3), 136-155.

Said, S. H. (2013). *Kamus peribahasa Melayu*. Pelangi Publishing Sdn Bhd.

Sakti, A. (2020). Penerapan sikap pemimpin menurut perspektif Al-Qur'an dalam konsep pengawasan dan evaluasi. *Tadbir: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, *8*(1), 27-38.

Salle, S. (2020). *Sistem hukum dan penegakan hukum*. CV. Social Politic Genius.

Salleh, M. H. (2011). Sailing the Archipelago in a boat of rhymes; Pantun in the Malay world. *Wacana, Journal of the Humanities of Indonesia*, *13*(1), 41-53.

Saludin, M. R. (2013). Puisi Melayu tradisional. *Jurnal Peradaban Melayu*, *8*(1), 1-13.

Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020a). Perwatakan dalam novel KOMSAS "Di Sebalik Dinara": Analisis teori relevan. *Asian People Journal*, *3*(1), 84-100.

Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020b). Teori relevans dalam pembelajaran KOMSAS. *Borneo International Journal*, *2*(4), 47-54.

Schino, M. (2020). *Alchemists of the stage: Theatre laboratories in Europe*. Routledge.

Schulze, C., Grassmann, S., & Tomasello, M. (2013). 3-Year-old children make relevance inferences in indirect verbal communication. *Child development*, *84*(6), 2079-2093.

Schwartz, K. (2017, September 6). Should Aung San Suu Kyi give back her Nobel peace prize?. *News Australian Online*. https://www.news.com.au/travel/destinations/asia/should-aung-san-suu-kyi-give-back-her-nobel-peace-prize/news-story/2a2e214551ba4e 490b99116c5a9fc406

Scott, K. (2013). Pragmatically motivated null subjects in English: A relevance theory perspective. *Journal of Pragmatics*, *53*, 68-83.

Scuzzarello, S. (2020). Practising privilege. How settling in Thailand enables older Western migrants to enact privilege over local people. *Journal of Ethnic and Migration Studies*, *46*(8), 1606-1628.

Searle, J. R. (1969). *Speech acts: An essay in the philosophy of language*. Cambridge University Press.

Selvia, G. (2020). *Pemikiran Mohammad Natsir tentang Islam dan politik di Indonesia 1927-1993* (Disertasi Kedoktoran, UIN Sunan Gunung Djati Bandung).

Seruddin, E. Z. (2019). Pantang larang suku Kedayan di Brunei: Analisis berdasarkan teori pragmatik dan etnografi pertuturan. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, *3*(1), 211-232.

Shaari, R. (1991). *Lukisan zaman*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Sheppard, M. (2007). *Tunku: His life and times*. Pelanduk Publications.

Sholikin, A. (2018). Perbedaan sikap politik elektoral Muhammadiyah antara pusat dan daerah. *Jurnal Polinter Prodi Ilmu Politik, 3*(2), 1-22.

Shuaib, I. S. (2018, Julai 8). Teladan rakyat Jepun, Syed Saddiq pula kutip sampah di stadium. *MStar Terkini*. https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2018/07/08/syed-saddiq-kutip-sampah

Sigar, J. H. S. (2008). *Pergerakan kamera boleh mewakili watak* (Disertasi Kedoktoran, Universiti Malaysia Sarawak).

Sihombing, F. R. A. (2020). *Efek kecemasan orangtua single parent terhadap psikologi anak di Desa Sitampa Simatoras Kecamatan Batang Angkola Kabupaten Tapanuli Selatan* (Disertasi Kedoktoran, IAIN Padangsidimpuan).

Simarmata, S. (2014). *Media dan politik: Sikap pers terhadap pemerintahan koalisi di Indonesia*. Yayasan Pustaka Obor Indonesia.

Siregar, E. Y. (2013). Penerapan Cognitive Behavior Therapy (CBT) terhadap pengurangan durasi bermain games pada individu yang mengalami games addiction. *Jurnal Psikologi*, *9*(1), 17-24.

Sittwe, M. (2015, Mei 21). Rohingya boat people: Myanmar's shame. *The Economist*. https://www.economist.com/asia/2015/05/21/myanmars-shame

Situmorang, D. D. B. (2018). Mahasiswa mengalami academic anxiety terhadap skripsi? Berikan konseling cognitive behavior therapy dengan musik. *Jurnal Bimbingan dan Konseling Ar-Rahman*, *3*(2), 31-42.

Skeat, W. W. (1965). *Malay magic: An introduction to the folklore and popular religion of the Malay peninsula*. Psychology Press.

Soeffner, H. G. (2019). *Der geplante mythos*. Springer Fachmedien Wiesbaden.

Sperber, D. & Wilson, D. (1995). *Postface relevance: Communication and cognition*. Blackwell Publishers.

Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Blackwell Publishers.

Stam, R. (2000). Beyond fidelity: The dialogics of adaptation. *Journal of Film Adaptation*, *13*(4), 54-76.

Stockwell, A. J. (2008). Merdeka! looking back at Independence Day in Malaya, 31 August 1957. *Indonesia and the Malay World*, *36*(106), 327-344.

Subet, M. F. (2009, Mac). *Analisis teori relevans dalam personifikasi* [Paper presentation]. Prosiding Seminar Kebangsaan Linguistik 2009 (SKALi 2009), Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Subet, M. F. (2010). *Interpretasi makna bahasa figuratif sebagai cerminan emosi: Satu analisis teori relevans* [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Subet, M. F. (2018). Analisis Teori Relevans dalam metafora. *Jurnal Bahasa*, *18*(1), 159-188.

Subet, M. F., & Md Nasir, M. R. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, *16*(2), 227–253.

Subet, M. F., Nadarajan, S., & Abang Suhai, D. S. (2015, March). *Mengimbas mitos pribumi malas adakah Pak Pandir dan Ma'taroi mangsa ideologi zaman industri?* [Poster session]. Council for Native Customs and Traditions, Majlis Adat Istiadat, Sarawak.

Sugiarto, E. (2016). *Pantun dan puisi lama Melayu*. Grup Khitah Publishing.

Suharyat, Y. (2009). Hubungan antara sikap, minat dan perilaku manusia. *Jurnal Region*, *1*(3), 1-19.

Sulaiman, M. F. (2004). *Kebahagiaan: Definisi Islam*. Utusan Publications.

Sullivan, C. (2007) Disposable elements? Indications of genre in early modern titles. *Modern Language Review, 102*(3), 641-53.

Sultan, N. H. H. H. (2015). *Stereotaip gender dan pekerjaan wanita dalam sektor perhotelan di Pulau Langkawi, Kedah* (Disertasi Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia).

Suprapto, W. & Kariadi, D. (2017). Kontestasi etnis di kancah politik. *Jurnal Sosial Humaniora,* 8(2), 119-125.

Susanto, A., Wahyuni, M., Muharram, B., Asdar, M. T., Nasrullah, N., Karim, P. A., & Akbar, M. (2020). *Biografi tokoh-tokoh sosiologi klasik sampai postmodern*. IAIN Parepare Nusantara Press.

Sweeney, P. J., & Fry, L. W. (2012). Character development through spiritual leadership. *Consulting Psychology Journal: Practice and Research*, *64*(2), 89-99.

Taib, G. M. (2012). *Pertimbangan hukum syarak dalam menentukan pendirian politik: kajian dalam kalangan penduduk daerah Pasir Mas Kelantan* (Tesis Sarjana, Universiti Malaya).

Tandal, A. N., & Egam, P. P. (2011). Arsitektur berwawasan perilaku (behaviorisme). *Media Matrasain*, *8*(1), 53-76.

Tarigan, M. (2012). *Komunikasi interpersonal kaum lesbian di Kota Pontianak Kalimantan Barat* (Disertasi Kedoktoran, Universitas Veteran Yogyakarta).

Teik, K. B. (2003). *Beyond Mahathir: Malaysian politics and its discontents*. Zed Books.

Trumble, W. R., & Stevenson, A. (2003). *Shorter oxford English dictionary on historical principles.* Oxford.

Tu, C., & Brown, S. (2020). Character mediation of plot structure: Toward an embodied model of narrative. *Frontiers of Narrative Studies*, *6*(1), 77-112.

Tucker, F. (2016). *Player choices with round character avatars* (Disertasi Kedoktoran, Drexel University).

Tudor, A. (2012). Why horror? The peculiar pleasures of a popular genre. *Cultural Studies, 11*(3), 443-463.

Urvantsev, G. V. (2019). Literary and sociological aspects in State-of-the-Nation Novels. *Footpath, 12*(1), 28-37.

Vesta, E. (2010). The controllability of difference: Social cohesion and the new politics of solidarity. *Ethnicities*, *10*(4), 503-521.

Victor, B. (2002). *The Lady: Aung San Suu Kyi: Nobel laureate and Burma's prisoner*. Farrar, Straus and Giroux.

Vuong, Q. H., Ho, M. T., Nguyen, H. K. T., Vuong, T. T., Tran, T., Hoang, K. L., & La, V. P. (2020). On how religions could accidentally incite lies and violence: Folktales as

Wahid, P. R. A. (2008). Bahasa reseptif dan bahasa ekspresif dalam komunikasi verbal: Pemelajaran Bahasa Melayu kanak-kanak Sindrom Down. *Jurnal Pengajian Melayu*, *19*(1), 143-166.

Wibawa, P. A. (2013). *Aspek sosial dalam novel 5 CM karya Donny Dhirgantoro: Tinjauan Sosiologi sastra dan implementasinya sebagai bahan ajar di SMA* (Disertasi Kedoktoran, Universitas Muhammadiyah Surakarta).

Wibisono, G. (2013. *Kajian psikologi wanita novel Jalan Bandungan karya NH. Dini* (Tesis sarjana, Universitas Jamber).

Wilkinson, R. J. (1975). *A History of the Peninsular Malays, with chapters on Perak & Selangor*. AMS Press.

Wilson, V. (2014). *Research methods: Triangulation*. Longman.

Winstedt, R. O. (1956). *A history of Malaya* (3rd ed.). Marican & Sons.

Winstedt, R. O. (1957). *The Malays: A cultural history* (3rd ed.). Marican & Sons.

Winstedt, R. O. (1969). *A history of classical Malay literature*. Oxford University Press.

Winstedt, R. O. (1975). *a history of classical Malay literature.* Oxford University Press.

Wirwan, S. (2010). *Pengantar umum psikologi*. Raja Grafindo Persada.

Wittenbrook, H., Humble, L., Gniady, T., & Kloster, D. (2018). *Using jetstream to enable large-scale text analysis of tweets.* [Paper presentation]. Proceedings of PEARC Conference (PEARC'18). ACM, New York, NY, USA.

Wong, S. H. (2013a). Bahasa figuratif sebagai wahana pemikiran: Satu analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, *13*(1), 39-63.

Wong, S. H. (2013b). Keharmonian kaum dalam ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis teori relevans. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, *11*(1), 1-20.

Wong, S. H. (2014a). Penggunaan simbol dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis teori relevans. *Jurnal Bahasa*, *14*(1), 60-96.

Wong, S. H. (2014b). Ungkapan implisit dalam berita bola sepak Piala Dunia 2014: Analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, *14*(2), 219-238.

Wong, S. H. (2015). *Kesantunan berbahasa Tunku Abdul Rahman dalam ucapan sulung Sebagai Yang Dipertua UMNO Malaya*. In *Persidangan Bahasa: Memartabatkan Bahasa Melayu (MBM) 2015* (pp. 66-79). Jabatan Pengajian Melayu, IPG Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak.

Wong, S. H. (2016). *Keimplisitan ujaran dalam ucapan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj: Satu analisis Teori Relevans* [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Malaysia Sarawak.

Ya, C. A. C. (2016). *Novel berunsur politik kenegaraan Malaysia dan Indonesia: Kajian bandingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yaakup, H. S. (2016). Filem seram tempatan: Menelusuri perubahan kepercayaan masyarakat Melayu. *Forum Komunikasi, 11*(2), 65-86.

Yaakup, H. S. (2018). Tombiruo: Adaptasi novel ke filem dan representasi kepercayaan setempat. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, *34*(2), 323-337.

Yacob, K. (2021, April 3). Umno tempah baju 'Pak Kaduk' pada PRU15. *Malaysia Now*. https://www.malaysianow.com/my/opinion/2021/04/03/umno-tempah-baju-pak-kaduk-pada-pru15

Yahya, A. B. (2020, May 19). ROS: Peletakan jawatan Dr M sah, Muhyiddin berhak jadi pemangku pengerusi. *Malaysia Kini Online*. https://www.malaysiakini.com/news/526451

Yahya, R. H. (1973). *Cerita jenaka*. Penerbit Fajar Buku.

Yahya, S. A. (2018). *Politik dan dakwah dalam perjuangan Ikhwan al Muslimin di Mesir, 1970-1981* (Disertasi Kedoktoran, Universiti Malaya).

Yayuk, R. (2018). Representasi mitos Batiyanan pada masyarakat Banjar. *UNDAS: Jurnal Hasil Penelitian Bahasa dan Sastera, 14*(1), 58-79.

Yule, G. (2016). *The study of language*. Cambridge University Press.

Yusof, F., & Mustafar, F. W. (2019). Cabaran bujang lewat usia: Stigma terhadap wanita berkerjaya. *Jurnal Sains Sosial@ Malaysian Journal of Social Sciences*, *2*(1), 117-129.

Yusop, S. H. (2017, November 23). Drama adaptasi novel bawa budaya "menakutkan". *Berita Harian Online*. https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/1 /354 403/drama-adaptasinovel-bawa-budaya-menakutkan

Zahid, I. (1998). Peribahasa Melayu: Satu klasifikasi yang tiada penentu. *Jurnal Dewan Bahasa*, *42*(11), 978-984.

Zainudin, H. A. (2010). *Research methodology for business & social science*. University Publication Centre (UPENA).

Zakaria, F. (2015). *In defense of a liberal education*. National Geographic Books.

Zuchdi, D. (1995). Pembentukan sikap. *Cakrawala Pendidikan, 3*(1), 51-63.

APENDIKS

Apendiks A: Senarai Penerbitan

1. **Muhammad Zaid Daud**, Mary Fatimah Subet, & Awang Azman Awang Pawi. (2023a). Systematic literature review: A study of Malay mythical characters in reflecting attitudes from pragmatic perspective. *Journal of Biomechanical Science and Engineering, 17*(2), 239-249.
2. **Muhammad Zaid Daud**, Mary Fatimah Subet, & Awang Azman Awang Pawi. (2023b). Pak Kaduk's narrative in Malaysian political news: A pragmatic analysis. *Jilin Daxue Xuebao (Gongxueban)/Journal of Jilin University (Engineering and Technology Edition), 42*(9), 253-263.
3. **Muhammad Zaid Daud**, & Mary Fatimah Subet. (2022). Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia, 40*(1), 179-253.
4. **Muhammad Zaid Daud**, & Mary Fatimah Subet. (2021). Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang mempertalikan politik tempatan: Analisis pragmatik. *Issues in Language Studies, 10*(1), 110-130.
5. **Muhammad Zaid Daud**, Mary Fatimah Subet, & Awang Azman Awang Pawi. (2023c). Interpretasi politik tempatan dalam ungkapan "Aduhai Malangnya Pak Kaduk, Ayamnya Menang Kampung Tergadai": Analisis Pragmatik. *Asian People Journal, 6*(1), 23-35.
6. **Muhammad Zaid Daud**, Mary Fatimah Subet, & Awang Azman Awang Pawi. (2023d, October). *Menyingkap rahsia warna dan emosi dalam mitos Pak Kaduk: Analisis pragmatik* [Paper presentation]. Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (RENTAS 2023), Hotel EDC, Universiti Utara Malaysia.

7. **Muhammad Zaid Daud,** Mary Fatimah Subet, & Awang Azman Awang Pawi. (2021, September). *"Aduhai malangnya Pak Kaduk, Ayamnya menang kampung tergadai" sebagai manifestasi kritikan dalam kancah politik tempatan: Analisis pragmatik* [Paper presentation]. The 3rd International Conference on Language Studies (iCLS 2021), Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.
8. **Muhammad Zaid Daud**, Mary Fatimah Subet, & Awang Azman Awang Pawi. (2023e, Oktober 11). Metafora kritikan dalam mengasosiasikan naratif Pak Kaduk dengan konteks politik tempatan: Analisis pragmatik. *Buletin Penyelidikan Cendekia*, *1*(1), 8.

Apendiks B: Cerita jenaka penuh

Cerita jenaka Pak Kaduk

SEBERMULA, maka adalah sebuah negeri bernama Cempaka Seri, rajanya bernama Indera Sari. Maka baginda itu cukup lengkap seperti adat istiadat kerajaan yang lain-lain juga, akan tetapi ada pun tabiat baginda itu terlalulah suka menyabung dan berjudi, sehingga menjadi suatu amalan pada baginda itu. Dengan hal yang demikian, habislah sekalian rakyat seisi negeri itu menjadi asyik leka dengan berjudi juga pada setiap masa; tiada sekali-kali mengambil bena kepada mendirikan syariat Nabi Sallallahu 'alaihi wa salam, kerana raja-raja dan orang besar-besarnya terlalu amat suka mengerjakan pekerjaan yang maksiat itu.

Maka adalah pula seorang tua sedang pertengahan umur, nama nya Pak Kadok, tinggal di tepi sungai ujung negeri itu juga. Ada pun akan Pak Kadok ini terlalu dungu serta dengan tololnya. Maka adalah kepada suatu hari Pak Kadok berkata kepada isteri nya, 'Aku ini, Mak Siti, ingin pula rasanya hendak pergi menya bung ke gelanggang baginda itu, kerana terlalulah suka pula aku melihatkan orang menyabung beramai-ramaian di situ. Mari kita sabung ayam biring Si Kunani kita itu, kerana ayam itu pada petuanya terlalu bertuah. Boleh kita taruhkan kampung kita ini kepada baginda. Kalau menang kita, tentulah kita mendapat duit baginda itu.'

Maka ujar isteri Pak Kadok, 'Jikalau begitu, baiklah, pergilah awak menyabung, bawa ayam kita itu.'

Maka sahut Pak Kadok, 'Jahitkanlah baju dan seluar aku dahu lu dari kertas yang baharu kubeli ini. Lekaslah menjahitnya.'

Maka kata isterinya, 'Bagaimana awak hendak membuatkan baju dan seluar kertas ini? Jikalau dipakai kelak tentulah carik bertelanjang tengah gelanggang sabungan itu. Bukankah awak malu besar?"

Ujar Pak Kadok, "Tiada mengapa. Buatkan juga lekas-lekas, aku hendak pergi.' Setelah itu isteri Pak Kadok pun segeralah mengambil gunting lalu mengguntingkan seluar dan baju itu dengan tiada berdaya lagi.

Maka kata Pak Kadok, 'Usahlah dijahit, perekat sahajalah, supaya bangat.' Serta lepas digunting oleh isterinya itu dengan sesungguhnya diperekatlah olehnya. Apabila sudah, lalu diberikan kepada Pak Kadok, maka ia pun segeralah memakai pakaiannya sedondon, yaitu berbunga tanjung, merah, kuning, hitam dan putih, terlalu hebat rupanya, tambahan pula berkena tengkolok helang me nyongsong angin. Apatah lagi! Tampaknya Pak Kadok seperti jua ra yang maha faham pada sabung menyabung.

Setelah sudah mustaid sekaliannya, Pak Kadok pun lalu turun menangkap ayamnya biring Si Kunani itu, serta dengan tabung tajinya, lalu berjalan menuju ke gelanggang baginda itu. Selang tiada berapa lamanya, ia pun sampailah ke tengah medan menyabung itu.

Hatta, telah dilihat oleh baginda akan Pak Kadok datang itu, maka dikenallah oleh baginda seraya bertitah, Hai Pak Kadok, apa khabar? Menyabungkah kita?"

Maka sembah Pak Kadok, 'Daulat Tuanku, persilakanlah kita menyabung kerana ayam patik inipun belum lagi patik ketahui tuah malangnya, Tuanku.'

Maka titah baginda, 'Cuba juga bawa kemari ayam Pak Kadok supaya beta lihat.'

Maka Pak Kadok pun segeralah menyembahkan ayamnya itu, lalu disambut oleh baginda serta diamat-amati. Diketahuilah oleh baginda tersangat bertuah ayam Pak Kadok itu. Maka titah baginda, 'Hai Pak Kadok, mari kita bertukar ayam. Ambillah ayam beta ini, elok, cuba

lihat romannya jalak putih mata, dan ayam Pak Kadok biring Si Kunani sahaja tiada berapa tuahnya.'

Setelah didengar oleh Pak Kadok akan titah baginda menggula dirinya itu, percayalah ia. Maka sembahnya, 'Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, jikalau sudah dengan titah duli yang maha mulia, relalah patik, seperti titah itu sedia terjunjung di atas jemala ubun-ubun patik."

Pada akhirnya lalu bertukarlah keduanya akan ayam masing masing. Maka sangatlah sukacita baginda beroleh ayam Pak Ka dok itu.

Maka baginda pun bertitah kepada juaranya menyuruh bulang ayam itu. Maka Tok Juara Tua pun lalulah membulang ayam biring Si Kunani yang bertukar dengan Pak Kadok itu, mengena kan taji bentuk alang serta dengan berbagai-bagai isyarat dan petuanya. Maka Pak Kadok pun segeralah membulang ayamnya yang bertukar dengan baginda itu, yaitu tuntung tajinya di hala kan ke hadapan dan putingnya ke belakang.

Maka titah baginda, 'Hai Pak Kadok, apakah taruhnya kita menyabung ayam ini? Soronglah dahulu supaya beta lihat.'

Maka sembah Pak Kadok, 'Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, patik ini tiada apa harta yang ada, hanya kampung sebuah itu sahaja. Jikalau ada ampun dan kurnia ke bawah duli Tuanku, kampung itulah patik gadaikan ke bawah duli Tuanku menjadi tanggungan memohonkan berhutang kadar lima puluh rial.'

Maka titah baginda, "Baiklah.'

Lalu dikurniakan oleh baginda wang yang sebanyak permintaan Pak Kadok itu kepadanya dengan memegang gadaian kampung itu. Telah sudah, baginda pun menyorongkan taruhnya lima puluh rial juga, jumlahnya seratus rial. Maka serta sudah, baginda pun mengajak Pak Kadok melepaskan ayam masing-masing. Sembah Pak Kadok, 'Silakanlah, Tuanku.'

Maka baginda pun lalulah menguja-uja ayam keduanya itu. Maka naiklah bengis keduanya, serta meremang bulu suak di tengkuknya, lalulah bersama-sama melepaskan ayam masing-masing. Maka ayam biring Si Kunani pun datanglah menggelepur ayam jalak. Dan Si Jalak pun segera membalas pula, tetapi kasihan! Sungguhpun Si Jalak membalas, percuma sahaja, kerana tajinya dibulang oleh Pak Kadok, juara tuntungnya ke hadapan dan pu tingnya ke belakang. Jadinya bila Si Jalak membalas itu tertikamlah pada dadanya sendiri lalu tersungkur menggelupur di tengah gelanggang itu, kerana dua liang sudah lukanya; sekali terkena tikam oleh taji Si Biring dan sekali ditikam oleh tajinya sendiri.

Setelah Pak Kadok melihatkan ayam jalak sudah mati dan Si Biring itu menang, maka ia pun lupalah akan hal ia telah bertukar dengan baginda tadi. Wah! Apatah lagi! Ia pun tiadalah sedarkan dirinya seraya bertepuk tangan dan bersorak serta melompat-lom pat lalu menyerukan tuah ayamnya itu. Maka oleh tersangat bertepuk dan melompat itu, habis pecah bercarik-carik seluar dan baju kertasnya itu, bercabiran diterbangkan oleh angin berkeping keping ke sana kemari bercamping-camping. Maka Pak Kadok pun tinggallah berdiri di tengah khalayak yang banyak itu dengan ber telanjang bogel sahaja.

Hatta, demi dilihat oleh baginda dengan sekalian orang besar besar dan rakyat tentera hina dina sekalian akan hal Pak Kadok ini, semuanya tertawa serta bertepuk tangan dengan tempik so raknya kesukaan melihatkan temasya Pak Kadok itu. Demikian juga baginda pun tertawa bersama-sama. Maka adapun akan Pak Kadok, demi ia melihat sekalian mereka itu habis tertawa, ia pun tercengang pula kerana pada sangkanya mereka itu menumpang kesukaan dirinya itu. Kemudian apabila ia menoleh kepada tubuhnya, baharulah diketahuinya akan dirinya bertelanjang bulat itu. Adohai! Malunya yang amat sangat, lalu ia berkejar lari de ngan bersungguh-sungguh hatinya, langsung pulang terus ke rumahnya.

Maka baginda pun berseru dengan nyaring suaranya, 'Ini lah malang Pak Kadok, ayamnya menang, kampung tergadai.'

Maka baginda dengan sekalian yang ada di dalam medan sa bung itupun kembalilah masing-masing ke rumahnya.

Adapun akan Pak Kadok lari itu tiadalah ia memandang lagi ke kiri ke kanan. Serta ia sampai ke rumahnya seraya terpandang oleh Mak Siti, maka terperanjatlah orang tua itu, seraya berkata, 'Apa kena awak, Pak Siti, seperti orang gila ini?'

Maka oleh Pak Kadok dikabarkannyalah daripada awal hingga ke akhirnya. Serta didengar sahaja oleh isterinya akan hal suami nya itu, ia pun menangislah, kerana mengenangkan untungnya yang malang itu dengan berbagai-bagai sungut leternya akan Pak Kadok oleh kebodohannya itu. Maka Pak Kadok pun diamlah terkosel-kosel, tiada berani menjawab akan isterinya, lalu ia pergi membuat kerjanya sehari-sehari itu juga.

Sekali peristiwa, Pak Kadok dijemput oleh orang makan ken duri. Mula-mula datang orang yang di hilir sungai tempatnya ting gal itu mempersilakan Pak Kadok ke rumahnya pada esok hari, waktu zuhur, yaitu makanannya seekor kerbau. Maka katanya, "Baiklah.'

Setelah mereka itu sudah kembali, ada seketika, datang pula orang dari hulu sungai itu menjemput Pak Kadok ke rumahnya pada esok hari juga tatkala tengahari muda, yaitu jamuannya me motong lembu dua ekor pula. Itupun disanggupnya juga.

Telah hari malam, Pak Kadok pun tidurlah kedua laki-isteri. Adapun adat Pak Kadok telah lazim padanya setiap pagi mema kan nasi dingin yang telah direndam oleh isterinya pada malam itu. Apabila sudah makan nasi yang tersebut itu, baharulah ia pergi barang ke mana-mana membuat kerjanya.

Hatta, setelah keesokan harinya, pagi-pagi Pak Kadok pun bangunlah bersiap memakai pakaiannya, lalu turun memikul pengayuh berjalan menuju ke pangkalan. Serta dilihat oleh isterinya ia pun menyeru akan suaminya, katanya, 'Hai Pak Siti, tidakkah hendak makan nasi rendam ini lagi? Sementangkan nak makan lembu dan kerbau nasi ini ditinggalkan sahajakah?'

Maka sahut Pak Kadok, 'Tak usahlah, curahkan ke tanah, biar dimakan oleh ayam kita." Maka oleh isterinya dengan sebenar nasi itu dibuangkannya ke tanah, dan Pak Kadok pun turun ke perahunya lalu berkayuh.

Adapun pada masa itu air sungai sedang surut terlalu amat derasnya. Maka Pak Kadok berfikir di dalam hatinya, 'Ke mana baik aku pergi. Jika ke hilir tiada penat dan teruk aku berkayuh, hanya menurutkan air hilir sahaja, tetapi kerbau seekor ke mana kah padanya. Kalau begitu baiklah aku mudik juga.' la pun lalu berkayuh mudik menongkah air surut itu dengan terbengkil-bengkil. Apabila penat ia berhenti sambil berfikir pula, hampirlah akan petang, tubuh Pak Kadok terlalu amat letih dan lesunya. Lama kelamaan datang bebal hatinya serta merampus lalu ia menurunkan layar dan melabuh sauhnya seraya memben tangkan kajang berbaring-baring melepaskan jerihnya.

Maka dengan kudrat Allah yang maha kaya menunjukkan ke malangan nasib Pak Kadok, angin paksa pun turunlah berpuput dengan ugahari kencangnya, seolah-olah khianatkan Pak Kadok lakunya. Tetapi sia-sialah sahaja puputan bayu yang sedemikian itu moleknya hingga menjadi paksa yang maha baik dengan sebab kemalasan menjadi kemalangan bagi diri Pak Kadok, hingga dita harkan perahunya ulang-aling dipalu oleh ombak dengan gelom bang di tengah sungai itu, seraya berkata, 'Ceh! Angin bedebah ini sahajakan ia hendak menunjukkan makarnya kepada aku. Sedang lah sudah sehari suntuk aku hanyut, tak mahu turun, agaknya oleh tegar hatiku. Biarlah tak usah aku belayar, asalkan puas rasa hatiku. Jangan aku

menurutkan kehendak engkau.' Kemudian ia pun tidurlah dengan terlalu amat nyedarnya, ke rana lelah dan kelaparan.

Hatta, setelah keesokan harinya, pagi-pagi Pak Kadok pun ba ngunlah membongkar sauhnya seraya berkayuh perlahan-lahan se hari-harian itu, hingga petang baharulah ia sampai ke rumah saha batnya itu, seraya mengangkat sekalian barang-barangnya naik ke situ. Maka tinggallah Pak Kadok menumpang di rumah handainya itu selama-lamanya, dengan tiada sekali-kali ingatannya hendak kembali ke kampung halamannya dari sebab bodohnya.

Maka dari kerana kemalangan diri Pak Kadok itu senantiasa diperbuat orang akan bidalan oleh sekalian mereka pada zaman sekarang dengan seloka, demikianlah bunyinya:

Aduhai malang Pak Kadok!

Ayamnya menang kampung tergadai! Ada nasi dicurahkan,

Awak pulang kebuluran!

Mudik menongkah surut, Hilir menongkah pasang!

Ada isteri dibunuh, Nyaris mati oleh tak makan! Masa belayar kematian angin, Sudah dilabuh bayu berpuput, Ada rumah bertandang duduk!

Cerita Jenaka Pak Pandir

ALKISAH, maka adalah kononnya sebuah hutan. Maka di dalam hutan itu ada dua orang miskin laki-isteri. Akan yang lakinya itu bernama Pak Pandir dan isterinya itu bernama Mak Andeh. Ada- pun Pak Pandir itu tersangatlah bodoh serta dengan dungunya. Maka kerjanya itu bercucuk tanam pada sepanjang masa.

Dengan hal yang demikian, beberapa lamanya, Mak Andeh pun hamillah. Setelah genap bulannya, maka Mak Andeh pun bersalin-lah seorang perempuan. Maka Pak Pandirlah bidannya. Telah selamat lalu dipeliharakan dengan sepertinya.

Tiada berapa lamanya, dengan takdir Allah, maka kanak-kanak itupun dapat sakit guam, serta dengan demamnya. Tersangatlah susah hati Mak Andeh, teristimewa pula makan pun tiada berlauk oleh ia pun di dalam pantang lagi. Maka Mak Andeh meneriak Pak Pandir, katanya, Pergilah awak memancing ke sungai-sungai itu, moga-moga dapat ikan, bolehlah diperbuat lauk. Aku hendak ma- kan pun tiada lalu, kerana tiada berlauk. Dan aku pun hendak pergi tiada lalu, oleh sakit badanku lagi.'

Maka sahut Pak Pandir, 'Aku hendak memancing, apa umpan-nya, Andeh?" Maka jawab isterinya, Tangkaplah belalang rusa itu, umpan- kan pada taut besar kita itu."'

Maka kata Pak Pandir, 'Ya, baiklah, Andeh.' Maka Pak Pandir pun pergilah membawa tali dan taut serta parang sebilah, lalu berjalan ia masuk ke dalam hutan hendak mencari rusa akan umpan tautnya. Ada seketika ia berjalan, sam- pailah ia kepada suatu repuh muda. Maka terpandanglah olehnya seekor rusa jantan sedang tertidur dengan terlalu nyedarnya. Ma- ka Pak Pandir pun datanglah perlahan-lahan, lalu diikatnya de- ngan tali tangan dan kaki rusa itu, kemudian dihelanya. Maka rusa itupun terkejutlah jaga lalu bertempik hendak lari, tiadalah dapat lagi oleh sudah dibebatnya seperti lepat. Beberapa pun ia melom- pat dan

menghempas menerajang, makin lama semakin letih. Ma- ka oleh Pak Pandir dihelanya juga tiada berhenti, hingga sampai ke tepi sungai berhampiran dengan rumahnya. Maka di situ hen- dak ditahankannya taut itu. Kemudian ia pun menabang sebatang kayu akan baur tautnya itu. Telah sudah lalu dicangkukkannyalah mata taut itu ke belakang rusa itu. Maka rusa itupun menjeritlah oleh kesakitan. Kemudian dicampakkannyalah taut itu ke dalam sungai dan baurnya dipacakkan ke tebing sungai itu. Wah, apatah lagi! Rusa itupun menghempas dan berguling-gulinglah oleh kele- masan. Maka Pak Pandir pun pulang ke rumahnya lalu berkata, 'Andeh, nantilah, kalau taut kita dimakan oleh ikan, bolehlah makan lauk.'

Maka ujar Mak Andeh, 'Baiklah.' Setelah itu, Pak Pandir pun pergilah membuat apa-apa kerja- nya. Maka rusa umpan taut Pak Pandir itupun oleh tersangat sejuknya menghempaslah ia serta dengan tempiknya yang amat kuat. Maka kedengaraniah kepada Mak Andeh. Ia pun terkejut seraya memanggil Pak Pandir bertanyakan apa bunyi yang demiki- an dahsyatnya itu. Maka jawab Pak Pandir, 'Apa, Andeh tak tahu- kah? Itulah umpan taut yang Andeh suruh tahan tadi.'

Maka kata Mak Andeh, 'Apa benda umpannya sampai begitu besar bunyinya?"

Maka jawab Pak Pandir, 'Kata Andeh tadi cari rusa jantan buat umpan taut. Itulah aku tangkap seekor rusa jantan, aku cangkuk- kan pada taut itu di tengah belakangnya dan kakinya aku ikat.' Kemudian kata Mak Andeh, 'Rusakah yang awak buat umpan?" Maka jawab Pak Pandir, Yalah, rusalah yang aku umpankan taut itu."

Maka Mak Andeh pun marahlah akan Pak Pandir serta dengan tengking hardiknya akan Pak Pandir. Katanya, 'Pergilah ambil bawa kemari taut serta dengan umpannya itu! Sahajakan yang bingung tolol tak boleh diharapi sebarang kerja, semuanya tak tahu.'

Maka Pak Pandir pun segeralah pergi mengambil taut bersama dengan umpannya, dihelanya berpusing-pusing hingga sampai ke halamannya seraya berkata, 'Nah, Andeh, lihatlah olehmu apa namanya ini.

Mak Andeh pun datanglah ke pintu melihat yang diseret oleh Pak Pandir itu. Wah, apabila dilihatnya terkejutlah ia seraya ber- kata, 'Ceh, Pak Pandir bodoh, mati bangat. Aku suruh cari bela- lang rusa membuat umpannya, apa guna ditangkap rusanya pula? Jikalau sudah dapat rusa, usahlah menahan taut lagi, daging ini bukankah lauk juga?" Maka Pak Pandir pun diamlah terkulat-kulat.

Kemudian kata Mak Andeh, 'Asah parang itu, boleh lih lekas-lekas, kalau lama nanti mati pula rusa ini. disembe-

Maka Pak Pandir pun pergilah mengambil goloknya yang ber- hulu buluh dan bersarungkan upih itu, lalu diasahnya sampai ta- jam. Diberikannya kepada Mak Andeh. Katanya, 'Sembelihlah, Andeh."

Maka kata Mak Andeh, 'Aku orang perempuan, dimanakan boleh menyembelihnya. Sembelihlah oleh awak." Maka jawab Pak Pandir, 'Aku mana tahu? Andehlah sembelih." Kemudian kata Mak Andeh, 'Sembelihlah, boleh aku tunjuk-kan.'

Maka dikatakan oleh Mak Andeh segala pekerjaan menyembe- lih itu, lalu diperbuatlah oleh Pak Pandir. Maka apabila rusa itu merasa sakit, ia pun menghempaslah dengan sekuat-kuatnya. Ma- ka Pak Pandir pun bersibuklah memegangkan rusa itu dengan sekuat hatinya.

Hatta, rusa itupun matilah, lalu dilapah oleh Pak Pandir daging rusa itu, separuh diperbuat salai, dan separuh dipanggang dan diperbuat pacak. Baharu separuh masak Pak Pandir pun tampillah meratah daging itu. Maka diintai oleh Mak Andeh akan kelakuan Pak Pandir itu

seraya disergahnya. Katanya, 'Apa Pak Pandir buat meratah daging belum masak lagi itu?' Maka sahut Pak Pandir, 'Aku makan sedikit sahaja, Andeh. Nahlah rasa sedikit dahulu.'

Maka kata Mak Andeh, "Tiada aku ingin, muntahkan darahlah oleh awak seorang."

Maka Pak Pandir pun diamlah sambil menyalakan api salainya. Setelah masak sekaliannya, lalulah berbahagi dua, Pak Pandir se- paruh, Mak Andeh separuh. Maka bahagian Pak Pandir ditaruhnya di dalam karung, digantung di tulang bumbung. Sehari-hari dipan- jat dimakannya. Dan bahagian Mak Andeh diserkapnya di bawah kawah, tiada diketahui oleh Pak Pandir.

Setelah habislah salai Pak Pandir, maka Mak Andeh, apabila ia hendak makan dikeluarkannya sedikit-sedikit. Telah dilihat oleh Pak Pandir akan Mak Andeh makan berlauk salai lalu dipintanya. Katanya, 'Ambilkan aku sedikit, Andeh, daging salai itu.' Maka kata Mak Andeh, 'Pak Pandir punya ke mana perginya?

Sedangkan awak yang banyak lagi sudah habis, inikan pula aku yang sedikit.'

Maka Pak Pandir pun diamlah, makan nasi dengan garam sahaja terkulat-kulat. Maka kasihan hati Mak Andeh, diberinya seke- ping daging salai itu seraya katanya, 'Sudah, jangan minta lagi. Sudah habis, ya Pak Pandir!' Maka kata Pak Pandir, 'Kalau habis tiadalah aku hendak lagi.

Jika ada, aku hendak juga. Andeh sahaja makan berlauk, aku tiada, tentu aku tiada lalu makan.'

Setelah lepas makan, hari pun malamlah.

Hatta, pada keesokan harinya, kata Mak Andeh kepada Pak Pandir, 'Sekarang jerangkan air ke api. Setelah panas pesam-pesam kuku, mandikanlah anakku ini. Aku hendak pergi mencari ubat budak ini.' Maka kata Pak Pandir, 'Baiklah, Andeh.'

Maka Mak Andeh pun pergilah mencari daun genggayang membuat pupuk kepala anaknya itu. Sepeninggalan Mak Andeh pergi itu, Pak Pandir pun melekat api menjerangkan air di dalam kawah. Ada seketika air itupun panaslah serta menggelegak sedang gelora. Maka diambilnya anaknya itu, dimasukkannya ke dalam kawah itu, lalu kanak-kanak itu dicelur oleh Pak Pandir yang tongong itu, lalu matilah, menyeringai gusinya serta menggelupaskulitnya. Maka kata Pak Pandir, 'Amboi! Sukanya anakku mandi air panas rupanya." Kemudian lalu diangkatnya budak itu dari dalam kawah, ditimang seraya berkata, 'Hai, suka sangat anakku mandi. Mandilah lagi.' Serta dimasukkannya pula ke dalam kawah itu.

Maka seketika lagi Mak Andeh pun baliklah membawa daun genggayang akan ubat anaknya, langsung naik ke rumah mendapatkan anaknya. Maka dilihatnya tiada anaknya di tempat tidurnya itu. Maka Mak Andeh pun meneriakkan Pak Pandir seraya berkata, "Ke mana perginya anak kita di sini?'

Maka sahut Pak Pandir, 'Ini bukankah dia, sedang kumandikan. Cuba juga lihat, terlalu suka dia, Andeh."

Maka Mak Andeh pun segeralah pergi ke dapur melihat anaknya itu. Terpandanglah si anak itu telah terjeringing di dalam kawah yang sedang mendidih airnya dengan gelora sangat itu. Maka Mak Andeh pun mengucap, demikian katanya, 'Astaghfirul lah! Apa mulanya Pak Pandir demikian? Ceh, Pak Pandir sial bedebah tak mahu ditangkap harimau panjang tujuh, buaya panjang sembilan, supaya bangat matinya. Adakah patut air yang seperti ini panasnya itu dicelurkan kanak-kanak! Amboi, gunung payung, intan gemala, urat rambut batu kepala emak, matilah anakku! sampainya hati bapamu membunuh akan dikau!"

Maka berbagai-bagailah bunyi ratap tangis Mak Andeh, lalu dipalunya akan Pak Pandir serta ia mengambil anaknya. Demi didengar oleh Pak Pandir akan kata Mak Andeh anaknya sudah mati itu, baharulah ia menangis serta menghempaskan kepalanya pada segenap bendul dan tiang rumah itu, sepertikan gila lakunya hingga mendatangkan ketakutan pula kepada Mak Andeh melihat- kan kelakuan Pak Pandir itu, kalau-kalau ia mengamuk pula. Ma- ka Mak Andeh pun berkata, Janganlah Pak Pandir tersangat risau- kan kematian anak kita ini. Baiklah awak pergi tanamkan budak ini, balutkan dengan belat ini dahulu, kemudian tanamkan.'

Setelah Pak Pandir mendengar perkataan Mak Andeh itu, maka ia pun pergilah membalut anaknya itu dengan belat lalu dipikul- nya, dibawa ke tempat perkuburan. Arakian, telah sampai separuh jalan anaknya itupun terjatuh- lah dari dalam gulungan belat itu, tiada diketahui oleh Pak Pandir. Setelah sampai ke kubur, ia pun mengorek liang lalu ditanamkan- nya belat segulung itu tiada dengan periksanya lagi, lalu ditimbus- nya. Kemudian ia pun berjalan pulang. Apabila ia sampai separuh jalan maka bertemulah ia dengan mayat anaknya yang tertinggal tadi. Maka apabila dilihat oleh Pak Pandir akan mayat itu, maka ia pun berfikir di hatinya, 'Hai, bukanlah aku seorang sahaja yang kematian anak ini, ada pula orang lain yang mati anaknya juga. Serupalah nasibnya dengan untungku ini.

Maka ditatapi pula oleh Pak Pandir rupa mayat itu; betul-betul serupa dengan anaknya daripada muka, hidung, sifat tubuhnya sekali, dan perempuan juga. Maka dengan sesaat itu hilanglah du- kacitanya lalu segeralah berlari pulang. Serta sampai ke halaman tangganya ia pun berseru akan perempuannya, katanya, 'Andeh, Andeh! Bukannya kita sahaja yang kematian anak rupanya, orang lain pun ada juga yang mati anaknya perempuan juga dan rupanya pun semacam betul-betul dengan anak kita." Maka sahut Mak Andeh, 'Agaknya anak kita juga tercicir di

Etengah jalan dari dalam belat itu kalau awak tidak sedar." Maka kata Pak Pandir, 'Tidak, Andeh. Aku rasa berat yang aku tanamkan tadi." Maka sahut Mak Andeh, 'Baiklah, moh kita lihat pula.'

Kata Pak Pandir, "Mohlah, Andeh, aku tunjukkan.' Maka keduanya pun pergilah bersama-sama berjalan. Tiada be- rapa antaranya sampailah kepada mayat anaknya itu. Maka kata Pak Pandir kepada Mak Andeh, 'Inilah dia anak orang yang mati itu. Bukankah serupa dengan anak kita, Andeh?"

Telah dilihat oleh Mak Andeh, dikenalnyalah akan anaknya. Maka Mak Andeh pun marahlah dengan sumpah seranahnya akan Pak Pandir, lalu diambilnya seraya didukung mayat kanak-kanak itu serta disuruhnya Pak Pandir mengorek belat yang ditanamkan itu. Lalu dibalutkan anaknya, ditanam semula. Setelah sudah ke- duanya pun pulanglah ke rumah dengan dukacitanya, hingga malam hari tiadalah tidur Pak Pandir laki-isteri.

Maka kata Mak Andeh kepada Pak Pandir, Esok hari pergilah awak membeli kerbau. Nah, wang empat puluh rial. Boleh kita kendurikan anak kita barang sesuap nasi dan seteguk air.'

Maka jawab Pak Pandir, 'Bagaimana rupa kerbau itu, Andeh?'

Maka kata Mak Andeh, 'Yang meragut-ragut rumput itulah kerbau."

Maka Kata Pak Pandir, 'Baiklah, Andeh.' Kemudian keduanya pun tidurlah berkaparan.

Hatta, setelah keesokan harinya, maka Pak Pandir pun pergilah hendak mencari kerbau, membawa wang empat puluh rial, berja- lan masuk hutan keluar hutan, masuk rimba keluar rimba, lalu sampailah ia ke sebuah ladang padi. Maka di dalam ladang itu adalah pula seorang perempuan tua sedang merumput dengan ke- ri. Maka kata Pak Pandir, 'Hai emak, mahukah menjualkan kerbau yang dipegang itu?"

Maka jawab perempuan itu, Tiadalah sekali-kali hajat hendak menjualkan dia, kerana sahaya memakai sendiri.' Maka kata Pak Pandir, 'Juallah, biar sahaya membeli akan dia.

Nahlah, ini dia wangnya empat puluh rial. Ambillah!'

Lalu dihantarkannya di hadapan orang tua itu, dan keri itupun diambilnya. Maka orang tua itupun tiadalah terkata-kata lagi, istimewa pula melihatkan wang empat puluh rial itu, lalu diamlah ia. Maka oleh Pak Pandir keri itupun dibubuhnya bertali pada hulu- nya, ditariknya pulang ke rumahnya. Maka pada sepanjang-pan- jang jalan itu, mata keri itu mengenai keting Pak Pandir, habis luka dan berdarah. Maka kata Pak Pandir, 'Ceh, kerbau bedebah celaka ini terlalu bengkeng pula ia menanduk kaki kita.' Tetapi keri itu diseretnya juga.

Tiada berapa lamanya sampailah ia ke rumahnya, lalu Pak Pandir meneriak Mak Andeh. Katanya, 'Andeh, nahlah kerbau, An- deh.'

Maka kata Mak Andeh, Tambatkanlah dahulu kepada tempat yang berumput itu.' Maka keri itupun ditambatkan oleh Pak Pandir. Ia pun naik ke rumah menunjukkan kakinya yang dimakan keri itu. Katanya, Terlalu bengis sekali kerbau jembalang itu. Dan berbagai-bagai rungutnya. Demi dilihat oleh Mak Andeh kaki Pak Pandir seakan-akan dimakan parang, maka kata Mak Andeh, 'Di mana kerbau itu awak tambatkan?' Maka sahut Pak Pandir, 'Kepada rumput itulah aku tambatkan.'

Maka Mak Andeh pun turunlah pergi melihat kerbau itu. Hing-ga puaslah dicarinya ke sana ke mari tiada juga dijumpanya. Maka kata Mak Andeh, 'Di mana awak tambatkan kerbau tadi? Penat sudah aku cari, tiada juga bertemu.'

Maka kata Pak Pandir, 'Aku tengah makan nasi, nantilah dahu-

Seketika lagi ia pun sudah, lalu turun pergi menunjukkan ker-lu.' bau itu. Maka katanya, 'Ini apa, Andeh? Bukankah kerbau? Saha- jakan mata Andeh seperti orang buta!" Maka Mak

Andeh pun pergilah kepada Pak Pandir hendak me- lihat kerbau itu dengan terintai-intai mencari kerbau serta denganherannya. Maka Pak Pandir pun berkata, 'Ini, ini dia kerbau An-deh."

Lalu ditariknya tali keri itu.

Apabila dilihat oleh Mak Andeh, wah, apatah lagi! Tak ketahu- anlah bunyi maki hamun sumpah seranahnya akan Pak Pandir seraya berkata, 'Inilah agaknya kerbau bapa engkau yang bingung tolol itu! Adakah begini rupa kerbau? Allah! Allah! Pak Pandir! Padanlah nama dengan bodoh. Pergi lekas pulangkan keri ini. Bu- kannya kerbau, inilah keri, gunanya merumput padi. Dan minta kerbau yang betul, kakinya empat, tanduknya dua."

Maka Pak Pandir pun pergilah menarik keri itu hendak memu- langkan kepada tuannya. Selang tiada berapa lamanya sampailah ia kepada orang tua itu. Maka kata Pak Pandir, 'Hai emak tua, ambillah balik kerbau ini. Kata Andeh, ia suruh minta kerbau betul yang bertanduk dan berkaki lagi hidup.'

Maka orang tua itupun tercengang seraya berfikir di dalam hatinya, 'Pak Pandir rupanya orang ini.' Maka kata orang tua itu,

'Hai Pak Pandir, nantilah di sini dahulu supaya aku ambilkan kerbauku di kampung."

Maka Pak Pandir pun berhentilah di situ menanti-nantikan orang tua itu kembali. Ada seketika orang tua itupun datanglah membawakan kerbau lalu diserahkannya kepada Pak Pandir. Ma- ka Pak Pandir pun berjalanlah menarik kerbau itu. Tetapi sampai ke rumah, maka ia pun menyeru Mak Andeh, katanya, 'Andeh, marilah lihat, kerbaukah ini atau bukan?'

Maka Mak Andeh pun keluar. Katanya, 'Itulah kerbau yang

betul. Tambatkan ia kepada rumput yang muda itu.' Telah sudah ditambat oleh Pak Pandir, ia pun naik ke rumah lalu makan nasi. Ada sekejap lagi, hari pun malam. Pak Pandir laki-isteri pun mesyuarat hendak kenduri pada esok hari. Telah tetap kira-kira keduanya pun tidur.

Hatta, pada pagi-pagi esoknya, Pak Pandir pun merapus kerbau lalu disembelihnya. Telah matilah sudah, Pak Pandir pun tampil- lah melapah kerbau itu berdua dengan Mak Andeh. Telah siap, lalu dibawa ke rumah serta dimasaki oleh Mak Andeh segala lauk- lauk dan nasi berpuluh-puluh kawah dan kancah. Setelah mustaid sekaliannya, maka kata Mak Andeh, Pergilah awak segera menjemput haji dan lebai, kita berkenduri.' Maka kata Pak Pandir, 'Bagaimana rupa haji dan lebai itu, Andeh?"

Maka jawab isterinya, 'Adapun haji itu berserban di atas kepalanya dan lebai itu yang berjanggut-janggut di bawah dagunya itu.' Maka ujar Pak Pandir, 'Baiklah, Andeh.'

Maka ia pun mengambil goloknya lalu turun berjalan mencari haji dan lebai yang seperti pesan Mak Andeh itu; masuk hutan rimba keluar ke padang lalu terus ke sebuah kampung orang.

Maka dilihat oleh Pak Pandir di sisi kampung itu adalah bebe- rapa ekor kawan kambing sedang makan rumput. Semuanya ber- janggut. Maka Pak Pandir pun hampirlah kepada kawan kambing itu serta berkata, 'Hai Pak Lebai, Andeh mengajak ke rumah hen- dak kenduri.'

Maka kambing itupun berbunyilah oleh ketakutan melihat Pak Pandir itu, lalu ia lari tiada berketahuan lagi seraya berbunyi 'Bek! Bek!' Kata Pak Pandir, 'Apa sebabnya Pak Lebai mengata nasi Andeh lembik? Tidak lembik, keraslah betul." Maka kambing itupun lari juga hendak pulang ke kampung.

Maka kata Pak Pandir, 'Aku itulah yang terlalu panas rasa hatiku. Andeh sudah penat bertanak nasi dikatanya pula nasi lembik.' Maka Pak Pandir pun berselampitkan kainnya lalu berlari me- ngejar kawan kambing itu dengan bersungguh-sungguh hatinya serta ditangkapnya. Dapat seekor bapa kambing jantan, langsung dipukul dibawanya pulang.

Maka pada pertengahan jalan itu bertemulah ia dengan seka- wan burung pipit uban sedang merayap di atas rumput. Maka kata Pak Pandir, 'Hai Haji, mari kita pergi ke rumahku. Andeh menyu- ruh ajak, kami hendak kenduri.' Maka burung itupun berbunyi, 'Pit! Pit!' Maka kata Pak Pan-dir, 'Rumah kami tidak sempit, Haji, luas dan besar. Jangan kita lambat lagi, Andeh sudah lama menanti." Setelah itu pipit itupun terbang lagi. Maka diusir juga oleh Pak Pandir sambil berkata, 'Nanti, nanti! Kita pergi bersama-sama.'" Hingga penatlah ia mengikut burung itu, hampir-hampir lelah. Maka naiklah berang Pak Pandir seraya mengambil kayu lalu di- lemparnya. Maka dengan takdir Allah kena dua ekor burung itu lalu jatuh ke tanah. Maka segeralah diambil oleh Pak Pandir sera-ya katanya, Tadi aku ajak benar-benar, tiada mahu, sekarang baharu hendak pula, sahajakan haji buta perut.'

Maka ia pun berjalan. Seketika lamanya sampailah ke rumah. Hari pun hampir petang. Maka didapatinya Mak Andeh masih bersiap menyajikan hidangan; sudah teratur sahaja sekadarkan menanti datang orang jemputan. Maka Pak Pandir pun naiklah membawa bapa kambing serta dengan burung pipit itu seraya katanya, 'Nah, Andeh, Pak Haji dengan Pak Lebai, bagaikan nak Dmati aku mengejar. Hendak mengajak makan kenduri, seorang pun tiada yang mahu.'

Wah! Apabila dilihat oleh Mak Andeh, apatah lagi, hingga te- narlah bunyi sumpah seranahnya akan Pak Pandir, hingga tiada terdengar oleh anjing dan kucing. Serta katanya, 'Aduhai, harap- nya hatiku hendak kenduri, diperbuat oleh Pak Pandir keparat umpan alir

ini, tak mahupun ditangkap oleh harimau panjang sembilan itu; sahajakan yang tiada boleh diharap. Kalau muntah- kan darah pulangkan kepadanya sahaja pun jadi, tentang kerja

jangan. Lain disuruh, lain dibuatnya." Maka jawab Pak Pandir, 'Andeh kata cari lebai yang berjanggut dan haji yang berserban putih: ini bukankah dia? Semuanya An- deh marahkan aku. Maka Mak Andeh pun diamlah seraya katanya, 'Baiklah, pergi pula panggil Datuk Keramat Jin Islam kemari, tetapi baik-baik, jalan itu simpangnya dua, yang di sebelah kiri itu terus ke rumah nenek gergasi."

Maka kata Pak Pandir, 'Baiklah, Andeh." Maka Pak Pandir pun berjalanlah dengan senjatanya golok sebi- lah. Berjalan pun berlari-larian sahaja kerana hari hampir petang. Sekejap berjalan sampailah ia ke simpang dua itu. Maka terlupalah ia akan pesan Mak Andeh itu lalu diikutnya jalan simpang kiri. Selang tiada berapa lamanya sampailah ke rumah nenek gergasi itu. Maka nenek itupun sedang tidur bertiga beranak di dalam rumahnya. Maka Pak Pandir pun berdiri di tengah halaman rumah gergasi itu, lalu ia melaung, katanya, 'Hai nenek Tok Syekh Kera- mat, bangunlah! Andeh menyuruh ke rumahnya, ia hendak ken- duri.'

Maka tiada juga jaga gergasi itu. Maka Pak Pandir pun bertem- pik dengan sekuat-kuat hatinya, katanya, 'Hai Tok Syekh Kera- mat, bangunlah! Lekas! Andeh menyuruh ke rumahnya makan kenduri."

Maka terjagalah gergasi itu ketiga beranak lalu bangun dengan gembiranya mengambil tongkat hendak memukul Pak Pandir. Ka- tanya, 'Ini sekali kenyanglah aku memakan manusia datang me- nyerahkan dirinya kepada aku.'

Maka Pak Pandir pun berkata, 'Jangan aku pula dimakan. Aku mengajak Tok Syekh makan kenduri daging kerbau dengan nasi terlalu banyak di rumahku.' Maka kata gergasi, 'Sungguhkah seperti kata Pak Pandir itu?"

Jawab Pak Pandir, 'Sungguh." Maka kata gergasi, 'Jikalau demikian, baiklah dan jika tiada, nanti aku makan Pak Pandir pula." Jawab Pak Pandir, 'Yalah."

Maka nenek gergasi itupun segeralah mengambil tongkatnya lalu turun berjalan dengan isterinya mengikut Pak Pandir dan anaknya tinggal menunggu rumah. Maka tiada berapa lamanya sampailah ke rumah. Pak Pandir pun naik menyergahkan Mak Andeh, katanya, "Siaplah lekas Andeh, ini Tok Syekh Keramat sudah datang dua laki-bini."

Maka Mak Andeh pun pergilah melihat ke pintu. Asal terpan- dang sahaja akan gergasi itu, ia pun gementarlah oleh ketakutan, serba salah fikirannya, hendak lari pun tiada boleh, seraya fikir- nya, 'Jika demikian berserahlah aku kepada datuk-datuk keramat di sini. Jikalau nasib baik, dimanakan boleh jahat oleh perbuatan Pak Pandir celaka keparat ini."

Maka Mak Andeh pun bersiaplah menghamparkan tikar yang cantik lalu menyuruh gergasi itu naik. Maka gergasi kedua laki- bini pun naiklah ke rumah. Maka Pak Pandir dan Mak Andeh pun berkata, 'Makanlah, nenek!'

Maka gergasi kedua pun muntahkan darahlah sehingga daging kerbau habis enam kawah dan nasi dua kawah, dan ia pun terbe- lahak, baharulah ia berkata kepada Mak Andeh, "Wahai cucuku, berilah nenek sedikit makanan ini, hendak nenek bawakan anak nenek yang tinggal di rumah.' Maka kata Mak Andeh, 'Baiklah, nenek. Boleh cucu suruhkan

Pak Pandir menghantari ke rumah.' Setelah itu, maka Pak Pandir pun pergilah menghantari anak gergasi itu nasi sebakul dan daging sekancah serta dipesan oleh Mak Andeh, katanya,

'Jika tiada lalu ia makan sekarang, suapkan- Makalah baik-baik, jangan disuapkan tulang kerbau itu pula.'

Maka kata Pak Pandir, 'Baiklah, Andeh." Maka ia pun pergilah menjunjung bakul nasi dan daging itu serta tulang kaki kerbau itu sekerat. Hatta, tiada berapa lamanya Pak Pandir pun sampailah ke rumah gergasi itu. Didapatinya anak gergasi itu sedang duduk di muka pintu menantikan emak-bapa- nya balik. Setelah Pak Pandir sampai, maka anak gergasi itupun mengangakan mulutnya hendak makan Pak Pandir. Maka Pak Pandir pun segeralah menuangkan nasi dengan daging itu ke da- lam mulutnya. Demi dirasa oleh anak gergasi itu akan nyaman makanan itu, lalu ditelannya sahajalah, dan apabila lambat ia me- nelan diasak oleh Pak Pandir mulutnya dengan tulang kerbau itu, dihentak-hentakkannya dengan bersungguh-sungguh hatinya ma- suk ke dalam tekak anak gergasi itu. Maka di dalam hal yang demikian habislah nasi sebakul dengan daging sekawah disuapkan oleh Pak Pandir. Maka anak gergasi itupun mati oleh tersangat kekenyangan.

Setelah dilihat oleh Pak Pandir anak gergasi itu sudah mati, maka ia pun berlarilah dengan bersungguh-sungguhnya. Maka kata Pak Pandir kepada Mak Andeh, 'Mana dia gergasi itu, Andeh?" Maka kata Mak Andeh, 'Bukankah ia sudah balik, tiadakah

bertemu dengan awak di jalan tadi?' Kata Pak Pandir, Tiada aku berjumpa, kerana aku mengikut jalan lain, oleh sebab anaknya sudah mati aku asak dengan tulang kerbau tadi. Sekarang baik kita lari, Andeh, jangan ditunggu di sini lagi, nanti dimakannya kita.'

Setelah didengar oleh Mak Andeh akan perkataan Pak Pandir itu, maka sangatlah ketakutan hatinya, hingga menggeletarlah tu- lang sendinya serta dengan pucat mukanya, tiada ia terkata-kata lagi akan kelakuan Pak Pandir itu, lalu ia berkemas barang-barang- nya serta lari keduanya.

Kata Pak Pandir, 'Ke mana baik kita pergi ini, Andeh?"

Maka kata Mak Andeh, 'Mari kita naik pelampung terap ini, kita menyeberang ke seberang sungai ini."

Maka kata Pak Pandir, 'Baiklah, Andeh.' Maka keduanya pun naiklah ke atas pelampung itu, langsung menyeberang ke seberang sungai. Telah sampailah keduanya de- ngan selamat sempurnanya lalu berdiam diri di sana.

Sebermula, maka tersebutlah kisah gergasi berdua laki-bini itu. Telah sudah habis makan ia kedua pun berkabarlah kepada Mak Andeh hendak balik ke rumahnya, lalu berjalanlah pulang kedua- nya. Tiada berapa lama antaranya sampailah ia ke rumahnya. Ma- ka dilihatnya akan anaknya sudah mati, penuh di dalam mulutnya dengan nasi dan daging serta sekerat tulang kerbau tersengkang di mulutnya. Maka keduanya pun menangis terlalu amat akan anak- nya. Maka keduanya pun berbangkit marah dengan berangnya seraya bertempik lalu mengambil tongkat turun berkejar menuju ke rumah Pak Pandir. Telah sampai dilihatnya pintu rumah itu terbuka, lalu dimasukinya ke dalam rumah itu mencari serata-rata rumah itu, tiada juga orangnya, lalu diturutnya jalan ke sungai. Telah tiba ke tepi sungai itu lalu katanya, Jangan nenek ikut aku, nenek! Aku tahu anak nenek sudah mati. Bukan aku sengaja, oleh aku hendak segera pulang, maka aku asak dia dengan tulang ker- bau itu.'

Setelah didengar oleh gergasi keduanya, wah, apatah lagi! Ma- kin bertambah-tambahlah berangnya seraya berkata, "Nantilah oleh kamu, aku makan dengan kulit tulang kamu sekali, tiada aku tinggalkan.'

Maka gergasi itupun hendak terjun ke dalam sungai. Kata Pak Pandir, Jangan nenek hendak menyeberang ke sini. Pergilah am-bil tempayan besar di rumah cucu itu sebiji seorang, boleh nenek buat perahu menyeberang kemari.' Demi didengar oleh gergasi akan kata Pak Pandir

itu, keduanya pun berlari-lari pula naik ke rumah Pak Pandir mengambil tempa- yan dua buah, dibawanya turun ke sungai itu. Maka kata Pak Pandir, 'Masuklah nenek seorang sebiji ke dalam tempayan itu. Kemudian tudung dengan daun birah supaya jangan masuk air.'"

Maka diperbuatlah oleh gergasi kedua seperti pengajaran Pak Pandir itu. Setelah sudah masuk keduanya pun melonjak-lonjak- kan diri di dalam tempayan itu dan tempayan itu hanyutlah juga dibawa oleh air deras itu kepada suatu lubuk yang dalam.

Setelah dilihat oleh Pak Pandit, maka katanya, "Oleng, nenek, oleng kuat-kuat!' Maka kedua gergasi itupun mengolenglah akan tempayan itu. Kemudian kata Pak Pandir, Tumbuk, nenek, tum- buk! Maka ditumbuklah oleh gergasi kedua akan daun birah tu- dung tempayan itu. Setelah daun itu sudah pecah, maka air pun masuklah ke dalam tempayan itu. Maka gergasi itupun segeralah hendak keluar dari dalam tempayan itu, tetapi tiada sempat oleh hidungnya sudah penuh dengan air. Ia pun lemas dan tempayan itupun berdebuk-debuk masuk air langsung tenggelam pada lubuk yang dalam itu. Maka gergasi kedua pun matilah. Telah dilihat oleh Pak Pandir dengan Mak Andeh akan gergasi itu sudah tenggelam, maka kata Pak Pandir, "Ke mana pula kita ini, Andeh?" Kata Mak Andeh, Marilah kita berbalik ke rumah kita, kerana gergasi itupun sudah mati.' Maka keduanya pun turunlah ke pelampung terap lalu menye- berang kembali ke rumahnya. Telah sampai, kata Mak Andeh,

Marilah kita pergi ke rumah gergasi itu kalau apa-apa hartanya yang ada boleh kita ambil.' Maka kata Pak Pandir, 'Lekas-lekas, Andeh, kalau orang lain pergi dahulu tentulah habis dipapasnya, kita melepas sahaja.' Maka keduanya pun berjalanlah. Tiada berapa lamanya lalu sampailah ke rumah itu. Maka dilihat oleh Mak Andeh bangkai anak gergasi itu terkangkang sahaja di muka pintu serta dengan buruk dan bengis lakunya. Maka Mak Andeh pun ketakutan. Ma- ka kata Pak Pandir, 'Mari, Andeh, apa pula yang ditakutkan? Ia sudah mati.'

Maka keduanya pun naiklah ke rumah itu mengambil anak kunci membuka bilik-bilik gergasi itu. Pada mula dibukanya yang pertama itu dilihatnya penuhlah dengan tulang binatang dan tu- lang manusia serta rambut dan bulu bertimbun-timbun terlalu banyaknya. Maka dibukanya pula bilik yang kedua, teramatlah sukacita Mak Andeh melihatkan sekalian barang-barang emas ger- gasi itu daripada aguk, dokoh, subang, gelang, keroncong serta lain-lain terlalu banyak.

Maka kata Pak Pandir, 'Apa namanya ini, 'Andeh?"

Maka kata Mak Andeh, 'Inilah segala harta gergasi itu, semua- nya emas. Sekarang menjadi rezeki kitalah ini. Marilah kita ang- kut pulang ke rumah kita."

Maka kata Pak Pandir, 'Baiklah, Andeh.' Maka Mak Andeh pun memungut sekalian perkakasan itu. Di- masukkan ke dalam kain selendang lalu didukungnya seberat- berat ia membawa. Pak Pandir pun demikian juga. Setelah itu, Mak Andeh pun pergi ke dapur. Dilihatnya segala periuk dan belanga gergasi itu semuanya emas. Itupun dipapasnya juga. De- mikianlah empat kali Pak Pandir dengan Mak Andeh berangkut ulang-alik baharulah habis semuanya. Maka rumah gergasi itupun dibakarnya. Telah itu Pak Pandir keduanya pun pulanglah ke ru- mahnya dengan terlalu suka hatinya kerana beroleh harta terlalu banyak itu, lalu disimpan oleh Mak Andeh ke dalam kembung padi, di situ tempat ia menyembunyikan hartanya yang baik-baik. Setelah itu, hari pun malamlah dan Pak Pandir kedua pun tidur dengan kesukaannya. Hatta, pada keesokan harinya kata Mak Andeh, Pergilah awak Pak Pandir membeli padi, jangan pula dibeli hampa beratnya.' Maka kata Pak Pandir, 'Baiklah, Andeh.'

Maka ia pun pergi membawa wang dua rial dan karung sebiji.

Selang tiada berapa lamanya sampailah ia ke sebuah ladang orang dan pada masa itu yang empunya ladang itupun sedang mengangin padi membuang hampa. Maka Pak Pandir pun sampailah kepada mereka itu seraya bertanya. Katanya, 'Dijualkah padi ini?"

Maka kata orang itu, Kalau kena harganya, dijual juga.' Kata Pak Pandir, 'Berilah sahaya membeli hampa beratnya itu.' Maka kata mereka yang empunya itu, 'Ambillah, tak usah ber-Katabeli.

Andel Jawab Pak Pandir, 'Nah, ambillah wang, diberi oleh Andeh dua rial ini.' Lalu diletakkan di hadapan orang itu. Maka dibubuhkan Seoranglah hampa beratnya itu ke dalam karung Pak Pandir dan wang itupun diterimalah oleh tuan padi itu. Maka Pak Pandir pun odoh memikul hampa padi itu dibawanya pulang.

Maka pada pertengahan jalan itu bertemulah ia dengan suatu sungai, kerana pulang itu jalan yang lain diikut oleh Pak Pandir. Dilihatnya terlalu banyak semut meniti pada suatu ranting kayu yang kecil menyeberang sungai itu. Maka Pak Pandir pun hendak menyeberang juga dan titian yang lain pun tiada. Kemudian fikir Pak Pandir, 'Sedangkan semut ini yang beribu-ribu lagi tahan me- lalui dari atas kayu ini, apatah pula aku yang seorang. Karung hampa inipun bukan berapa beratnya. Kalau begitu, baiklah aku meniti bersama semut ini.'

Setelah itu, Pak Pandir pun menitilah. Apabila dipijaknya saha- ja ranting itupun patahlah, tiada bertangguh lagi. Pak Pandir pun jatuhlah ke dalam air bersama-sama dengan karung padi itu, le- nyap sekali. Telah dirasai oleh Pak Pandir dirinya terjatuh itu, ia pun berenanglah naik ke darat dengan basahnya dan karung itu. pun hanyutlah ke hilir, dipandang sahaja oleh Pak Pandir, hendak diambilnya sudah jauh. Kemudian ia pun mengharung air sungai itu lalu pulang ke rumahnya dengan menggeletar oleh kesejukan.

Setelah sampai, ia pun meminta kain pada Mak Andeh. Kata- nya, 'Andeh, berilah aku kain. Aku terlalu sejuk ini.'

Maka kata Mak Andeh, 'Apa pula kenanya awak?' Kata Pak Pandir, 'Aku jatuh!' Lalu diceritakannya segala peri- halnya dari awal hingga ke akhirnya.

Maka kata Mak Andeh, 'Apa awak beli tadi?'

Jawab Pak Pandir, 'Andeh kata beli hampa padi yang berat.' Wah! Mak Andeh pun apa hendak dikata lagi! Tenarlah bunyi sumpah seranahnya akan Pak Pandir serta dilutunya umpama te- buan pecah sarangnya, seraya kata Mak Andeh, 'Bukankah sudah aku pesan jangan dibeli hampa berat? Padinya yang bernas minta oleh Pak Pandir.'

Kata Pak Pandir, 'Entahlah, aku tak tahulah. Tadi aku dengar kata Andeh menyuruh beli hampa berat. Itulah aku cari yang demikian.'

Setelah itu Mak Andeh pun diamlah, tiada terkata-kata lagi kerana pada fikiran Mak Andeh, 'Aku juga yang salah menyuruh si bodoh ini.' Hatta, sekali peristiwa, pada suatu hari kata Mak Andeh kepada Pak Pandir, 'Hai Pak Pandir, apatah hal kita ini tersangatlah lamanya kita tiada pernah kenduri akan datuk nenek dan kaum keluarga dan anak-buah kita yang telah mati." Maka kata Pak Pandir, Pergilah Andeh bawakan sekalian buah- buahan dan tebu, pisang, ubi keladi dan korek kuburnya, masuk-kan supaya dimakan olehnya."

Maka ujar Mak Andeh, 'Bukannya demikian. Adapun orang mati itu bukan dia berkehendakkan makan lagi, hanya yang boleh kita tolongi dengan kenduri, yaitu meminta doa kepada Allah ta'ala barang dianugerahnya akan mereka itu tempat yang keba- jikan.' Kata Pak Pandir, 'Kalau begitu, apa tahu oleh Andeh, buatlah. Aku tak tahu.'

Kemudian kata Mak Andeh, 'Baiklah, tetapi pada masa ini semuanya perkakas ada belaka, hanya yang tiada garam sahaja. Pergilah awak mencari garam ke kampung, bawa keladi dan ubi ini tukarkan.'

Jawab Pak Pandir, 'Baiklah."

Arakian, maka ia pun pergilah membawa ubi keladi, tebu dan pisang menuju ke kampung orang. Tiada berapa lamanya ia pun sampailah. Maka banyaklah tingkah lakunya yang jenaka diperma- inkan oleh orang kampung akan dia oleh bingungnya itu. Terlalu suka orang mengusik akan Pak Pandir sehingga letihlah ia. Pak Pandir pun berjalanlah memikul garam sekarung.

Hatta, setelah Pak Pandir sampai pada separuh jalan, ia pun berasa senak perutnya hendak buang air oleh banyak makan le- mak dan manis diberi orang-orang di kampung tadi. Kemudian Pak Pandir menyimpang masuk ke dalam semak lalu diletakkan- nya sumpit garam itu di hadapannya. Dengan seketika itu juga datanglah fikirannya yang ahmak, lalu katanya, "Wah, salah sekali pekerjaanku ini. Sekiranya kalau datang sesuatu kemalangan bagi diriku, entahkan binatang datang mengejar, atau menerkam aku, bukankah sia-sia sahaja aku lari, karung garamku tinggal oleh ter- peranjat.'

Maka diubahinya ke tempat lain serta dilindungkannya di balik semak-semak itu. Kemudian ia pun berbalik ke tempat yang mula- mula tadi lalu direnungnya kepada karung itu. Nampak juga kepa- danya. Maka berkata pula ia, 'Inipun suatu pekerjaan yang kurang akal juga. Siapa tahu? Kalau-kalau ada orang lalu tentu diambil- nya akan garamku ini. Setelah itu lalu dialihnya pula ke tempat asing, diperbuatnya seperti hal yang lalu tadi; selagi nampak di- ubahnya juga.

Hatta, lima enam kali diubahnya, kemudian timbul pula suatu ingatannya yang berlainan seraya katanya, 'Ceh, bodoh sekali aku ini. Jikalau aku sembunyikan ke dalam air tentu tiada siapa dapat melihatnya.' Telah tetaplah fikiran Pak Pandir yang demiki- an lalu diambilnya karung garam itu, dibawanya pergi mencari tempat yang berair hingga beratus-ratus depa jauhnya baharulah ia bertemu dengan suatu anak sungai. Maka karung garam itupun dibenamkanlah oleh Pak Pandir ke dalam sungai itu. Maka ia pun berjalanlah jauh sedikit lalu direnungnya sumpit garam itu, baharu tak nampak lagi kepadanya, seraya ia berkata, Sekarang baharulah puas rasa hatiku menyembunyikan garamku itu, tiada apa pun yang kelihatan lagi."

Kemudian ia pun pergilah kadha hajat. Telah sudah baharulah ia mengambil pula akan karung garamnya itu. Tetapi apalah guna- nya lagi, oleh semuanya sudah pulang ke asalnya. Maka dibawalah oleh Pak Pandir karung itu dengan tergopoh-gopoh hendak segera tiba ke rumahnya.

Hatta, serta sampai, maka diunjukkannyalah kepada Mak An- deh. Serta dilihat oleh Mak Andeh, maka ia pun heranlah melihat- kan air turun seperti hujan daripada karung itu, seraya ia berta-nya, 'Air apa ini? Di mana garam yang awak cari tadi?" Maka jawab Pak Pandir, 'Itu bukankah garam?' Maka kata Mak Andeh, 'Garam apa yang seperti air ini?'

Maka oleh Pak Pandir diceritakannyalah segala peristiwa dari awal hingga ke akhir. Maka Mak Andeh pun kenyang tak makan- lah oleh perangai Pak Pandir keparat itu. Hanya diamlah ia tiada berkata-kata lagi sambil menyudahkan kerjanya, lalu ia bersum-pah di dalam hatinya bahawa sekali-kali tiadalah ia mahu menyu- ruh Pak Pandir sebarang apa pekerjaan, biarlah ia membuat sendi- rinya.

Setelah Mak Andeh tiada mahu lagi menyuruh Pak Pandir membuat sebarang apa pekerjaan, maka ia pun pergilah membawa dirinya sendiri dan berbuat kerja mengikut sukanya. Maka pada suatu hari Pak Pandir pun mengambil goloknya pergi menebang buluh, diperbuatnya lukah. Telah sudah lalu ditahannya kepada suatu alur di dalam redang. Sudah itu Pak Pandir pun pulanglah ke rumah makam minum dengan Mak Andeh.

Setelah malam hari keduanya pun tidur, dan pada keesokan hari pagi-pagi Pak Pandir pun mencapai goloknya lalu pergi meli- hat lukahnya. Serta sampai lalu diangkatnya tiada terangkat oleh terlalu banyak ikannya. Maka dikuat-kuati juga oleh Pak Pandir, baharulah terangkat olehnya, dibawa naik ke atas tebing anak air itu lalu dicurahkannyalah sekalian isi bubunya itu, yaitu ikan limbat serta diketuk oleh Pak Pandir dengan goloknya. Telah mati baharulah disiangnya dan dibasuh serta ia memperbuat salai. Di- nyalakan apinya, dan ikan-ikan itupun diaturnya di atas penyalai.

Maka api pun dijadikanlah oleh Pak Pandir dengan bersungguh- sungguh hatinya. Diangkutnya sekalian kayu yang besar-besar akan kayu apinya. Seketika lamanya ikan salai itupun masaklah serta dengan garingnya. Maka Pak Pandir pun tampillah meratah salai itu dua ekor sesuap, empat ekor sesuap dimakannya hingga habislah ikan itu sekerat penyalai baharulah Pak Pandir berhenti. Maka ikan yang tinggal lagi dimasukkannya ke dalam karung lalu dibawanya memanjat ke atas pokok kayu, digantungkannya ka- rung itu kepada dahan kayu. Telah sudah, ia pun turun langsung pergi minum air serta menahan lukahnya.

Maka hari pun hampir petang. Pak Pandir pun pulanglah ke rumahnya. Telah sampai, maka Mak Andeh pun bertanya. Kata- nya, 'Ke mana awak pergi tadi turun pagi-pagi petang baharu balik? Apa awak buat?'

Maka sahut Pak Pandir dengan tersipu-sipu, katanya, "Tiada kemana aku pergi, Andeh. Aku berjalan cuma-cuma sahaja merata-rata hutan itu hendak mencari makan, suatu apapun tidak kuperoleh." Maka kata Mak Andeh, 'Membuat penat sahaja Pak Pandir merayau segenap hutan itu. Baiklah makan harta kita yang ada inipun cukup. Bukannya kita ada beranak cucu, apatah yang disusahkan mencari ke sana kemari lagi?" Maka kata Pak Pandir, 'Aku tiada mahu makan harta Andeh lagi, kerana Andeh tak mahu menyuruh aku lagi. Biarlah aku membuat hal aku seorang dan Andeh pun buatlah kerja Andeh seorang, usah dihiraukan hal aku.'

Maka jawab Mak Andeh, 'Bukannya aku tiada mahu menyuruh Pak Pandir. Sebab aku kasihan akan awak kerana tiap-tiap barang apa yang aku suruhkan itu tak pernah sudah dengan sekali, sam- pai dua tiga kali baharu jadi. Oleh yang demikian tersangatlah penat awak aku lihat dan aku pun menjadi sia-sia sahaja menyu- ruhkan orang yang tiada tahu. Itulah sebabnya. Janganlah awak syak dan berkecil hati akan aku. Biarlah aku perbuat sendiri.' Hatta, telah didengar oleh Pak Pandir akan kata Mak Andeh itu, ia pun diamlah dengan masam mukanya tiada berkata-kata. Seketika lagi hari pun malam. Keduanya pun tidurlah. Telah ke-esokan harinya Pak Pandir pun tiada khali lagi daripada melihat lukahnya. Ikan-ikan yang dapat semua disalainya. Serta masak sahaja ia pun meratahlah hingga tinggal separuh baharulah ia ber- henti dan yang lebihnya itu dimasukkannya ke dalam karung, digantungkannya pada pohon kayu itu juga. Telah hari petang ia pun pulang. Demikianlah perbuatan Pak Pandir pada setiap hari, meratah ikan salai dengan bersembunyi daripada Mak Andeh, tia- da pernah dibawanya pulang ke rumah.

Maka dengan takdir Allah, lukahnya itupun tiadalah mahu me- ngena lagi, beberapa dialih dan ditahannya tiada juga mahu kena lagi, tetapi Pak Pandir tiada kuatir darihal meratah ikan kerana ikan salainya masih ada lagi separuh karung bergantung pada po- hon kayu itu. Maka

itulah kerjanya berulang meratah salai itupada setiap hari ke atas pohon kayu itu. Maka tersebutlah pula kisah Mak Andeh yang tiap-tiap hari tinggal menunggu rumah seorang dirinya seraya ia berfikir, "Apa gerangan kerja Pak Pandir hilang sehari-hari tiada berselang ini? Jikalau begitu, baik aku pergi mengintai akan dia.

Maka Mak Andeh pun mengambil candungnya lalu pergi meng- ikut jalan Pak Pandir itu. Tiada berapa lamanya sampailah Mak Andeh ke tempat penyalai Pak Pandir itu seraya ia mengendap- endap di dalam hutan itu serta memperhatikan Pak Pandir. Maka dengan takdir Allah ta'ala nampaklah kain Pak Pandir tersangkut di atas pohon kayu itu, lalu kelihatanlah pada Mak Andeh akan Pak Pandir duduk tercapak pada dahan kayu itu sedang meratah ikan salai. Maka nampaklah karung salainya tergantung seperti sarang tempua. Telah nyatalah dilihat oleh Mak Andeh ia pun baliklah ke rumahnya bertanak nasi lalu makan seorang dirinya sambil berfikir di dalam hatinya, 'Itulah rupanya akal Pak Pandir bedebah itu. Baiklah, mana-mana dayaku hendak kuambil juga ikan salainya itu."

Telah ia sudah makan lalu berbaring di muka pintu. Seketika lagi hari pun petang. Mak Andeh pergi mengambil air ke sungai. Maka Pak Pandir pun pulanglah oleh sudah kenyang meratah ikan salai itu habis dua karung, langsung ia pergi mandi ke sungai serta naik ke rumah, dan Mak Andeh pun menyediakan nasi lalu meng- ajak Pak Pandir makan. Maka kata Pak Pandir, 'Makanlah Andeh dahulu, aku sudah kenyang makan buah-buah kayu di dalam hu- tan tadi.'

Sahut Mak Andeh, 'Awak makan buah-buahan haram tak ma-hu membawakan aku barang sebiji.' Maka kata Pak Pandir, Perasaan aku Andeh tak suka makan buah-buah kayu hutan. Lainlah aku orang yang sudah biasa ting-gal bersama-sama dengan lotong dan kera. Dari sebab itulah kubawakan; besok bolehlah aku bawakan pula.' tiada Maka Pak Pandir pun berbaringlah di tengah rumah sambil berdikir-dikir. Maka kata Mak Andeh, 'Apa yang awak

takut sekali?" Sahut Pak Pandir, 'Aku? Apa pun tiada kutakuti: harimau, gajah, badak, beruang, singa, beruk dan hantu semuanya boleh kucundangi, tetapi Andeh, ada suatu binatang sahaja yang terlalu kutakuti.' Maka kata Mak Andeh, 'Apa namanya yang awak takuti itu?

Cubalah katakan." Maka kata Pak Pandir, 'Hai Andeh, jangankan binatangnya, namanya sahaja pun aku takut. Tidaklah, Andeh, tiada berani aku menyebutnya. Jawab Mak Andeh, "Apa pula salahnya? Tak akan ada dia di sini. Katakanlah, Pak Pandir, aku nak tahu." Maka kata Pak Pandir, 'Ayuhai Andeh, sahajalah sebab Andeh menyuruh juga, kalau tidak mati dibunuh tidak aku mahu berka- bar. Namanya binatang itu Tok-tok-kai. Hai Andeh, seram rasa badan dan kembang tengkuk aku hendak menyebut namanya."

Maka kata Mak Andeh, 'Langsungkanlah, Pak Pandir." Maka sahut Pak Pandir, 'Itulah dia binatangnya yang selalu berbunyi:

Tok-tok-kai serondong batang, Di mana hinggap? Di tengah belakang.

Itulah dia binatangnya yang sangat kutakuti, Andeh.' Maka kata Mak Andeh, 'Kalau binatang itu, tidaklah mengapa sangat tetapi aku pun takut juga rasanya.'

Setelah itu keduanya pun lalu tidurlah. Telah keesokan hari- nya pagi-pagi, maka Pak Pandir pun pergilah ke pohon kayu salai- nya itu. Serta sampai ia pun memanjatlah lalu meratah salai itu empat lima ekor sekali suap.

Adapun akan Mak Andeh, telah dilihatnya Pak Pandir sudah pergi, maka ia pun bersiaplah pula pergi mengikut Pak Pandir perlahan-lahan. Serta ia sampai dilihatnya Pak Pandir sedang me- ratah ikan salai di atas pohon itu. Maka Mak Andeh pun naiklah ke atas suatu tunggul yang bertunas. Di situlah Mak Andeh berlin- dung, tiadalah nampak kepada Pak Pandir.

Maka Mak Andeh pun berbunyilah seperti bunyi binatang yang sangat ditakuti oleh Pak Pandir itu:

Tok-tok-kal serondong batang, Di mana hinggap? Di tengah belakang."

Wah! Serta terdengar oleh Pak Pandir bunyi itu, ia tak sedar lagi mencampakkan dirinya dari atas pohon itu serta dengan jerit pekiknya, tiada terkira lagi larinya langsung masuk ke dalam hu- tan rimba raya itu, hingga habislah segala tubuhnya dicangkuk oleh sekalian onak dan duri, berlumur dengan darah dan kain bajunya pun habis koyak rabak. Maka ia lari itu haram tiada menoleh lagi ke belakang. Setelah dilihat oleh Mak Andeh kelaku- an Pak Pandir itu, maka makinlah sangat diperbuatnya lagi bunyi itu dengan sekuat-kuat hatinya. Maka didengar oleh Pak Pandir, pada perasaannya binatang itu sudah hinggap di belakangnya sa- haja. Ia pun makinlah sangat kuat larinya.

Arakian, telah Pak Pandir sudah lepas, maka Mak Andeh pun pergilah memanjat pohon kayu tempat Pak Pandir terjun itu, lalu diambilnya sekalian ikan salai Pak Pandir itu, dibawanya pulang, disembunyikannya di bawah kawah. Seketika lagi hari pun pe- tanglah. Mak Andeh pun menyiapkan nasi Pak Pandir. Dinanti- nantinya tiada juga Pak Pandir balik.

Hatta, tersebutlah pula kisah Pak Pandir lari tadi. Hingga bebe-rapa jauhnya ia pergi baharulah hilang pendengarannya bunyi:

Tok-tok-kai serondong batang itu. Maka ia pun berhentilah sedikit oleh teramat penat dan jerih- nya, serta ia berjalan perlahan-lahan pula mengikut sekehendak kakinya. Dengan takdir Allah ta'ala, teruslah Pak Pandir pulang ke rumahnya, sudah pasang damar, dengan bertelanjang bulat, seurat benang pun tiada berkain, lalu ia meneriak Mak Andeh. Katanya, 'Andeh, Andeh! Berilah aku kain kerana aku sudah ber- telanjang bulat.'

Maka Mak Andeh pun pura-pura membuat marah akan Pak Pandir, dengan tutur nistanya dan carut-capainya akan Pak Pandir seraya membuka pintu. Maka dilihatnya Pak Pandir bercekup ke- maluan dengan tangannya sahaja. Maka Mak Andeh pun berkata, 'Kena apa Pak Pandir demikian kelakuan seperti orang gila pula?'

Maka ujar Pak Pandir, 'Itulah Andeh, malam tadi kularangkan jangan disebut nama binatang yang aku takut itu, nyaris lagi aku tidak dimakannya sekadarkan dikejarnya sahaja. Lihatlah badan aku calar-balar dimakan oleh duri, habis luka seluruh tubuhku ini.' Maka Mak Andeh pun tertawa di dalam hatinya sahaja melihat-kan hal Pak Pandir itu, lalu segera diberinya kain. Setelah Pak Pandir berkain, baharulah ia naik ke rumah serta dibuangkan oleh Mak Andeh segala duri yang ada pada tubuh Pak Pandir, lalu dibubuhnya ubat pula, dan Pak Pandir pun demam. Maka oleh Mak Andeh dihantarkannya nasi ke hadapan Pak Pandir lalu ma-kanlah ia.

Telah selesai daripada itu, keduanya pun tidurlah. Telah da- tang keesokan hari, Mak Andeh pun bangunlah bertanak nasi, seraya dikeluarkannya ikan salai itu empat ekor, dua diberikan kepada Pak Pandir dan dua ditindihnya di bawah pahanya. Maka Pak Pandir pun mengisut pergi makan. Keduannya pun makanlah. Maka Pak Pandir makan baharu dua tiga suap, ikan salainya pun sudah habis. Maka kata Pak Pandir, 'Andeh, berilah aku lauk sedikit. Lauk aku sudah habis.' Maka jawab Mak Andeh, 'Aku pun sudah habis juga.' Ujar Pak Pandir, 'Ada kutengok di bawah paha Andeh itu.' Kata Mak Andeh, 'Yang aku makan ini daging paha aku, bu-kannya ikan salai.'

Maka Pak Pandir pun segeralah mengambil goloknya mengiris daging pahanya serta dibakarnya, diperbuatnya lauk. Telah dili- hatnya oleh Mak Andeh akan kelakuan Pak Pandir itu tersangat- lah heran di hatinya. Lepas makan Pak Pandir pun makin sangat demamnya, bertambah oleh bentan luka yang diirisnya itu. Ke- mudian diubati Mak Andehlah segala

luka Pak Pandir itu. Tiada berapa lamanya dengan takdir Allah ta'ala, sekalian penyakit Pak Pandir itupun sembuhlah seperti sediakala.

Sekali peristiwa, Pak Pandir pergi hendak melihat ikan salainya yang tertinggal lagi itu. Maka beberapa kali dicubanya hendak pergi ke tempat itu tiada juga ia berani oleh disangkanya kalau-ka- blau ada lagi binatang yang hinggap di tengah belakang itu mengen- Todapkan dia di situ. Maka dengan hal yang demikian tiadalah jadi puPak Pandir pergi ke situ, lalu Pak Pandir pergi mencari getah kayu lembu Jawa ke dalam hutan yang lain. Telah dapat lalu dibawa- de nya pulang ke rumahnya serta dimasaki, dicampur dengan ramuan yang lain. Telah sudah lalu dimasukkannya ke dalam tabung bu- luh getah itu. Maka Pak Pandir pun berjalanlah membawa getah busetabung bersama dengan puris nyiur secekak, masuk ke dalam hutan mencari tempat yang banyak burung hinggap.

Ada seketika bertemulah Pak Pandir sepohon ara yang terlalu rindang serta dengan lebat buahnya sedang masak. Maka banyak- lah sekalian burung-burung berhimpun memakan buah itu. Maka terlalulah sukacita Pak Pandir, seraya ia berfikir, 'Sekali ini paksa tekukurlah mendapat padi rebah. Tak dapat aku makan ikan tak Jususahlah, asalkan aku kenyang makan burung pula sudahlah.'

Maka Pak Pandir pun segeralah memanjat pohon ara itu mena- han getah pada segenap dahan dan ranting pohon itu. Setelah ti sudah, ia pun turun bersembunyikan dirinya. Ada seketika da- he tanglah beberapa bangsa kawan burung hinggap ke pohon itu me- makan buahnya. Maka terkenalah pada getah Pak Pandir, ada yang kena pada kakinya, ada yang pada sayapnya, berbagai-bagai bu lalu jatuh ke tanah. Maka dipungut oleh Pak Pandir, diikatnya my dengan tali, lalu dibelitnya pada pinggangnya.

adels Demikianlah diperbuat oleh Pak Pandir hingga lima enam ratus gleekor berbelit-belit tali itu pada seluruh tubuhnya, dan diikatkan- nya pula pada paha dan kaki tangan serta kepalanya sehingga an tubuhnya tiada kelihatan lagi diliputi oleh sekalian burung-burung itu. Demi dirasa oleh sekalian burung itu ia telah terikat kakinya, maka ia pun menggelupurlah mengembangkan sayapnya lalu ter- mbang. Maka Pak Pandir pun diterbangkannyalah ke atas udara, beberapa kali Pak Pandir hendak berlepas diri tiada juga dapat. Tan Kemudian ia pun mendiamkan dirinya, barang ke mana diterbang- of kan oleh burung itu sahaja. Maka hari pun telah malamlah, dan 1 bulan pun terang cuaca empat belas haribulan.

Maka dengan takdir Allah ta'ala Pak Pandir diterbangkan oleh burung-burung itupun sampailah ke kampung Raja Syah Malim. Telah dilihat oleh kundang-kundang baginda itu, masing-masing pun terkejutlah, berlari-lari ke sana kemari, kerana sangka mereka tentu jin hantu atau dewa-dewa mambanglah yang boleh terbang demikian itu. Seketika lagi burung itupun letihlah lalu terjatuh ke atas bumbung istana Raja Syah Malim itu. Maka Pak Pandir pun terlalu sakit segala sendi anggotanya oleh terhempas ke atas bum- bung itu. Dalam pada itu ia pun teringat akan goloknya, lalu ditetasnya sekalian tali ikatan burung-burung yang merata tubuh- nya itu. Maka sekalian burung itupun habislah terbang, mana-ma- na yang terlalu letih jatuh berkaparan ke tanah.

Telah sudah Pak Pandir pun berseru dengan nyaring suaranya. Demikian bunyinya: 'Padam damar, padam pelita, Raja Mambang hendak turun,' hingga tiga kali berturut-turut demikian bunyinya juga.

Maka kedengaranlah kepada inang pengasuh Tuan Puteri Dang Lela. Maka segeralah dipersembahkannya kepada baginda. Maka titah baginda, 'Jikalau demikian bersedialah kamu sekalian, aku hendak mengambil Raja Mambang itu akan menantuku, kerana aku pun telah berniat dari dahulu hendak bermenantukan dia.

Maka sekalian inang pengasuh Tuan Puteri itu berhadirlah, dan baginda pun lalu turun ke tanah dengan sekalian budak kundang- nya melihat ke atas bumbung istananya: bahawa sesungguhnya adalah seorang orang terdiri di atas bumbung itu. Maka titah ba- ginda, 'Ambillah tangga, dirikan di sini supaya ia turun.'

Setelah sudah maka baginda sendiri menyeru, katanya, "Ya anakku, Raja Mambang, silalah tuan turun mendapatkan ayahan- da!'

Maka Pak Pandir keparat pun turunlah mengikut tangga itu mendapatkan baginda. Maka dibawa oleh baginda, diserahkan ke- pada inang pengasuh Tuan Puteri, disuruh sintuk limau, bedak langir akan Raja Mambang itu. Telah sudah lalu diakad-nikahkan oleh baginda sendiri dengan anakanda baginda Tuan Puteri Dang Lela di dalam gelap buta itu juga, kerana Raja Mambang ini tiada boleh dikenai oleh sinar api. Telah sudah kawin lalu dibawa ma- suk ke dalam pelaminan. Maka Tuan Puteri pun lari keluar duduk bersama-sama dengan inang pengasuhnya. Beberapa dipujuk oleh inang dan dayang tiada juga Tuan Puteri mahu masuk beradu dengan Raja Mambang itu. Hatta, selang tiada berapa lamanya hari pun siang, hujan turun rintik-rintik. Maka Pak Pandir pun bersandarlah kepada bantal besar sambil merungut perlahan-lahan. Katanya, 'Aduhai, 'ujan 'atang ini, 'alau ada Andeh 'akar isang alangkah sedap 'ulutku.' Makin lama hujan itupun bertambah lebatnya; demikian juga ru- ngut Pak Pandir. Lama kelamaan kedengaranlah rungut Pak Pan- dir itu kepada inang pengasuh Tuan Puteri, lalu dipersembahkan kepada baginda.

Demi didengar oleh baginda, apatah lagi! Murkalah baginda, lalu bertitah kepada budak kundangnya menyuruh kuliti kepala Pak Pandir bedebah itu dari tengkuk serkupkan ke mukanya kera- na ia mengaku dirinya Raja Mambang menipu baginda: terlalulah bengisnya baginda. Maka dikerjakanlah oleh budak-budak kun- dang itu seperti titah rajanya. Masuk mereka ke dalam bilik pera- duan Tuan Puteri menangkap Pak Pandir, ditariknya turun ke tanah. Maka Pak Pandir pun terkejut lalu menangis sambil meneri- ak Mak Andeh meminta tolong. Maka dikerjakan orang juga se- perti titah baginda itu. Telah sudah lalu dibuangkannya Pak Pan- dir ke dalam hutan. Setelah itu mereka itupun pulanglah lalu dipersembahkan kepada baginda segala hal itu. Maka baginda pun beberapa menanggung dukacita dan kemaluan kena tipu oleh Pak Pandir itu, lagipun baginda tiada dengan usul periksanya mengam-bil Pak Pandir dikawinkan dengan Tuan Puteri anak baginda itu. Maka tersebutlah perkataan Pak Pandir. Telah dibuangkan orang ke dalam hutan, maka ia pun menangis oleh terlalu sangat lapar dan dahaganya serta dengan letih lesunya pula, sambil berja- lan. Tiada beberapa lamanya dengan takdir Allah ta'ala, sampailah balik ke rumahnya. Maka pada masa itu Mak Andeh pun sedang duduk di muka pintu. Serta ia melihat Pak Pandir ia pun berta-nya, 'Apa kena awak, Pak Pandir, seperti rupa orang yang kesakit- an kulihat ini dan kulit kepala pun terserkup ke muka?' Maka jawab Pak Pandir, 'Inilah rupa tanggungan aku Andeh.'

Lalu diceritakannya daripada awal hingga ke akhirnya. Maka Mak Andeh pun terlalu amat marahnya akan Pak Pandir, lalu dibawa- nya naik ke rumah, dibetulkannya kulit kepala Pak Pandir itu, dibubuhnya ubat, dibungkusnya dengan kain. Maka Pak Pandir pun berbaringlah mengidapkan lukanya itu kira-kira dua bulan

tiada pergi ke mana lagi. Di dalam hal yang demikian itu, luka Pak Pandir pun sembuh- lah sekaliannya. Maka ia berkata kepada Mak Andeh minta perbu- atkan perbekalan, kerana ia hendak menumpang barangsiapa yang hendak belayar, oleh terlalu ingin rasanya hendak melihat negeri orang. Maka Mak Andeh pun membuatlah penganan daripada wa- jik dan dodol serta lain-lainnya kira-kira dua belas buyung penuh semuanya lalu disimpan di atas para.

Setelah sudah maka kata Mak Andeh, 'Bila awak akan pergi? Aku hendak pergi mencari sayur-sayur ke dalam repuh itu.' Maka kata Pak Pandir, 'Sekarang juga aku hendak pergi. Di dalam tujuh hari ini apabila berbunyi bedil di kuala, alamat aku akan sampailah dari belayar. Siap-siaplah Andeh, sapu sampah dan buang sekalian sawang sarap di atas rumah kita ini.'

Setelah ia berpesan, maka Mak Andeh pun memberikan wang seratus rial itu kepada Pak Pandir dan ia pun lalu pergi mencari sayur. Maka Pak Pandir pun berkemaslah naik ke atas para tempat buyung penganan itu lalu dimakannya habis dua buyung. Ia pun berdiamkan dirinya. Seketika lagi Mak Andeh pun baliklah lalu bertanak dan menyayur serta makan sambil merungut, 'Sudah belayar agaknya Pak Pandir tadi.' Maka seketika lagi hari pun malamlah. Mak Andeh tidur se- orang dirinya.

Maka tersebutlah perkataan Pak Pandir yang memakan kuih itu habis sebuyung, sebuyung pula. Maka bibir mulutnya pun habis dimakan oleh tikus, ia menderita sahaja; lama-lama habislah bibir atas dan bibir bawah oleh dicium tikus itu berbau lemak dan manis. Itupun tiada juga Pak Pandir hiraukan. Ia makan juga hing- ga terseringing tinggal gusi sahaja.

Hatta, telah genaplah tujuh hari, dengan takdir Allah ta'ala, Pak Pandir pun bersin yang teramat kuat. Maka Mak Andeh pun berfikir, 'Yaitu tentulah bunyi bedil di kuala. Lalu ia pun segera- lah menyapu sampah di bawah dan di atas rumah. Kemudian Mak Andeh pun

membuang sawang-sawang yang pada para itu. Maka terkejutlah Pak Pandir seraya melompat, katanya, 'Aku Andeh, bukan siapa."

Kemudian lalu ia menjengukkan mukanya kepada Mak Andeh seraya berkata, 'Hai Andeh, tengok 'igi ada 'ibir 'idak.'

Asal terpandang sahaja, sumpah seranahlah akan Pak Pandir, lalu dipalunya dengan penyapu. Maka Pak Pandir pun turunlah dari atas para seraya berkata, "igi ada, 'ibir 'idak' juga kepada Mak Andeh serta dijeringing-jeringingkannya mulutnya. Maka ber- tambah-tambah dahsyat Mak Andeh melihatnya oleh terlalu bu-ruk rupanya.

Arakian, pada suatu hari kata Mak Andeh, 'Aku hendak mem- buat huma Pak Pandir, tunggulah oleh awak rumah kita ini.'

Maka kata Pak Pandir, 'Aku hendak sama juga menebang dan menebas dengan Andeh." Kata Mak Andeh, 'Baiklah.'

Maka keduanya pun pergi bekerja dari pagi-pagi. Setelah tenga- hari keduanya pun berhentilah di pondok. Maka kata Mak Andeh kepada Pak Pandir, Pergilah awak pulang ke rumah mengambil api, boleh kita bertanak di sini; susah hendak balik ke rumah, terlalu jauh.' Maka kata Pak Pandir, 'Baiklah, Andeh, tetapi bakarkan aku pisang dahulu.' Maka kata Mak Andeh, 'Talah, pergi Pak Pandir ambil api dahu-lu.'

Maka jawab Pak Pandir, 'Aku tak mahu; kalau Andeh tidak membakarkan pisang, tidaklah aku hendak sekali-kali.' Demikianlah bertolo-tolo Pak Pandir dengan Mak Andeh. Ma- ka oleh terlalu geram hati Mak Andeh diambilnya pisang muda dua butir, lalu dilegamlah rupa pisang itu. Kemudian diunjukkan- nya kepada Pak Pandir. Katanya, 'Nah, lantak sungguh-sungguh!"

Maka diambillah oleh Pak Pandir akan pisang itu lalu turun berjalan hendak mengambil api ke rumah. Maka dikoyaknyalah kulit pisang itu, dilihatnya pisang itu betul-betul tidak masak dan dimakannya kelat pula. Maka Pak Pandir pun menangislah seraya katanya, 'Hoi! Hoi! Andeh 'akar 'isang 'angus 'aja 'asak 'idak.'" Sambil ia berjalan juga sampai ke rumah lalu mengambil api serta ia balik ke huma mendapatkan Mak Andeh dengan tangisnya me- nunjukkan pisang itu. Katanya, 'Andeh 'akar 'isang 'angus 'aja 'asak 'idak.' Demikianlah beberapa kali. Maka Mak Andeh mendengarkan rungut Pak Pandir itu meng- kal sahajalah di dalam hatinya, hendak tertawa takut kalau-kalau Pak Pandir marah. Maka kata Mak Andeh, 'Baiklah, boleh kubakarkan yang lain, jangan bising, Pak Pandir!'

Setelah sudah Mak Andeh menghidupkan api lalu ia bertanak dan disambilnya juga membakar pisang Pak Pandir. Telah masak, diunjukkan kepada Pak Pandir itu, sedang panas-panas lagi dua tiga butir. Maka disambut oleh Pak Pandir lalu dimakan dengan tak sempat berkupas kulitnya lagi ditelannya bulat-bulat. Setelah pisang itu sampai ke dalam perut Pak Pandir, maka ia pun meng- gelupurlah hempas pulas ke sana kemari tiada berketahuan lagi. Ada seketika Pak Pandir pun kembalilah ke negeri yang kekal, lalu ditanamkan oleh Mak Andeh di bawah lesung penumbuk padi.

Maka tinggallah Mak Andeh seorang diri dengan duka percinta- annya. Ada kira-kira selang tiga bulan Mak Andeh pun sakit lalu mati. Demikianlah ceritanya.

Cerita jenaka Lebai Malang

ALKISAH, maka adalah sebuah desa. Maka di dalam rantau itu adalah seorang lebai pandai mengaji, dan taat ibadatnya kepada Allah ta'ala, istimewa pula perangainya tersangat adab dan san- tun, serta dengan tulus ikhlas hatinya kedua laki-isteri. Ia itu tinggal di sebuah dusun.

Sekali peristiwa datanglah seorang lelaki ke rumahnya meng- ajak akan dia melawat orang mati. Maka kata Pak Lebai, 'Baiklah. Kembalilah tuan dahulu.' Dan seketika lagi datang pula seorang kanak-kanak menjemput Pak Lebai kerana hendak kenduri ber- khatam pengajian. Maka jawab Pak Lebai. "Yalah, baliklah engkau dahulu.' Ada sekejap pula datang seorang lagi mempersilakan Pak Lebai ke terataknya oleh hendak berdikir kenduri Maulud. Maka itupun disanggup juga oleh Pak Lebai; demikianlah juga katanya. Maka ketiga-tiga mereka itupun pulanglah ke rumah masing-ma- sing berhadirkan sekalian alatnya kerana harapkan Pak Lebai akan datang juga ke rumahnya.

Hatta, dinanti-nantilah oleh semua pemanggil itu akan Pak Le- bai beberapa lamanya hingga beralih matahari, tiadalah juga Pak Lebai datang. Maka yang mati itupun dimandikan serta disembah- yang lalu ditanamkan. Dan demikian juga yang berkhatam itupun dikhatam oranglah; dan yang berkenduri itupun bertampillah ber- dikir, masing-masing dengan pekerjaannya.

Kalakian, maka tersebutlah perkataan Pak Lebai. Kemudian daripada mereka yang ketiga itu telah kembali, maka ia pun sem- bahyang zuhur. Sudah sembahyang lalu berfikir di dalam hatinya, Ke mana baik aku pergi ini? Jika aku pergi kepada orang mati tentu aku mendapat sedekah kain putih dan tikar. Dan kalau aku pergi kepada orang berkhatam pengajian itu, perutku tentulah kenyang, dan sedekah pula secupak daging kerbau, serta kelapa

setali dan kampit beras satu. Dan jikalau aku pergi kepada orang berdikir itu perutku tentulah kenyang makan lempeng penganan angkatan orang itu. Maka kalau begitu, baiklah aku pergi kepada orang mati itu dahulu kerana sabda junjungan dahulu kerjakan wajib daripada kerja yang lain-lain.'

Hatta, telah Lebai Malang berfikir demikian, maka ia pun per- gilah ke rumah orang yang kematian itu. Dengan takdir Allah ta'ala Pak Lebai bertemu dengan orang-orang yang pergi mena- namkan orang mati itu baharu pulang sahaja dari kubur. Maka kata saudara si mati, 'Allah, Pak Lebai, mengapa lambat datang? Sudahlah habis suatu pun tiada lagi. Minta maaflah sahaja kepada Pak Lebai.'

Maka kata Pak Lebai, 'Sudahlah, apa boleh buat? Tiada hen- dak menjadi rezeki sahaya."

Maka Pak Lebai pun pergilah pula ke rumah orang berkhatam itu. Serta ia sampai ke sana, orang semuanya habis hendak balik. Demi dilihat oleh orang yang empunya kerja itu, katanya, "Ah, ah! Inipun Pak Lebai baharu tiba. Mengapa Pak Lebai lambat datang? Sekarang apa pun tiada lagi, semuanya telah habis, mela- inkan barang dimaafkan sahajalah hal sahaya ini, kerana semua-nya telah habis sekali.' Maka kata Pak Lebai, Tiada mengapa, asalkan sudah selamat, sudahlah.'

Kemudian ia pun berjalan menuju ke rumah orang bermaulud itu. Setelah ia sampai ke sana, orang baharu lepas berangkat saha- ja, masing-masing orang pun hendak kembalilah. Maka apabila dilihat oleh tuan rumah akan Pak Lebai, maka katanya, 'Allah, mengapa lambat datang Pak Lebai? Hingga penatlah sahaya me- nanti tiada juga Pak Lebai sampai. Kemudian diperbuatlah mana- mana yang dapat. Naiklah, Pak Lebai, nah inilah yang ada hanya sebungkus penganan sahaja lagi, lain semuanya sekali telah habis.'

Maka ujar Pak Lebai, "Tiada mengapa, apa pula yang disusah- kan sahaya ini." Lalu diambilnya bungkusan lempeng itu serta berjalan pulang ke rumahnya.

Kalakian, maka hari pun hampir petang. Pak Lebai pun sam- pailah ke kampungnya lalu teringatlah ia akan air niranya di atas pohon kabung tiada berambil lagi. Maka ia pun pergilah ke pohon kabung itu dan lempengnya itupun disangkutkannya pada sigai tempat ia memanjat pohon itu. Maka Pak Lebai pun sampailah kepada bacuk niranya itu. Dilihatnya bacuk itu penuh berisi nira.

Dengan takdir Allah, lempeng yang ditinggalkannya di bawah itu sudah digonggong oleh anjing, dibawanya lari. Maka setelah dilihat oleh Pak Lebai akan hal penganannya itu digonggong oleh anjing, maka hilanglah fikirannya, lalu ia mencabut goloknya ser- ta dipunggaikannya kepada anjing itu, tiada kena. Dan diambil bacuk nira yang penuh dengan nira itu, lalu dibalingkannya, tiada juga kena. Maka ia pun terjun dari atas pohon itu berkejar sekuat- kuat hatinya menghambat binatang bedebah itu.

Maka oleh tersangat pantasnya Pak Lebai mengejar anjing itu hingga terkepunglah ia, tiada tentu arahnya hendak lari lagi, isti- mewa pula hari sudah malam buta. Maka anjing itupun masuklah ke dalam lubang batang kayu bersembunyi membawa bungkusan kuih yang separuh sudah dimakannya sambil lari itu. Maka Pak Lebai pun sampailah kepada tempat anjing itu menyembunyikan dirinya. Dicarinya kayu pun tiada, dan lain-lain benda pun tiada juga hendak disumbatkannya pada lubang itu. Maka Pak Lebai pun oleh tersangat berang hatinya, lalu menanggalkan seluar dan baju serta songkoknya, lalu disumbatkannya kepada lubang itu. Maka Pak Lebai pun tinggal bertelanjang bulat sahaja. Maka si anjing sial itupun keluarlah lari mengikut lubang yang sebelah lagi yang tiada bertutup itu, menggonggong bungkusan itu dengan pantasnya masuk ke dalam hutan lalu hilanglah sekali tiada keli- hatan

pada mata Pak Lebai. Maka Pak Lebai pun tercengang- cenganglah mengintai anjing itu ke sana kemari.

Hatta, seketika lagi terbanglah dua ekor burung punai betul-be- tul menuju Pak Lebai, kerana pada sangka burung itu tunggul kayu, oleh Pak Lebai bertelanjang bogel, seurat benang pun tiada lekat pada tubuhnya. Setelah dilihat oleh Pak Lebai akan punai itu datang, ia pun segeralah mengadangkan lengannya dan mem-bukakan kedua ketiaknya. Maka punai itupun betullah masuk ke dalam lubang ketiaknya, seekor di sebelah kanan dan seekor di sebelah kiri. Maka Pak Lebai pun segeralah mengepitkan kedua ketiaknya seraya berkata, 'Basahlah, kalau sudah untungku itu ke mana engkau hendak lari.'

Maka punai itupun tersepitlah di celah ketiaknya, tiada dapat bergerak lagi. Maka Pak Lebai pun menyorongkan tangan kanan kepada ketiak kanan dan tangan kiri kepada ketiak kiri hendak menangkap burung itu. Wah! Apabila dirasa oleh burung itu ba- dannya sudah tiada terapit lagi, maka keduanya pun terbanglah naik ke atas pohon kayu yang berhampiran di situ. Setelah dilihat oleh Pak Lebai punai itu terbang, putihlah matanya dengan putus-asanya, kerana segala perkara yang diusahakannya itu suatu pun tiada memberi faedah kepadanya.

Maka ia pun mengucapkan syukurlah kepada Allah lalu ia pun kembalilah kepada lubang kayu tadi hendak mengambil kain baju- nya. Sekonyong-konyong suatu pun tiada lagi, sudah diambil oleh orang. Maka pergi pula ia ke pohon kabung mencari golok dan bacuk niranya, semuanya telah gaib, suatu pun tiada lagi. Wah, apatah lagi! Sesal Pak Lebai pun tiadalah berguna lagi, lalu teringatlah ia akan bidalan orang tua-tua, 'Kalau secupak, takkan segantang, rezeki sudah sebanyak itu.'

Maka Pak Lebai pun naiklah ke rumahnya. Telah dilihat oleh isterinya Pak Lebai bertelanjang bogel itu, marahlah ia seraya katanya, 'Kena apa awak demikian ini, seperti laku orang gila? Ke mana pergi seluar dan baju awak?'

Maka oleh Pak Lebai diceritakannya segala hal ehwal yang telah berlaku ke atas dirinya. Maka Mak Lebai pun naiklah ra- dangnya, seraya mengambil kayu api, disesahkannya ke belakang

Pak Lebai, seraya katanya:

'Lebai nasib langkahan malang,

Ke hulu hilir penat berulang,

Celaka sial bedebah jembalang, Pakaian dibuang bertelanjang pulang.'

Maka Pak Lebai pun lari masuk ke dalam kelambu mencari kain, lalu duduk termenung memikirkan halnya yang telah terja- di, serta dengan berangnya sebab penat dan sakit kena bahan oleh kayu api Mak Lebai. Lalu ia bersyair pula:

'Ayuhai nasib fakir miskin,

Dapat sedekah sebungkus lempeng. Habis hilang baju dan kain,

Penganan habis dibaham anjing.

Penat berkejar tidak terkira, Ke sana kemari tersera-sera, Punah golok bersama nira,

Pulang ke rumah mendapat mara.'

Maka demikianlah ceritanya Lebai Malang itu, adanya.